



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025


PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025 | LAPORAN TAHUNAN 2018



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Blok E8, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

LAPORAN TAHUNAN 2018



MINISTRY  
OF EDUCATION  
MALAYSIA

# 2018 Laporan Tahunan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

## PRAKATA

Menteri Pendidikan Malaysia	A-IV
Ketua Setiausaha	A-VIII
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	A-X

# Isi

## Laporan Tahunan 2018

# Kandungan

### BAB 1

#### AKSES

MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI DARIPADA PENDIDIKAN PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH

1-2	Pencapaian dan Kejayaan
1-4	Meningkatkan Akses Kepada Pendidikan Yang Berkualiti Pada Peringkat Prasekolah
1-8	Penarafan Kendiri Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
1-9	Memastikan Penyertaan dalam Pendidikan Rendah dan Menengah
1-11	Meningkatkan Kualiti Sistem Pendidikan Vokasional
1-17	Mengukuhkan Pelbagai Laluan Pendidikan
1-32	Mengukuhkan Pendidikan Kumpulan Khusus
1-36	Pendidikan Lepas Menengah
1-48	Rumusan

### BAB 2

#### KUALITI

MEMPERTINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN

2-2	Pencapaian dan Kejayaan
2-5	Menerapkan Pembelajaran Abad Ke-21 di dalam Bilik Darjah
2-8	Mengukuhkan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
2-17	Peningkatan Kemahiran Literasi dan Numerasi
2-19	Memartabatkan Pendidikan Bahasa Malaysia
2-26	Mengukuhkan Pendidikan Bahasa Inggeris
2-37	Mempertingkatkan Kualiti Guru
2-41	Mempemerkasakan Kualiti Pemimpin Sekolah
2-47	Meningkatkan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti
2-48	Memperluas Pelibatan Sektor Swasta Sebagai Rakan Strategik dalam Pendidikan
2-56	Rumusan

### BAB 3

#### EKUITI

MEMASTIKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

3-2	Pencapaian dan Kejayaan
3-4	Program Transformasi Daerah
3-10	Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Masyarakat Peribumi
3-12	Meningkatkan Akses Dan Kualiti Pendidikan Bagi Murid Berkeperluan Khas
3-15	Rumusan

### BAB 4

#### PERPADUAN

MEMBANGUNKAN NILAI DAN SAHSIAH MURID DAN MEMPERKUKUH PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

4-2	Pencapaian dan Kejayaan
4-6	Mengukuhkan Perpaduan melalui Pendidikan
4-12	Membangunkan Nilai dan Sahsiah Murid
4-17	Rumusan

### BAB 5

#### KECEKAPAN

MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PENDIDIKAN

5-2	Pencapaian dan Kejayaan
5-4	Mengoptimumkan Perbelanjaan untuk Memaksimumkan Keberhasilan Murid
5-4	Membangunkan Prinsip Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekolahan Kementerian
5-7	Meningkatkan Kemahiran dan Keupayaan Kepimpinan dalam Kementerian
5-8	Menambah Baik Infrastruktur dan Penyelenggaraan Sekolah
5-9	Meningkatkan Kecekapan Operasi Sekolah Berenrolmen Rendah
5-11	Meningkatkan Perkongsian Data dan Meluaskan Penggunaan Dashboard Kementerian
5-12	Meningkatkan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran
5-13	Melaksanakan Transformasi ICT KPM
5-16	Rumusan

### BAB 6

#### PADU

UNIT PELAKSANAAN DAN PRESTASI PENDIDIKAN

6-2	Mengekalkan Hasil Kualiti melalui Kitaran Pengurusan Program Inisiatif PPPM
6-3	Memastikan Kemampanan melalui Pembangunan Bakat
6-4	Menyelaraskan Pihak Berkepentingan bagi Mempercepatkan Peningkatan Sistem
6-5	Mempertingkatkan Hasil Melalui Penjajaran Strategik
6-7	Kerjasama dengan Rakan Swasta untuk Mempertingkatkan Impak PPPM
6-8	Mengubah Pembelajaran Bagi Mempertingkatkan Keberhasilan Pelajar
6-9	Menggalakkan Perkongsian Amalan Terbaik Pendidikan di Asia Tenggara dan Seantero Dunia
6-12	Rumusan

## GLOSARI

# PRAKATA :

## Menteri Pendidikan

## Malaysia

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

### Kita MESTI buat dengan lebih baik!

Moto Olimpik dalam bahasa Latin adalah "Citius, Altius, Fortius" - yang diterjemahkan dari bahasa Inggeris bermaksud "Bersungguh-sungguh, Tinggi, Lebih Kuat" bagi saya merangkumi kesungguhan untuk menjadi yang terbaik. Saya melihat persamaan dalam pendidikan di mana kita mesti terus melakukan lebih banyak perkara untuk anak-anak kita khususnya dan umumnya bagi negara kita, Malaysia. Secara peribadi, dalam usaha untuk memastikan masa depan anak-anak kita terjamin, kita tiada masa untuk meraikan kejayaan yang dicapai namun harus terus mengekalkan momentum dan melakukan kerja dengan lebih baik. Bak kata Heraclitus, seorang ahli falsafah Greek pra-Socrates, "perubahan adalah satu-satunya malar dalam hidup". Dipertanggungjawabkan dengan masa depan anak-anak bangsa, pihak Kementerian tidak mampu berleengah dengan apapun tindakan yang ingin diambil.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) sering disebut dan dirujuk oleh warga pendidikan berkaitan transformasi pendidikan di Malaysia. PPPM 2013 - 2025 merupakan pelan transformasi yang paling lengkap dan komprehensif yang pernah dibangunkan oleh Kementerian. Peringkat pembangunan pelan tersebut telah melalui pelibatan awam paling besar yang pernah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, selepas lebih setahun memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan, saya sedar bahawa PPPM perlu

ditambahbaik bagi menampung perubahan masa dan keperluan terkini.

Dalam menyusun strategi untuk menambah baik PPPM 2013 - 2025, pihak Kementerian merujuk kepada pakar bidang pendidikan melalui Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) dan Jawatankuasa Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) serta pengalaman dari masyarakat. Saya sangat teruja dengan pengumpulan beribu cadangan orang awam tentang bagaimana memperbaiki sistem pendidikan semasa. Walaupun perjalanan dalam usaha untuk mencapai kejayaan aspirasi PPPM 2013 - 2025 masih panjang, pencapaian Kementerian setakat ini menunjukkan bahawa Kementerian telah melangkah jauh dalam merealisasikan sistem pendidikan yang boleh kita banggakan.

Dorongan utama saya untuk penambahbaikan adalah memastikan sistem pendidikan yang berasaskan nilai, yang memanusiawikan pendidikan bagi membentuk warganegara yang menjadi kebanggaan rakyat dan bersedia menjadi sebahagian daripada masyarakat. Kita sedang menyediakan generasi graduan yang kalis masa depan dengan harapan mereka akan terus cecal berkembang dengan perubahan masa yang pesat. Cara prestasi murid diukur juga telah berubah bagi mencerminkan perubahan ini, di mana peperiksaan pusat akhirnya memberi laluan kepada penilaian berasaskan bilik darjah sebagai cara mengukur perkembangan murid secara holistik. Pendekatan yang digunakan perlulah

“ perubahan  
berlaku  
kerana orang  
biasa melakukan  
perkara yang  
luar biasa. Oleh  
itu, marilah kita  
terus melakukan  
perkara luar  
biasa demi  
negara kita.



**FOREWORD:**  
Minister Of Education Malaysia

**PRAKATA:**  
Menteri Pendidikan Malaysia

bersifat memudah cara, memperkasakan, memberi kesan dan nilai yang didorong untuk menggalakkan perkembangan murid dan bukan menghalangnya. Segala inisiatif kita yang dilaksanakan MESTI menanam sifat ini dalam mendapatkan keberhasilan murid yang disasarkan.

Bab-bab di dalam Laporan Tahunan ini telah ditulis berdasarkan sistem aspirasi PPPM 2013-2025 iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan. Melalui pembacaan Laporan Tahunan ini, anda akan mengetahui bahawa Kementerian telah berjaya meningkatkan pencapaian beberapa inisiatif, namun ada juga inisiatif yang kurang berjaya serta yang kekal mendatar. Contohnya, kita telah berjaya meningkatkan bilangan kemasukan murid di peringkat pra sekolah dan sekolah menengah atas kepada 85.4% dan 87.2% masing-masing, tetapi pendaftaran di peringkat sekolah menengah rendah jatuh dari 96.6% kepada 95.3%; dan walaupun kita telah berjaya meningkatkan peratusan kadar transisi murid Orang Asli dari sekolah rendah ke sekolah menengah ke 76.7% pada tahun 2018 berbanding 73.1% pada tahun 2017, kadar kehadiran purata pelajar Orang Asli kekal 87.4%, dengan kenaikan hanya 0.1% daripada tahun 2017. Adalah penting untuk bukan sekadar menunjukkan kejayaan dalam menjamin ketelusan Kementerian dalam laporan ini.

Pemacu bagi kebertanggungjawaban saya merangkumi setiap aspek usaha kami di Kementerian. Sekali lagi pada tahun ini, Kementerian Pendidikan Malaysia menerima peruntukan belanjawan terbesar dari Kerajaan, satu petunjuk jelas bahawa pendidikan

mendapat perhatian utama dan pelaburan yang besar. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua, pihak berkepentingan dalam pendidikan, untuk terus memastikan agar pelaburan dan kepercayaan Kerajaan adalah tepat. Saya bersyukur kepada Yang Maha Kuasa bahawa dalam melaksanakan tugas besar untuk mereformasi sistem pendidikan, saya diberkati dengan warga kerja yang berdedikasi serta benar-benar komited dalam memastikan kita berada di landasan yang betul dan sasaran kita tidak pernah berganjak.

Benar bahawa dalam membawa perubahan, kita mungkin akan lelah, namun kita mesti terus cecal dan berdaya tahan. Barack Obama pernah berkata, "perubahan berlaku kerana orang biasa melakukan perkara yang luar biasa". Oleh itu, marilah kita terus melakukan perkara luar biasa demi negara kita.

**DR MASZLEE MALIK**

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

# PRAKATA : Ketua Setiausaha

DATO' DR MOHD GAZALI BIN ABAS

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.*

Tahun 2018 menyaksikan sebuah transformasi mendalam dalam landskap politik negara yang dimulakan dengan reformasi pendidikan menerusi penggabungan dua Kementerian dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. Maka dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 harus dilaksanakan bersama-sama Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 untuk mewujudkan sinergi dan melancarkan integrase. Kita

“ Transformasi adalah satu perjalanan yang sangat panjang, oleh itu kejayaan perlu diukur dengan teratur untuk memastikan transformasi pendidikan berjalan lancar seiring aspirasi PPPM 2013-2025.

sama-sama bersemangat dengan fokus untuk mencapai manfaat yang lebih besar bagi pelajar dan masyarakat kita.

Transformasi adalah satu perjalanan yang sangat panjang, oleh itu kejayaan perlu diukur dengan teratur untuk memastikan transformasi pendidikan berjalan lancar seiring aspirasi PPPM 2013-2025. Walaupun Kementerian telah melalui pelbagai kejayaan dan cabaran, tahun 2018 telah menunjukkan beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan sebagai peringatan bahawa jika kita bekerjasama, kita dapat mencapai segala yang dicita. Sebagai permulaan, berikut merupakan sekilas pandang pencapaian pada tahun 2018 dari sudut infrastruktur, pelajar dan sistem.

Melangkau infrastruktur fizikal dan mengambil kira kepentingan dan perkembangan pesat teknologi, Kementerian teguh dalam membangunkan asas dan kerangka untuk infrastruktur digital di sekolah. Rangkaian 4G di sekolah sedang giat dinaik taraf kepada rangkaian optik gentian. Pelan transformasi digital juga telah disusun untuk memastikan pengurusan data yang lebih baik dan proses yang diperkemas sama ada dalam Kementerian mahupun merentasi agensi kerajaan. Kementerian juga telah bekerjasama bersama agensi lain untuk menaik taraf repositori data dan kini menggunakan dashboard secara langsung untuk memastikan kecekapan.

Di kala kita menyediakan dan mengoptimumkan persekitaran pembelajaran untuk murid, kita juga harus menyediakan mereka untuk mengoptimumkan pembelajaran dalam persekitaran ini. Di bawah kepimpinan YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan, Kementerian telah menumpukan perhatian yang besar terhadap pendidikan untuk semua dengan memastikan intervensi khusus dan

sokongan yang disasarkan terutamanya kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) menerusi Polisi Sifar Penolakan dan Polisi Sifar Cicir. Pada masa yang sama, kita mahu memanusiaawikan pendidikan dengan mempromosikan konsep 'kebahagiaan, kasih-sayang dan hormat-menghormati' menerusi pendidikan.

Sebagai seorang penjawat awam yang telah lama berkhidmat dengan kerajaan, saya bangga mengatakan bahawa perubahan dalam bidang Pendidikan kini telah menghidupkan semula, mencabar dan memperluas pandangan saya untuk mencapai hasil yang lebih baik pada masa akan datang. Penghargaan ikhlas saya kepada semua yang terlibat dalam menjadikan tahun 2018 hebat untuk kita semua. Saya akhiri dengan pesanan bahawa dalam mengorak langkah menuju ke arah sistem pendidikan yang lebih baik, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan apa yang telah dicapai namun sebaliknya, sentiasa berusaha mencapai hasil yang lebih baik dalam transformasi pendidikan kita untuk masa depan Malaysia.

**DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS**

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# PRAKATA :

## Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

DATUK DR AMIN BIN SENIN

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.*

Sejak beberapa dekad yang lalu, banyak perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan dan Malaysia tidak terkecuali. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan Malaysia tidak tersisih daripada pemodenan global yang pantas kerana pendidikan merupakan pemacu dalam memajukan sesebuah negara.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian terus mengubah landskap pendidikan di Malaysia. Pertengahan Gelombang 2, pada tahun 2018, kita telah dikejutkan dengan bagaimana transformasi telah mempengaruhi sistem pendidikan dan semua pihak berkepentingan terutama para guru. Melalui inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad ke 21, kita juga telah menyaksikan bagaimana guru di sekolah luar bandar berjaya menangani segala cabaran dan menggabungkan kemahiran abad ke-21 di dalam bilik darjah. Kementerian memerlukan guru-guru berinspirasi sebegini bagi merealisasikan aspirasi negara. Kita amat berpuas hati dengan perkembangan positif ini dan berharap ia akan menjadi contoh untuk semua di seluruh negara. Menerapkan amalan

terbaik dan pengajaran dari masa lalu ke dalam budaya kerja kita juga akan mengubah perjalanan transformasi pendidikan negara. Penghargaan yang diterima dalam pertandingan Bett Asia baru-baru ini, di bawah kategori *Game Changer*, membuktikan bahawa kita boleh merangkul perubahan walaupun dengan menggunakan acuan kita sendiri.

Dalam mengikuti perkembangan teknologi yang pesat, Kementerian terus menumpukan perhatian bagi memastikan ekuiti dalam pendidikan. Peningkatan kadar penyertaan dalam Program Murid Berkeperluan Khas dan tumpuan berterusan terhadap sekolah Orang Asli dan Peribumi membuktikan bahawa Kementerian serius dalam memastikan peluang yang sama diberikan untuk semua dalam pendidikan.

Segala yang telah dicapai setakat ini memberi jaminan bahawa kita berada di landasan yang betul dalam usaha untuk mencapai sasaran menjelang 2025. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kita boleh terus mendabik dada dengan kejayaan tersebut sebaliknya kita perlu meneruskan perjuangan ini demi kepentingan negara tercinta.

Menghampiri penghujung Gelombang 2 (2016-2020) dan memasuki separuh akhir perjalanan transformasi pendidikan, banyak lagi perkara yang perlu dilakukan. Justeru itu, sambil kita meraikan kejayaan yang telah diraih pada tahun 2018, Kementerian akan terus memperjuangkan agenda transformasi pendidikan di Malaysia.

**DATUK DR AMIN BIN SENIN**  
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

“**Segala yang telah dicapai setakat ini memberi jaminan bahawa kita berada di landasan yang betul dalam usaha untuk mencapai sasaran menjelang 2025**”



# BAB 1

## MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI DARIPADA PENDIDIKAN PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH





# KEJAYAAN & PENCAPAIAN 2018

## ENROLMEN SEMUA PERINGKAT PENDIDIKAN



	2016	2017	2018
Menengah Atas	85.8	86.6	<b>87.2</b>
Menengah Rendah	95.0	96.6	<b>95.3</b>
Rendah	97.2	97.9	<b>97.8</b>
PraSekolah	85.4	84.3	<b>85.4</b>

### Peratus Keciciran

	% Keciciran Rendah	% Keciciran Menengah
2016	0.36	1.50
2017	0.29	1.36
2018	<b>0.15</b>	<b>1.21</b>

## TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL (TVET)

2017

12,803  
Orang graduan

2018

13,740  
Orang graduan

## Kebolehpasaran Graduan Diploma Vokasional

	2016	2017	2018
Kebolehpasaran	90.58%	85.20%	84.5%
Orang graduan	2,273	12,803	<b>13,740</b>

## Perluasan Kerjasama Strategik Awam-swasta Kolej Vokasional

Syarikat berimpak tinggi telah memeterai mou dengan kpm pada tahun 2018



## PELBAGAI LALUAN PENDIDIKAN

### Sekolah sukan



Peratus pencapaian keseluruhan atlet murid di peringkat kebangsaan

▶ **91.7%**

berbanding 85% sasaran tahun 2018

Peratus pencapaian keseluruhan atlet murid di peringkat antarabangsa

▶ **43.8%**

berbanding 50% sasaran tahun 2018

### Sukan remaja olimpik 2018



Pingat emas dimenangi oleh Pasukan hoki negara buat kali pertama.



Pingat perak dalam acara sukan gimrama Multi Discipline Team Event.

## KOLEJ MATRIKULASI



**3** universiti berprestij luar negara telah mengiktiraf kelayakan

**Program Matrikulasi KPM** ke pangajian ijazah pertama pada tahun 2018



Kanak-kanak warganegara Malaysia sememangnya mempunyai hak terhadap pendidikan yang seiring dengan pertumbuhan fizikal dan minda mereka. Hakikat ini mendorong Kementerian untuk memastikan hak tersebut terpelihara dengan melaksanakan pelbagai usaha yang mengutamakan akses kepada pendidikan bagi setiap golongan masyarakat sama ada di bandar mahu pun di luar bandar. Hal ini sejajar dengan aspirasi Gelombang 2 (2016-2020) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua kanak-kanak. Namun, cabaran yang dihadapi Kementerian adalah isu keciciran murid yang berkait rapat dengan enrolmen murid di sekolah rendah dan di sekolah menengah yang semakin menurun. Justeru, pelbagai akses kepada pelbagai laluan pendidikan dan akses pendidikan kumpulan khusus, termasuk pengajian dalam bidang vokasional, perlu diwujudkan bagi menarik minat murid dan memastikan mereka kekal berada dalam sistem persekolahan sehingga tamat Tingkatan 5.

Akses kepada pendidikan berkualiti selepas Tingkatan 5, seperti Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), turut diberi perhatian serius oleh Kementerian. Selain itu, turut diberi perhatian adalah usaha peluasan dan pengoperasian Kolej/Pusat Tingkatan Enam diseluruh negara bagi menampung bilangan pelajar lepasan SPM 2017 yang semakin meningkat.

Selari dengan usaha menyediakan akses pendidikan berkualiti ini, Kementerian juga komited mempertingkatkan kesedaran ibu bapa dan komuniti tentang betapa pentingnya pendidikan serta peranan dan tanggung jawab mereka dalam memastikan anak-anak mereka mendapat akses tersebut daripada prasekolah hingga sekolah menengah dan seterusnya.

Sepanjang tahun 2018, Kementerian telah melaksanakan program dan aktiviti berikut ke arah usaha mempertingkatkan akses kepada pendidikan berkualiti:

- Meningkatkan Akses Kepada Pendidikan Yang Berkualiti Di Peringkat Prasekolah
- Meningkatkan Enrolmen Prasekolah Swasta
- Penarafan Kendiri Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (PK-SKPK)
- Meningkatkan Enrolmen Daripada Peringkat Prasekolah Hingga Menengah Atas
- Mempertingkatkan Kualiti Sistem Pendidikan Vokasional

- Mengukuhkan Akses Pelbagai Laluan Pendidikan
- Mengukuhkan Pendidikan Kumpulan Khusus
- Membangunkan Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC)
- Pendidikan Lepas Menengah

## MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN YANG BERKUALITI PADA PERINGKAT PRASEKOLAH

Pendidikan prasekolah di Malaysia disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, KEMAS, JPNIN dan pihak swasta termasuk NGO serta agensi di bawah Kerajaan Negeri. Semua kanak-kanak yang berumur empat tahun dan lima tahun digalakkan untuk mengikuti pendidikan prasekolah kerana kemahiran sosial dan emosional mereka penting dibangunkan pada usia ini sebagai persediaan bagi menghadapi pendidikan pada peringkat seterusnya.

### Meningkatkan Enrolmen Murid Prasekolah Kebangsaan


Secara keseluruhan enrolmen prasekolah kerajaan dan swasta untuk kedua-dua kohort 4+ tahun dan 5+ tahun telah menunjukkan peningkatan daripada 84.26% pada tahun 2017 kepada 85.35% pada tahun 2018. Pecahan kohort umur pula mendapati kanak-kanak 4+ yang mengikuti prasekolah ialah 79.72% pada tahun 2018 berbanding 77.8% pada 2017. Manakala kohort 5+ tahun pula menunjukkan sedikit penurunan kepada 90.82% daripada 90.89% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, peratus pencapaian ini masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan bagi kedua-dua kohort tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 1-1.

Kementerian juga telah menetapkan bahawa 60% pendidikan prasekolah disediakan oleh pihak swasta dan 40% akan disediakan oleh Kerajaan bagi memastikan keseimbangan peluang pendidikan di bandar dan di luar bandar. Pada tahun 2018, didapati bahawa kadar enrolmen prasekolah swasta ialah 53.02% (474,379) iaitu peningkatan sebanyak 6.82% dari tahun 2017, manakala kadar enrolmen prasekolah Kerajaan pula ialah 46.98% (420,352). Dalam mendapatkan data prasekolah swasta, Kementerian berhadapan isu seperti institusi seperti pusat tahfiz, pusat jagaan, pusat kreativiti, dan pusat tuisyen menawarkan pendidikan prasekolah tanpa mengiklankan insititusi mereka sebagai tadika atau prasekolah. Selain itu, masih terdapat ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke prasekolah yang tidak berdaftar dan mengajar sendiri di rumah.

Ekshibit 1-1: Pencapaian Enrolmen Prasekolah Kebangsaan 2018 berbanding Tahun 2017 mengikut Pecahan Kohort Umur 4+ dan 5+

Tahun	Kohort Umur	Jumlah Kelahiran	Enrolmen Prasekolah	% Penyertaan Prasekolah	Kombinasi Peratus Penyertaan
2018	5+	531,878	483,057	90.82%	85.35%
	4+	516,422	411,674	79.72%	
2017	5+	518,428	471,201	90.89%	84.26%
	4+	531,878	413,782	77.80%	

Ekshibit 1-2: Perbandingan Bilangan Enrolmen Murid Prasekolah bagi Tahun 2014 hingga 2018



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

\*Peningkatan yang signifikan mulai tahun 2015 hingga 2017 dicapai apabila Program Gerak Gempur Enrolmen Swasta dilaksanakan.

### Meningkatkan Bilangan Kelas Prasekolah

Pada tahun 2018, jumlah keseluruhan kelas prasekolah telah meningkat kepada 51,725, dengan pecahan prasekolah awam 22,262 dan swasta 29,463. Kelas prasekolah baharu yang dibuka sebanyak 1,179. Kelas prasekolah Kementerian yang dibuka meningkat sebanyak 71 dan kelas tabika KEMAS menurun sebanyak 146 kerana tidak lagi menawarkan program pendidikan di sesuatu kawasan tersebut akibat faktor seperti kurang permintaan daripada komuniti, peningkatan kos operasi penyewaan bangunan, dan perubahan fungsi menjadi taska.

Prasekolah swasta menyumbang kepada peratus bilangan kelas secara keseluruhannya sebanyak 56.96% berbanding prasekolah awam iaitu 43.04% (Ekshibit 1-3: Data 2). Perbandingan penawaran pendidikan prasekolah mengikut agensi bagi tahun 2018 adalah seperti Ekshibit 1-4: Data 3. Peningkatan bilangan kelas ini menunjukkan lebih ramai kanak-kanak berpeluang untuk mendapat akses kepada pendidikan awal dan bersedia menyertai pendidikan formal.

Ekshibit 1-3: Perbandingan data dan peratus bilangan kelas di institusi awam dan swasta bagi 5 tahun terkini (2014 - 2018).

Tahun	Awam	%	Swasta	%	Jumlah
2014	21,980	45.32%	26,523	54.68%	48,503
2015	22,066	45.98%	25,928	54.02%	47,994
2016	22,162	44.46%	27,689	55.54%	49,851
2017	22,315	44.15%	28,231	55.85%	50,546
2018	22,262	43.04%	29,463	56.96%	51,725

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Swasta

Ekshibit 1-4: Perbandingan bilangan kelas mengikut agensi 2016 - 2018

Tahun	KPM	KEMAS	JPNIN	Swasta	Jumlah
2016	9,202	11,179	1,781	27,689	49,851
2017	9,328	11,206	1,781	28,231	50,546
2018	9,399	11,082	1,781	29,463	51,725

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Swasta

Kementerian terus komited untuk memperluaskan akses pendidikan prasekolah pada tahun-tahun akan datang dengan membuka 50 buah kelas yang akan beroperasi pada tahun 2019. Selain itu, kelas prasekolah yang mempunyai enrolmen yang rendah atau kurang permintaan akan dipindahkan ke lokasi yang mempunyai permintaan tinggi.


### PENARAFAN KENDIRI STANDARD KUALITI PRASEKOLAH KEBANGSAAN (PK-SKPK)

Penarafan sendiri SKPK (PK-SKPK) mula dilaksanakan pada tahun 2015 secara atas talian kepada semua institusi yang menawarkan pendidikan prasekolah bagi mengetahui kualiti pendidikan prasekolah yang ditawarkan berdasarkan lima dimensi kualiti berikut:

- Dimensi Kualiti Guru dan Pembantu Guru (PG)/Pembantu Pengurusan Murid (PPM)
- Dimensi Kualiti Tadbir Urus
- Dimensi Kualiti Kurikulum
- Dimensi Kualiti Interaksi Prasekolah – Ibu Bapa/ Penjaga
- Dimensi Kualiti Kesihatan, Pemakanan dan Keselamatan

Pada tahun 2018, 98.82% (23,188) prasekolah telah melepasi Standard Minimum Prasekolah Kebangsaan, berbanding 98.86%, (23,020) pada tahun 2017. Namun, bilangan institusi yang melepasi standard kualiti tersebut meningkat sebanyak 168. Nilai Ambang Standard Minimum Prasekolah Kebangsaan yang telah ditetapkan ialah 50.24%. Secara keseluruhan kualiti prasekolah semakin meningkat berdasarkan kepada purata PK-SKPK daripada 68.10% (tahun 2015) kepada 74.29% (tahun 2018) seperti yang dtunjukkan dalam Exhibit 1-5. Namun, didapati DK 1 (Dimensi Kualiti Guru dan PG/PPM) menunjukkan purata peratus skor yang terendah bagi tempoh tiga tahun berturut-turut iaitu dalam julat skor antara 50.56% dan 60.79% berbanding DK yang lain. Antara faktor yang menyebabkan perbezaan ini adalah kerana dimensi ini mengukur kelayakan akademik tertinggi guru dan PG/PPM, kelayakan ikhtisas guru dan peluang menghadiri/menyampaikan ceramah/kursus/bengkel guru dan PG/PPM. Kebanyakan institusi prasekolah terutama institusi swasta tidak mempunyai PG/PPM dan selain itu kelayakan akademik/ikhtisas mereka juga rendah berbanding institusi prasekolah yang lain. Peluang menghadiri/menyampaikan kursus/bengkel/taklimat juga terhad.

Ekshibit 1-5: Purata Peratus Skor PK-SKPK Mengikut Dimensi Kualiti (2015-2018)



Petunjuk:

- DK 1 = Dimensi Kualiti Guru dan PG/PPM
- DK 2 = Dimensi Kualiti Tadbir Urus
- DK 3 = Dimensi Kualiti Kurikulum
- DK 4 = Dimensi Kualiti Interaksi Prasekolah-Ibu bapa/Penjaga
- DK 5 = Dimensi Kualiti Kesihatan, Pemakanan dan Keselamatan

### Program Peningkatan Kualiti Prasekolah

Pada tahun 2018, program intervensi untuk mempertingkatkan kualiti prasekolah terus dilaksanakan ke atas prasekolah yang masih belum mencapai standard minimum yang ditetapkan. Program yang dijalankan adalah seperti i) Program Kunjung Bantu, dan ii) Peningkatan Kualiti Guru Prasekolah.

#### i) Program Kunjung Bantu

Program Kunjung Bantu telah dilaksanakan oleh pihak JPN dan PPD ke atas 453 prasekolah yang berada di bawah skor 60% di seluruh negara dengan tujuan untuk membimbing dan mempertingkatkan kefahaman pentadbir sekolah, guru dan pembantu pengurusan murid mengenai standard kualiti prasekolah berdasarkan lima dimensi kualiti yang ditetapkan.

#### ii) Peningkatan Kualiti Guru Prasekolah

Pada tahun 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan usul bahawa semua guru prasekolah perlu mempunyai kelayakan minima dalam Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK) menjelang tahun 2020. Sehingga tahun 2018, didapati 25.05% (13,273 orang) guru prasekolah Kerajaan dan swasta mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya DPAKK. Peratusan ini menunjukkan peningkatan, namun bilangan guru menunjukkan pengurangan dari tahun 2017. Bilangan guru prasekolah mengikut kelayakan dan agensi ditunjukkan dalam Ekshibit 1-6:

Ekshibit 1-6: Bilangan Guru Prasekolah Berkelayakan Akademik Sekurang-kurangnya DPAKK 2018

AGENSI	BILANGAN GURU PRASEKOLAH MEMPUNYAI KELAYAKAN AKADEMIK SEKURANG-KURANGNYA DPAKK		
	YA	TIDAK	JUMLAH
KPM	8,318 (89.24%)	1,003 (10.76%)	9,321 (100%)
KEMAS	4,015 (35.47%)	7,304 (64.53%)	11,319 (100%)
Perpaduan	874 (49.94%)	876 (50.06%)	1,750 (100%)
SWASTA	66 (0.22%)	30,524 (99.78%)	30,590 (100%)
<b>JUMLAH</b>	<b>13,273</b> (25.05%)	<b>39,707</b> (74.95%)	<b>52,980</b> (100%)

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH under the table

Bagi menangani isu kekurangan guru yang mempunyai kelayakan minima DPAKK, mulai tahun 2019 Institut Pendidikan Guru KPM akan menawarkan Program Diploma Perguruan Malaysia (PDP) untuk guru prasekolah KEMAS, JPNIN dan swasta. Manakala bagi guru prasekolah yang sedang berkhidmat, Kementerian akan menyediakan peluang untuk mengikuti Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).

Kementerian juga telah memperkenalkan Program *English For Preschool Teachers* (EPT) kepada guru prasekolah Kementerian untuk meningkatkan keyakinan mereka melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris seperti yang termaktub dalam KSPK. Pada tahun 2018, 100 orang guru prasekolah mengikuti program ini yang dijalankan di Selangor, Kedah dan Kelantan. Secara keseluruhan, guru prasekolah yang mengikuti program ini menunjukkan peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris pada tahap B1 setelah diuji menggunakan instrumen Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) yang dibangunkan selaras dengan instrumen *Common European Framework Reference For Language* (CEFR)

### Kajian Kebolehgunaan Flipped Classroom Di Prasekolah

Konsep *Flipped Classroom* (FC) merupakan hasil gabungan pembelajaran tradisional dan pembelajaran yang menggunakan teknologi pembelajaran pelbagai mod. FC bagi kelas prasekolah telah dirintis pada tahun 2015 dan diperluaskan dengan pelaksanaan Satu Daerah Satu *Flipped Classroom* (1D1FC) pada tahun 2017. Pada tahun 2018, kajian telah dijalankan untuk mengetahui kebolehgunaan kaedah FC di semua kelas prasekolah yang melaksanakannya. Responden kajian terdiri daripada 204 orang guru, 184 orang pentadbir dan 518 orang ibu bapa. Rumusan kajian menunjukkan bahawa kaedah FC sesuai digunakan dalam kelas prasekolah kerana hampir 100% responden memberi respon positif terhadap setiap proses yang dijalankan. Kementerian akan terus memperluaskan FC di semua prasekolah kerajaan.

**Ekshibit 1-7: Hasil Dapatan Kajian Kebolehgunaan Kaedah Flipped Classroom di Semua Kelas Prasekolah yang Melaksanakan FC**

Peranan Guru dalam Proses Kitaran Pengajaran Flipped Classroom		Pentadbir Sekolah yang Berperanan Melaksanakan Flipped Classroom		Pendapat Ibu Bapa dengan Pelaksanaan Flipped Classroom	
Setuju	Tidak Setuju	Positif	Negatif	Setuju	Tidak Setuju
<p><b>98.6%</b> Guru Menyediakan objektif pengajaran dalam PdP, menerangkan process kerja sebelum aktiviti PdP dan guru bersama-sama PPM menyediakan BBM untuk PdP</p> <p><b>96.6%</b> Guru memberi peluang kepada murid terlibat secara aktif dan mempamerkan hasil kerja murid</p> <p><b>99.0%</b> Murid berinteraksi baik dengan guru; perubahan tingkah laku berlaku secara ansur maju dan murid seronok melaksanakan aktiviti</p>	<p><b>27%</b> Guru kurang merancang kerjasama dengan ibu bapa dan waris</p> <p><b>16.7%</b> Kurang bijak mengurus masa instruksional</p> <p><b>12.3%</b> Murid kurang faham tajuk yang diajar dengan penggunaan alat teknologi</p>	<p><b>98.9%</b> Memahami peruntukan waktu Pdp kelas prasekolah</p> <p><b>98.4%</b> Menggalakkan guru mengikuti kursus pedagogi FC</p> <p><b>98.4%</b> Menyediakan persekitaran bilik darjah yang kondusif</p>	<p><b>30.3%</b> Kurang bertukar idea dengan pentadbiran lain berkaitan FC</p> <p><b>27.5%</b> Kurang mencerap PdP guru di kelas FC</p> <p><b>22.2%</b> Kurang memberi taklimat FC kepada ibu bapa/ penjaga</p>	<p><b>97.2%</b> Ibu bapa bersejutu untuk FC diteruskan dalam pendidikan prasekolah</p> <p><b>99.6%</b> Berpuas hati dapat melihat perkembangan anak dan pencapaian mereka di prasekolah</p> <p><b>92.85%</b> Ibu bapa bersetuju bahawa wujudnya hubungan baik antara mereka dengan pentadbir dan guru</p>	<p><b>2.7%</b> Ibu bapa tidak menyokong pelaksanaan FC dengan alasan ianya hanya memudahkan kerja guru</p>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH



Peserta EPT melaksanakan aktiviti action song bagi modul Instructional Language



Peserta EPT berbincang dalam kumpulan tentang topik Differentiated Instructions dalam modul ELT Methodology.




Fasilitator bengkel melaksanakan demonstrasi permainan papan Roll and Answer untuk bengkel Listen Carefully and Speak Up!

**Tinjauan Kesediaan Murid ke Tahun Satu**

Pada tahun 2018, tinjauan Kesiapan Murid ke Tahun Satu telah dijalankan dengan objektif untuk mengenal pasti kesiapan murid prasekolah dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek, serta tahap kesiapan murid prasekolah menerima kurikulum Tahun Satu. Hasil analisis mendapati semua murid prasekolah berada pada tahap paling bersedia ke Tahun Satu. Perincian kesiapan ditunjukkan dalam Ekshibit 1-8. Maklumat ini akan digunakan untuk merangka tindak susul bagi penambahbaikan proses PdP, pengurusan pentadbir dan latihan peningkatan profesionalisme guru prasekolah dan PPM di prasekolah, serta dijadikan rujukan bagi Guru Tahun Satu sebagai asas perancangan PdP yang berkesan berdasarkan penguasaan kemahiran murid tersebut.

**Ekshibit 1-8: Tahap Kesiapan Murid Prasekolah KPM ke Tahun Satu (Tinjauan Tahun 2018)**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**MEMASTIKAN PENYERTAAN DALAM PENDIDIKAN RENDAH DAN MENENGAH**

Kementerian mempunyai matlamat ke arah mencapai enrolmen sejagat menjelang tahun 2020. Pada tahun 2018, enrolmen sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas masing-masing ialah 97.8%, 95.3% dan 87.2%. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan enrolmen pada peringkat sekolah rendah sebanyak 0.1% dan peringkat menengah rendah sebanyak 1.3%. Manakala, peratus enrolmen pada peringkat menengahatas pula meningkat sebanyak 0.6%. Pada tahun 2018, kadar keciciran telah dapat dikurangkan kepada 1.21% pada peringkat menengah berbanding 1.36% pada 2017, manakala peringkat rendah ialah 0.15% berbanding 0.29% pada tahun 2017.

**Pelaksanaan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC)**

Cabaran utama yang dihadapi oleh Kementerian adalah untuk mengatasi isu keciciran dalam kalangan murid. Sebagai langkah pencegahan, Kementerian telah menguatkuasakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) pada 1 Jun 2018 untuk membantu pihak sekolah menguruskan dan menjalankan program intervensi ke atas murid yang dikenalpasti berisiko cicir. Analisis faktor keluarga dan faktor murid telah dijalankan ke atas 4,724,234 orang murid rendah dan menengah bagi mengetahui kecenderungan atau risiko mereka untuk cicir yang dikategorikan kepada rendah, sederhana dan tinggi. Pada peringkat rendah 0.02% murid berisiko cicir tinggi, manakala pada peringkat menengah 0.75%. Antara faktor yang menyumbang kepada masalah cicir adalah murid yang mempunyai kes ketidakhadiran ke sekolah yang tinggi, masalah disiplin dan Murid Berkeperluan Khas. Faktor keluarga juga menyumbang kepada murid berisiko cicir tinggi seperti status ibu bapa/penjaga murid, status ibu bapa/penjaga murid, status ibu bapa/penjaga murid, latar belakang dan pendapatan keluarga serta dan jarak rumah ke sekolah. Sekolah akan menjalankan intervensi bagi murid berisiko cicir mengikut kategori dan faktor risiko cicir murid berpandukan Modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI). Guru Bimbingan Kaunseling akan menjalankan aktiviti intervensi pada peringkat sekolah rendah dan berterusan sehingga peringkat menengah dengan tujuan membantu murid berisiko cicir agar terus kekal bersekolah sehingga tamat Tingkatan 5.

**Program Sifar Murid Cicir (PSMC)**

Program Sifar Murid Cicir (PSMC) mula dirintis pada tahun 2018 di JPN Perlis, PPD Langkawi, Hulu Langat, Kluang dan Kulai di Johor serta Pasir Mas, Kelantan. Program ini dilaksanakan bagi menangani isu murid cicir dan kanak-kanak tidak bersekolah melalui pembentukan permuafakatan iaitu Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Menengah (JPEM) antara PPD dan pelbagai agensi, seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Majlis Agama Islam Negeri, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Polis DiRaja Malaysia, pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil badan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat. Antara program intervensi yang dijalankan adalah lawatan ke rumah murid, program motivasi keibubapaan dan program kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) serta program *crowd-funding* bagi membantu murid cicir akibat kemiskinan. Secara keseluruhan, hasil rintis ini menunjukkan sebanyak 26.1% (267 orang) murid cicir peringkat menengah telah mendaftar kembali ke sekolah. Bagi peringkat rendah pula, sebanyak 25.6% (20 orang) murid cicir telah kembali bersekolah. JPN Perlis telah berjaya mendaftarkan semula kesemua murid cicir (100%) di sekolah rendah dan sekolah menengah bagi tempoh Ogos hingga November 2018. Bagi kawasan rintis lain, peratus murid cicir kembali bersekolah pula berada dalam lingkungan lapan hingga 50%.

Objektif PSMC adalah seperti berikut:

- mengenal pasti murid cicir yang telah keluar daripada sistem pendidikan sebelum tamat tempoh persekolahan, serta kanak-kanak di peringkat umur persekolahan rendah atau menengah yang tidak mendapat akses kepada pendidikan;
- melaksanakan intervensi berfokus supaya mereka kembali meneruskan pendidikan sehingga sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5; dan
- mendapatkan kerjasama dan bantuan agensi lain pada peringkat negeri dan daerah bagi mengatasi isu yang dihadapi oleh murid.

**Impak Program Sifar Murid Cicir 2018: Kisah Inspirasi**

**1. Jabatan Pendidikan Negeri Perlis**

DYTM Tuanku Raja Muda Perlis amat prihatin terhadap isu murid cicir di negeri Indera Kayangan. Baginda telah bertitah bahawa kerajaan negeri Perlis akan memastikan bahawa

kanak-kanak tidak bersekolah yang ditemui semasa kayuhan mingguan baginda, dibantu dan didaftarkan semula ke sekolah. Pada masa yang sama, JPN Perlis telah berjaya menarik perhatian beberapa orang wakil rakyat untuk turut menjayakan PSMC 2018. JPN Perlis telah berkongsi pengalaman dengan beberapa JPN lain yang bakal melaksanakan PSMC di negeri masing-masing pada tahun 2019.

Faktor kemiskinan dan bapanya yang kelainan upaya telah menyebabkan murid Tingkatan 3 keciciran sekolah. Kaki bapanya telah dipotong akibat penyakit kencing manis. Walau bagaimanapun murid ini telah mendaftar semula ke sekolah setelah tiga tahun tercicir.

Intervensi yang dilaksanakan:

- Murid dihadihkan sebuah basikal oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi kemudahan ke sekolah dan bantuan sebanyak RM100 sebulan.
- Keluarga murid diberi bantuan oleh JKM sebanyak RM250 sebulan dan sebuah kerusi roda untuk bapanya.



**2. Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi**

Di Langkawi pula, masyarakat setempat pulau itu telah menunjukkan perubahan proaktif dan sikap ingin bekerjasama dengan pihak sekolah dan PPD Langkawi dalam menangani masalah keciciran murid. Oleh itu, JPN Kedah berhasrat untuk memperluaskan PSMC di PPD Langkawi ke PPD lain di Kedah.

Faktor perceraian telah menyebabkan murid Tingkatan 5 terabai dan keciciran sekolah, walaupun bapanya berpendidikan tinggi dari Universiti Oxford.

Intervensi yang dilaksanakan:

- PPD Langkawi telah membuat lawatan ke rumah serta memujuk murid tersebut untuk kembali ke sekolah.



**3. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan**

Setelah melihat keberkesanan PSMC, kesemua PPD di negeri Kelantan berminat untuk mengadakan PSMC di daerah masing-masing. Yayasan Islam Kelantan (YIK) juga telah meminta JPN Kelantan untuk mengadakan taklimat PSMC di semua sekolah kelolaan mereka.

Faktor kemiskinan dan masalah pengangkutan telah menyebabkan murid Tingkatan 2 dan murid Tahun 5 keciciran sekolah. Ibu mereka adalah orang kelainan upaya (buta penglihatan) dan bapa mereka seorang banduan atas kes penyalahgunaan dadah.

Intervensi yang dilaksanakan:

- JPN Kelantan telah membuat lawatan ke rumah dan berjaya memujuk murid tersebut untuk kembali ke sekolah.
- Keluarga murid telah diberikan bantuan oleh JKM sebanyak RM200 sebulan.
- JPN Kelantan telah berjaya mendapatkan orang persendirian yang menginfakkan sebuah motosikal kepada keluarga tersebut.



**4. Pejabat Pendidikan Daerah Kulai**

Pengabaian keluarga telah mengakibatkan keciciran sekolah murid Tingkatan 5. Ibunya telah meninggal dunia dan bapanya telah berkahwin baharu. Murid ini tinggal bersama kakaknya.

Intervensi yang dilaksanakan:

- PPD Kulai telah membuat lawatan ke rumah dan berjaya memujuk murid ini untuk kembali ke sekolah.



Kementerian berhasrat untuk memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan berkualiti menjelang tahun 2020. Bagi menyokong hasrat tersebut, adalah penting bagi PSMC diteruskan pada tahun 2019 yang akan menyaksikan program ini diperluaskan ke semua negeri.

**MEMPERTINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN VOKASIONAL**


Pada tahun 2018, pencapaian keseluruhan enrolmen TVET (Ekshibit 1-9) sebanyak 5.64% (22,539) merangkumi 15,354 pelajar Tahun Satu Kolej Vokasional, 459 murid Program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA), 23 murid Program Pendidikan Asas Vokasional Lanjutan (PAV), 2,635 pelajar program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) di 116 SMK dan lapan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional. Enrolmen dari agensi di luar Kementerian yang merangkumi GIATMARA dan WISDEC adalah seramai 4,068 orang murid. Kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dijalankan untuk peringkat Diploma bagi program seperti Teknologi Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan, Teknologi Pemprosesan Plastik, Teknologi Pemprosesan Seramik, dan Teknologi Pemprosesan Polimer Komposit. Kerjasama dengan Kementerian Belia Sukan (KBS) pula untuk peringkat sijil kemahiran bagi program Teknologi Pemesinan CNC, Teknologi Pembuatan Perkakasan (DIE), Mekanik Industri dan Kimpalan.

Pada masa ini terdapat 85 buah Kolej Vokasional (KV) dengan pengoperasian KV Tanjung Piai dan KV Pasir Gudang pada tahun 2018. Pengoperasian kedua-dua KV melibatkan Kerjasama Awam-Swasta (PPP) yang berhasrat agar berlakunya pemindahan teknologi daripada industri bagi memenuhi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Pelibatan sektor swasta dijangkakan dapat mempertingkatkan keupayaan dan imej KV sebagai institusi pilihan untuk membekalkan tenaga kerja profesional, serta memastikan sistem TVET Kementerian terus kekal kompetitif dan menepati kehendak pasaran.

**Kebolehpasaran Graduan Diploma Vokasional**


Pada tahun 2018, 100% graduan KV Kohort 1 (bergraduat 2016) dan 97.06% Kohort 2 telah mendapat pekerjaan atau melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, manakala 74.80% graduan Kohort 3 telah ditawarkan pekerjaan sehingga Januari 2019 (Ekshibit 1-10). Peningkatan peratusan ini mencerminkan tahap kebolehpasaran graduan lepasan KV pelbagai bidang yang mendapat permintaan tinggi daripada pihak industri dan swasta kerana kualiti pendidikan yang mereka miliki.

Ekshibit 1-9: Enrolmen Pencapaian TVET



Sumber: Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, BPTV

Ekshibit 1-10: Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional Selepas Tiga Bulan Penganugerahan Diploma, 2018



Sumber: Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, BPTV

**Pentauliahan Pusat Bertauliah Cawangan Di Kolej Vokasional dan SMK**

Dalam usaha mendapatkan kelulusan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) di Kolej Vokasional dan SMK, kriteria berikut perlu dipatuhi:

- Peralatan yang mencukupi
- Personel yang berkelayakan mengikut tahap SKM
- Kelulusan Keselamatan setiap PBC dan
- *Written Instructional Material* (WIM) yang lengkap

Bagi tahun 2018, 730 institusi telah mendapat kelulusan Pusat Bertauliah Cawangan. Kelulusan berkenaan merangkumi 523 program Single Tier, 54 program Mengikut Tahap, 73 Program PWMA dan 80 program PAV di sekolah menengah harian. Bagi tujuan pentauliahan PBC, BPTV telah mengambil pendekatan menyelaras *Written Instructional Material* (WIM) bagi semua kolej vokasional dan SMK, mengadakan rundingan dengan pihak JPK agar semua pelajar dapat dipersijilkan dan, seterusnya mempergiatkan usaha dan memperkasa kerjasama strategik dengan industri yang berkepentingan untuk pemantapan pembelajaran dan pengajaran di kolej vokasional serta SMK.

**Pentauliahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2, 3 Tenaga Pengajar Vokasional**

Pada tahun 2018, seramai 300 tenaga pengajar telah mengikuti kursus di CIAST, IKTBN, UTEM dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi mendapat pentaulihan sebagai tenaga pengajar. Daripada jumlah tersebut, 297 telah berjaya dipersijilkan SKM Tahap1, 2 dan 3.

Pengurusan perpustakaan merupakan salah satu daripada kriteria keperluan utama akreditasi MQA. Pegawai atau tenaga pengajar

yang menguruskan perpustakaan di KV perlu mempunyai pengetahuan dan pendedahan dalam bidang pengurusan perpustakaan yang melibatkan proses pengkatalogan, sistem pengelasan buku, pemulihan dan penjagaan buku. Sebanyak enam siri kursus berkaitan pengurusan perpustakaan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018.

**Perluasan Hubungan Kerjasama Strategik Awam-Swasta Kolej Vokasional**

Pada tahun 2018, enam buah syarikat berimpak tinggi daripada 25 buah syarikat termasuk koridor ekonomi yang dilawati telah memeterai MoU dengan Kementerian. Syarikat berkenaan adalah *The Otomotif College* (TOC) bagi bidang automotif, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) bagi Pengajian Awal Kanak-Kanak, TWI-ABM bagi Sijil Profesional Kimpalan, Koperasi Usahawan Islam Kuala Lumpur Sdn. Bhd. bagi bidang Keusahawanan, Geethi Engineering Sdn. Bhd. bagi program *apprenticeship* atau mod SLDN dan, Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) yang melibatkan Program Latihan Kemahiran bagi guru dan pelajar.

Mulai tahun 2019, pencapaian TVET lebih berfokus kepada kualiti kemenjadian graduan TVET menerusi penambahbaikan kurikulum, menaiktaraf fasiliti dan peralatan serta peningkatan profesionalisme tenaga pengajar KV. Tujuannya adalah bagi melahirkan graduan lepasan KV yang relevan dan diterima oleh industri domestik dan antarabangsa. Selain itu, jalinan kerjasama strategik awam-swasta (*Public Private Partnership*-PPP) bagi tujuan perluasan KV ke arah Pusat Kecemerlangan Industri (*Industrial Centre of Excellence*-iCOE) akan turut menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan KV. Kerjasama semua pihak bertanggungjawab yang sentiasa memberi peluang dan ruang dalam merealisasikan agenda negara ini telah membantu pelaksanaan dasar TVET dengan jayanya di Malaysia.



‘TVET bukan pilihan terakhir pelajar’ oleh Mohamad Fahd Rahmat, [fahd@nstp.com.my](mailto:fahd@nstp.com.my)

KAJANG: Stigma masyarakat yang memandang rendah terhadap bidang Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) sudah berakhir di negara ini selepas tahap kebolehpasaran graduannya melebihi 90 peratus.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Amin Senin berkata bahawa kejayaan memecah benteng persepsi itu berikutan kerjasama erat institusi berkaitan bersama pihak industri untuk berkongsi kepakaran dan teknologi terkini bagi kemudahan pelajarannya di seluruh negara.

Menurut beliau, dalam dunia hari ini kecerdasan pelbagai amat penting dan jika dahulu hanya kecerdasan dalam bidang akademik menjadi pengukur tahap kecerdasan seseorang. Kecerdasan berdasarkan kecenderungan minat seseorang itu boleh meninggalkan impak yang besar. Contohnya, kehebatan pemain bola sepak terkenal Lionel Messi terletak pada kakinya dan jika itu dijadikan ukuran kecerdasan, maka dia jauh lebih cerdik.

“Satu daripada kecenderungan itu adalah pendidikan TVET dan dulu stigma masyarakat mengatakan mereka yang berada dalam TVET dikatakan gagal, memang benar gagal akademik, namun mereka cerdik dalam bidang kemahiran. Kembalikan semula keupayaan anak-anak kita dan jangan berasa rendah diri jika mengambil bidang TVET dan teruskan,” kata beliau.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) Industri Bersama Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) 2018 di Kolej Vokasional Kajang, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah BPTV Zainuren Mohd Nor dan Pengarah Kolej Vokasional Kajang Supian Mahmood. Dalam pada itu, Zainuren berkata sehingga Oktober lalu, sebanyak 775 MoU dimeterai Kementerian Pendidikan dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta sejak pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional pada 2012. Maklum balas positif turut diraih daripada pemain industri terhadap graduan TVET yang disifatkan kompeten kerana mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik.

“Tahap kebolehpasaran graduan kolej vokasional mencapai 100 peratus daripada 2,273 graduan kohort pertama (2016), 96.47 peratus daripada 12,803 graduan kohort kedua (2017) dan 60.7 peratus daripada 14, 373 graduan kohort pada tahun ini sudah bekerja, menyambung pengajian atau menjadi usahawan,” kata Zainuren.

“Untuk tahun ini, maklumatnya masih belum lengkap kerana kita mengambil kira tahap kebolehpasaran ini selepas enam bulan pelajar menamatkan pengajian di KV,” katanya lagi.

Mengulas mengenai kerjasama menerusi majlis itu, Zainuren berkata, pihaknya memeterai MoU dengan lima pemain industri untuk pelaksanaan program - antaranya dalam bidang persijilan profesional, teknologi automotif, kimpalan dan kualiti, asuhan awal kanak-kanak dan keusahawanan.

“Pada majlis hari ini, pihak Kolej Vokasional Kajang dan Kolej Vokasional Kudat turut memeterai MoU bersama 14 syarikat swasta bagi membolehkan kerjasama dengan lebih sistematik,” katanya.

## CERITA INSPIRASI

**Graduan KV yang Memegang Jawatan di Dalam atau Luar Negara**




**Muhammad Naimudean bin Mohd Nazarudean**

Graduan Diploma Teknologi Kimpalan, KV Shah Alam, Selangor. Kini bekerja sebagai Operator UT di Rapid Petronas, Pengerang, Johor.



**Alif Naquiddin bin Zul Azura**

Graduan Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian Komputer), KV Pasir Mas, Kelantan. Kini bekerja sebagai Jurutera Sokongan di BIT Group Sdn. Bhd., Cyberjaya, Selangor.



**Nur Dini Fatnin binti Mohd Ramzi**

Graduan Diploma Pengurusan Perniagaan, KV Pasir Mas, Kelantan. Kini bekerja sebagai Penolong Pengurus Satu di KFC Kota Damansara, Selangor.

**Graduan KV sebagai Usahawan**



Salah seorang graduan dalam Agroindustri Ternakan, **Nurul Amira Binti Abdul Hamid** merupakan pengurus di Felcra Simpang Renggam, Kluang, Johor dan meraih pendapatan bulanan sebanyak RM 2000.



**Muhammad Faez Akmal bin Hisham**

merupakan graduan lepasan Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan dalam bidang Agroindustri Tanaman. Beliau menjadi usahawan fertigasi cili di Teluk Panglima Garang, Selangor dan memperoleh pendapatan sebanyak RM20,000 hingga RM30,000 semusim.



**Mohamad Amirul Halim bin Mohd Zanom**

graduan lepasan Kolej Vokasional Datuk Mohd Zin dalam Teknologi Automotif, kini bergelar usahawan dan menjana pendapatan syarikat sebanyak RM 30,000.



**Mohammad Hazwan Bin Hamzah**

graduan Kolej Vokasional Temerloh dalam bidang Teknologi Pembinaan, kini menjadi usahawan syarikat keluarga di Jerantut Pahang yang menjurus kepada kimpalan.



**Ahmad Faiz Ikhwani Bin Ahmad Rafee**

graduan Diploma Teknologi Kimpalan dari KV Sungai Petani 1, Kedah. Mengikuti latihan industri di OTAi Metal Network Selayang pada 5 Disember 2016. Kini adalah usahawan yang berjaya dengan bimbingan oleh Koperasi Usahawan Islam Kuala Lumpur Sdn. Bhd. yang juga merupakan antara industri yang memeterai MoU dengan KPM.

**Graduan KV yang menyambung pengajian**



Lakshessnah a/p Subramaniam merupakan graduan Diploma Sistem Pengurusan Pangkalan Data dan Aplikasi Web dari KV Perdagangan dan telah ditawarkan biasiswa pelajar cemerlang dari Universiti Sultan Azlan Shah, Perak.

**Menyambung pengajian dengan tajaan majikan**



**Muhammad Faiz**

Diploma Pemesinan Industri KV Port Dickson, Negeri Sembilan

Bekerja di Kayaku Safety System, Sendayan Tech Valley, kilang pembuatan sistem airbag. Sedang menjalani latihan di Republik Czech mulai 7 Februari 2019.

**Menyambung pengajian dengan pembiayaan sendiri**



**Racing Car Mechanics Professional**

**Muhammad Firdaus Abu Bakar**  
Diploma Teknologi Automotif KV Datuk Seri Mohd Zin, Melaka

**Muhammad Firdhaus Abdullah**  
Diploma Teknologi Automotif KV Langkawi, Kedah

Mengikuti DLKM di Pusat Kemahiran Perindustrian Jerman, Seremban

Terpilih mengikuti Kursus **Racing Car Mechanics Professional** di MotorSport Technical School, Cesena, Itali pada Mei - Ogos 2018

**OJT di National and International Race Teams** pada Sept.2018 - Sept. 2019

**MENGUKUHKAN PELBAGAI LALUAN PENDIDIKAN**

Kementerian terus menyediakan pelbagai laluan pendidikan untuk memastikan setiap keperluan dan potensi murid dapat dioptimumkan mengikut minat dan bakat masing-masing.

**SEKOLAH SUKAN**

**Sekolah Sukan Malaysia**

Penubuhan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) bertujuan untuk melahirkan ahli sukan negara bertaraf dunia yang berwibawa serta memiliki latar belakang pendidikan yang kukuh selaras dengan Dasar Sukan Negara. Sehingga tahun 2018, bilangan Sekolah Sukan kekal sebanyak 5 buah iaitu:

- Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Kuala Lumpur
- Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Johor
- Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP)
- Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS)
- Sekolah Sukan Malaysia Terengganu (SSMT)

Pada tahun 2018, enrolmen Sekolah Sukan seramai 1669 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 33.3% dari tahun 2013

dengan mencatatkan enrolmen tertinggi bagi murid lelaki dan perempuan. Ekshibit 1-11 menunjukkan enrolmen di SSM mengikut jantina daripada tahun 2013 hingga 2018.

**Ekshibit 1-11: Enrolmen di Sekolah Sukan Malaysia Mengikut Jantina, 2013-2018**

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2013	751	352	1,103
2014	819	388	1,207
2015	889	494	1,383
2016	939	484	1,423
2017	1,023	538	1,561
2018	1,097	572	1,669

*Sumber: Bahagian Sukan (BS)*

**Penyertaan Murid SSM pada Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa**

Pada tahun 2018, pencapaian keseluruhan penyertaan murid pada peringkat Kebangsaan adalah sebanyak 91.7% melebihi sasaran yang ditetapkan 85.0%. Manakala pencapaian penyertaan pada peringkat Antarabangsa adalah sebanyak 43.8% daripada sasaran ditetapkan 50.00%. (Ekshibit 1-12):

**Ekshibit 1-12: Penyertaan Atlet Murid dalam Kejohanan Kebangsaan dan Antarabangsa Mengikut Sekolah Sukan, 2018**

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran	Sekolah	Bilangan Atlet dalam Kejohanan Kebangsaan	Peratus Kebangsaan	Bilangan Atlet dalam Kejohanan Antarabangsa	Peratus Antarabangsa
1	<b>Kebangsaan:</b> Pelibatan Keseluruhan Atlet Murid	85% Kebangsaan	SSBJ	385/405	95.1%	140/276	50.7%
2			SSTMI	470/501	93.8%	104/316	33.0%
3	<b>Antarabangsa:</b> Pelibatan Atlet Murid Tingkatan 4 Hingga Pra U	50% Antarabangsa	SSMP	354/379	93.4%	60/145	41.4%
4			SSMS	187/236	79.2%	71/107	66.4%
5			SSMT	126/139	90.7%	11/37	29.8%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>1,522/1,660</b>	<b>91.7%</b>	<b>386/881</b>	<b>43.8%</b>

*Sumber: Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni (BPSS)*



**SUKAN REMAJA OLIMPIK 2018**

Sembilan orang pemain pasukan hoki remaja negara yang terdiri daripada lapan orang atlet murid SSM mencipta sejarah apabila meraih pingat emas buat kali pertama dalam sejarah penyertaan sukan hoki di Sukan Remaja Olimpik 2018. Pencapaian pasukan hoki ini turut diiringi dengan kejayaan Akhimullah bin Anuar, atlet murid SSM, yang muncul sebagai penjarang terbanyak kejohanan dengan 22 gol. Selain itu, Rayna Hoh Kai Ling, turut menyumbang pingat perak dalam acara *Multi Discipline Team Event* dalam sukan gimrama. Kejohanan ini berlangsung di Buenos Aires, Argentina pada 1-12 Oktober 2018.

**SUKAN ASIA JAKARTA-PALEMBANG 2018**

Seramai 38 orang atlet murid dan dua orang atlet guru telah mewakili negara dalam kejohanan ini dengan pencapaian satu pingat emas (pelayaran), satu pingat perak (hoki) dan dua pingat gangsa (skuasy dan pelayaran). Pingat emas telah disumbangkan oleh atlet muda negara, iaitu Muhammad Fauzi bin Kaman Shah. Selain kumpulan atlet, pasukan Malaysia turut disertai oleh seorang pegawai Kementerian, Encik Zainal bin Abas selaku Ketua Jurulatih dan dua orang guru daripada Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail dan SMK Chung Hwa Sin sebagai jurulatih pasukan. Kejohanan ini disertai 45 buah negara dan 45 jenis sukan dipertandingkan. Kejohanan ini diadakan di sekitar Jakarta dan Palembang, Indonesia pada 18 Ogos - 2 September 2018.

**KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH ASEAN KALI KE-10 TAHUN 2018**

Kontinjen Malaysia telah menghantar seramai 192 orang atlet murid dan 64 orang pegawai bagi menggalas cabaran negara pada Kejohanan Sukan Sekolah ASEAN Kali Ke-10 yang disertai oleh 10 buah negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei, Vietnam, Filipina, Myanmar, Laos dan Cambodia. Kejohanan ini berlangsung pada 19-27 Julai 2018. Sebanyak 11 jenis sukan dipertandingkan iaitu badminton, bola keranjang, bola tampar, bola jaring, ping pong, sepak takraw, renang, olahraga, gimnastik artistik, gimnastik berirama dan skuasy. Malaysia telah mengulangi kejayaan 2010 dan 2014 apabila muncul sebagai johan keseluruhan buat kali ketiga dengan mengumpul 37 pingat emas, 34 pingat perak dan 32 pingat gangsa melalui 11 acara yang disertai.

Keputusan keseluruhan Kejohanan Sukan Sekolah ASEAN Kali Ke-10 adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
1	Malaysia	37	34	32	103
2	Indonesia	31	36	30	97
3	Thailand	19	21	31	71
4	Singapura	13	16	22	51
5	Vietnam	13	8	6	27
6	Filipina	9	7	20	36
7	Myanmar	1	2	2	5
8	Laos	0	0	3	3
9	Cambodia	0	0	0	0
10	Brunei	0	0	0	0

**KEJOHANAN BOLA SEPAK 7 SEBELAH 1MURID 1SUKAN KPM-YBR (7S1M1S) 2018**

Kejohanan Bola Sepak 7 Sebelah 1Murid 1Sukan KPM-YBR (7S1M1S) merupakan salah satu kejohanan kelolaan Bahagian Sukan dengan kerjasama dan tajaan sepenuhnya oleh Yayasan Bank Rakyat. Kejohanan edisi ketiga ini masih menggunakan konsep yang sama seperti edisi pertama (*school-based*) bagi kategori murid bawah umur 11 tahun dengan penyertaan sebanyak 16 pasukan. Pasukan yang bertanding pada peringkat kebangsaan terdiri daripada pasukan yang berjaya menjadi johan pada peringkat negeri. Kejohanan ini telah diadakan di Kangar, Perlis pada 6-10 Oktober 2018.

**PROGRAM KECERGASAN KPM SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2018**

Program ini dilaksanakan pada 13 Oktober 2018 di Dataran Putrajaya, Presint 3 dengan pelibatan seramai 17,000 peserta termasuk warga Kementerian dan masyarakat sekitar Putrajaya. Dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pendidikan, program turut melibatkan penyertaan pihak swasta seperti MILO, Yayasan Bank Rakyat dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Aktiviti utamanya adalah Jalan Ria 1Murid 1Sukan yang melibatkan murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, masyarakat awam dan semua warga Kementerian. Selain itu, terdapat juga pertandingan senamrobik antara sekolah, sepak takraw bulatan, bola keranjang, ragbi sentuh, futsal prasekolah, hoki, lompat tali, *frisbee* dan *floorball*.

**KEJOHANAN SUKAN PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2018**

Dalam membentuk perpaduan kaum, Kementerian telah menjadikan sukan sebagai salah satu agenda utama bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Sejajar dengan matlamat Kementerian untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu tanpa mengira batasan agama, bangsa atau budaya, maka buat julung kalinya Kementerian dengan kerjasama JPN Pahang telah menganjurkan Kejohanan Sukan Perpaduan 1Murid 1Sukan (1M1S) Peringkat Kebangsaan pada 14-18 Oktober 2018.

Seramai 640 orang murid Kelas Peralihan, Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua daripada pelbagai kaum (Melayu, Cina, India, Orang Asli serta Pribumi Sabah dan Sarawak) telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut. Acara yang dipertandingkan adalah sukan futsal bagi murid lelaki dan bola baling bagi murid perempuan. Majlis Penutupan telah disempurnakan oleh Dr. Mehander Singh A/L Nahar Singh, Pengarah, Bahagian Sukan.

**KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH PEDALAMAN 1MURID 1SUKAN PERINGKAT NEGERI SABAH KALI KE-6, 2018**

Kejohanan Sukan Sekolah Pedalaman 1M1S Peringkat Negeri Sabah telah diadakan di Ranau, Sabah pada 14-16 Oktober 2018. Kejohanan ini melibatkan murid sekolah rendah yang berada di kawasan pedalaman P2 dan P3. Seramai 528 orang atlet murid (240 lelaki dan 288 perempuan) dan 96 orang guru dari 24 buah PPD mengambil bahagian. Sukan yang dipertandingkan ialah sukan futsal bagi murid lelaki dan bola baling bagi murid perempuan.

**KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH MURID ORANG ASLI KE-11, 2018**

Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli (KSSMOA) telah bermula sejak tahun 2007 untuk murid Orang Asli kategori bawah 12 tahun. Pada tahun itu hanya tiga buah negeri sahaja yang terlibat, iaitu Pahang, Perak dan Kelantan. Selepas itu, beberapa buah JPN telah berminat untuk menyertai kejohanan ini bagi memberi peluang dan mencungkil bakat murid Orang Asli di negeri

berkenaan serta mempamerkan kemampuan mereka dalam acara sukan. Pada tahun 2008, JPN Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Terengganu telah menyertai KSSMOA dan membentuk tujuh pasukan yang bertanding dalam kejohanan ini. Pada tahun 2018, seramai 443 orang murid telah bertanding dalam lima acara sukan iaitu bola baling, bola sepak 9 sebelah, balapan dan padang, sepak takraw dan ragbi mini. Kejohanan ini diadakan pada 22-26 Oktober 2018 di Johor Bahru, Johor.

**PERTANDINGAN AKHIR ACTIV JAM SENAM AEROBIK KPM-MILO PERINGKAT KEBANGSAAN 2018**

Pertandingan Akhir Activ Jam Senam Aerobik KPM-MILO Peringkat Kebangsaan 2018 merupakan program kerjasama antara Kementerian dengan Syarikat Nestle Products Sdn. Bhd., khususnya produk Milo. Pertandingan ini diadakan di Kompleks Darul Puteri, Cheras, Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2018 dan melibatkan 10 pasukan terbaik dari seluruh negara bagi kategori *school-based*. Sebanyak 10 buah negeri telah mengambil bahagian dalam Kategori Muhibah JPN yang mensyaratkan penyertaan merangkumi kaum Melayu, Cina dan India serta kaum lain, sekiranya ada. Pertandingan ini melibatkan 2,100 orang murid dan 420 orang guru. Majlis Penutup telah disempurnakan oleh En. Zainal bin Abas, Timbalan Pengarah Bahagian Sukan.

**PROGRAM PEMBANGUNAN CABARAN SEKOLAH SUKAN NEGERI (SSN SPORTS CHALLENGE) 2018**

Program pembangunan *SSN SPORTS CHALLENGE* ini telah bermula pada tahun 2017 dan merupakan salah satu program pembangunan yang dirangka khas untuk atlet murid Sekolah Sukan Negeri (SSN) yang berumur 13 dan 14 tahun. Acara sukan yang dipertandingkan ialah olahraga, sepak takraw, bola jaring dan hoki. Program ini dilaksanakan dengan pelibatan 15 buah SSN, 600 orang atlet murid dan 75 orang jurulatih sukan. Pertandingan peringkat zon dilaksanakan pada bulan Mac hingga September, manakala *Finale* telah diadakan pada 20-22 Oktober 2018 di SMK Gunung Rapat, SSN Perak. Sebuah inisiatif Kementerian dalam melahirkan atlet murid bertaraf antarabangsa, program ini memberi ruang kepada SSN untuk menilai program pembangunan jurulatih.

**KEJOHANAN LARI BERGANTI-GANTI TERBUKA KPM-KOM-JPWP KL 2018**

Kejohanan Lari Berganti-ganti Terbuka KPM-KOM-JPWP KL 2018 merupakan satu usaha berfokus dan terancang bagi sukan olahraga bagi peringkat umur 14 dan 16 tahun di sekolah seluruh Malaysia. Ia adalah platform bagi program pembangunan sukan olahraga. Kejohanan ini dilaksanakan pada 9-11 November 2018 di Stadium Kuala Lumpur dengan penyertaan 600 orang atlet murid dan 45 orang pegawai. Selaras dengan itu, kejohanan ini juga dijadikan salah satu arena penyediaan dan pendedahan yang lebih berkesan, serta peluang sosialisasi secara sihat dalam kalangan mereka yang terlibat. Program ini juga adalah salah satu platform untuk menguji keberkesanan program pembangunan sukan dalam menyediakan pelapis atlet negara pada masa akan datang.

**LAMPIRAN BERGAMBAR**

**Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018**



Muhammad Fauzi bin Kaman Shah muncul sebagai penyumbang pingat emas termuda buat kontinjen negara bagi sukan pelayaran dalam Sukan Asia 2018



Sukri Abdul Mutalib (guru SSM) merupakan tulang belakang pasukan Malaysia yang berjaya merangkul pingat perak dalam Sukan Asia 2018.

**Sukan Remaja Olimpik 2018**



Akhimullah Anuar (kiri) menjaringkan dua gol ketika membantu Malaysia menewaskan India 4-2 dalam aksi final, sekaligus dinobatkan sebagai penjaring terbanyak kejohanan dalam Sukan Olimpik Remaja 2018.



Sukan Olimpik Remaja 2018



Sukan Olimpik Remaja 2018



Gimnas negara, Rayna Hoh Kai Ling turut menyumbang pingat perak dalam Sukan Olimpik Remaja 2018.

**Program Kecergasan KPM Sempena Hari Sukan Negara 2018**



Program Kecergasan KPM Sempena Hari Sukan Negara telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pendidikan.



Para peserta yang memeriahkan Program Kecergasan KPM Sempena Hari Sukan Negara.



Persembahan acara senamrobik oleh murid sekolah bagi sesi memanaskan badan dalam Program Kecergasan KPM.



Sukan futsal bagi kategori murid lelaki



Sukan bola baling bagi kategori murid perempuan

**Kejohanan Sukan Sekolah Pedalaman 1M1S Peringkat Negeri Sabah Kali Ke-6, 2018**



Sukan futsal bagi kategori murid lelaki



Sukan bola baling bagi kategori murid perempuan

**Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli Ke-11 2018, 22-26 Oktober 2018, Johor Bahru**



Aksi murid dalam sukan ragbi mini



Aksi murid dalam sukan sepak takraw

**Pertandingan Akhir Activ Jam Senam Aerobik KPM-Milo Peringkat Kebangsaan 2018**



Pasukan mempersembahkan aksi dalam pertandingan Activ Jam.



Aksi lincah murid sekolah rendah dalam pertandingan Activ Jam.



Antara pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan Activ Jam.

**SEKOLAH SENI**

Penubuhan Sekolah Seni merupakan usaha Kementerian untuk membangunkan potensi individu yang berbakat dan meminati bidang kesenian. Sehingga tahun 2018, terdapat tiga buah sekolah seni di Malaysia serta dua buah sekolah menengah kebangsaan harian yang menawarkan Program Pendidikan Seni bagi memenuhi permintaan murid untuk meneruskan pendidikan dalam Seni Muzik, Seni Tari, Seni Teater dan Seni Visual.

Sekolah Seni Malaysia (SSeM) berkonsepkan sekolah berasrama penuh dan menyediakan kemudahan untuk murid menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akademik, latihan kesenian dan kebudayaan serta aktiviti kokurikulum dan riadah secara berjadual dan terancang. Sejak ditubuhkan, SSeM menunjukkan

peningkatan enrolmen yang amat menggalakkan. Pada tahun 2018, bilangan enrolmen SSeM terus meningkat sebanyak 8.61% berbanding tahun 2017 (Ekshibit 1-13).

**SEKOLAH AGAMA ISLAM**

Kementerian mengelolakan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang menawarkan kedua-dua mata pelajaran akademik dan bidang pendidikan Islam bagi memenuhi permintaan murid yang cenderung ke arah pendidikan dalam bidang pengajian Islam. Bilangan prasekolah dan sekolah agama di bawah Kementerian masih kekal 297 dengan enrolmen sebanyak 39,237 berbanding 39,229 pada tahun 2017 yang ditunjukkan dalam Ekshibit 1-14.

Ekshibit 1-13: Enrolmen Program Pendidikan Seni Mengikut Jantina, 2013-2018

GELOMBANG	TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
G1	2013	250	323	573
	2014	298	363	661
	2015	317	403	720
G2	2016	496	679	1175
	2017	466	648	1114
	2018	536	683	1,219

Sumber: Bahagian Kokurikulum dan Seni

Ekshibit 1-14: Bilangan Sekolah Agama di bawah Kementerian, 2018

SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH	JUMLAH MURID
Prasekolah	17	729
SABK Rendah	41	17,098
SABK Menengah	180	68,524
SMK Agama	59	39,237

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam, BPI

**Kecemerlangan Sekolah Agama pada Peringkat Antarabangsa**

Murid sekolah agama telah melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai pertandingan bukan sahaja

pada peringkat kebangsaan, malahan peringkat antarabangsa juga. Ekshibit 1-15 memaparkan pelibatan mereka sepanjang tahun 2018 dan kejayaan yang diraih:

**Ekshibit 1-15: Pencapaian Murid Sekolah Agama pada Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, 2018**

Bil.	Pertandingan	Kejayaan
1.	Inovasi Envex 2018 (International Engineering Invention & Innovation Exhibition) <ul style="list-style-type: none"> <li>Kampus Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Kangar, Perlis</li> <li>13-15 April 2018</li> </ul>	SMKA Wataniah, Jerteh, Terengganu <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
2.	Azan <ul style="list-style-type: none"> <li>Yayasan Pendidikan Islam As-Syafi'iyah Internasional, Medan, Indonesia</li> <li>4 Mei 2018</li> </ul>	SAM Hulu Langat, Batu 10, Cheras, Selangor <ul style="list-style-type: none"> <li>Johan</li> </ul>
3.	Khutbah <ul style="list-style-type: none"> <li>Yayasan Pendidikan Islam As-Syafi'iyah Internasional, Medan, Indonesia</li> <li>4 Mei 2018</li> </ul>	SAM Hulu Langat, Batu 10, Cheras, Selangor <ul style="list-style-type: none"> <li>Johan</li> </ul>
4.	Croatia 43rd International Invention Show (INOVA) 2018 <ul style="list-style-type: none"> <li>Zagreb Fair, Zagreb, Croatia</li> <li>14-17 November 2018</li> </ul>	SMA Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
5.	World Young Inventors Exhibition (WYIE) <ul style="list-style-type: none"> <li>KL Convention Centre</li> <li>10-12 Mei 2018</li> </ul>	SMA Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
6.	International Young Scientists Innovation Exhibition, Kajang Selangor <ul style="list-style-type: none"> <li>Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kajang, Selangor</li> <li>8-13 Julai 2018</li> </ul>	SMA Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
7.	Debat Bahasa Arab Peringkat Antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> <li>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor</li> <li>27-30 Julai 2018</li> </ul>	SMA Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu <ul style="list-style-type: none"> <li>Johan Keseluruhan</li> <li>Pendebat Terbaik</li> </ul>
8.	Pertandingan Robotik Lego Education 'Tug of War 2018' Peringkat Antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> <li>Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya</li> <li>26-28 Februari 2018</li> </ul>	SMA Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu <ul style="list-style-type: none"> <li>Johan</li> </ul>
9.	Pertandingan Piala LKC Abakus Mental Aritmetik Dan Matematik Antarabangsa ke 6 Tahun 2018 <ul style="list-style-type: none"> <li>Kota Kinabalu, Sabah</li> <li>4-5 Ogos 2018</li> </ul>	SRA Tengku Amalin A'ishah Putri, Kota Bharu, Kelantan <ul style="list-style-type: none"> <li>Johan</li> </ul>
10.	4th ITF China Taekwondo Championship 2018, Sheung Shui, Hong Kong <ul style="list-style-type: none"> <li>Lung Sum Avenue Sports Centre, Sheung Shui, Hong Kong</li> <li>27-31 Oktober 2018</li> </ul>	SRA Tengku Amalin A'ishah Putri, Kota Bharu, Kelantan <ul style="list-style-type: none"> <li>5 pingat emas</li> </ul>


Bil.	Pertandingan	Kejayaan
11.	Kejohanan 15th Song Ki Yong Cup <ul style="list-style-type: none"> <li>Prince of Songkhla University, Songkhla, Thailand</li> <li>19-21 Oktober 2018</li> </ul>	SMA Dato' Klana Petra Maamor, Seremban, Negeri Sembilan <ul style="list-style-type: none"> <li>Johan Kategori Berat 49 kg</li> </ul> SMKA Falahiah, Pasir Pekan, Wakaf Bharu, Kelantan <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
12.	International Young Inventors Award 2018 <ul style="list-style-type: none"> <li>Bali, Indonesia</li> <li>19-22 September 2018</li> </ul>	SMKA Sultan Muhammad, Batu Berendam, Melaka <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
13.	International Academic Festival (IAF) 2018 <ul style="list-style-type: none"> <li>Chariyathamsuksa Foundation School, Chana District, Songkhla, Thailand</li> <li>6-7 Februari 2018</li> </ul>	SMKA Sharifah Rodziah, Telok Mas, Melaka <ul style="list-style-type: none"> <li>2 pingat emas</li> </ul>
14.	Program Pengantarabangsaan 2018 (Surabaya Educational Trip) <ul style="list-style-type: none"> <li>SMA Muhammadiyah 1 Taman Sepanjang Sidoarjo (SMAMITA), Surabaya, Indonesia</li> <li>7-10 September 2018</li> </ul>	SMKA Sharifah Rodziah, Telok Mas, Melaka <ul style="list-style-type: none"> <li>Juara</li> </ul>
15.	1st Beehive International Social Innovation Conference <ul style="list-style-type: none"> <li>Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, Kelantan</li> <li>3-4 Oktober 2018</li> </ul>	SMKA Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
16.	Kejohanan Taekwondo (MGTF) Sekolah-Sekolah Sarawak Kali Ke-9 & Jemputan Borneo Kali Ke-7 <ul style="list-style-type: none"> <li>Swan Square, Sibu, Sarawak</li> <li>10-11 November 2018</li> </ul>	SMKA NAIM Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
17.	Pertandingan International Engineering Invention & Innovation Exhibition i-ENVEX 2018 <ul style="list-style-type: none"> <li>Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Kangar, Perlis</li> <li>13-15 April 2018</li> </ul>	SMKA AI – Irshad, Kepala Batas, Pulau Pinang <ul style="list-style-type: none"> <li>2 pingat emas</li> </ul>
18.	St. Agnes - SMKA AI-Irshad International Students Exchange <ul style="list-style-type: none"> <li>St. Agnes School, Kharagpur West Bengal, India</li> <li>31 Oktober-3 November 2018</li> </ul>	SMKA AI – Irshad, Kepala Batas, Pulau Pinang <ul style="list-style-type: none"> <li>Johan</li> </ul>
19.	The 38th Beijing Youth Science Creation Competition (BYSCC) 2018 <ul style="list-style-type: none"> <li>Yanqi Campus University of Chinese Academy of Science (UCAS), Beijing, China</li> <li>23-29 Mac 2018</li> </ul>	SMA AI Madrasah Al Alawiyah Ad Diniyah, Arau, Perlis <ul style="list-style-type: none"> <li>3 pingat emas</li> </ul>
20.	The 2nd International Indonesia-Malaysia-Thailand Symposium on Innovation and Creativity (IMIT SIC 2018) <ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat Kegiatan Mahasiswa, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia</li> <li>6-9 Ogos 2018</li> </ul>	SMA AI Madrasah Al Alawiyah Ad Diniyah, Arau, Perlis <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
21.	The 5th International Young Inventors Award (IYIA) 2018 <ul style="list-style-type: none"> <li>Inna Grand, Sanur Bali Indonesia</li> <li>19-22 September 2018</li> </ul>	SMA AI Madrasah Al Alawiyah Ad Diniyah, Arau, Perlis <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>
22.	International Invention & Innovative Competition (InIIC) Series 2 <ul style="list-style-type: none"> <li>Hotel Resorts World, Langkawi</li> <li>20 Oktober 2018</li> </ul>	SMA AI Madrasah Al Alawiyah Ad Diniyah, Arau, Perlis <ul style="list-style-type: none"> <li>1 pingat emas</li> </ul>

**SEKOLAH DALAM HOSPITAL (SDH)**

SDH merupakan satu inisiatif antara Kementerian dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyediakan keperluan pusat pembelajaran yang kondusif dan berstruktur bagi murid yang sedang dirawat di wad hospital meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pembelajaran di SDH berorientasikan didik hibur dan fleksibel, salah satu proses yang dapat membantu penyembuhan semasa mendapat rawatan di hospital. Sehingga kini terdapat 15 buah SDH di seluruh negara, iaitu enam di zon tengah Semenanjung, tiga di zon selatan, tiga di zon timur, dua di Sabah dan satu di Sarawak (Ekshibit 1-16).

**Ekshibit 1-16: Lokasi SDH di Malaysia, 2018**



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, BPKhas

Pada tahun 2018, bilangan murid yang berdaftar di SDH seluruh Malaysia seramai 14,855 orang berbanding 13,267 orang pada tahun 2017 (Ekshibit 1-17). Murid ini telah dibantu oleh seramai 131 orang guru dan pembantu pengurusan murid (PPM) (Ekshibit 1-18), dan peringkat pendidikan murid ini berbeza-beza seperti yang ditunjukkan pada Ekshibit 1-19.

**Ekshibit 1-17: Bilangan murid yang berdaftar di SDH, 2017-2018**

SDH	2017	2018
IPHKL	779	780
AMPANG	876	648
SERDANG	2116	1865
HUSM	765	947
PPUKM	359	588
HSAJB	892	905
HOSHAS	644	756
HPSF	1756	1712
PPUM	239	466
SELAYANG	1090	1093
HTJS	1417	1931
HWKKS	502	881
HUS	909	853
HTAWAU	550	1092
HSNZ	283	338
<b>JUMLAH</b>	<b>13267</b>	<b>338</b>

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, BPKhas

**Ekshibit 1-18: Bilangan Guru dan Pembantu Pengurusan Murid di SDH sehingga Oktober 2018**

BIL.	INSTITUSI	GURU		JUMLAH GURU	PPM		JUMLAH PPM	JUMLAH KESELURUHAN (GURU & PPM)
		Lelaki	Perempuan		Lelaki	Perempuan		
1	SDH Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur	2	8	10	0	2	2	12
2	SDH Hospital Serdang, Selangor	2	6	8	0	1	1	9
3	SDH Hospital Ampang, Selangor	3	4	7	0	1	1	8
4	SDH Hospital Sultanah Aminah, Johor	1	5	6	0	1	1	7
5	SDH Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang	0	5	5	0	1	1	6
6	SDH Hospital Universiti Sains Malaysia, Kelantan	5	5	10	0	1	1	11
7	SDH Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur	0	7	7	0	1	1	8
8	SDH Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor	4	5	9	0	1	1	10
9	SDH Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur	4	4	8	0	1	1	9
10	SDH Hospital Selayang, Selangor	2	6	8	0	1	1	9
11	SDH Tunku Ja'afar	3	5	8	0	1	1	9
12	SDH Hospital Umum Sarawak	3	5	8	0	1	1	7
13	SDH Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah	2	7	9	0	0	0	9
14	SDH Hospital Tawau	1	5	6	0	2	2	8
15	SDH Hospital Sultanah Nur Zahirah	3	3	6	1	0	1	7
<b>JUMLAH</b>		<b>35</b>	<b>80</b>	<b>115</b>	<b>1</b>	<b>15</b>	<b>16</b>	<b>131</b>

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, BPKhas

**Ekshibit 1-19: Enrolmen di Sekolah Dalam Hospital Mengikut Peringkat Pendidikan bagi Tahun 2018**

PERINGKAT PENDIDIKAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH	PERATUS
PRA SEKOLAH	1718	1242	2960	20%
SEKOLAH RENDAH	4484	3200	7684	52%
SEKOLAH MENENGAH	2194	1497	3691	25%
SPK/ PPK/ PPI	309	211	520	4%
<b>JUMLAH</b>	<b>8705</b>	<b>6150</b>	<b>14855</b>	<b>100%</b>

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, BPKhas



Lawatan YB Menteri Pendidikan Malaysia ke SDH Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 15 November 2018.



Keberkesanan dan manfaat SDH kepada murid yang mempunyai masalah kesihatan ternyata telah terbukti. Oleh itu, pelaksanaan program ini wajar diperluaskan. Kementerian kini dalam usaha untuk memperluaskan program ini ke negeri di Zon Utara, iaitu Kedah dan Perlis.

## SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH (SBJK)

SBJK merupakan satu usaha Kementerian untuk memastikan akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan khusus di sekitar Kuala Lumpur yang merupakan salah satu daripada kumpulan kanak-kanak terpinggir di negara ini. Penubuhan sekolah ini selari dengan piagam *United Nations Convention on the Rights of the Child* dan konsep *Education for All* oleh UNESCO. Objektif penubuhan SBJK adalah seperti berikut:

- Menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir,
- Mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan rakyat Malaysia,

- Memberi peluang laluan kerjaya kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir, dan
- Membina insan yang berilmu, berkemahiran dan berdiskari.

Dato' Aznil Haji Nawawi yang dilantik sebagai Ikon SBJK pada tahun 2017 telah banyak menyumbang kepada usaha meningkatkan motivasi murid SBJK untuk kekal mengikuti pendidikan. Pada tahun 2018, satu blok akademik tujuh tingkat telah mula dibangunkan. Bilangan murid yang berada di SBJK adalah seramai 158 orang pada peringkat rendah dan menengah, sementara guru pula seramai 16 orang dan dibantu lima Anggota Kumpulan Sokongan.

Pelbagai pihak yang terdiri daripada agensi swasta dan awam, NGO dan orang perseorangan telah membantu meningkatkan kejayaan SBJK dan warganya secara berkala (Ekshibit 1-20).

Ekshibit 1-20: Sokongan Aktiviti Berkala bagi Murid Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, 2018

Bidang	Agensi	Aktiviti
Kerohanian	Persatuan Kebajikan Pelajar Qari & Qariah Malaysia (PERQAM)	Kelas Feqah, Fardu Ain dan Al Quran
	Institut Pengajian AI-Quran (IPAQ)	Kem Qaseh Ramadan
	Unit Dakwah dan Syariah Islam, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Masjid Negara	Kem Jalinan Kasih Majlis Bacaan Yasin Bacaan Asma Al Husna serta Doa Dhuha
Kemahiran	Individu (NGI)	Kelas jahitan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha SBJK 2018
	Pit Stop Community Café, Jalan Tun H.S.Lee (NGO)	Kemahiran asas memasak
Kesenian	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)	Kelas Tarian (setiap Selasa) Gamelan (setiap Isnin) Band (setiap Isnin) Senam Seni (setiap Selasa)
	Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM)	Kemahiran seni mempertahankan diri
	Dana Jamin	Kelas tambahan semua subjek UPSR iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains
Sukarelawan	Institut Onn Jaafar (IOJ)	Menyediakan sarapan berkhasiat Bekerjasama dengan pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk mengadakan aktiviti
Kerjaya	Skills Technical Innovations College (S.T.I. College)	Kursus penyediaan makanan bagi murid lepasan SPM
	TESCO Stores Malaysia Sdn. Bhd.	SBJK sebagai sekolah angkat Program Shopping Raya 2018
	Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya (UM)	Aktiviti kesedaran berkaitan kesalahan ringan mahupun berat Meningkatkan semangat murid SBJK untuk ke menara gading

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**Program Tahunan**

Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun untuk meningkatkan sahsiah, kemahiran insaniah dan jati diri murid. Antara program yang telah dilaksanakan ialah Hari

Pendaftaran Murid Baharu dan Minggu Orientasi 2018, Sambutan Bulan Kemerdekaan 2018, Majlis Graduasi dan Hari Anugerah Kecemerlangan SBJK 2018, dan Hari Kanak-Kanak SBJK 2018 serta Kem Jati Diri 2018 di Tasik Kenyir, Terengganu.

**Kemenjadian Murid**

Kumpulan Buskers SBJK (Bandana Buskers)	Tujuh orang murid dalam kumpulan ini telah menerima pelbagai jemputan pada peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pelbagai Kementerian, dan juga pada peringkat antarabangsa (persembahan bersama US Navy Army). Kumpulan ini juga pernah membuat persembahan semasa Program Transformasi Minda di Hulu Dong, Raub, Pahang, di SMK Seri Tapah, Perak dan SK Pantai Senak, Kota Bharu, Kelantan. Program ini, secara tidak langsung, meningkatkan keyakinan dan jati diri murid.
Kumpulan Tarian SBJK	Lima orang murid yang berbakat ini mengadakan latihan pada setiap hari Selasa bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).
Kelas Kemahiran Menjahit	Projek 'Menjahit Sampai Pandai' telah disertai oleh 19 orang murid sekolah rendah dan menengah. Mereka memberikan kerjasama dan hasil yang amat memuaskan dan menghasilkan pakaian seperti seluar, skirt, baju kurung dan jubah.  Mereka juga menerima tempahan menjahit pouch bag telefon bimbit sebanyak 200 unit dari Kementerian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Kelas Kemahiran Memasak dan Keusahawanan	Projek jualan Roti John di Bazar Ramadan (Jalan Raja Uda) turut dijalankan bagi meningkatkan kemahiran insaniah (komunikasi dan keusahawanan).  Mereka juga menerima tempahan kuih raya sempena Hari Raya Aidil Fitri.
Tawaran Menyambung Pelajaran ke Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	Alma Nur Fajrina telah berjaya dipilih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat STPM di SMK Puteri Jaya, Kuala Lumpur setelah mendapat keputusan yang baik dalam SPM 2017.
Kerjaya Murid	Seramai lima orang murid lepasan SPM SBJK 2017 telah mendapat pekerjaan yang baik iaitu sebagai tukang gunting rambut di Barber Shop, pembantu jualan, serta peniaga dan pekerja di bakeri.

**SEKOLAH INTEGRITI DAN SEKOLAH HENRY GURNEY (SISHG)**

**Pendidikan Di Sekolah Integriti Dan Sekolah Henry Gurney (SISHG) Melalui Perkhidmatan Pendidikan Korektif**

Perkhidmatan pendidikan secara korektif merupakan pembangunan pendidikan yang holistik (Ekshibit 1-21) serta berterusan bagi pembinaan sahsiah dan peribadi yang mulia murid di SISHG. Pada masa

yang sama, pendidikan ini menyediakan peluang untuk mereka meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna setelah dibebaskan. Pendidikan ini telah memberi manfaat kepada ramai pelajar SISHG dengan usaha gigih para guru di negeri seluruh Malaysia (Ekshibit 1-22). Pendidikan untuk banduan muda dan juvana ini terbahagi kepada empat aspek utama iaitu akademik, kemahiran, sukan berprestasi tinggi, serta kesenian dan kebudayaan. Potensi individu setiap banduan muda dan juvana dikenalpasti bagi menentukan aspek pendidikan yang sesuai.

*Ekshibit 1-21: Perkhidmatan Pendidikan Korektif*



*Ekshibit 1-22: Jumlah Guru dan Pelajar di Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney (SISHG) tahun 2018*

Bil.	Institusi	Jumlah Guru	Jumlah Pelajar
1	SI Puncak Alam Selangor	10	67
2	SI Sg. Petani, Kedah	11	177
3	SI Marang, Terengganu	11	311
4	SI Kluang, Johor	9	50
5	SI Muar, Johor	4	35
6	SI Kuching, Sarawak	4	15
7	SI Kota Kinabalu, Sabah	7	48
8	SI (W) Bentong, Pahang	3	9
9	SHG Telok Mas, Melaka	20	290
10	SHG Keningau, Sabah	9	70
11	SHG (W) Kota Kinabalu, Sabah	4	20
12	SHG Puncak Borneo, Sarawak	4	40
	Pegawai di IPPM Kajang	4	-
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>	<b>1,132</b>

Sumber Data: Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM) Kajang, setakat 31 Oktober 2018

Sebagai langkah untuk memperkasakan lagi pendidikan korektif, pengurusan sistem pendidikan yang lebih holistik di SISHG akan dilaksanakan. Prasarana akan dititikberatkan ke arah pembinaan model pendidikan korektif

- Peluasan Pendidikan – Sekolah Satelit untuk pendidikan jangka pendek akan dilaksanakan khas untuk banduan muda yang menjalani hukuman kurang daripada enam bulan.
- Kolaborasi untuk platform yang lebih meluas dalam laluan kerjaya banduan muda dan juvana melalui penyediaan latihan kemahiran untuk kebolehpasaran sebagai tenaga mahir yang penuh berintegriti.

## MEMBANGUNKAN PENDIDIKAN PINTAR CERDAS

Dasar Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) telah diluluskan pada tahun 2018 dan diikuti dengan beberapa aktiviti bagi meningkatkan kapasiti dan kepakaran pegawai bagi penyediaan PPPC yang komprehensif.

### Seminar Pendidikan Pintar Cerdas

Seminar Pendidikan Pintar Cerdas telah diadakan yang bertujuan untuk menyediakan platform bagi perkongsian idea dan pengkonsepsian tentang pendidikan pintar cerdas. Seminar ini mendapati

bahawa PPPC yang holistik perlu meliputi aspek berikut:

- Kurikulum dan pengayaan yang mantap
- Sokongan daripada ibu bapa, masyarakat dan kerajaan
- Kaedah pembelajaran yang holistik
- Kualiti pengurusan yang baik
- Kepakaran guru
- Sumber kewangan
- Persekitaran yang kondusif

### Lawatan Penanda Aras


Kementerian telah membuat dua lawatan penanda aras ke MRSM Tun Ghafar Baba, Melaka dan MRSM Pengkalan Chepa bagi mendapatkan maklumat serta amalan terbaik. Kedua-dua MRSM ini telah melaksanakan Program Khas Pendidikan (PKP)/ Bitara yang memberi fokus kepada pelajar dalam *talent pool* dan dianggap *gifted* atau pintar cerdas dan mempunyai pencapaian tinggi dalam akademik kluster Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Kedua-dua MRSM ini melaksanakan *Schoolwide Enrichment Model* (SEM) yang diasaskan oleh Dr. Joseph Renzulli, dan menyediakan pelbagai aktiviti pengayaan STEM bagi memaksimumkan potensi serta memberi cabaran kepada kebolehan mereka. Hasil lawatan ini, Kementerian mengenal pasti amalan terbaik MRSM dalam aspek kurikulum iaitu penggunaan kurikulum kebangsaan yang diikuti dengan pemampatan kurikulum serta pendekatan modular. Di samping itu, SEM dijadikan asas dalam merangka program pengayaan PPPC.



Gambar 1 : Penceramah Jemputan Seminar Pintar



Ekshibit 1-24: Bilangan Melapor Diri Mengikut Negeri dan Aliran Bagi Tahun 2018




Sumber: APDM, November 2018

## PENAWARAN KEMASUKAN PELAJAR LEPAS SPM 2017 KE TINGKATAN ENAM SEMESTER SATU TAHUN 2018

### PENDIDIKAN LEPAS MENENGAH


Pada tahun 2018, seramai 190,401 (46%) calon lepasan SPM 2017 dari setiap negeri (Ekshibit 1-23) telah ditawarkan untuk menyambung pengajian ke Kolej Tingkatan Enam dan Pusat Tingkatan Enam di seluruh negara. Sehingga November 2018, seramai 91,446 (48%) pelajar telah melaporkan diri bagi pengajian di Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan Enam; 48,768 melapor diri pada Semester 1 dan 42,686 untuk Semester 3 (Ekshibit 1-24). Bilangan pelajar mengikut aliran ditunjukkan dalam Ekshibit 1-25.

Ekshibit 1-23: Tawaran Kemasukan Murid Tingkatan Enam Semester Satu Tahun 2018



Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia pada 15 Mac 2018

Ekshibit 1-25: Bilangan Pelajar Mengikut Aliran



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH




**Peluasan dan Pengoperasian Kolej/Pusat Tingkatan Enam di Seluruh Negara**

Peluasan Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) dan Pusat Tingkatan Enam (Mod 2) dilaksanakan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 7 2017: Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard Pemusatan Tingkatan Enam. Inisiatif peluasan ini telah bermula sejak tahun 2014 lagi dan akan diteruskan sehingga tahun 2025. Ekshibit 1-26 menunjukkan status dan garis masa peluasan Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) dalam jangka masa tersebut.

Sehingga 30 November 2018, terdapat sebanyak 14 buah Kolej Tingkatan Enam (Mod 1), 85 buah Pusat Tingkatan Enam (Mod 2) dan 566 buah Pusat Tingkatan Enam (Mod 3). Pecahan bilangannya mengikut mod dan negeri, serta senarai Kolej Tingkatan Enam adalah seperti yang dipaparkan dalam Ekshibit 1-27.


Kementerian bersama-sama JPN sentiasa berusaha untuk memantapkan pengajian Tingkatan Enam dan, menjelang tahun 2025 dijangkakan terdapat sebanyak 28 buah Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) di seluruh negara.

**Ekshibit 1-26: Status dan Garis Masa Peluasan Kolej Tingkatan Enam (Mod 1), 2014 - 2025**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**Ekshibit 1-27: Bilangan Kolej Tingkatan Enam (Mod 1), Pusat Tingkatan Enam (Mod 2) dan Pusat Tingkatan Enam (Mod 3) bagi Semua Kategori Sekolah KPM**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**Konvensyen Pendidikan Tingkatan Enam Peringkat Kebangsaan Kali ke-2 Tahun 2018**

Konvensyen Pendidikan Tingkatan Enam Peringkat Kebangsaan Kali ke-2 Tahun 2018 telah dilaksanakan pada 24-26 September 2018 di IPGK Pulau Pinang. Ia telah dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia dan dihadiri seramai 300 peserta, dan menyaksikan sebanyak 60 pembentangan kertas kerja penyelidikan yang terpilih daripada setiap negeri dari seluruh negara.

Temanya, 'Penyelidikan dan Inovasi Ke Arah Pendidikan Global' bertepatan dengan perkembangan pendidikan semasa memandangkan STPM diiktiraf oleh Cambridge Assessment, United Kingdom, negara-negara Komanwel serta universiti dalam dan luar negara.

Konvensyen ini merupakan platform untuk guru menghasilkan idea kreatif dan inovatif dalam melaksanakan PdP secara lebih berkesan dan berimpak tinggi, seterusnya membuat pembentangan dan penerbitan artikel dalam jurnal berwasit di dalam dan di luar negara. Penganjurannya telah berjaya mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan, selain meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terkini dan menepati standard sebenar penyelidikan.

Penyelidikan yang meliputi kajian tindakan, kajian konvensional dan amalan terbaik merupakan satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih peka, kritis, dan lebih sedar terhadap amalan mereka sendiri serta bersedia untuk mengubah amalan ke tahap yang lebih tinggi. Seterusnya hasrat meningkatkan kebolehpasaran pelajar akan tercapai untuk melahirkan pelajar yang holistik.



**Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam Jilid 2 Tahun 2018**

Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam Jilid 2 Tahun 2018, terbitan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian susulan konvensyen yang telah diadakan, memuatkan 15 penulisan penyelidikan guru Tingkatan Enam dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (Ekshibit 1-28). Objektif Jurnal ini adalah seperti berikut:

- Menyediakan platform untuk warga pendidik khususnya perbincangan mengenai pendekatan, amalan dan kreativiti bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di Kolej dan Pusat Tingkatan Enam.
- Membuka ruang kepada guru untuk meningkatkan kefahaman tentang isu pendidikan semasa.
- Mewujudkan dan memantapkan jaringan dan jalinan serta kolaboratif penyelidikan kajian tindakan dan amalan terbaik dalam kalangan guru pelbagai bidang dan agensi lain.
- Menyebarkan hasil dapatan penyelidikan, kajian tindakan dan amalan terbaik bagi melestarikan kecemerlangan Kolej dan Pusat Tingkatan Enam.

**Ekshibit 1-28: Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam Jilid 2 Tahun 2018**



Pendidikan Tingkatan Enam telah mengalami perubahan yang bersesuaian dengan tuntutan semasa, iaitu perubahan daripada sistem terminal kepada sistem modular. Kerja kursus pelajar yang terdapat dalam enam bentuk - penulisan ilmiah, amali sains, projek, laporan/latihan amali, kerja lapangan dan kajian kes - merupakan salah satu daripada pentaksiran dalam STPM yang dikendalikan oleh guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Kolej/Pusat Tingkatan Enam.


Oleh itu, guru sebagai pembimbing pelajar perlu memiliki dan mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan terkini, serta menepati standard sebenar penyelidikan. Penyelidikan yang meliputi kajian tindakan, kajian empirikal, amalan terbaik dan lain-lain yang berkaitan merupakan satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih peka, kritis, dan lebih sedar terhadap amalan mereka sendiri serta bersedia untuk mengubah amalan ke tahap yang lebih tinggi.

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian akan meneruskan penerbitan Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam pada setiap tahun sebagai rujukan kepada guru dalam mempertingkatkan kualiti dalam PdP.

**Peningkatan Prestasi STPM**

BPSH bersama-sama JPN sentiasa berusaha mempertingkatkan pencapaian STPM dan melihat kepada pencapaian pelajar, keberhasilan usaha ini terbukti setiap tahun. Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada tahun 2018 telah meningkat kepada 2.80 berbanding 2.55 pada tahun 2013 sejak sistem modular diperkenalkan (Ekshibit 1-29).

Ekshibit 1-29: Pencapaian STPM, 2012 - 2018




Pada tahun 2018, PNGK STPM Nasional telah meningkat kepada 2.80 daripada 2.76 pada tahun 2017. Pelajar yang memperolehi keputusan yang baik, iaitu PNGK 2.75-4.00, berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat universiti. Sehingga kini hampir setiap tahun terdapat lebih daripada 70 peratus pelajar lepasan STPM meneruskan pengajian di universiti awam atau swasta, dalam atau luar negara. STPM kini diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh semua negara komanwel dan negara lain di seluruh dunia.

**Program Utama Tingkatan Enam Peringkat Negeri dan Kebangsaan**

Tingkatan Enam telah dijenamakan semula dan pelaksanaan pengajiannya menjurus kepada lima fokus utama - Imej dan Anjakan Minda, Info dan Infrastruktur, Pengurusan dan Pentadbiran, Mod Pengajaran dan Pembelajaran, dan Kurikulum (Ekshibit 1-30).


Ekshibit 1-30: Lima Fokus Utama Penjenamaan Semula Tingkatan Enam



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

Sehubungan itu, pelbagai program telah dilaksanakan pada peringkat Kementerian, JPN, PPD, Kolej Tingkatan Enam dan Pusat Tingkatan Enam bagi mempertingkatkan prestasi pelajar dalam bidang akademik dan kokurikulum yang mempengaruhi kebolehpasaran pelajar. Turut dilaksanakan, program pengukuhan kompetensi pegawai pengurusan di peringkat JPN dan PPD, pentadbir serta guru Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) dan Pusat Tingkatan Enam (Ekshibit 1-31).


Ekshibit 1-31: Aktiviti Peringkat Negeri dan Kebangsaan



**Pembentangan dan Pelibatan Pelajar Tingkatan Enam Peringkat Antarabangsa**

Pelibatan pelajar Kolej dan Pusat Tingkatan Enam sebagai pembentang atau peserta dalam pelbagai program pada peringkat antarabangsa (Ekshibit 1-32) telah berjaya memperkukuhkan daya keyakinan dan memperkembangkan potensi mereka untuk bersaing. Pelibatan pelajar ini juga mempertingkatkan tahap kebolehpasaran mereka untuk melanjutkan pelajaran dan meluaskan peluang kerjaya ke peringkat antarabangsa selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

Ekshibit 1-32: Aktiviti Utama Peringkat Antarabangsa



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA**

Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Lembaga Peperiksaan (LP) Kementerian sejak tahun 2000. Peperiksaan STAM dikendalikan secara berpusat di seluruh negara oleh LP bagi memberi laluan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang agama selepas mengambil peperiksaan SPM atau semasa berada dalam Tingkatan Enam.

Asas kurikulum STAM ialah Ma'ahad Bu'uth Al-Azhar yang telah dipersetujui oleh Kementerian dan Al-Azhar Al-Sharif, Kaheerah, Mesir. Kurikulum ini kini diguna pakai di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di Malaysia. Mata pelajaran STAM yang ditawarkan adalah berdasarkan bidang yang ditetapkan seperti berikut (Ekshibit 1-33):

Ekshibit 1-33: Mata Pelajaran STAM yang Ditawarkan Mengikut Bidang

BIDANG	MATA PELAJARAN
Bahasa Arab	1. Nahu dan Sarf 2. Insyah dan Mutala'ah 3. Adab dan Nusus 4. 'Arudh dan Qafiyah 5. Balaghah
Syariah	6. Fiqh 7. Hadith dan Mustolah
Usuluddin	8. Hifz Al-Quran dan Tajwid 9. Tauhid dan Mantiq 10. Tafsir dan Ulumu

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam, BPI

STAM dianugerahkan kepada calon yang lulus sekurang-kurangnya peringkat Maqbul dalam semua mata pelajaran dan diberikan peluang untuk memperbaiki keputusan mana-mana mata pelajaran dalam masa tiga tahun (Ekshibit 1-34). Sijil yang dikeluarkan oleh LP adalah dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Arab.

Ekshibit 1-34: Peringkat dan Takrifan STAM

PERINGKAT	TAKRIF
Mumtaz	Cemerlang
Jayyid Jiddan	Sangat Baik
Jayyid	Baik
Maqbul	Lulus
Rasib	Gagal

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam, BPI

Pada tahun 2018, bilangan sekolah yang menawarkan peperiksaan STAM meningkat kepada 63 buah di 10 buah negeri berbanding 54 buah sekolah pada 2017. Walau bagaimanapun, bilangan calon yang mendaftar adalah seramai 2,223 berbanding 9,534 pada tahun 2017.

Ekshibit 1-35: Senarai Universiti Awam dan Swasta Malaysia yang Menerima Pelajar Berkelayakan STAM

**SENARAI UNIVERSITI AWAM YANG BOLEH DIPOHON**

- UNIVERSITI MALAYA (UM)
- UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)
- UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)
- UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIAM)
- UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UTM)
- UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
- UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)
- UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA)
- UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)
- UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)
- UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)
- UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)
- UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)
- UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

#Lawati laman web universiti - universiti berkenaan untuk syarat universiti

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam, BPI

**Hala Tuju STAM**

STAM merupakan satu-satunya peperiksaan berpusat yang digunakan sebagai kelayakan untuk permohonan masuk ke Universiti Al-Azhar di Mesir, pusat pengajian tinggi yang setaraf dengannya, universiti awam dan pusat pengajian tinggi swasta (Ekshibit 1-35) yang menjalankan program kerjasama dengannya. STAM juga diiktiraf sebagai sijil kelayakan yang setanding dengan STPM bagi permohonan pekerjaan.

Bagi melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, pelajar perlulah memenuhi syarat minimum kelayakan berikut:

- Mengikuti Pengajian Islam,
- Mempunyai Sijil Tinggi Agama Malaysia dengan memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Maqbul dengan syarat sijil tidak melebihi tiga tahun semasa membuat permohonan, dan
- Lulus Imtihan Qabul

**PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia diwujudkan pada tahun 1999 sebagai program persediaan bagi pelajar lulusan SPM melayakkan diri ke peringkat ijazah pertama di universiti tempatan dan di luar negara.

Terdapat dalam jurusan pengajian Sains, Perakaunan dan Kejuruteraan, program ini menawarkan Program Matrikulasi Sistem Satu Semester bagi ketiga-tiga jurusan tersebut, dan Program Matrikulasi Sistem Empat Semester bagi Jurusan Sains sahaja (Ekshibit 1-36).

Operasi dan tadbir urus Program ini dikawal selia oleh Bahagian Matrikulasi Kementerian yang berpusat di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Pusat di Putrajaya.

Ekshibit 1-36: Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia



Sumber: Bahagian Matrikulasi, BM

Kini, program ini dijalankan di 15 buah kolej Matrikulasi dan enrolmen mengikut jantina dari matrikulasi (KM) serta dua buah kolej MARA di seluruh negara (Ekshibit 1-37). Bilangan Kolej Matrikulasi dan enrolmen mengikut jantina dari tahun 2012 hingga 2018 pula ditunjukkan dalam Ekshibit 1-38.

**Ekshibit 1-37: Senarai Kolej Matrikulasi dan Enrolmen Mengikut Jantina bagi Sesi 2018/2019**

Institusi	Sains			Perakaunan			Kejuruteraan			Jumlah		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J
1 Kolej Matrikulasi Melaka	561	1,182	1,743	79	223	302	0	0	0	640	1,405	2,045
2 Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan	506	1,042	1,548	80	261	341	0	0	0	586	1,303	1,889
3 Kolej Matrikulasi Pulau Pinang	614	1,448	2,062	59	168	227	0	0	0	673	1,616	2,289
4 Kolej Matrikulasi Perlis	68	183	251	176	481	657	0	0	0	244	664	908
5 Kolej Matrikulasi Labuan	767	1,559	2,326	68	179	247	0	0	0	835	1,738	2,573
6 Kolej Matrikulasi Johor	603	1,358	1,961	83	290	373	0	0	0	686	1,648	2,334
7 Kolej Matrikulasi Perak	621	1,204	1,825	86	232	318	0	0	0	707	1,436	2,143
8 Kolej Matrikulasi Kedah	603	1,382	1,985	61	165	226	0	0	0	664	1,547	2,211
9 Kolej Matrikulasi Pahang	582	1,426	2,008	65	187	252	0	0	0	647	1,613	2,260
10 Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah	0	0	0	0	0	0	218	124	342	218	124	342
11 Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang	0	0	0	0	0	0	165	111	276	165	111	276
12 Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor	0	0	0	0	0	0	194	125	319	194	125	319
13 Kolej Matrikulasi Selangor	604	1,351	1,955	91	251	342	0	0	0	695	1,602	2,297
14 Kolej Matrikulasi Kelantan	436	1,159	1,595	41	218	259	0	0	0	477	1,377	1,854
15 Kolej Matrikulasi Sarawak	49	77	126	0	0	0	0	0	0	49	77	126
<b>Jumlah / Total</b>	<b>6,014</b>	<b>13,371</b>	<b>19,385</b>	<b>889</b>	<b>2,655</b>	<b>3,544</b>	<b>577</b>	<b>360</b>	<b>937</b>	<b>7,480</b>	<b>16,386</b>	<b>23,866</b>

• Enrolmen: Pelajar aktif sesi 2018/2019 (PST, PDT) dan sesi 2017/2018 (PDT)

Sumber: Bahagian Matrikulasi

**Ekshibit 1-38: Bilangan Kolej Matrikulasi dan Enrolmen Mengikut Jantina, 2012-2018**

Tahun	Bilangan Kolej	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2013	15	8,025	19,463	27,488
2014	15	7,560	18,702	26,262
2015	15	6,202	16,050	22,252
2016	15	6,238	14,779	21,017
2017	15	7,310	16,086	23,396
2018	15	7,480	16,386	23,866

Sumber: Bahagian Matrikulasi, BM



Kolej Matrikulasi KPM Seluruh Negara

Semua lulusan program ini yang menamatkan pengajian sejak Sesi 1999/2000 dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan telah dianugerahkan Sijil Matrikulasi KPM mulai Sesi 2016/2017. Sijil ini diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai kelayakan pelantikan ke Perkhidmatan Awam.

**Pengiktirafan Baharu Program Matrikulasi dan Kunjungan Hormat Universiti Luar Negara**

Hasil pelaksanaan Program Penarafan dan Pengiktirafan Kelayakan Matrikulasi (PPPKM), sejak tahun 2006 Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM) telah menjalinkan kerjasama pintar dengan universiti berprestij luar negara.

Beberapa universiti di United Kingdom, New Zealand dan Australia mengiktiraf kelayakan Program Matrikulasi KPM dengan menerima lulusan Program Matrikulasi ke pengajian ijazah pertama melalui Program Penghantaran Pelajar Cemerlang Matrikulasi (PPC Matrikulasi) di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi KPM (SLTPPM).

Sepanjang tahun 2018, BMKPM menerima lawatan kunjung hormat delegasi dari universiti luar negara yang mengiktiraf Program Matrikulasi KPM dan menerima pelajar berkelayakan Sijil Matrikulasi KPM untuk menyambung pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di negara itu (Ekshibit 1-39).

**Ekshibit 1-39: Lawatan Kunjung Hormat Universiti Luar Negara ke BMKPM, 2018**

Kunjungan Delegasi ke Bahagian Matrikulasi KPM / Kolej Matrikulasi KPM	Tarikh Kunjungan	Tarikh Pengiktirafan Program Matrikulasi KPM
The Hong Kong Polytechnic University, Hong Kong	Januari 2018	Januari 2018
Swinburne University, Australia	April 2018	April 2018
University of New South Wales, Australia	Ogos 2018	Ogos 2018
University of Southampton (lawatan ke KMS)	September 2018	September 2011
University of Auckland, New Zealand	November 2018	November 2016
University of Canterbury, New Zealand	Disember 2018	November 2015
University of Manchester, United Kingdom	Mac 2018	Julai 2013
University of Bristol, United Kingdom	April 2018	September 2015

Sumber: Bahagian Matrikulasi, BM



Delegasi The Hong Kong Polytechnic University bersama Timbalan Pengarah dan pegawai BMKPM. Hong Kong Polytechnic University merupakan universiti pertama Hong Kong yang memberi pengiktirafan rasmi kelayakan Program Matrikulasi KPM ke pengajian ijazah pertama di negara itu.



Delegasi Swinburne University dan University of New South Wales bersama Timbalan Pengarah dan Pegawai BMKPM.



Universiti berprestij New Zealand iaitu University of Canterbury dan University of Auckland telah membincangkan kemasukan lekatan Program Matrikulasi KPM ke pengajian ijazah pertama. Mereka turut membentangkan kertas cadangan mengenai kemasukan pelajar ke pengajian *Graduate Diploma in Teaching* di kedua-dua universiti tersebut.



Delegasi University of Auckland bersama Ketua Penolong Pengarah Sektor Hal Ehwal Akademik dan pegawai BMKPM.



GELOMBANG 2 MEMACU PENINGKATAN SISTEM



Delegasi University of Canterbury bersama Timbalan Pengarah dan pegawai BMKPM.



Delegasi University of Southampton bersama staf, pensyarah dan pelajar KMS.

Kolej Matrikulasi Selangor (KMS) pula telah menerima kunjungan daripada delegasi University of Southampton, United Kingdom sebagai suatu jalinan kerjasama antara Kolej Matrikulasi KPM dan universiti berkenaan.



Delegasi University of Bristol bersama pegawai Sektor Hal Ehwal Akademik dan Unit Dasar dan Hubungan Luar BMKPM.



Delegasi University of Manchester bersama Ketua Penolong Pengarah (Kanan) Hal Ehwal Akademik dan pegawai-pegawai BMKPM.

**Lawatan Kerja Bahagian Matrikulasi KPM ke Ministry of Education Singapore**

Pada Oktober 2018, Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pengarah Sektor Hal Ehwal Akademik (Kurikulum) BMKPM membuat lawatan ke Victoria Junior College dan Ministry of Education (MOE) Singapore bagi tujuan berikut:



Sesi perkongsian bersama pengurusan Victoria Junior College dan Pembantu Makmal.

- Membina perkongsian pintar dan hubungan strategik dengan MOE Singapore, khususnya melalui perkongsian kepakaran dan keilmuan dalam pelaksanaan program pra-universiti di kedua-dua negara, iaitu Program Matrikulasi KPM dan Victoria Junior College (VJC), MOE Singapore.
- Perkongsian berkenaan struktur pengajian dan reka bentuk serta penyampaian kurikulum menerusi perkongsian ilmu dan lawatan ke Junior College, MOE Singapore.
- Perkongsian berkenaan struktur penilaian menerusi perkongsian ilmu dan lawatan ke Singapore Examinations and Assessment Board (SEAB).



Pegawai BMKPM bersama pegawai dari MOE Singapore dan SEAB.

GELOMBANG 2 MEMACU PENINGKATAN SISTEM

**Memperkukuhkan Kualiti Pensyarah Kolej Matrikulasi**

**Konvensyen Professional Learning Community (PLC) Program Matrikulasi KPM**

Konvensyen bertemakan 'PLC : Memperkasa PAK-21 ke arah RI 4.0' ini telah diadakan pada Oktober 2018 di Alor Setar, Kedah bagi mempertingkatkan kualiti PdP pensyarah Kolej Matrikulasi. Ia merupakan platform perkongsian amalan terbaik PLC dalam kalangan warga matrikulasi khususnya dalam memperkasakan Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21) ke arah Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0). Konvensyen ini disertai oleh sejumlah 205 orang pegawai BMKPM, Pengarah/Timbangan Pengarah dan Pensyarah (pembentang) Kolej Matrikulasi KPM.



**Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Program Matrikulasi KPM Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2018**

Konvensyen ini dianjurkan buat julung kalinya pada peringkat kebangsaan dan bertepatan dengan budaya kerja di kolej matrikulasi seluruh negara yang sentiasa konsisten dan aktif menjalankan KIK setiap tahun. Bertempat di Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek pada September 2018, konvensyen ini disertai oleh sejumlah 219 orang pegawai BMKPM, Pengarah/Timbangan Pengarah dan Pensyarah (pembentang) kolej matrikulasi KPM.



**Pembangunan Insaniah Pelajar Matrikulasi melalui Kokurikulum**

**Karnival Kokurikulum Matrikulasi (KAKOM)**

KAKOM adalah aktiviti tahunan yang melibatkan sebilangan pelajar terpilih bagi mewakili kolej masing-masing dalam pelbagai pertandingan aktiviti permainan dan kebudayaan anjuran BMKPM. Tujuannya adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kekuatan semangat juang dan daya saing yang tinggi. Menerusi KAKOM, pelajar matrikulasi memperolehi markah 10% kokurikulum sebagai syarat kemasukan ke universiti awam.

Bagi tahun 2018, KAKOM diadakan pada Ogos di Kolej Matrikulasi Selangor dan melibatkan 2,200 orang pegawai dan pelajar Program Matrikulasi KPM daripada Sesi 2018/2019 yang mewakili 12 buah kolej matrikulasi, tiga buah Kolej Matrikulasi Kejuruteraan dan dua buah Kolej MARA. Lapan acara sukan yang dipertandingkan ialah bola sepak, bola jaring, tenis, sepak takraw, bola keranjang, bola tampar, badminton dan squasy.

Majlis Perasmian Penutupan disempurnakan oleh YBrs. Dr. Mehander Singh a/l Nahar Singh, Pengarah Bahagian Sukan KPM selaku wakil rasmi Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

**Perkemahan Bersepadu Unit Beruniform Program Matrikulasi KPM**

Perkemahan Bersepadu Unit Beruniform mula dilaksanakan pada Sesi 2015/2016. Bagi Sesi 2018/2019, ia telah dianjurkan pada September 2018 di Pusat Kokurikulum Kolej Matrikulasi Pahang dan disertai seramai 595 orang pelajar dan pegawai dari 12 kolej matrikulasi, tiga Kolej Matrikulasi Kejuruteraan dan dua Kolej MARA. Pelajar melibatkan diri secara berkumpulan melalui pertandingan seperti kawad kaki, *orienteering*, masakan rimba dan kraf perkhemahan sejajar dengan elemen kemahiran insaniah yang diterapkan dalam Huraian dan Sukatan Pelajaran Kokurikulum Program Matrikulasi KPM.



**Pertandingan/Kejohanan Kokurikulum Program Matrikulasi Peringkat Kebangsaan**

Pelaksanaan aktiviti kokurikulum peringkat kebangsaan yang dianjurkan dan dilaksanakan di kolej matrikulasi seluruh negara merupakan program yang dirancang rapi. Program ini bertujuan untuk menyumbang kepada pembangunan sahsiah diri pelajar dan memberi peluang kepada para

pelajar Program Matrikulasi untuk mengembangkan bakat mereka pada peringkat kebangsaan, serta membuka ruang kepada lebih ramai pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum selain daripada KAKOM.

Sepanjang tahun 2018, pelaksanaan aktiviti kokurikulum Program Matrikulasi peringkat kebangsaan adalah seperti berikut:

Bil.	Pertandingan	Tarikh	Tempat
1	Kejohanan Ragbi 10 Sebelah	21 – 23 Feb	KMK Kedah
2	Kejohanan Woodball	21 – 24 Feb	KM Perlis
3	Pertandingan Kawalan Dron	2 – 4 Mac	KM Sarawak
4	Karnival Robotik Robotrix	30 Mac – 1 Apr	KM Labuan
5	Pertandingan Dikir Barat	20 – 21 Jul	KM Kelantan
6	VViper Matrix Challenge	6 – 8 Sep	KM Negeri Sembilan
7	Pertandingan Futsal	7– 9 Sep	KM Johor
8	Pertandingan Catur	7 – 9 Sep	KM Melaka
9	Kejohanan Bola Baling KM	14 – 15 Sep	KM Pulau Pinang
10	Matriculation Softball Challenge	13 – 15 Sep	KM Kedah
11	Pertandingan Ultimate Frisbee	20 – 22 Sep	KM Pahang
12	Kejohanan Ragbi 7 Sebelah	26 – 28 Okt	KMK Johor

Sumber: Bahagian Matrikulasi, BM



**Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan**

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) termasuk pengkhususan dalam pelbagai bidang ditawarkan di 27 buah kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara. Pengambilan pelajar ke IPG adalah berdasarkan unjuran keperluan guru sekolah rendah di seluruh Malaysia. Ekshibit 1-40 menunjukkan bilangan enrolmen mengikut jantina dan jumlah enrolmen tahunan di IPG daripada tahun 2013 hingga 2018.

*Ekshibit 1-40: Enrolmen Tahunan di IPG Mengikut Jantina, 2013 - 2018*

TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
2013	12,293	30,049	42,342
2014	11,382	22,300	33,682
2015	10,677	25,230	21,002
2016	4,168	11,565	15,733
2017	3,869	9,465	13,334
2018	4,547	10,974	15,521

Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)



**RUMUSAN**

Kementerian meneruskan usaha gigihnya bagi memastikan kanak-kanak di negara ini mendapat akses pendidikan berkualiti dari peringkat prasekolah hingga ke Tingkatan 5, dan lepas menengah. Kualiti pendidikan prasekolah ditambah baik dengan pelaksanaan penarafan sendiri SKPK atas talian, menggunakan instrumen yang mengukur amalan, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta menambah baik kualiti pendidikan prasekolah yang ditawarkan seiring dengan visi dan misi pendidikan negara. Justeru, peratus enrolmen murid prasekolah telah meningkat sebanyak 1.09% iaitu 85.35% daripada tahun sebelumnya

PPPC yang mantap dan holistik dijalankan merangkumi kurikulum dan pengayaan yang mantap, sokongan ibu bapa, masyarakat dan Kerajaan, kaedah pembelajaran yang holistik, dan kualiti pengurusan yang baik adalah antara aspek yang ditekankan bagi melahirkan modal insan yang berbakat tinggi dalam bidang masing-masing.

Pencapaian enrolmen pada peringkat prasekolah hingga menengah atas adalah lebih baik, dengan penurunan peratus keciciran murid sebanyak 1.21% bagi peringkat sekolah menengah, berbanding sasaran asalnya 1.30%. Demikian juga bagi peringkat sekolah rendah, peratus keciciran murid adalah 0.15%, lebih baik daripada sasaran asalnya 0.27%. Pencapaian enrolmen TVET pula meningkat sebanyak 5.64% atau 22,539 orang pelajar. Dua buah KV baharu mula beroperasi iaitu KV Tanjung Piai dan KV Pasir Gudang yang melibatkan PPP bagi memenuhi IR4.0.

Akses kepada pelbagai laluan pendidikan turut mendapat peningkatan enrolmen. Jumlah enrolmen pelajar SSM di seluruh negara bertambah sebanyak 108 orang berbanding tahun lepas. Pelajar SSM mengharumkan nama negara apabila muncul sebagai juara keseluruhan di Kejohanan Sukan Sekolah ASEAN Kali Ke-10. Peratus enrolmen SSeM pula meningkat sebanyak 8.61% berbanding tahun sebelumnya. Sekolah Agama Islam turut menjadi pilihan murid bagi meneruskan pengajian mereka dengan peningkatan enrolmen pada tahun 2018. Mereka turut meraih kejayaan yang cemerlang dalam pertandingan berunsurkan agama pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Akses kepada pendidikan berkualiti selepas Tingkatan 5, seperti STAM, Program Matrikulasi KPM, dan PISMP, turut diberi perhatian serius oleh Kementerian. Pada tahun 2018, usaha peluasan dan pengoperasian Kolej/Pusat Tingkatan Enam diseluruh negara telah dibuat bagi menampung bilangan pelajar lepasan SPM 2017 yang semakin meningkat.

Murid yang mempunyai masalah kesihatan berjaya meneruskan pembelajaran mereka menerusi program SDH. Oleh kerana keberkesanan dan manfaat SDH amat ketara dan telahpun terbukti, Kementerian akan memperluaskan pelaksanaannya ke negeri di Zon Utara. SBJK pula yang memberi akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur, diberi perhatian serius oleh Kementerian dari aspek infrastrukturnya. Dua daripada tujuh tingkat blok bangunan akademik SBJK yang baharu telah dibangunkan. Pendidikan di SISHG dimantapkan lagi melalui perkhidmatan pendidikan korektif yang holistik sebagai usaha berterusan untuk pembinaan sahsiah dan peribadi yang elok, serta kecemerlangan kehidupan murid setelah dibebaskan.

Kementerian meneruskan usaha peluasan dan pengoperasian Kolej/Pusat Tingkatan Enam diseluruh negara bagi bilangan pelajar lepasan SPM yang ditawarkan menyambung pengajian ke Kolej Tingkatan Enam dan Pusat Tingkatan Enam. Pengetahuan dan kemahiran guru pada peringkat ini diperkasakan apabila diberi platform untuk menghasilkan idea kreatif dan inovatif dalam melaksanakan PdP secara lebih berkesan dan berimpak tinggi, serta membentangkan kertas kerja penyelidikan mereka bagi terbitan jurnal berwasit. Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam Jilid 2 Tahun 2018 diterbitkan sebagai menyokong usaha peningkatan kualiti PdP.

Program Matrikulasi KPM mendapat pengiktirafan baharu daripada universiti antarabangsa Hong Kong, Australia, New Zealand dan United Kingdom. Kualiti PdP pensyarah Kolej Matrikulasi turut diperkukuhkan melalui konvensyen PLC dan konvensyen KIK. Selain itu, PISMP dengan pengkhususan dalam pelbagai bidang ditawarkan kepada guru sekolah rendah di seluruh Malaysia bagi mempertingkatkan ilmu dan kelayakan mereka ke arah pendidikan yang berkualiti di negara ini.



# BAB 2

## MEMPERTINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN



# KEJAYAAN & PENCAPAIAN 2018

## PROGRAM SARINGAN LITERASI & NUMERASI (LINUS2.0)

	Tahun 1 (2016)	Tahun 2 (2017)	Tahun 3 (2018)
Literasi Bahasa Melayu	80.41%	90.87%	<b>97.9%</b>
Literasi Bahasa Inggeris	73.98%	86.11%	<b>95.8%</b>
Numerasi	87.32%	93.72%	<b>98.5%</b>

## MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU (BM)

**20** Penyelidikan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) dan Inovasi pendidikan Bahasa Melayu **11**

**2,208** Guru mata pelajaran Bahasa Melayu telah menerima latihan peningkatan kemahiran pedagogi dan pembinaan item literasi ala PISA

## MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (BI)

Pencapaian bagi kertas Bahasa Inggeris UPSR (Peratus Lulus Bahasa Inggeris)

	2017	2018
Pemahaman	85.6%	83.1%
Penulisan	73.6%	74.6%

Pencapaian bagi kertas Bahasa Inggeris SPM (Peratus Lulus Bahasa Inggeris)

	2017	2018	
<b>79.1%</b>		<b>78.4%</b>	
<b>Dual Language Programme (DLP)</b>		<b>Highly Immersive Programme (HIP)</b>	
2017	2018	2017	2018
1,215	1,367	5,500	10,000
Sekolah	Sekolah	Sekolah	Sekolah

## PENERAPAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 DALAM BILIK DARJAH

Bimbingan PdP PAK21 (Standard 4 SKPMg2)

**1,077 (75.4%)** daripada 1,428 guru ➔ Mencapai taraf pencapaian minimum **Baik**

**399 (27.9%)** daripada 1,077 guru ➔ Mencapai taraf pencapaian minimum **Cemerlang**

Bilangan sekolah mencapai tahap cemerlang pembudayaan KBAT

2017	2018
<b>13</b>	<b>189</b>
Sekolah	Sekolah

## MEMUPUK MINAT MURID TERHADAP STEM

**158,909** Murid

Terlibat dalam aktiviti kokurikulum berunsurkan STEM melalui program-program yang dianjurkan oleh Kementerian, dan juga dengan kerjasama organisasi luar

## TRANSFORMASI IPG

**44** Kertas Kajian

Bertemakan Pendidikan Sains Sosial & Kemanusiaan, Kepimpinan dan Bahasa telah dihasilkan

Perpustakaan maya IPG mula dilancarkan pada Disember 2018



**85%**

Pensyarah IPG mencapai skor sasaran dalam Penilaian Kualiti Pensyarah IPG

## PIAGAM GURU

Seramai **100**



PPP berprestasi cemerlang gred DG52 dan DG54 daripada IPG, IAB, Kolej Matrikulasi dan sekolah telah mengikuti Program Pelengkap Profesional Keguruan **Super Teachers**

## PIAGAM PEMIMPIN

Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan Leadership Course for Middle Leaders (LCML)

**99.7%** dari **677** orang peserta telah mencapai tahap lulus

Kursus Pembitaran Pemimpin Pendidikan From Great To Excellent Education Leaders Course, GREEL

Rakan strategik swasta



## MENGALAKKAN PELIBATAN SEKTOR SWASTA SEBAGAI RAKAN STRATEGIK DALAM PENDIDIKAN

Program Sekolah Angkat

2017	2018
<b>701</b>	<b>741</b>
Sekolah	Sekolah

Program Model Baharu



Program DTP - Aman oleh Yayasan Hasanah menyokong usaha kementerian di dalam Program Transformasi Daerah (DTP) di negeri Kedah



Program Teacher Empowerment For School Transformation (TEST) oleh ecmlibra Foundation, bertujuan meningkatkan potensi murid secara holistik Di Pulau Pinang

Bagi menjadikan sistem pendidikan negara setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa, Kementerian perlu melaksanakan usaha memperkukuhkan kualiti pendidikan negara. Justeru, inisiatif yang berikut telah dilaksanakan pada tahun 2018:

- » Penerapan Pembelajaran Abad Ke-21 di dalam Bilik Darjah
- » Pengukuhan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
- » Peningkatan Kemahiran Literasi dan Numerasi
- » Pemartabatan Pendidikan Bahasa Malaysia
- » Pelaksanaan Pendidikan Bahasa Inggeris
- » Pengukuhan Kualiti Guru
- » Pemerkasaaan Kualiti Pemimpin Sekolah
- » Peningkatan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti
- » Peluasan Pelibatan Sektor Swasta Sebagai Rakan Strategik dalam Pendidikan

## MEMPERTINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN

Bagi mencapai visi mempertingkatkan taraf sistem pendidikan abad ke-21, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan 11 Anjakan. Bagi aspek Kualiti, Anjakan 1 menuntut agar Kementerian menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti, setanding dengan kualiti pendidikan antarabangsa untuk semua murid. Justeru, pelbagai usaha telah diambil bagi memenuhi tuntutan ini.

Bagi mencapai matlamat Anjakan 1, iaitu penambahbaikan tahap pembelajaran Sains dan Matematik, dan penguasaan bahasa selaras dengan piawai antarabangsa, serta mempertingkatkan kualiti pendidikan STEM, Kementerian perlu menyediakan guru dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan proses PdP dan kemenjadian murid ke arah penerapan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). PAK21 menuntut kaedah pembelajaran yang bukan konvensional iaitu pembelajaran berpusatkan murid. Kementerian telah melatih Jurulatih Utama pada peringkat kebangsaan, negeri dan sekolah untuk mempersiapkan guru dengan kaedah pembelajaran ini.

Kementerian memperkukuhkan pendidikan STEM dan strategi mempertingkatkan minat murid terhadap bidang ini diteruskan menerusi program dan aktiviti berkaitan. Kesedaran dalam kalangan pemimpin sekolah, guru, murid, ibu bapa dan pihak awam mengenai pendidikan STEM turut dititikberatkan sebagai usaha menyokong sekolah dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan mempertingkatkan kecemerlangan modal insan murid.

Penguasaan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Antarabangsa dalam kalangan guru dan murid tidak kurang pentingnya dan Kementerian perlu melakukan pelbagai usaha berfokuskan keberhasilan murid. Selain itu, peningkatan penguasaan Bahasa Malaysia adalah usaha ke arah memartabatkan bahasa kebangsaan, dan memperkasakan penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Antarabangsa bagi mempertingkatkan daya saing murid di persada antarabangsa.

Kementerian juga perlu menggalakkan pelibatan sektor swasta secara meluas dalam usahanya melonjakkan kualiti pendidikan negara. Sebagai rakan strategik, sektor swasta mempunyai kepakaran, pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran yang baharu, dan sumber relevan yang diperlukan.

Bagi menjadikan sistem pendidikan negara setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa, Kementerian perlu melaksanakan usaha memperkukuhkan kualiti pendidikan negara. Justeru, inisiatif yang berikut telah dilaksanakan pada tahun 2018:

- Penerapan Pembelajaran Abad Ke-21 di dalam Bilik Darjah
- Pengukuhan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
- Peningkatan Kemahiran Literasi dan Numerasi
- Pemartabatan Pendidikan Bahasa Malaysia
- Pelaksanaan Pendidikan Bahasa Inggeris
- Pengukuhan Kualiti Guru
- Pemerkasaaan Kualiti Pemimpin Sekolah
- Peningkatan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti
- Peluasan Pelibatan Sektor Swasta Sebagai Rakan Strategik dalam Pendidikan

### PENERAPAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 DI DALAM BILIK DARJAH

Penerapan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) adalah proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Konsep ini mula diperkenalkan kepada semua guru serta pegawai pelaksana pada 2017 yang juga telah menghadiri pelbagai program bagi memahami PAK21.

Pada tahun 2018, seramai 115 orang Jurulatih Utama dalam kalangan pegawai JPN dan PPD telah dilatih secara khusus bagi menguasai Standard 4 dalam SKPMg2. Standard 4 ini berfokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan kemenjadian murid. Kesemua Jurulatih Utama bergerak dalam kumpulan kecil ke Sekolah TS25 bagi membuat verifikasi terhadap penarafan sendiri guru dan melaksanakan bimbingan kepada guru. Mereka turut memastikan kualiti PdP guru menepati penarafan sendiri dalam SKPMg2. Jurulatih Utama juga melaksanakan bimbingan kepada Pentadbir Sekolah berkaitan pencerapan proses PdP guru. Hasil perkongsian dan bimbingan tersebut, pihak sekolah lebih memahami kaedah sebenar pencerapan PdP.

Dapatan bimbingan menunjukkan sebanyak 75.4% (1,077) guru mencapai taraf pencapaian minimum 'Baik', sementara 27.9% (399) guru mencapai taraf pencapaian 'Cemerlang'. Walau bagaimanapun, menurut dapatan, 'Aspek Guru Sebagai Pendorong' masih belum dilaksanakan secara tekal. Guru masih selesa dengan kaedah Teacher-Centred. Selain itu, didapati guru kurang menerapkan konsep dan soalan menjurus kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam PdP.

Hasrat untuk mempertingkatkan kualiti dalam pendidikan memerlukan lebih banyak langkah agresif dan proaktif. Pembangunan kompetensi Jurulatih Utama dalam kemahiran berkaitan PAK21 perlu

dilakukan, di samping melatih lebih ramai Jurulatih Utama. Selain itu, pihak pentadbir sekolah, termasuk Pemimpin Pertengahan (Middle Leaders) perlu dibimbing agar berupaya menjadi agen perubahan daripada pelaksanaan pembelajaran yang bersifat berfokuskan guru kepada pembelajaran berpusatkan murid yang merangkumi kepelbagaian kaedah dan strategi bersesuaian dengan PAK21. Impak yang diharapkan adalah seperti yang dipaparkan dalam Ekshibit 2-1.

Dalam Gelombang 2 (2016-2020) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian mengutamakan pembangunan berterusan bagi sistem pendidikan supaya dapat bersaing pada peringkat antarabangsa. Tahun 2018 menyaksikan Malaysia sekali lagi menduduki kajian utama antarabangsa Programme for International Students Assessment (PISA 2018) dan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS 2019). Kedudukan Malaysia dalam dua kajian utama antarabangsa ini merupakan penanda aras kualiti sistem pendidikan negara dengan negara peserta lain. Sebagai langkah untuk menilai kualiti, negara berhasrat untuk berada pada kedudukan sepertiga teratas menjelang kajian ini pada tahun 2025. Pelbagai usaha dilaksanakan untuk memastikan Aspirasi Kualiti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025 dapat direalisasikan.

### PELIBATAN UNIVERSITI DALAM MEMBANTU MEMPERTINGKATKAN KESIAPSIAGAAN MURID DALAM MENGHADAPI KAJIAN UTAMA TIMSS DAN PISA.

Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah melaksanakan program ini untuk membantu pihak sekolah mempertingkatkan kesiapsiagaan murid dalam menghadapi Kajian Utama TIMSS dan PISA. Pihak universiti telah menjalankan aktiviti

Ekshibit 2-1: Impak daripada Pembelajaran Berpusatkan Murid Bersesuaian dengan PAK21



yang menyeronokkan dalam kampus untuk menarik minat murid mempelajari mata pelajaran Sains dan Matematik selain daripada menggalakkan mereka berfikir secara kritis dan kreatif dalam aktiviti yang telah dirancang.

2-6



**LATIHAN PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI SAINS DAN MATEMATIK (KBATSM) DAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI SAINS, MATEMATIK DAN BACAAN (KBATSMB)**

Bagi membudayakan KBAT, set latihan berfokus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Sains dan Matematik (KBATSM) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Sains, Matematik dan Bacaan (KBATSMB) telah dihasilkan oleh BPK dengan bantuan pegawai daripada Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dan ahli panel yang terdiri daripada guru cemerlang dan pensyarah IPGK. Set Latihan Berasaskan Komputer (LBK) ini merupakan satu bentuk latihan percubaan yang disediakan untuk membiasakan murid sampel kajian dengan format pentaksiran Kajian Utama PISA dan TIMSS.


Set latihan ini dimuatnaik melalui pautan Kementerian dari semasa ke semasa untuk dilaksanakan oleh semua sekolah sampel yang menghadapi Kajian Utama TIMSS dan PISA. Ia ditadbir pada peringkat negeri oleh Penyelaras TIMSS dan PISA, Jabatan



Sesi LBK yang dilaksanakan di sekolah

Pendidikan Negeri dan diedarkan dalam salinan cetak dan salinan lembut kepada sekolah yang terpilih dalam pentaksiran antarabangsa.

Set latihan ini digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru dalam bilik darjah untuk mempertingkatkan kemahiran murid menjawab latihan menggunakan komputer selain memperkukuhkan kemahiran menyelesaikan masalah harian yang tulen.




**PELAKSANAAN PROGRAM BIMBINGAN DAN PEMENTORAN OLEH SCHOOL IMPROVEMENT SPECIALISTS COACHES (SISC+) DAN SCHOOL IMPROVEMENT PARTNERS (SIP+) 2018**

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama padu antara BPK dengan BPSH, IPGM, IAB, BKK, SISC+ serta SIPartners+. Bimbingan dan pementoran telah diberikan kepada 282 buah sekolah penarafan KBAT oleh SISC+ dan SIPartners+ bagi membantu sekolah melaksanakan cadangan penambahbaikan daripada JNJK dan mempertingkatkan amalan terbaik KBAT di sekolah dengan kerjasama PPD dan JPN. Pemantauan oleh Pasukan Pembimbing KBAT KPM di 141 buah sekolah penarafan KBAT dan Bengkel Kolaboratif Amalan Terbaik Pembudayaan KBAT adalah aktiviti yang menyokong program bimbingan dan pementoran yang dilaksanakan oleh SISC+ dan SIPartners+.

Sekolah penarafan KBAT yang terlibat telah memberi kerjasama dan respon yang positif terhadap program ini. Bilangan sekolah yang mencapai tahap cemerlang pembudayaan KBAT pada tahun 2017 adalah sebanyak 13 buah (4.6%) dan meningkat kepada 189 buah (67%) sekolah daripada 282 buah Sekolah Penarafan KBAT pada tahun 2018 (Ekshibit 2-2). Oleh itu, sasaran 50% KPI 4 bagi

**Ekshibit 2-2: Bilangan dan Peratusan Sekolah Penarafan KBAT mengikut Tahap Pembudayaan KBAT**



aktiviti peratus sekolah yang telah ditarafkan sebagai sekolah yang membudayakan KBAT mencapai tahap cemerlang di bawah Inisiatif #20 PPPM: Pembudayaan KBAT Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 telah dicapai. Hasrat Kementerian adalah untuk program seumpama ini diteruskan untuk memastikan pertambahan bilangan sekolah yang boleh dijadikan penanda aras kecemerlangan dan kelestarian pembudayaan KBAT di setiap daerah seterusnya mempertingkatkan kualiti sekolah dan kemenjadian murid seperti yang diharapkan dalam PPPM 2013-2025. Senarai Program Bimbingan dan Pementoran yang diadakan di sekolah penarafan KBAT adalah seperti disenarikan dalam Ekshibit 2-7.


**Ekshibit 2-3: Senarai Program Bimbingan dan Pementoran di Sekolah Penarafan KBAT**

Tarikh	Aktiviti & Tempat
Ogos – Oktober 2018	Pelaksanaan Program Bimbingan dan Pementoran oleh SISC+ dan SIPartners+ di 282 buah Sekolah Penarafan KBAT
September -Oktober 2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemantauan Fasa 1 bagi 141 buah sekolah penarafan KBAT yang berada pada tahap baik dan sederhana oleh Pasukan Pembimbing KBAT KPM.</li> <li>Pemantauan oleh pegawai BPK di SJKC Tung Hua, Sibul, Sarawak.</li> </ul>
Oktober 2018	Bengkel Kolaboratif Amalan Terbaik Pembudayaan KBAT di ILD UiTM Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.

**PROGRAM KELESTARIAN PELAKSANAAN MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL BACCALAUREATE (MYPIB) 2017-2021**



**Peserta Bengkel Penyelarasan Kelestarian Pelaksanaan MYPIB yang melibatkan Governance Body (KPM, JPN PPD) serta pasukan Pedagogical Leadership dari IBWS KPM.**



**Lakonan peserta bengkel untuk aplikasi kemahiran perundingan yang telah dibincangkan**

MYPIB telah dirintis di 10 buah sekolah menengah pada tahun 2014 dan kesemuanya telah berjaya mendapat status IB World School (IBWS) pada tahun 2017. Justeru, perancangan Kementerian bagi aktiviti 2018 lebih berfokus kepada strategi pelaksanaan program kelestarian, iaitu memperkukuhkan peranan Governance Body (Kementerian, JPN dan PPD), mewujudkan program kawalan kualiti dan memantapkan Pasukan Pedagogical Leadership di sekolah.

Penguatan peranan Governance Body telah dibuat melalui Bengkel Penyelarasan Kelestarian Pelaksanaan MYPIB. Bengkel ini ternyata banyak memberikan input baharu kepada Governance Body dan menyediakan ruang dan peluang bagi peserta untuk membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh IBWS Kementerian. Sokongan berterusan daripada semua pihak berkepentingan seperti yang diperoleh daripada bengkel ini amat diperlukan oleh IBWS dalam memastikan semua standard dan keperluan MYPIB sentiasa dipatuhi.

Pelaksanaan bengkel ini juga turut menyokong pemantapan peranan pasukan Pedagogical Leadership dan guru bagi memastikan pelaksanaan program mendapat sokongan daripada semua pihak yang terlibat, termasuk pihak berkepentingan. Peserta bengkel telah diberi pendedahan tentang kemahiran perundingan IAB.

2-7

Kementerian telah memantau pelaksanaan MYPIB di 10 buah IBWS dari bulan Mac hingga Oktober 2018 sebagai salah satu aktiviti untuk menyokong program kawalan kualiti. Laporan keseluruhan pemantauan menunjukkan semua sekolah masih lagi mematuhi standard dan keperluan MYPIB. Pihak International Baccalaureate Organization (IBO) juga telah menjalankan lawatan susulan sebagai tanda sokongan yang berterusan kepada IBWS. Sekolah



Sekitar lawatan susulan oleh pihak IBO

kini mengorak langkah untuk membuat eksplorasi bidang seperti Interdisciplinary Unit (IDU) dan Kemahiran Approaches To Learning (ATL), setelah perkara asas dalam pelaksanaan MYPIB dikuasai oleh warga sekolah.

Selain itu, Kementerian turut melaksanakan Bengkel Kerja Pemantapan Amalan Pentaksiran, IDU dan Kemahiran ATL pada tahun 2018 sebagai usaha ke arah pemantapan pasukan Pedagogical Leadership dan guru di 10 buah IBWS Kementerian. Perkongsian pengetahuan dan pengalaman ini bertujuan mempertingkatkan profesionalisme dan keyakinan para guru dalam melaksanakan MYPIB berasaskan kurikulum kebangsaan. Peserta bengkel juga telah mendapat penguatkuasaan semula pendekatan inkuiri dalam PdP.



Gambar aktiviti sepanjang bengkel

Pelaksanaan MYPIB di 10 buah IBWS Kementerian telah memberikan impak yang positif kepada proses kemenjadian murid. Sekolah juga berpeluang membentuk jaringan kolaboratif untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan secara meluas pada peringkat antarabangsa. Kejayaan program ini yang berasaskan acuan Kurikulum Kebangsaan seharusnya diperluaskan kepada semua sekolah Kementerian supaya dapat dimanfaatkan bersama demi kemenjadian murid seperti yang dihasratkan oleh Kementerian.

**PENGUKUHAN PENDIDIKAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK**

Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah bidang yang menjadi tumpuan bukan hanya di Malaysia tetapi di serata dunia. Daya saing sesebuah negara bergantung kepada penguasaan dalam bidang STEM yang akan membantu negara tersebut melonjak ke tahap yang lebih maju. Generasi masa hadapan perlu dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperlukan supaya dapat mendepani pelbagai cabaran hasil perkembangan teknologi masa hadapan.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) merupakan peneraju utama inisiatif penguatkuasaan pendidikan STEM. Pelbagai strategi dilaksanakan terutamanya yang menekankan kepada pembangunan kompetensi guru untuk mempertingkatkan minat murid terhadap STEM ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti, mencukupi, berwibawa serta memiliki etika dan nilai kewarganegaraan bagi memacu ekonomi negara. Matlamat pendidikan STEM bertujuan untuk melahirkan murid berliterasi STEM yang berupaya mengenal pasti, mengaplikasi serta mengintegrasikan konsep atau komponen STEM untuk memahami masalah dan menyelesaikannya secara kreatif dan inovatif melalui pembelajaran bersepadu STEM yang mengaplikasikan konteks dunia sebenar dan menggunakan pendekatan hands-on dan penerokaan terbuka. Oleh itu, pembangunan bakat STEM yang dirancang pada hari ini mestilah dapat memenuhi keperluan negara pada masa hadapan.

**STRATEGI MEMPERTINGKATKAN KESEDARAN PEMIMPIN SEKOLAH, GURU, MURID, IBU BAPA DAN PIHAK AWAM MENGENAI PENDIDIKAN STEM**

**Kolokium Pendidikan STEM**

Empat siri Kolokium Pendidikan STEM dengan tema "Pendidikan Menerusi Penerokaan" telah

dijayakan pada tahun 2018. Kolokium Pendidikan STEM dilaksanakan dengan usaha sama BPPDP, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak, Sabah, Kelantan, Perak bersama-sama universiti awam (UA), iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII). Tujuan utama kolokium diadakan adalah untuk mempertingkatkan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran guru bagi memantapkan PdP berkaitan mata pelajaran STEM. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama antara penggubal dasar, ahli akademik, pendidik, kaunselor, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta perkongsian amalan terbaik bagi menjayakan pendidikan STEM. Keseluruhan peserta kolokium melebihi 5,000 orang yang terdiri daripada pegawai JPN, PPD, pentadbir sekolah, guru kaunseling, guru bidang STEM, murid, ibu bapa serta wakil PIBG.



**Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM (ICSTEM)**

Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM pada tahun 2018 telah dijayakan secara usaha sama antara BPPDP dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tema persidangan kali ini ialah "Towards Developing a Synergistic STEM Community". Persidangan selama dua hari ini telah diadakan di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Seramai 350 orang guru telah hadir sebagai peserta dan pembentang. Persidangan itu turut disertai oleh pelajar universiti dan pegawai KPM serta warga pendidik.

Matlamat penganjuran persidangan ini adalah sebagai landasan untuk guru berkongsi idea kreatif dalam melaksanakan proses PdP yang inovatif. Pelibatan peserta luar negara dalam ICSTEM kali ini membabitkan negara Amerika Syarikat, Sweden,

India, Taiwan, Hong Kong, Australia dan Nigeria. Sebanyak 63 kertas kerja telah dibentangkan serta pengisian lapan sesi khas, empat sesi selari, dua ucpatama, satu forum pleno, empat bengkel dan perbincangan meja bulat telah diadakan.



Pembentangan oleh Prof. Dr. Johannes Strobel, School of Information Science & Learning Technologies, University of Missouri, USA.



**PUSAT STEM NEGARA**

Pusat STEM Negara telah ditubuhkan berdasarkan cadangan yang dikemukakan dalam Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018 – 2025. Pelan ini telah dibangunkan secara bersama-sama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan telah mendapat persetujuan Majlis Sains Negara pada 7 Februari 2017.

Pusat STEM Negara bertindak sebagai hub pendidikan STEM yang menghubungkan pelbagai pihak untuk menyelaraskan serta melaksanakan fungsi seperti yang telah dinyatakan dalam Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018 – 2025, iaitu:

- membangunkan profesionalisme dan meningkatkan kemahiran, kebolehan dan keyakinan guru/pemimpin dan pembantu makmal/juru teknik dalam bidang STEM;
- menyediakan bahan sumber pengajaran dan pembelajaran bidang STEM dengan kolaboratif kepakaran antara kementerian, agensi kerajaan, universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta dan pihak industri;

- memajukan penyelidikan dan pembangunan pendidikan STEM;
- melaksanakan program pelibatan dan pengayaan pendidikan STEM; dan
- mewujudkan jaringan perkongsian kepakaran dan sumber pendidikan STEM pada peringkat serantau dan antarabangsa.

**Aktiviti Tahun 2018**

Pembangunan profesionalisme guru seperti berikut:

- Bengkel Inquiry-based Science Education (IBSE). Bengkel ini bertujuan melahirkan Jurulatih Utama (JU) IBSE negeri yang mahir dalam pengajaran dan pembelajaran dengan pendekatan IBSE. Modul IBSE yang digunakan dalam bengkel ini disediakan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) berpandukan kepada modul IBSE yang dibangunkan oleh Foundation La Main A La Pate, Paris. Pelaksanaan bengkel IBSE negeri melibatkan dua fasa yang iaitu latihan kepada Tenaga Pengajar Utama (TPU) di peringkat kebangsaan dan latihan kepada JU di peringkat negeri. Setiap JU yang terlibat dalam bengkel JU IBSE negeri diwajibkan mengikuti latihan selama 60 jam bagi melayakkan mereka diiktiraf sebagai JU IBSE negeri.
- Bengkel Pemupukan Kreativiti melalui Pendidikan Matematik Transdisiplinari dengan kerjasama SEAMEO RECSAM, Pulau Pinang, pada 27 hingga 28 Ogos 2018;
- Bengkel Latihan Pendidikan Perubahan Iklim untuk Tenaga Pengajar Utama IBSE dengan kerjasama ASM dan International Science, Technology and Innovation Centre (ISTIC), pada 27 hingga 30 Ogos 2018; dan
- Persidangan Antarabangsa Guru STEM Petrosains – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 2018 dengan kerjasama Petrosains dan UIAM, pada 12 hingga 14 September 2018.

Pelibatan dan pengayaan dalam pendidikan STEM yang bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada guru, murid dan komuniti terhadap kepentingan pendidikan STEM untuk pembangunan negara pada masa hadapan. Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- *Seminar on Science Education*, di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Sg. Long pada 18 Ogos 2018 bertujuan memberi pendedahan amalan terbaik dalam pendidikan sains;
- *Teachers' Conference on Mathematics Education* di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur pada 13 hingga 14 Oktober 2018 bertujuan memberi pendedahan amalan terbaik dalam pendidikan matematik.

- Seramai 30 orang guru matematik telah dibiayai oleh Pusat STEM Negara;
- Eksplorasi STEM: Alam Angkasa di SMK Jerlun, Kedah pada 21 Oktober 2018 bertujuan untuk memberi inspirasi kepada murid-murid melalui aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna hasil daripada penemuan fakta dan penerokaan mereka dalam bidang alam angkasa. Program ini melibatkan 200 orang murid dan 100 guru dari daerah di Kedah. Pelbagai aktiviti hands-on dilaksanakan beserta pameran oleh pihak sekolah dan agensi. Program ini dikendalikan oleh tiga orang guru yang telah menyertai *Honeywell Educators Space Academy (HESA)* di Amerika Syarikat;
- Program Pendidikan Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) Guru dalam Perkhidmatan di SMK Tiara Permai, Kuala Lumpur pada 30 Oktober 2018 bertujuan memberi pendedahan kepada guru dalam asas kejuruteraan dan robotik. Seramai 100 orang guru sains sekolah rendah dan 100 orang guru sains sekolah menengah di Kuala Lumpur terlibat dalam program ini;
- *Workshop on Teaching to Transform: 21st Century Skills & Design Thinking in STEM Contexts* di SEAMEO RECSAM Pulau Pinang pada 12 hingga 16 November 2018 bertujuan memberi pendedahan tentang pemikiran reka bentuk dalam pembelajaran abad ke-21; dan
- Karnival Transformasi Minda Anak Muda anjuran Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera di Bachok Kelantan pada 13 – 14 November 2018, bertujuan untuk memberi pendedahan aktiviti STEM kepada murid luar bandar di samping memberi kesedaran dan inspirasi pendidikan STEM kepada komuniti setempat. Pusat STEM Negara telah mengendalikan aktiviti hands-on STEM kepada 250 orang murid sekolah rendah dan menengah dalam karnival tersebut.

Pusat STEM Negara juga menerima undangan sebagai ahli panel forum atau penyampai ucap tama dalam pelbagai program bertujuan untuk mewujudkan jaringan kepakaran antara pelbagai agensi seperti yang berikut:

- *TM 3ducation Hackathon 2018* anjuran *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)* Cyberjaya pada 25 Julai 2018;
- STEM Day anjuran JPN Johor pada 7 Ogos 2018;
- *Symposium on Science Education (SoSE) 2018* anjuran Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) pada 18 Ogos 2018;
- Persidangan Antarabangsa Guru-Guru STEM Petrosains – UIAM anjuran Petrosains dan UIAM pada 13 September 2018;

- Konvensyen KIK Program Matrikulasi pada 25 September 2018;
- *Forum on STEM Engagement with Teachers, Parents and Community* anjuran Malaysian Association of Creativity and Innovation (MACRI) pada 8 Oktober 2018;
- *Teachers' Conference 2018 on Mathematics* anjuran *Kangaroo Math Malaysia* pada 13 Oktober 2018;
- *Edutech Asia 2018* pada 9 Oktober 2018;
- Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak anjuran KEMAS pada 4 November 2018; dan
- *SIRIM-WAITRO International Conference (SWIC) 2018* anjuran SIRIM dan WAITRO (*World Association of Industrial and Technological Research Organization*) pada 21-22 November 2018.



**STRATEGI MEMPERTINGKATKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BIDANG STEM**

**Komik STEM**



Komik STEM telah dilaksanakan dengan kerjasama BPPDP, UPSI dan USM. Komik ini dikhususkan kepada murid Tahun 1 bertujuan untuk menarik minat mereka ke arah STEM. Pendekatan Komik STEM adalah melalui penceritaan yang santai dengan penerapan elemen KBAT yang diselaraskan dengan

sukatan pembelajaran sekolah rendah. Pembinaan Komik STEM berdasarkan model Pengetahuan Teknologi, Pedagogi dan Kandungan. Pembinaan kandungan komik ini melibatkan 13 orang Guru Cemerlang Sains dan Matematik daripada daerah Hulu Langat, sementara ilustrasinya adalah hasil kreativiti pensyarah dan pelajar UPSI manakala watak utama adalah hasil kreativiti pensyarah USM.

Bagi membina dan menguji keberkesanan Komik STEM terhadap pencapaian mata pelajaran Sains, Matematik dan KBAT, kajian telah dijalankan dengan melibatkan sebanyak 11 buah sekolah rendah di daerah Hulu Langat dan seramai 307 orang murid Tahun 1. Kajian ini menilai Inventori Pengukuran Minat Sains dan Matematik, Inventori Pengukuran Kebolehgunaan, Penilaian Pencapaian Sains dan Penilaian Pencapaian Matematik.

Dapatan Inventori Pengukuran Minat Sains dan Matematik menunjukkan kebanyakan murid berminat belajar mata pelajaran Sains dan Matematik setelah membaca Komik STEM. Inventori Pengukuran Kebolehgunaan menunjukkan komik ini boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara tidak bersemuka.



**Bahan Sumber Penerapan Elemen STEM dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia (BM), Bahasa Inggeris (BI) dan Pendidikan Islam (PI)**


*Ekshibit 2-4: Senarai Tajuk Contoh Bahan Sumber Penerapan Elemen STEM*

Bil.	Tajuk Contoh PdP	Mata pelajaran
1	Perangkap Sampah	BM
2	Amin de Resort	
3	Love Your Elderly	BI
4	Health Is Wealth	
5	Nama Allah "al-Qadir"	PI
6	Nama Allah "al-Qawiy"	

Bahan sumber PdP yang dikenali sebagai Siri Bahan Sumber Sains, Teknologi, Engineering dan Matematik (BSTEM) telah dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dan dirintis di 26 buah sekolah bagi mata pelajaran BM, 26 buah sekolah bagi mata pelajaran BI dan 23 buah sekolah bagi mata pelajaran PI. Tujuannya adalah untuk menguji kebolehlaksanaan bahan ini di sekolah dan juga untuk menambah baik bahan tersebut. Seramai 75 orang guru dan 239 orang murid telah dijadikan responden dalam uji rintis ini. Ekshibit 2-4 menyenarai tajuk contoh BSTEM yang dihasilkan.


Ekshibit 2-5 menunjukkan bahawa lebih daripada 69.2% guru telah berjaya membuat persediaan terhadap PdP yang dilaksanakan, dan majoriti guru (melebihi 84.6%) dapat melaksanakan PdP STEM dengan baik seperti dalam contoh bahan sumber tersebut.

**Ekshibit 2-5: Dapatan Uji Rintis Bahan Sumber STEM (Guru)**



Maklum balas daripada murid (Ekshibit 2-6) pula menunjukkan bahawa majoriti murid (melebihi 77.2 %) dapat menyiapkan aktiviti PdP bahan sumber ini dalam tempoh masa yang telah diberikan oleh guru.

**Ekshibit 2-6: Dapatan Uji Rintis Bahan Sumber STEM (Murid)**



Dapatan rintis juga menunjukkan perkara yang berikut:

- Aktiviti yang disediakan dianggap mencabar oleh lebih daripada 63.6% murid.
- 82.9% murid bersetuju bahawa mereka mengambil masa yang lebih lama untuk menyiapkan aktiviti.
- Sejumlah besar (melebihi 88.5%) pula bersetuju bahawa mereka lebih faham apabila mereka belajar melalui aktiviti yang disediakan dalam bahan ini.
- Majoriti responden (melebihi 88.5%) bersetuju bahawa mereka berasa seronok dan suka terlibat dalam aktiviti PdP seperti ini. Lebih daripada 86.6% murid suka melaksanakan aktiviti atau tugas ini dengan lembaran kerja yang disediakan kerana mereka berpendapat bahawa lembaran kerja memudahkan mereka melaksanakan tugas dengan bimbingan berstruktur dengan bantuan minima daripada guru. Murid lebih berdikari dan guru lebih mudah berperanan sebagai fasilitator sahaja. Oleh itu, guru dapat membuat maklum balas pemerhatian dan penilaian yang lebih teliti, terfokus dan cepat (melebihi 94.2% murid setuju) menerima teguran, bimbingan dan galakkan daripada guru bagi mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai/etika murid.
- Lebih daripada 80.8% murid juga setuju bahawa borang penilaian rakan sebaya/kendiri dapat membantu mereka membuat refleksi terhadap pembelajaran.
- Lebih daripada 93.5% murid merasakan bahawa mereka dapat menguasai Kemahiran Abad Ke-21 dengan melaksanakan pembelajaran koperatif dan kolaboratif dalam menyelesaikan tugas yang diberikan.

**Kursus Kepimpinan STEM**

Kursus Kepimpinan STEM yang dilaksanakan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) direka khas untuk membantu pemimpin sekolah iaitu Pengetua dan Guru Besar (PGB) mempertingkatkan kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan kepimpinan terhadap pengukuhan pendidikan STEM melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum dengan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan.

Objektif khususnya adalah untuk mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan STEM, mempertingkatkan pemahaman tentang dasar dan konsep pendidikan STEM, mempertingkatkan kemahiran mengintegrasikan elemen STEM dalam PdP dan Kokurikulum, merancang tindakan untuk

mendapat sokongan bagi pengukuhan pendidikan STEM, dan menghasilkan Pelan Intervensi Transformasi Sekolah (PlnTaS) pengukuhan pendidikan STEM.

Pada tahun 2018, sebanyak lapan kursus Kepimpinan STEM telah ditawarkan oleh IAB dengan pelibatan 240 orang PGB. Pelaksanaan kursus ini mula menunjukkan impak yang positif terhadap pengukuhan pendidikan STEM di sekolah yang terlibat.




**Pembangunan Kursus STEM Secara Dalam Talian**

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dengan kerjasama Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah membangunkan kursus STEM secara maya iaitu Massive Open Online Course (MOOCs).

Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan guru dalam bidang STEM, mengintegrasikan STEM dengan mata pelajaran masing-masing di samping membolehkan guru belajar secara sendiri melalui modul pembelajaran yang boleh diakses tanpa mengira tempat dan masa.

Sebanyak tiga bengkel telah dilaksanakan untuk membangunkan kursus ini yang melibatkan empat orang pegawai daripada Bahagian, enam orang pensyarah Fakulti Pendidikan UPM, enam orang guru pakar serta dua orang wakil daripada Open Learning Malaysia. Hasilnya, satu kursus yang

meliputi tiga modul, iaitu modul Celik STEM, modul STEM dalam Kehidupan dan modul Kembara STEM telah dibangunkan dan sedia untuk disebar kepada guru.



**Pembangunan Profesionalisme Berterusan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Bidang STEM**

Seramai 7,479 orang PPP (jumlah ini melepasi sasaran awal 6,000 orang) yang mempunyai latar belakang dan bertugas dalam bidang STEM telah mengikuti Pembangunan Profesionalisme Berterusan atau lebih dikenali sebagai CPD (Continuous Professional Development). Pembekal latihan yang dikenal pasti oleh Bahagian Profesionalisme Guru berpotensi menyediakan latihan dengan kemahiran terkini, menarik dan bermakna.

Tujuan CPD adalah untuk memberi nilai tambah kepada mereka agar menjadi lebih kompeten dalam bidang tugas masing-masing. Selain mempertingkatkan tahap kemahiran dan daya saing PPP dalam menangani isu PdP yang dianggap bosan dan kurang kreatif. Pemilihan peserta CPD telah dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Berikut adalah program CPD yang dijalankan sepanjang tahun 2018 (Ekshibit 2-7):

**Ekshibit 2-7: Senarai Program Profesionalisme Berterusan 2018**

Bil.	Nama Program
1	STEM Workshop
2	In Country Course : 21st Century Learning
3	Seminar Penggunaan Video STEM KPM 2018
4	AQUARIA KLCC STEM Teachers' Workshop
5	Creative Teaching Aids Using Local Materials
6	Workshop on Enhancing Creativity through Transdisciplinary Mathematics Education
7	1st National Seminar on STEM Mentor Mentee

8	Program Inovasi Pendidik bersama Pusat Sains Negara
9	Kolokium Pendidikan STEM
10	Workshop Secondary Science/Mathematics Learning in the STEM Environment

**Bengkel Pembinaan Item Ujian Diagnostik Guru STEM**



*AQUARIA KLCC STEM, Teachers' Workshop*



*Program Inovasi Pendidik bersama Pusat Sains Negara*

**Modul Multimedia PdP STEM 2018**

Modul Multimedia PdP STEM yang diterajui oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh telah dibangunkan dengan bantuan khidmat pakar dalam kalangan guru bidang STEM yang terpilih. Tujuan modul ini dibangunkan adalah untuk memberi latihan kepada guru bidang STEM dalam mempelbagaikan kaedah PdP STEM dengan bantuan aplikasi teknologi maklumat dan komputer. Topik yang terkandung dalam modul ini adalah teknik Mirroring, Digital Ink, Asas Penggambaran, Video Editor (YouTube Editor dan Viva Video), Green Screen, Google Classroom, dan Penilaian dalam PdP (Quizziz, Formative, Plickers, EDPuzzle, HSP, Vizia).

Penataran penggunaan modul ini telah dilaksanakan kepada 3,066 orang guru seperti disenaraikan dalam Ekshibit 2-8.

**Ekshibit 2-8: Lokasi Pelaksanaan Penataran Penggunaan Modul Multimedia PdP STEM, 2018**

Zon	Lokasi
Utara	Sekolah Menengah Sains Kepala Batas, Pulau Pinang
	Sekolah Menengah Sains Tapah, Perak
Tengah	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi, Rawang, Selangor
	Sekolah Menengah Sains Banting, Selangor
Selatan	Sekolah Menengah Sains Sembrong, Johor
	Sekolah Menengah Sains Muar, Johor
Timur	Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu, Terengganu
	Sekolah Menengah Sains Dungun, Terengganu
	Institut Pendidikan Guru, Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu
Sabah	Sekolah Kebangsaan Tengku Afzan, Kuantan
	Sekolah Kebangsaan Lahad Datu 2, Lahad Datu, Sabah
Sarawak	Kompleks Persekutuan Negeri Sabah
	Sekolah Menengah Sains Miri, Sarawak
	Sekolah Menengah Sains Kuching, Sarawak

**Program Pembudayaan Pentaksiran Kemahiran Sainifik (PKS)**

Program Rintis PKS yang diterajui oleh Lembaga Peperiksaan telah dijalankan di 33 buah sekolah menengah di seluruh negara sepanjang tahun 2017. Lanjutan daripada itu pada tahun 2018, PKS telah diperluaskan menerusi Program Pembudayaan PKS dengan menyasarkan 100% pelaksanaan PKS di semua sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran elektif Sains Tulen (Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan).

Bagi membantu guru melaksanakan PKS, sebuah buku panduan telah disediakan susulan daripada Program Rintis PKS tersebut. Buku Panduan PKS merupakan sebuah dokumen yang bertujuan untuk membimbing guru dalam melaksanakan pentaksiran kemahiran manipulatif dan kemahiran proses saintifik semasa proses pengajaran dan pembedahan (PdPc).

**Dapatan Kunjung Bantu PKS**

- Penerimaan dan kefahaman guru terhadap PKS adalah baik dan boleh dipertingkatkan jika

- mereka faham rasional pelaksanaan PKS;
- Murid seronok melaksanakan eksperimen semasa PdPc. Mereka berpeluang mempertingkatkan kemahiran manipulatif dan kemahiran proses saintifik melalui PKS;
- Kerjasama dan sokongan daripada pentadbir sekolah adalah positif;
- Latihan secara berkala harus diberikan kepada pembantu makmal bagi mempertingkatkan kompetensi mereka;
- Guru menyatakan bahawa kesediaan prasarana dan bahan/radas makmal sebagai alasan untuk tidak melaksanakan amali; dan
- Aspek keselamatan makmal harus dipertingkatkan.



*Lawatan Kunjung Bantu PKS*

**STRATEGI MEMPERTINGKATKAN MINAT MURID TERHADAP STEM**

**Karnival STEM**

Bagi memberikan pendedahan dan meningkatkan minat murid kepada STEM, kandungan pendidikan STEM telah dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti kokurikulum. Pada tahun 2018, sebanyak 158,909 orang murid telah terlibat dalam aktiviti kokurikulum berunsurkan STEM melalui program-program yang dianjurkan oleh Kementerian, dan juga dengan kerjasama organisasi luar.

Karnival STEM yang diterajui oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menganjurkan himpunan pelbagai jenis pertandingan dan pameran berasaskan bidang STEM. Karnival peringkat negeri bagi tahun 2018 telah diadakan pada bulan Julai sehingga November di 16 buah negeri. Antara acara yang dipertandingkan termasuk Pertandingan Raket Air untuk murid sekolah rendah dan menengah, Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi STEM untuk murid sekolah rendah dan menengah, Pertandingan Video Digital STEM untuk murid sekolah menengah, Pertandingan Bercerita STEM dan STEM Action Song untuk murid sekolah rendah serta Pertandingan Kapal Terbang Kawalan Jauh untuk murid sekolah rendah dan menengah.

Karnival STEM peringkat kebangsaan pula telah diadakan pada bulan November 2018 di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu. Karnival ini menyaksikan pemenang peringkat negeri bertanding antara satu

sama lain. Senarai pemenang bagi setiap kategori acara yang dipertandingkan adalah seperti dalam Ekshibit 2-9.

**Ekshibit 2-9: Senarai Pemenang Acara Karnival STEM 2018**

**PERTANDINGAN ROKET AIR (Sekolah Rendah)**

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	KUALA LUMPUR	SK TUN HUSSEIN ONN
2	NAIB JOHAN	PULAU PINANG	SK PERMATANG JANGGUS
3	KETIGA	TERENGGANU	SK SURA

**PERTANDINGAN ROKET AIR (Sekolah Rendah)**

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	KUALA LUMPUR	SK TUN HUSSEIN ONN
2	NAIB JOHAN	PULAU PINANG	SK PERMATANG JANGGUS
3	KETIGA	TERENGGANU	SK SURA

**PERTANDINGAN ROKET AIR (Sekolah Menengah)**

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	KUALA LUMPUR	SMK SG BESI
2	NAIB JOHAN	TERENGGANU	SMK SULTAN AHMAD
3	KETIGA	KEDAH	SMK TUNKU SERI INDERA PUTERA

**PERTANDINGAN VIDEO DIGITAL (Sekolah Menengah)**

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	KELANTAN	SMK TOK JANGGUT
2	NAIB JOHAN	PERAK	SMK METHODIST (ACS) SITI AWAN
3	KETIGA	SELANGOR	SMK SEKSYEN 19

**PERTANDINGAN REKA CIPTA (Sekolah Rendah)**

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	KEDAH	SK DATO' WAN KEMARA
2	NAIB JOHAN	JOHOR	SK SERI MERLONG
		NEGERI SEMBILAN	SK SENAWANG
3	KETIGA	SABAH	SK TANJUNG ARU II, KOTA KINABALU
		SARAWAK	SJKC KWANG CHIEN, SARIKEI
		PAHANG	SJKT RINGLET
		TERENGGANU	SK BATU 48
		KELANTAN	SK KG BERANGAN



**PERTANDINGAN REKA CIPTA (Sekolah Menengah)**

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	JOHOR	SMK SERI KOTA PUTERI 2
2	NAIB JOHAN	PAHANG	SM SAINS TENGGU ABDULLAH RAUB
	NAIB JOHAN	KEDAH	SMK SUNGAI KOB
3	KETIGA	KELANTAN	SMK KUBANG BEMBAN
		PULAU PINANG	SMJK HENG EE
		MELAKA	SMK GHAFAR BABA
		WP PUTRAJAYA	SMK PUTRAJAYA PRESINT 16 (1)
	WP KUALA LUMPUR	SMK TAMAN TUN DR ISMAIL	

**PERTANDINGAN BERCEKITA (Sekolah Rendah)**

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	NEGERI SEMBILAN	SK GADONG JAYA
2	NAIB JOHAN	KEDAH	SK CONVENT ALOR SETAR
3	KETIGA	PAHANG	SK PAHANG TUA

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	SELANGOR	SK TAMAN PUTERI
2	NAIB JOHAN	WP PUTRAJAYA	SK PUTRAJAYA PRESINT 9 (2)
	NAIB JOHAN	PULAU PINANG	SJKT PERMATANG TINGGI
3	KETIGA	PERAK	SK (P) METHODIST IPOH
		WP LABUAN	SK ST ANNE
		MELAKA	SK BATANG MELAKA
		PERLIS	SK CHANGKAT JAWI
		WP KUALA LUMPUR	SK SENTUL UTAMA

**PERTANDINGAN ACTION SONG (Sekolah Rendah)**

BIL.	TEMPAT	NEGERI	SEKOLAH
1	JOHAN	TERENGGANU	SK SULTAN SULAIMAN 1
2	NAIB JOHAN	JOHOR	SK SUNGAI BUNYI, PONTIAN
3	KETIGA	KEDAH	SJKC KEAT HWA H

**ANUGERAH KHAS**

**BENGKEL INOVASI KAPAL TERBANG KAWALAN JAUH (Sekolah Menengah)**

BIL.	ANUGERAH	NEGERI	SEKOLAH
1	PEMBINAAN REKABENTUK TERBAIK	JOHOR	SMK BANDAR PUTRA, SEGAMAT
2	PEMBENTANGAN TERBAIK	TERENGGANU	SMK LEMBAH BIDONG
3	PENERBANGAN TERBAIK	TERENGGANU	SMK LEMBAH BIDONG

**PERTANDINGAN ROKET AIR (Sekolah Rendah)**

BIL.	ANUGERAH	NEGERI	SEKOLAH
1	KATEGORI SASARAN TERBAIK	SELANGOR	SK KUALA SELANGOR
2	PAYUNG TERJUN TERBAIK	TERENGGANU	SK SURA, DUNGUN

**PERTANDINGAN ROKET AIR (Sekolah Menengah)**

BIL.	ANUGERAH	NEGERI	SEKOLAH
1	KATEGORI SASARAN TERBAIK	KUALA LUMPUR	SMK SUNGAI BESI
2	PAYUNG TERJUN TERBAIK	SABAH	SMKA TUN AHMAD SHAH, KOTA KINABALU

**PERTANDINGAN STEM DIGITAL PROJECT (Sekolah Menengah)**

BIL.	ANUGERAH	NEGERI	SEKOLAH
1	BEST PRESENTATION AWARD	KUALA LUMPUR	SEKOLAH AMINUDDIN BAKI
2	BEST CONTENT AWARD	KUALA LUMPUR	SEKOLAH AMINUDDIN BAKI
3	BEST CINEMATOGRAPHY AWARD	PERAK	SMK METHODIST (ACS) SITI AWAN

**Pertandingan Aplikasi STEM – MySTEMapps Challenge 2018**

Pertandingan yang diterajui oleh Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan ini bertujuan untuk mempromosikan STEM dalam kalangan murid, memperbanyak bahan sumber STEM serta menggalakkan aktiviti berkaitan Sains Komputer pada peringkat sekolah, daerah dan negeri. Penyertaan terbuka kepada semua murid Tingkatan 4 dengan setiap kumpulan terdiri daripada seorang guru pembimbing dan empat orang murid. Sambutan bagi pertandingan ini amat menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 130 buah kumpulan dari seluruh negara.

10 kumpulan terbaik dipilih untuk menyertai Bengkel Pembangunan Aplikasi STEM (Android) MySTEMapps Challenge Peringkat Kebangsaan yang diadakan dengan kerjasama Universiti Multimedia (MMU) Kampus Melaka.

Senarai sekolah yang terpilih ke peringkat akhir:

- Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur
- Maktab Rendah Sains Mara Sungai Besar, Selangor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 19, Shah Alam, Selangor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Ampang, Selangor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Jenjarom, Selangor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Kubong, Sarawak
- Sekolah Menengah Sains Kuching, Sarawak
- Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Melaka
- Sekolah Menengah Kebangsaan Gemilang, Pulau Pinang
- Sekolah Menengah Agama Khairiah, Terengganu

Pertandingan Aplikasi STEM ini telah membantu menjayakan Anjakan 7 Transformasi Pendidikan dalam PPPM, iaitu 'Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia'. Selain daripada itu, pertandingan ini turut memaksimumkan penggunaan ICT dalam pembelajaran digital dan pembelajaran sendiri bagi memperluaskan akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid.

Hasil Pertandingan Aplikasi MySTEMapps Challenge ini telah memberikan elemen tambahan dalam

konsep pembelajaran maya bagi mata pelajaran berkaitan STEM bukan sahaja kepada warga pendidik dan murid, tetapi juga kepada masyarakat umum di negara ini.




**PENINGKATAN KEMAHIRAN LITERASI DAN NUMERASI**

Aspirasi Murid dalam PPPM 2013-2025 menekankan kemahiran literasi dan numerasi bagi setiap murid. Oleh itu, mempertingkatkan kemahiran penguasaan Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI) semua murid menjadi keutamaan segera Kementerian. Kementerian bermatlamat untuk memastikan setiap murid mencapai 100% kemahiran asas literasi dalam BM dan BI serta numerasi selepas tiga tahun persekolahan di sekolah rendah, kecuali murid berkeperluan khas. Bagi mencapai hasrat ini, Program LINUS2.0 telah dilaksanakan pada tahun 2013 melibatkan murid Tahap I di sekolah rendah.


Bagi tahun 2018, saringan LINUS2.0 dilaksanakan kepada semua murid Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3. Seramai 1,343,175 orang murid Tahap I di sekolah rendah telah menduduki Saringan 1 dan Saringan 2 sepanjang bulan Mac hingga Oktober 2018. Kementerian juga telah melaksanakan pengesanan

dan pemantauan secara kolaboratif antara bahagian bagi Saringan 1 dan Saringan 2 yang dilaksanakan di seluruh negara. Dapatan presatsi murid adalah seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-10 dan 2-11.

**Ekshibit 2-10: Prestasi Murid bagi Saringan 2 Program LINUS2.0, 2018**



**Ekshibit 2-11: Prestasi Murid dalam Program LINUS2.0, 2016-2018**



Kementerian telah menjalankan pelbagai usaha untuk mempertingkatkan kompetensi guru bagi memastikan aspirasi 100% murid menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi 3M dicapai.



Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian telah melaksanakan Dialog Pelaksanaan Intervensi di PPD prioriti bersama-sama FasiLINUS sepanjang tahun 2018.

Dialog Pelaksanaan Intervensi (DPI) merupakan platform bagi membantu PPD dan sekolah mempertingkatkan penguasaan LBM, LBI dan Numerasi. Keutamaan pemilihan sekolah yang terlibat bagi setiap PPD adalah sekolah dengan peratus penguasaan di bawah 90% untuk dua daripada tiga saringan LBM, LBI dan Numerasi. Dialog ini juga memberi peluang kepada PGB mengenal pasti intervensi yang berimpak tinggi dan berkesan kerana mereka bertanggungjawab terhadap Program LINUS2.0 di sekolah masing-masing.

Bagi merealisasikan intervensi yang dijalankan, pelibatan pegawai selain daripada Unit Akademik telah dapat memberi sokongan tambahan kepada ibu bapa dan penjaga serta membantu menyelesaikan masalah ketidakhadiran murid ke sekolah. Program seperti Bengkel LINUS2.0 bersama-sama ibu bapa dan murid telah diadakan di kebanyakan sekolah serta dikawal selia oleh pegawai FasilINUS daripada PPD terbabit.

**PEMBINAAN MODUL LINUS2.0**

Pembinaan Modul LINUS2.0 LBM, LBI dan Numerasi untuk kegunaan murid di sekolah rendah seluruh Malaysia telah dijalankan pada tahun 2018. Satu Kajian Keberkesanan Penggunaan Modul LINUS2.0 LBM, LBI dan Numerasi juga telah dijalankan pada tahun yang sama. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat pengaplikasian Modul LINUS2.0 di sekolah serta kesesuaian kandungan dan keperluan semakan semula Modul LINUS2.0. Selain itu, Bengkel Pembinaan Bahan Bantu Belajar (BBB) sejajar dengan Common European Framework of Reference (CEFR) turut diadakan untuk LBI.

Program Outreach LINUS2.0 telah dilaksanakan untuk 6,271 orang murid Tahun 3 oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), Kementerian. Program ini membolehkan intervensi awal dijalankan untuk mengesan dan mengesahkan status murid yang masih belum menguasai kemahiran 3M.

Institut Aminuddin Baki (IAB) juga telah mengadakan Kursus Pengurusan LINUS2.0 dan Program Jerayawara Intervensi LINUS2.0 (JIL2.0) untuk 120 orang PGB baharu sepanjang tahun 2018.

Mulai tahun 2019, Program LINUS2.0 tidak diteruskan secara berpusat untuk memberi laluan kepada program literasi dan numerasi yang baharu. Pelaksanaan program baharu ini akan memberi lebih

**Usaha memartabatkan Bahasa Melayu dalam pendidikan sangat penting sebagai alat perpaduan, bahasa perhubungan utama bahasa ilmu ke arah memebina negara bangsa. Keyakinan ini telah terbukti bahawa bahasa Melayu menduduki tempat yang tinggi sebagai bahasa moden kerana telah memenuhi semua syarat, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar ilmu, bahasa perdagangan, bahasa agama, bahasa kebudayaan dan kesusteraan, bahasa ketenteraan, bahasa lingua franca, bahasa parlimen dan bahasa mahkamah.**

**(Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025)**

autonomi kepada pihak sekolah untuk menentukan intervensi bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi.

**MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA DAN MEMPERKUKUHKAN BAHASA INGGERIS**

Bahasa adalah suatu alat komunikasi yang digunakan dalam pelbagai bidang serta berperanan sebagai wadah pembentukan akal dan fikiran, pembangunan ekonomi dan politik sesebuah negara, serta perkembangan agama dan kesusasteraan. Menurut Pegg (2012), terdapat 6,000 bahasa yang dituturkan di seluruh dunia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) meletakkan usaha meningkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa melalui Anjakan Kedua iaitu memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, serta digalakkan mempelajari Bahasa tambahan. Justeru, pihak kementerian sentiasa mempergiatkan usaha bagi meralisasikan hasrat ini dengan merencana program dan inisiatif baharu serta tindakan yang lebih menyeluruh.

**PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

Dasar dan pelan pendidikan meletakkan peranan Bahasa Melayu dalam sistem Pendidikan negara. Langkah ini selari dengan matlamat pendidikan dan kepentingan melahirkan murid yang berbilang bahasa dan mempunyai kemahiran berbahasa yang baik.

Melalui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025, usaha bersepadu dalam memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu terus diperhebatkan lagi. Pada tahun 2018, beberapa usaha telah dijalankan melalui Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu, antaranya:

- Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM)
- Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG)

- Modul Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu (MPAKM)
- Kit Sokongan Bahasa Melayu Sekolah Rendah
- Kit Sokongan Bahasa Melayu Menengah Atas (KSBMMA)
- Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Pendidikan Khas Di Sekolah Pendidikan Khas Dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)
- Program Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Melayu (Pedagogi Terbeza)

**KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU**

Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) dibangunkan bertujuan untuk mengadakan piawai bahasa Melayu bagi menentukan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna sama ada penutur jati atau sebagai bahasa kedua. KSBM telah diletakkan di bawah dasar Kerajaan dan menjadi rujukan dalam enam siri jelajah untuk menerangkan tentang konsep KSBM dan memberi keyakinan kepada masyarakat dalam penggunaannya.

Berdasarkan KSBM, pembinaan kurikulum kompetensi ciri penutur dibangunkan terlebih dahulu sebelum membangunkan Instrumen Kompetensi Ciri Pengguna. Instrumen Kompetensi Ciri Pengguna yang telah dibina telah diverifikasikan oleh pakar Bahasa Melayu daripada universiti awam dan universiti swasta pada bulan April 2018. Sepanjang tahun 2018, panel KSBM telah berjaya melaksanakan aktiviti bagi tujuan mencapai persefahaman dan berkongsi idea untuk menambah baik isi kandungan KSBM dan memantapkan KSBM bagi kegunaan semua agensi. Antara inisiatif yang dibincangkan ialah penggambaran dokumentari KSBM, ujian rintis mengikut kategori pengguna BM, pembangunan instrumen dan penghasilan Buku KSBM dan Buku Panduan Penggunaan KSBM.

Usaha memantapkan Bahasa Melayu dalam pendidikan sangat penting sebagai alat perpaduan, bahasa perhubungan utama bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa. Keyakinan ini telah terbukti bahawa bahasa Melayu menduduki tempat yang tinggi sebagai bahasa moden kerana telah memenuhi semua syarat, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar ilmu, bahasa perdagangan, bahasa agama, bahasa kebudayaan dan kesusteraan, bahasa ketenteraan, bahasa lingua franca, bahasa parlimen dan bahasa mahkamah.

(Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025)

Pada Oktober 2018, Buku KSBM dan Buku Panduan Penggunaan KSBM telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia sempena Majlis Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM).

Pada tahun 2018 juga perbincangan tentang penubuhan Majlis Bahasa Melayu diadakan dan kertas cadangan Penubuhan Majlis Bahasa Melayu telah diluluskan oleh ahli Majlis Mesyuarat Tertinggi Kementerian pada Disember 2018. Majlis Bahasa Melayu menjadi badan yang akan mengawal selia KSBM. Harapan ahli panel agar KSBM menjadi kenyataan dan seterusnya menjadi satu wadah untuk mengukur tahap penguasaan bahasa Melayu seseorang mengikut kategori.

**UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG)**

Pada tahun 2018, satu instrumen baharu penilaian kompetensi berbahasa Melayu dalam kalangan guru yang mengajar Bahasa Melayu telah dibangunkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dengan kerjasama IPGKBM selaku peneraju dan dikenali sebagai Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG).

Pembangunan instrumen UPBMG dibina berpandukan tahap dan aras kemahiran yang ditetapkan dalam KSBM. Kerangka konseptual instrumen ini merangkumi ujian mengenai tahap ilmu pengetahuan dan penguasaan berbahasa guru BM, khususnya dalam aspek kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur.

Keseluruhan item bagi set instrumen yang diuji menepati huraian tahap yang terdapat dalam Buku Panduan KSBM (Ekshibit 2-12). Skor pencapaian UPBMG dikategorikan mengikut enam Tahap Kompetensi (TK), iaitu TK 1 (Terbatas), TK 2 (Memadai), TK 3 (Memuaskan), TK 4 (Cekap), TK 5 (Cemerlang) dan TK 6 (Sangat Cemerlang).

Dapatan ujian rintis tersebut (Ekshibit 2-13) menunjukkan seramai 432 orang guru (32.57%) telah melepasi tahap minimum TK 5 dan TK 6, iaitu di tahap cemerlang. Manakala TK 4 seramai 442 orang (33.33%), TK 3 seramai 391 orang (29.48%), TK 2 seramai 59 orang (4.44%) dan TK 1 seramai 2 orang (0.15%). Hal ini menunjukkan seramai 894 orang guru (67.43%) belum melepasi tahap cemerlang.



Ekshibit 2-12: Huraian Tahap Kompetensi Kemahiran Bahasa Melayu

Tahap Kompetensi (TK)	Huraian
<b>Kompetensi 6</b> Cemerlang	Calon menunjukkan keupayaan untuk <i>membuat inferens</i> , menganalisis, menilai serta <i>mengkritik pelbagai bahan</i> , sama ada secara lisan atau dalam penulisan untuk membuat analogi dengan teknik dan gaya bahasa yang berkesan secara logik dan relevan dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya pada tahap yang <b>cemerlang</b> .
<b>Kompetensi 5</b> Sangat baik	Calon menunjukkan keupayaan untuk <i>mengenal pasti</i> , <i>meneroka</i> , <i>mentakrif</i> , menyusun idea mengikut turutan menilai, merumus serta mengubah suai bahan maklumat yang kritis dalam pelbagai tema, situasi dan laras bahasa sama ada secara lisan atau dalam penulisan untuk menjana dan mengolah idea baharu yang kreatif dan kompleks dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi pada tahap <b>sangat baik</b> .
<b>Kompetensi 4</b> Baik	Calon menunjukkan keupayaan untuk menjana idea, membuat perbandingan, membuat inferens, menyusun, menterjemahkan, menghuraikan, menilai, merumus, menyokong, memanipulasikan serta mereka cipta bahan dan maklumat yang kritis dalam pelbagai tema, situasi dan laras bahasa sama ada secara lisan atau dalam penulisan dengan menggunakan ayat yang kompleks, variasi bahasa yang sesuai, santun, fasih, sopan dan lancar pada tahap <b>baik</b> .
<b>Kompetensi 3</b> Memuaskan	Calon menunjukkan keupayaan untuk mengenal pasti, memerihalkan, menghuraikan, menterjemahkan serta memanipulasikan maklumat dan idea kritis yang berkesinambungan secara kohesi, koheren dan berstruktur dalam pelbagai situasi dan laras bahasa sama ada secara lisan atau dalam penulisan dengan menggunakan variasi bahasa yang sesuai, santun, fasih, sopan dan lancar pada tahap <b>memuaskan</b> .
<b>Kompetensi 2</b> Terhad	Calon menunjukkan keupayaan untuk mengenal pasti, membuat perbandingan, mengorganisasi, menjana, menghuraikan dan merumus idea/isu serta membuat penilaian dan kritikan secara fasih dan spontan terhadap bahan yang kompleks dalam pelbagai situasi dan laras bahasa serta dapat memberikan contoh yang relevan sama ada secara lisan atau dalam penulisan dengan menggunakan pemikiran tinggi pada tahap <b>terhad</b> .
<b>Kompetensi 1</b> Sangat Terhad	Calon menunjukkan keupayaan untuk mengenal pasti, membuat perbandingan, mengorganisasi, menjana, menghuraikan dan merumus idea/isu serta membuat penilaian dan kritikan secara fasih dan spontan terhadap bahan yang kompleks dalam pelbagai situasi dan laras bahasa serta dapat memberikan contoh yang relevan sama ada secara lisan atau dalam penulisan dengan menggunakan pemikiran tinggi pada tahap <b>terhad</b> .

**Ekshibit 2-13: Skor Pencapaian Ujian Penguasaan Bahasa Malaysia Guru (UPBMG)**

Tahap Kompetensi	Bilangan Guru	%
Pencapaian bagi semua kemahiran adalah TK 6	1	0.07
Pencapaian minimum bagi semua kemahiran adalah TK 5	431	32.50
Pencapaian minimum bagi semua kemahiran adalah TK 4,	442	33.33
Pencapaian minimum bagi mana-mana kemahiran adalah TK 3	391	29.48
Pencapaian minimum bagi mana-mana kemahiran adalah TK 2	59	4.44
Pencapaian minimum bagi mana-mana kemahiran adalah TK 1	2	0.15
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,326</b>	

Pelaksanaan UPBMG akan diteruskan bagi menjamin kualiti dan kecekapan guru-guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah di bawah Kementerian.

**MODUL PEDAGOGI ALTERNATIF KESUSATERAAN MELAYU (MPAKM)**

Program MPAKM pada tahun 2018 adalah satu kesinambungan pendedahan Modul Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu yang telah dilaksanakan pada tahun 2017. Sebanyak 220 buah sekolah telah dirintis untuk dilihat keberkesanan MPAKM berdasarkan empat dimensi, iaitu kesediaan guru, pengaplikasian MPAKM dalam pengajaran dan pembelajaran, pelibatan murid dan aspek penilaian berasaskan modul. Selain itu, program ini akan memberi pendedahan agar setiap sekolah yang menawarkan subjek Kesusasteraan Melayu (KM)

dapat mengaplikasikan pedagogi alternatif supaya pelajar lebih teruja dalam mengikuti pembelajaran subjek KM. Bagi melihat keberkesanan modul, Instrumen Kajian Keberkesanan telah disediakan.

Kejayaan yang ketara dapat disampelkan pada tiga buah sekolah, iaitu SMK Geting, Tumpat, Kelantan, SM Pendidikan Khas (Cacat Penglihatan), Setapak, Kuala Lumpur dan SMK Tebedu, Serian, Sarawak. Ketiga-tiga buah sekolah ini diangkat sebagai contoh dan ditonjolkan dalam siaran Astro Awani 501. Malahan SM Pendidikan Khas, Setapak membuktikan pencapaian SPM 2017 yang cemerlang bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sehingga beberapa orang pelajar yang cacat ini memperoleh gred A bagi subjek tersebut. Seramai enam orang murid memperolehi gred A bagi subjek tersebut dan salah seorang daripada mereka memperoleh gred A+. Lebih membanggakan, seorang daripada pelajar tersebut telah dinobatkan sebagai pelajar cemerlang peringkat kebangsaan. Walaupun, SMK Tebedu dan SMK Geting berada di lokasi luar bandar tetapi para pelajar amat teruja dan seronok semasa proses pembelajaran KM berlaku. Hal ini demikian, disebabkan guru KM melakukan perubahan dalam pengajaran, iaitu mengajar dengan bersandarkan pada MPAKM.

Tempoh masa pendedahan bimbingan guru dipertingkatkan agar mereka dapat menguasai pelbagai aplikasi TMK yang menjadi teras utama dalam pembinaan MPAKM. Pendedahan ini turut melibatkan pemimpin sekolah yang menjadi teraju utama di sekolah. Pendedahan seperti ini akan menggalakkan pentadbir sekolah untuk membuka lebih banyak kelas KM dan memberi peluang kepada murid-murid untuk mengambil mata pelajaran tersebut dalam peperiksaan SPM.

Selain itu, guru yang sanggup serta bersedia untuk mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu akan diberikan peluang dan ruang, termasuk pendedahan kepada guru yang bukan opsyen dengan ilmu bantu mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.



Kementerian akan turut mengenal pasti keperluan menawarkan mata pelajaran KM di semua sekolah bagi memberi peluang kepada murid mengambil mata pelajaran yang berkenaan. Pendekatan alternatif ini akan turut dihebahkan untuk membolehkan murid melihat sendiri keseronokan mata pelajaran ini serta faedah ekonomi yang boleh diperolehi.

**KIT SOKONGAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH**

Kit sokongan pembelajaran ini merupakan bahan sokongan kepada buku teks Bahasa Melayu sekolah rendah sama ada Sekolah Kebangsaan (SK) mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Kit ini dibina selari dengan kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu sekolah rendah dan sesuai dengan pelbagai peringkat umur. Matlamat kit sokongan pembelajaran ini adalah untuk melonjakkan prestasi murid dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pada tahun 2018, Instrumen keberkesanan Modul Kit Sokongan Bahasa Melayu SR telah berjaya dirintis kepada 320 buah sekolah.

Melalui penggunaan kit, guru didapati berjaya mempelbagaikan teknik dalam PdP yang membantu mereka mencapai objektif. Selain itu, kit ini dapat membantu mempertingkatkan kemahiran PdP guru Bahasa Melayu dan guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu sama ada di SK dan SJK. Malah, guru juga dilihat lebih kreatif dalam melaksanakan pelbagai teknik PdP dan lebih bersedia dengan bahan sokongan sebelum masuk ke kelas.

Dapatan laporan keberkesanan Kit Sokongan Bahasa Melayu Sekolah Rendah menunjukkan penggunaan kit dapat merangsang minat murid untuk mengikuti pembelajaran, menguasai kemahiran Bahasa dan sekali gus membantu guru mencapai objektif pembelajaran. Penggunaan kit dalam bilik darjah juga didapati berjaya mewujudkan kolaboratif yang baik dalam kalangan murid, sekaligus melihatkan murid lebih berani melontarkan idea semasa PdP dalam bilik darjah. Selain itu, penggunaan kit memberi peluang kepada semua murid untuk melakukan aktiviti yang disediakan. Hal ini secara tidak langsung akan membantu murid dan pihak sekolah melonjakkan prestasi.

Penggunaan kit sokongan pembelajaran akan diteruskan dengan peluasan inovasi yang lain dan mengambil kira keperluan pembelajaran terbeza, yang mana gabungan kit dan pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi akan dibina, selaras dengan kehendak Kementerian.

Bimbingan oleh pihak JPN dan PPD akan diteruskan agar pelaksanaan kit sokongan ini mengikut garis panduan yang telah ditetapkan bagi membantu guru memperbaiki mutu penyampaian dan pelaksanaan PdP berbantuan kit ini.

Selain itu, Garis Panduan Pelaksanaan bagi kriteria pemilihan guru yang mengikuti kursus akan diperhalusi. Pemilihan perlu mengambil kira kemampuan guru tersebut untuk mampu membuat penyebaran pada peringkat sekolah bagi memastikan kit sokongan ini dapat disebarluaskan dengan efektif. Penyebaran penggunaan kit ini akan turut disasarkan kepada subjek lain. Setakat ini, penyebaran penggunaannya melalui PLC (Professional Learning Community) dilihat dapat membantu guru memahami prosedur pelaksanaan kit.




**KIT SOKONGAN BAHASA MELAYU MENENGAH ATAS (KSBMMA)**

Kit Sokongan Bahasa Melayu Menengah Atas (KSBMMA) merupakan bahan sokongan kepada mata pelajaran Bahasa Melayu untuk Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Bertujuan membantu guru membimbing murid menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik, kit ini diharapkan dapat melonjakkan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). KSBMMA mengandungi lima kit utama yang terdiri daripada Kit Karangan, Kit Rumusan, Kit Pemahaman, Kit Sistem Bahasa & Kit KOMSAS.


Pada tahun 2018, sebanyak 140 buah sekolah menengah menggunakan KSBMMA. Berdasarkan Laporan Dapatan Rintis Pelaksanaan KSBMMA, responden telah menunjukkan sikap positif terhadap penggunaan kit sokongan yang membantu kondisi pembelajaran dalam bilik darjah, terdiri daripada bahan yang menarik, membantu suasana pembelajaran yang aktif, menjadikan pembelajaran lebih berfokus, merangsang pemikiran murid dan banyak membantu tugas guru untuk membimbing murid semasa proses PdP. Kit ini juga selaras dengan kehendak pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan mengandungi aktiviti yang interaktif.

Kajian rintis tersebut turut menyelidiki pandangan murid terhadap penggunaan KSBMMA oleh guru, pandangan pentadbir dan guru terhadap pelaksanaan KSBMMA berdasarkan kebolehan murid, serta pandangan pentadbir terhadap kekuatan dan kelemahan pelaksanaan KSBMMA seperti yang dipaparkan dalam Ekshibit 2-14, Ekshibit 2-15 dan Ekshibit 2-16.


**Ekshibit 2-14: Pandangan Murid Terhadap Penggunaan KSBMMA oleh Guru**



**Ekshibit 2-15: Pandangan Pentadbir dan Guru Terhadap Pelaksanaan KSBMMA Berdasarkan Kebolehan Murid**



**Ekshibit 2-16: Pandangan Pentadbir Terhadap Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan KSBMMA**



**KURSUS PENINGKATAN PROFESIONALISME GURU BAHASA MELAYU PENDIDIKAN KHAS DI SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS DAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI)**

Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bertujuan menjelaskan konsep PdP abad ke-21 dan mengenal pasti, membina, mengurus sesuatu PdP dengan aplikasi pedagogi PAK21. Kursus ini telah dijalankan di bawah bimbingan dan seliaan IPG, Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) dan PADU.

Sepanjang tahun 2018, seramai 326 orang guru PPKI dan 47 orang guru SPK terlibat dalam pelbagai aktiviti utama kursus ini seperti berikut:

- Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) mengikut enam zon
- Slot Sikap Asas Guru Pendidikan Khas
- Slot Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
- Slot Strategi Didik Hibur
- Slot Kaedah Pengajaran Teradun
- Slot Pengajaran Kreatif dan Tatabahasa



**PROGRAM KECEMERLANGAN PEDAGOGI BAHASA MELAYU (PEDAGOGI TERBEZA)**

Kementerian telah melaksanakan tujuh perubahan dalam tahun 2018, antaranya adalah tiada lagi pembahagian kelas mengikut tahap pencapaian murid. Ini adalah satu cabaran kepada dunia pendidikan yang telah sekian lama mengamalkan budaya pembahagian kelas. Justeru, Pedagogi Terbeza tampil sebagai jawapan kepada hasrat Kementerian agar PdP memberikan perhatian kepada kepelbagaian pencapaian, profil murid dan latar belakang murid yang berbeza.

Pedagogi Terbeza adalah usaha mempelbagaikan metodologi berdasarkan kerangka pedagogi yang fleksibel untuk membolehkan murid belajar berdasarkan potensi dan persekitaran mereka. IPG Kampus Bahasa Melayu telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Modul Pedagogi Terbeza di bawah Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu

Dari bulan Mac hingga Oktober 2018, panel pembina modul dari kalangan pensyarah IPG Kampus tersebut dan SISC+ telah berjaya menghasilkan empat modul Pedagogi Terbeza, iaitu:


- Pedagogi Terbeza Sekolah Orang Asli (SOA)
- Pedagogi Terbeza Sekolah Kurang Murid (SKM)
- Pedagogi Terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
- Pedagogi Terbeza Kelas Peralihan



Rintis pelaksanaan Bengkel Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu (Pedagogi Terbeza) telah dilaksanakan di SK Desa Minium, Seri Petaling yang melibatkan 40 orang guru Bahasa Melayu daerah Petaling. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa guru menerima konsep dan pola Pengajaran Terbeza dengan baik dan positif kerana ia memberikan tumpuan kepada usaha untuk merencanakan aktiviti kumpulan berdasarkan kemampuan murid (Ekshibit 2-17 dan 2-18).


**Ekshibit 2-17: Perbandingan Pengetahuan Guru tentang Pedagogi Terbeza**

15 - Saya mengetahui pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran terbeza.



**Ekshibit 2-18: Perbandingan Kebolehlaksanaan Pedagogi Terbeza**

19 - Saya boleh menyampaikan kandungan mata pelajaran BM dalam Pengajaran Terbeza di sekolah.



Setelah Rintis dilaksanakan dan mendapat maklum balas daripada peserta kursus, modul telah dimurnikan supaya memenuhi keperluan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

Tahun 2019 merupakan tahun pelaksanaan Bengkel Pedagogi Terbeza bagi empat jenis sekolah, iaitu Sekolah Orang Asli (SOA), Sekolah Kurang Murid (SKM), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Kelas Peralihan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Pendedahan kepada pedagogi ini akan disusuli dengan bimbingan oleh Jurulatih Kebangsaan yang terdiri daripada panel pembina modul dan SISC+ daerah masing-masing.

Pemantauan pula akan dijalankan oleh Penyelaras Program dan Penyelaras Kursus bagi Program Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Melayu bersama-sama dengan Pegawai Bahasa Jabatan Pendidikan Negeri. Satu laporan akan dibuat untuk mengukur tahap keberkesanan program ini pada tahun 2019. Hasrat utama IPGKBM adalah supaya Pedagogi Terbeza ini dilaksanakan di seluruh negara, menepati hasrat Kementerian supaya PdP memberikan perhatian kepada kepelbagaian murid dalam sesuatu kelas melalui aplikasi pola Pengajaran Terbeza dan Teknologi Maklumat.



**PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS**

Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara ini wajar diberi perhatian dari segi pengukuhan pendidikan memandangkan statusnya sebagai bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas di seluruh dunia. Oleh itu, sejajar dengan Aspirasi Murid yang terkandung dalam PPPM 2013-2025, Kementerian komited dalam usahanya memperkukuhkan pendidikan Bahasa Inggeris (BI) bagi mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa ini dalam kalangan murid.

Melalui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Inggeris 2016-2025, pada tahun 2018 Kementerian meneruskan usaha bersepadu dalam memperkukuhkan pendidikan Bahasa Inggeris dengan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan, termasuk melaksanakan program Dual Language Programme dan mewujudkan usaha sama dengan Cambridge English.

**PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH (PPKBIS)**

Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) merupakan inisiatif PPPM 2013-2025 dengan keberhasilan murid sebagai fokus utamanya. Impak inisiatif ini diukur melalui peningkatan pencapaian murid sekolah dalam mata pelajaran BI pada peringkat SPM. Program ini menyasarkan sekolah hotspot, iaitu sekolah yang memperoleh kadar kelulusan yang lebih rendah daripada purata kebangsaan 77% bagi kertas BI SPM.

Dilaksanakan sejak tahun 2014, PPKBIS telah diperluaskan pelaksanaannya mulai tahun 2018 dan melibatkan guru mata pelajaran BI Tingkatan 2, Tingkatan 4 dan Ketua Panitia BI. Melalui Kursus School Support Plan (SSP) dan Kursus Differentiated Teaching and Learning (DTL) di bawah program PPKBIS, sokongan secara langsung diberikan kepada guru BI dan Ketua Panitia BI agar mereka berupaya membantu mempertingkatkan kemahiran Bahasa Inggeris murid secara berterusan.

**AKTIVITI PPKBIS 2018**

**Objektif Kursus School Support Plan (SSP)**

Kursus School Support Plan (SSP) mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran praktikal guru Bahasa Inggeris dalam penganalisisan penulisan karangan murid. SSP menggunakan pendekatan data-driven bagi mengenal pasti jurang antara pengetahuan

dan kemahiran murid, seterusnya membangunkan pelan intervensi yang berkesan untuk memastikan peningkatan kemahiran penulisan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah menengah. Kursus SSP Fasa 1 dan Fasa 2 Tahun 2018 telah dilaksanakan bagi 232 orang guru BI Tingkatan 2 dan 4.

**Objektif Kursus Differentiated Teaching and Learning (DTL)**

Kursus Differentiated Teaching and Learning (DTL) mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran Ketua Panitia BI dalam pembelajaran terbeza supaya mereka dapat membantu guru BI merancang pelan intervensi SSP yang berkesan dengan mengambil kira keperluan murid yang berbeza. Kursus ini telah dilaksanakan bagi 124 orang Ketua Panitia BI.

**Kunjung Bantu PPKBIS**

Lawatan Sokongan Sekolah ke 52 buah sekolah hotspot telah dilaksanakan pada bulan Mei hingga Jun 2018 dengan tujuan memberi bimbingan dan sokongan kepada guru BI dan SISC+ BI yang menjalankan intervensi melalui program SSP.

**Pembangunan Bahan Sokongan Penulisan Bahasa Inggeris**

PKBIS memberi fokus kepada pembelajaran sendiri dan pembelajaran kadar sendiri murid. Justeru, pada tahun 2018 sebanyak 20 set bahan sokongan penulisan Bahasa Inggeris dalam talian telah dibangunkan bagi murid sekolah menengah untuk membantu mempertingkatkan kemahiran menulis mereka. Bahan sokongan yang dibina sejajar dengan kurikulum BI dan format kertas SPM BI (1119) dan dimuat naik ke VLE FROG supaya mudah diakses oleh semua murid.

**PENCAPAIAN PROGRAM**

Pelaksanaan PPKBIS yang intensif dari tahun 2014 sehingga kini telah menghasilkan peningkatan peratus lulus SPM Bahasa Inggeris di sekolah hotspot, iaitu daripada 65.0% pada tahun 2015 ke 69.2% pada 2016. Peningkatan prestasi secara langsung menyumbang kepada kenaikan peratus lulus purata negara dari 76.3% pada tahun 2015 kepada 79.4% pada 2016. Analisis keputusan BI SPM 2017 menunjukkan penurunan daripada 69.2% ke 69.0%. Walau bagaimanapun, Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi BI SPM 2017 menunjukkan peningkatan daripada 5.99 pada tahun 2016 kepada 5.96. Pada tahun 2018, analisis keputusan BI SPM mencatat kenaikan peratus lulus bagi sekolah hotspot iaitu 70.9 berbanding 69.0 pada tahun 2017.



*Perkongsian Idea Dan Amalan Terbaik SSP Pengamalan Pembelajaran Terbeza*



*Perancangan Pelan Intervensi Pelaksanaan Aktiviti Intervensi – Fun Learning*



*Pelaksanaan Pelan Intervensi – Role-Play Pelaksanaan Pelan Intervensi – Sumbangsaan*



*Lawatan Sekolah PPKBIS: Perbincangan Pementoran dan Bimbingan Guru Bersama Pengetua SISC+ BI dan Jurulatih ELTC*

Langkah seterusnya yang perlu diambil oleh Kementerian adalah menjajarkan modul PPKBIS kepada Common European Framework of Reference (CEFR). Modul harus selari dengan kurikulum dan pentaksiran mata pelajaran BI sekolah menengah yang diajarkan kepada CEFR. Kemahiran guru BI dan Ketua Panitia BI perlu dipertingkatkan dari segi pengetahuan, PdP terbeza dan pentaksiran formatif, sementara pentadbir sekolah dan Ketua Panitia BI perlu dilibatkan dalam pemantauan penyampaian dan pelaksanaan PPKBIS di bilik darjah.

Bagi mempertingkatkan tahap pembelajaran sendiri dalam kalangan murid menengah atas, bahan sokongan pembelajaran mata pelajaran BI dalam talian, khasnya dalam penulisan, perlu disediakan. Pengesanan berterusan prestasi murid melalui SAPS yang bermula daripada peringkat menengah rendah dan berterusan ke menengah atas juga perlu dipastikan pelaksanaannya.

**PELAKSANAAN PROGRAM DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) TAHUN 2018**

Pada tahun 2018, sebanyak 152 buah sekolah tambahan telah diluluskan untuk melaksanakan DLP. Oleh itu, jumlah keseluruhan sekolah DLP dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah sebanyak 1,345 (Ekshibit 2-19).

*Ekshibit 2-19: Bilangan Sekolah Melaksanakan DLP, 2016 - 2018*

Tahun	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
2016	133	245	378
2017	440	375	815
2018	81	71	152
<b>JUMLAH</b>	<b>654</b>	<b>691</b>	<b>1,345</b>

*Ekshibit 2-20: Rumusan Bilangan Murid yang Mengikuti Kelas yang Melaksanakan DLP, 2016-2018*

SEKOLAH RENDAH							JUMLAH MURID SR
TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3	TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6		
25,684	23,467	10,323	10,644	10,644	6,890	<b>87,652</b>	

SEKOLAH MENENGAH				JUMLAH MURID SR & SM
TING 1	TING 2	TING 3	JUMLAH MURID SM	
55,973	53,212	25,323	<b>134,508</b>	<b>222,160</b>

*Ekshibit 2-21: Rumusan Bilangan Guru yang Mengajar Kelas yang Melaksanakan DLP, 2016-2018*

SEKOLAH RENDAH			BIL.GURU SR
GURU YANG MENGAJAR SAINS	GURU YANG MENGAJAR MATEMATIK		
1,215	1,282		<b>2,497</b>

SEKOLAH MENENGAH			JUMLAH GURU SR & SM
GURU YANG MENGAJAR SAINS	GURU YANG MENGAJAR MATEMATIK	BIL.GURU SM	
1,306	1,332	<b>2,639</b>	<b>5,316</b>

**Pelaksanaan Aktiviti Dual Language Programme (DLP) Tahun 2018**

Pelaksanaan aktiviti DLP bagi tahun 2018 menyaksikan penganjuran pelbagai program kerjasama dengan Bahagian/Agensi dalam Kementerian seperti yang berikut:

- Kajian Impak pelaksanaan DLP Kohort 1 (2016) dijalankan oleh BPPDP.
- Latihan Training of Trainers (ToT) untuk English for Specific Purposes (ESP) oleh IPGM yang melibatkan seramai 679 orang guru.
- Kursus Sokongan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Sains dan Matematik di Sekolah yang Melaksanakan DLP telah diadakan. 78 orang pensyarah dari 11 buah IPG terlibat sebagai Konsultan DLP. Seramai 1,540 orang guru Sains dan Matematik telah dilatih.
- Kolokium DLP bertema Strengthening Teaching and Learning Through Best Practices dan melibatkan seramai 300 orang peserta.
- Kursus Peningkatan Kemahiran dan Pedagogi dalam Bahasa Melayu oleh IPGKBM untuk guru bagi 27 buah sekolah yang melaksanakan DLP dan merosot pencapaian GPMP Bahasa Melayu dalam SPM 2017.
- *Tracking* pencapaian murid menggunakan SAPS akan dilaksanakan bersama-sama PADU dan ELTC untuk mata pelajaran:
  - Matematik
  - Sains
  - Bahasa Inggeris
  - Bahasa Melayu
- Tiga Kursus Sokongan Dalam Talian telah dilaksanakan oleh ELTC melibatkan seramai 1,614 orang guru, iaitu:
  - English Language Proficiency
  - English for Instructions
  - Kursus Lanjutan Sokongan Bahasa Inggeris DLP dalam talian

DLP akan terus diperkasakan pada tahun 2019 dengan penambahan satu lagi Petunjuk Prestasi Utama, iaitu Peningkatan Penguasaan Murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, selain mengukur peningkatan penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Pemantauan pencapaian KPI adalah berlandaskan UPSR, PT3 dan SPM.

**USAHA SAMA KEMENTERIAN DAN CAMBRIDGE ENGLISH UNTUK MEMPERTINGKATKAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS DI MALAYSIA**

Pada tahun 2018, Kementerian telah mengadakan mesyuarat kerjasama antara pengurusan tertinggi Kementerian dengan Cambridge English (CE) bagi membincangkan pencapaian utama tahun 2017

termasuk cabaran yang dihadapi. Hasil mesyuarat ini telah membantu Kementerian mengatasi masalah dan berhasil menyelesaikan kesemua deliverables 2018 seperti yang termaktub dalam kontrak.



**Kurikulum**

Pengubalan scheme of work dan silibus untuk Tahun 3 dan Tingkatan 3. Latihan induksi kurikulum Tahun 3 dan Tingkatan 3 Jurulatih Utama telah dilaksanakan untuk 100 orang guru, pensyarah dan pegawai Kementerian. 75 orang Jurulatih Utama untuk Tahun 3, manakala 25 orang Jurulatih Utama untuk Tingkatan 3. Tanggungjawab mereka adalah untuk menatar latihan kepada guru pada peringkat negeri, daerah dan sekolah bermula bulan Ogos 2018. Sehingga bulan November 2018, seramai 11,227 orang guru telah terlibat dengan latihan peringkat kedua dan ketiga. Kurikulum sejajar CEFR Tahun 3 dan Tingkatan 3 akan mula dilaksanakan pada bulan Januari 2019.



Dokumen kurikulum termasuk scheme of work dan silibus untuk Tahun 3 (Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan) dan Tingkatan 3 telah dimuat naik ke laman web Bahagian Pembangunan Kurikulum sebagai sumber rujukan guru.

**Bahan Pengajaran dan Pembelajaran**

Murid Tahun 3 menggunakan buku bertajuk Get Smart sebagai buku teks manakala murid Tingkatan 3, Close Up. Kesemua buku telah diedarkan ke sekolah di seluruh Malaysia pada akhir bulan November 2018.



**Pentaksiran (Sumatif)**

75 orang Item Writers dan 33 orang Jurulatih Utama telah dilatih oleh CE bagi pentaksiran UPSR, PT3 dan SPM. Penataran format PT3 telah selesai disebar pada bulan November 2018.



**Pentaksiran (Formatif)**

Seramai 100 orang guru sekolah rendah, 49 orang guru sekolah menengah dan 12,435 orang Ketua Panitia telah dilatih sebagai Jurulatih Utama.



**Latihan Guru**

- **Penilaian Program Pembangunan Guru (IPGM - Praperkhidmatan)**

CE telah menyemak dokumen latihan IPGM dan UPSI untuk peringkat prasekolah, rendah dan menengah. Perkara yang diteliti adalah:

- Pengajaran Bahasa Inggeris
- CEFR
- ICT dan digital
- Latihan berpusatkan pelajar refleksi secara kritis dan kerjasama
- Pentaksiran formatif
- Pemantauan, penilaian dan semakan.

Berdasarkan penilaian ini, CE telah menyarankan beberapa cadangan untuk membantu IPGM menggubal satu garis panduan bagi latihan praperkhidmatan guru Bahasa Inggeris. Pada tahun 2019, Sektor Pendidikan Tinggi akan dilibatkan kerana latihan guru praperkhidmatan akan turut dilaksanakan di universiti awam.



- **Penilaian Program Pembangunan Guru (ELTC - Dalam Perkhidmatan)**

CE telah mencadangkan bahawa terdapat keperluan untuk merombak semula kandungan PSELT dan latihan Pembangunan Profesional. Cadangan ini penting untuk penambahbaikan modul latihan guru serta pembangunan Penilaian Program Pembangunan Guru yang melibatkan pensijilan dan pembangunan profesional guru.



**Program ProELT**


Bermulapadatahun2012,ProgramProELTmerupakan inisiatif Kementerian dalam mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris bagi guru opsyen Bahasa Inggeris berdasarkan CEFR ke Tahap Minimum C1.

Seramai 828 orang peserta telah dilatih dalam kursus ini yang dijalankan sepanjang bulan Februari sehingga September 2018. Peserta ini dipilih dari 32 buah daerah dari seluruh negara. Guru yang terlibat didaftarkan untuk menduduki peperiksaan MUET pada sesi Julai dan September 2018.

Guru yang telah mengikuti ProELT tetapi masih belum mencapai tahap minimum CEFR C1 telah diberi sokongan melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) bagi program ProELT. Seramai 110 orang Jurulatih Utama telah dipilih dalam kalangan guru yang telah mencapai tahap CEFR C2 bagi membantu guru ini menduduki MUET. Jurulatih Utama ini telah dilatih oleh pensyarah ELTC untuk membantu guru lain pada peringkat sekolah dan daerah. ELTC juga memberikan sokongan kepada guru yang berhasrat untuk mengambil Aptis di British Council.


Jurulatih ELTC telah menjalankan analisis keperluan sebelum kursus dimulakan. Ekshibit 2-22 menunjukkan bidang bahasa yang perlu dibantu.

**Ekshibit 2-22: Bidang Bahasa yang Perlu Dibantu**




Ekshibit 2-23 menunjukkan bahawa program ProELT yang dijalankan menepati kemahuan guru dan bidang bahasa yang perlu dibantu telah bertambah baik selepas latihan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru sangat bersetuju bahawa prestasi kemahiran menulis, membaca, bertutur, perbendaharaan kata, mendengar, tatabahasa dan sistem bunyi Bahasa Inggeris telah meningkat.

**Ekshibit 2-23: Peningkatan Prestasi Guru dalam Bidang Bahasa**



Ekshibit 2-24 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam kemahiran mengajar guru meningkatselepasprogramProELT.Guruberpendapat bahawa kemahiran yang paling dapat ditambahbaik ialah membaca, diikuti dengan penulisan, penuturan, perbendaharaan kata, mendengar, tatabahasa dan akhir sekali sistem bunyi. Selain itu, guru juga mempelajari teknik untuk pelaksanaan aktiviti dalam kumpulan dan mempromosi pembelajaran aktif. Guru Q7G6 berkata, "Saya telah mempelajari menggunakan perkataan tren dan penyambung kata yang berlainan dan saya dapat mengajar seperti Jurulatih saya."

**Ekshibit 2-24: Peningkatan Kemahiran Mengajar Selepas Latihan ProELT**



Bagi tahun 2019, ELTC akan melatih 1,400 orang guru di seluruh negara melalui program ProELT dengan kerjasama pensyarah IPG.

**Program Imersif Tinggi (Highly Immersive Programme, HIP)**

Program ini mula dilancarkan pada tahun 2016 dengan tujuan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran Bahasa Inggeris yang imersif di sekolah. HIP kini telah diperluas kepada semua 10,000 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Bagi tahun 2018, penataran telah dijalankan di 4,695 buah sekolah di seluruh Malaysia.

Taklimat penataran diberikan oleh Pegawai Bahasa Inggeris Daerah dengan memfokuskan kepada perkongsian maklumat berkaitan tatacara pelaksanaan HIP di sekolah dan peranan yang perlu dimainkan oleh pemegang taruh. Pemimpin sekolah, guru, ibu bapa serta komuniti dan pegawai SIP+ serta SISC + terlibat dalam penataran HIP. Ibu bapa dilibatkan kerana mereka merupakan salah seorang daripada pemegang taruh yang digalakkan menyokong dalam melaksanakan program HIP di sekolah. Peserta juga didedahkan dengan konsep 'Whole School Approach'.

**Wacana HIP**

Wacana HIP peringkat kebangsaan telah dihadiri oleh 13 orang Pegawai Bahasa Inggeris JPN dan 133 orang Pegawai Bahasa Inggeris Daerah daripada 16 buah negeri di Malaysia. Wacana HIP 2018 ini bertujuan untuk memberikan ruang kepada semua Pegawai Bahasa Inggeris JPN dan Pegawai Bahasa Inggeris Daerah untuk berbincang dan merancang mengenai aktiviti Bahasa Inggeris yang boleh dilaksanakan di negeri masing-masing, serta membincangkan strategi mempertingkatkan pelibatan pemegang taruh dalam memaksimumkan pencapaian murid. Selain itu, wacana ini juga bertujuan untuk membentuk jaringan professional dalam kalangan sekolah yang terlibat dalam HIP untuk berkongsi amalan terbaik HIP. Wacana HIP ini diperluaskan dengan pelaksanaannya pada peringkat zon sepanjang tahun 2018.

Wacana HIP Peringkat Zon telah dilaksanakan seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-25.

**Ekshibit 2-25: Wacana HIP Peringkat Zon, 2018**

No.	Zon	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
	Zon Utara: Perlis, Kedah, Penang, Perak	17-18 April	SMK Taman Jelutong, Kulim, Kedah	170
	Pantai Timur: Terengganu, Kelantan & Pahang	3-4 Julai	TELLTrec, IPGK Dato' Razali, Terengganu	242
	Sabah (Pantai Barat)	11-12 Julai	IPGK Tawau, Sabah	102
	Sabah (Pantai Timur)	25-26 Julai	Kota Kinabalu	91
	Zon Selatan: Johor	9-10 Ogos	SM Sains Muar, Johor	200
	Sarawak	25 September	Hotel Revierview, Kuching	
	Zon Tengah: WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya & Selangor	TBC		



**Karnival HIP 2018**

Karnival HIP 2018 bertujuan berkongsi amalan terbaik dalam mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris yang kondusif dalam kalangan peserta. Mereka mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti hands-on Bahasa Inggeris yang mendedahkan mereka kepada idea baru pengajaran dan pembelajaran abad ke-21,



selain menjalin hubungan profesional antara mereka semasa aktiviti tersebut.

Para peserta yang terlibat dalam karnival ini ialah Pegawai Bahasa Inggeris Negeri, Pegawai Bahasa Inggeris Daerah, Pemimpin Sekolah, SISC +, guru, guru pelatih dan pelajar. Lebih daripada 1,488 orang peserta menghadiri karnival tersebut.

Sebanyak 16 jenis aktiviti mengikut kategori telah dijalankan sepanjang karnival tersebut. Antaranya adalah:

- *Pertandingan Poster*
- *HIP Discourse*
- *Treasure hunt*
- *Kidzania & MDEC*
- *Spoken word*
- *Readers theatre*
- *Toastmasters*
- *Games*
- *Book hunt*
- *Storytelling*
- *Movie*
- *Time capsule*
- *Living classroom*
- *Story bird*
- *Musical theatre*
- *Fun factory*



**Aktiviti Story Bird**

Aktiviti *Story Bird* memperkenalkan guru kepada penggunaan dua pelantar digital bagi pengajaran dan pembelajaran membaca dan menulis dalam persekitaran pembelajaran bersama. Pelantar digital adalah 'Storybird' dan Twitter. Para pelajar memperoleh pengalaman menggunakan kedua pelantar digital dalam menulis cerita indah berdasarkan karya seni yang dipilih, selain dapat berkongsi pendapat dan maklum balas mereka tentang cerita yang ditulis sendiri. Guru merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran kontekstual melalui buku cerita digital yang dibuat melalui Pelan Aktiviti dalam talian.

**Aktiviti Living Classroom**



**Living Classroom**

Junior artisan mendedahkan anak-anak kepada dunia artis yang indah dengan memperkenalkan mereka kepada artis terkenal dan karya mereka. Para pelajar dapat membuat karya seni dan menerangkan kepada orang lain tentang karya-karya mereka dalam bahasa Inggeris. Para peserta dapat mengembangkan keyakinan mereka dalam berbahasa Inggeris. Jr Explorer menyediakan murid dengan aktiviti luar bilik darjah untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka tentang dunia di sekeliling mereka. Mereka menikmati suasana di luar sambil mengumpulkan data dan akhirnya memprosesnya menjadi ucapan. Tugas yang berbeza memberi murid peluang untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris secara aktif dengan orang lain melalui salam, bertukar-tukar pandangan, wawancara dan memberi ucapan pendek.

**Majlis Perasmian Penutupan Karnival Hip 2018**



**BAHASA ANTARABANGSA DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Gelombang 2 (2016-2020) PPPM 2013-2025 berhasrat memperkukuhkan penyediaan pendidikan bahasa ketiga untuk mempertingkatkan penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan murid. Penguasaan bahasa ketiga selepas penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris amat digalakkan dalam kalangan murid bagi melahirkan insan berdaya saing bukan sahaja di pentas kebangsaan, malah di persada antarabangsa. Pelaksanaan program bahasa antarabangsa di sekolah di bawah Kementerian diterajui oleh dua bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) yang bertanggungjawab memastikan program ini dilaksanakan di sekolah harian kerajaan manakala Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) bertanggungjawab atas pelaksanaan program di sekolah berasrama penuh.

**BAHASA TAMBAHAN DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Gelombang 2 (2016-2020) PPPM 2013-2025 berhasrat memperkukuhkan penyediaan pendidikan bahasa tambahan (bahasa ketiga) untuk mempertingkatkan penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan murid. Penguasaan bahasa tambahan selepas Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris amat digalakkan dalam kalangan murid bagi melahirkan insan berdaya saing bukan sahaja di pentas kebangsaan, malah di persada antarabangsa. Pelaksanaan program bahasa antarabangsa di sekolah di bawah Kementerian diterajui oleh dua bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) yang bertanggungjawab memastikan program ini dilaksanakan di sekolah harian kerajaan, manakala Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) bertanggungjawab atas pelaksanaan program di sekolah berasrama penuh.

**Program Bahasa Antarabangsa Di Sekolah Harian**

Pada tahun 2018, sebanyak 186 buah sekolah harian terlibat dalam program bahasa antarabangsa dengan menawarkan bahasa ketiga - Bahasa Jepun di 75 buah sekolah, Bahasa Perancis di 56 buah sekolah, Bahasa Jerman di 53 buah sekolah dan Bahasa Korea di dua buah sekolah (Ekshibit 2-26).

**Ekshibit 2-26: Program Bahasa Antarabangsa, 2018**

BAHASA JEPUN	
Bil. Sekolah:	75
Bil. Guru:	70
Bil. Murid:	8,272
BAHASA PERANCIS	
Bil. Sekolah:	56
Bil. Guru:	56
Bil. Murid:	5,737
BAHASA JERMAN	
Bil. Sekolah:	53
Bil. Guru:	53
Bil. Murid:	4,557
BAHASA KOREA	
Bil. Sekolah:	2
Bil. Guru:	2
Bil. Murid:	181

Sumber: BPK Jun 2018

Bagi mempertingkatkan kompetensi guru dan memperbaiki penguasaan bahasa murid, program sokongan turut dilaksanakan dengan kerjasama Institut Goethe Kuala Lumpur, the Alliance Francaise Kuala Lumpur dan Yayasan Jepun Kuala Lumpur. Agensi ini menyediakan pelbagai program termasuk pertandingan bagi tujuan tersebut yang melibatkan guru dan murid. Ekshibit 2-27 menunjukkan program yang dianjurkan pada tahun 2018.

**Ekshibit 2-27: Program Kerjasama Bahasa Antarabangsa, 2018**

<b>THE 15TH JAPANESE SPEECH CONTEST FOR SECONDARY SCHOOLS NATIONAL LEVEL</b> Fokus: MURID Penguasaan Bahasa
<b>IMMERSION FRANCE 2018</b> Fokus: MURID DAN GURU Pendedahan tentang peluang pembelajaran peringkat tinggi di Perancis dan pengenalan budaya masyarakat Perancis
<b>GERMAN LANGUAGE COURSE SCHOLARSHIP OF GIESECKE &amp; DEVRIENT FOUNDATION IN GERMANY</b> Fokus: MURID Kemahiran berbahasa
<b>FESTIVAL BAHASA JEPUN</b> Fokus: MURID Penguasaan Bahasa dan menghargai budaya
<b>A TRAINING FOR FRENCH TEACHER ASSOCIATION'S MANAGERS</b> Fokus: GURU Latihan Penstrukturan Organisasi dan Perancangan Pelan Tindakan
<b>INTERNATIONALES PREISTRAGERN PROGRAM</b> Fokus: MURID Penguasaan bahasa
<b>2018 MY-FORUM WORKSHOP (JAPANESE SPEAKERS' FORUM MALAYSIA)</b> Fokus: MURID DAN GURU Penguasaan Bahasa Jepun
<b>MINGGU BAHASA PERANCIS (FRANCHOPONE)</b> Fokus: MURID Penguasaan bahasa
<b>German Language Course Scholarships in Germany</b> Fokus: MURID Penguasaan bahasa
<b>THE 10TH HAKUHO SCHEME FOR GLOBAL CHILDREN'S JAPANESE LANGUAGE NETWORK PROGRAM</b> Fokus: GURU Kemahiran Pedagogi
<b>SEMINAR BAHASA PERANCIS</b> Fokus: GURU Kemahiran Pedagogi
<b>TEACHERS TRAINING WORKSHOP: A2 EXAMINATION TRAINING</b> Fokus: GURU Pembangunan Profesional Guru

Nota: Program yang dijalankan melibatkan guru dan murid sekolah di bawah kendalian BPSH, BPSBPSK dan BPL.

Program Nihongo Partners telah diperkenalkan pada tahun 2015 dan dikekalkan pelaksanaannya bagi menyokong pengajaran bahasa Jepun di sekolah yang menawarkan bahasa itu. Rakan Nihongo ditempatkan di sekolah selama 10 bulan sebagai pembantu kepada guru bahasa Jepun tempatan bagi mempertingkatkan kemahiran mengajar guru. Dua aktiviti utama yang dilaksanakan adalah pengukuhan pembelajaran bahasa melalui aktiviti seperti origami, ikebana dan kaligrafi serta aktiviti pembelajaran budaya Jepun seperti sesi adat minum teh Festival Tanabata dan memasak masakan Jepun.

Bagi tahun 2018, seramai 27 orang sukarelawan dalam kalangan penutur jati bahasa Jepun telah ditempatkan di sekolah berasrama penuh dan sekolah harian. Ekshibit 2-28 menunjukkan bilangan sekolah yang terlibat.

**Ekshibit 2-28: Program Rakan Nihongo, 2015-2018**

TAHUN	SEKOLAH BERASRAMA PENUH	SEKOLAH HARIAN	JUMLAH
2015	4	4	8
2016	10	10	20
2017	15	15	30
2018	12	15	27

*Nota: Semua program yang dijalankan melibatkan guru dan murid sekolah di bawah kendalian BPSH dan BPSBPSK.*

**BAHASA KOREA**



**Bengkel Guru Bahasa Korea bagi penyebaran maklumat tentang perkembangan kurikulum Bahasa Korea 2018. Anjuran Kedutaan Republik Korea dengan kerjasama Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) di Bilik Jelatik, Aras 7, Blok E9.**

**BAHASA PERANCIS**



**Guru Bahasa Perancis membina panduan PdP untuk program rintis Tingkatan 3.**



**PdP Bahasa Perancis di SMK St. Mary, Kuala Lumpur.**



**PdP Bahasa Perancis di STAR Ipoh.**



**PdP Bahasa Perancis di SMK Taman Melawati.**



**PdP Bahasa Perancis di SM Sains Selangor, Kuala Lumpur.**



**PdP Bahasa Perancis di SM Sains Sultan Mahmud, Kuala Terengganu**

**BAHASA JERMAN**



**Murid Bahasa Jerman mengikuti program di negara Jerman anjuran Goethe Institute Malaysia.**

Pengajaran bahasa ketiga iaitu bahasa antarabangsa akan terus dilaksanakan di sekolah harian dan sekolah berasrama penuh pada tahun 2019. Bahasa yang ditawarkan serta bilangan sekolah dan guru yang terlibat dalam program ini diperincikan dalam Ekshibit 2-29 yang berikut:

**Ekshibit 2-29: Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Antarabangsa, 2019**

Bahasa ditawarkan	Sekolah	Guru
Bahasa Jepun	74	74
Bahasa Jerman	53	53
Bahasa Perancis	43	43
Bahasa Mandarin	5	5
Bahasa Korea	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>177</b>	<b>177</b>

**Ekshibit 2-30: Program Bahasa Antarabangsa yang Ditawarkan di Sekolah Harian, 2019**

NEGERI	BILANGAN SEKOLAH			
	BAHASA JEPUN	BAHASA GERMAN	BAHASA MANDARIN	BAHASA PERANCIS
JOHOR	7	4	TIADA	1
KEDAH	7	4	4	1
KELANTAN	4	2	1	6
MELAKA	4	2	TIADA	2
NEGERI SEMBILAN	6	5	1	4
PAHANG	2	2	TIADA	2
PERAK	7	6	TIADA	4
PERLIS	2	3	1	2
PULAU PINANG	5	5	1	4
SABAH	6	2	TIADA	3
SARAWAK	2	2	1	3
SELANGOR	11	4	TIADA	8
TERENGGANU	2	3	TIADA	2
WP KUALA LUMPUR	6	5	TIADA	5
WP LABUAN	TIADA	TIADA	TIADA	1
WP PUTRAJAYA	3	4	1	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>74</b>	<b>53</b>	<b>10</b>	<b>50</b>

**Ekshibit 2-31: Bilangan Kelas dan Murid Program Bahasa Antarabangsa di Sekolah Harian, 2019**

NEGERI	BAHASA JEPUN		BAHASA GERMAN		BAHASA MANDARIN		BAHASA PERANCIS	
	KELAS	MURID	KELAS	MURID	KELAS	MURID	KELAS	MURID
JOHOR	58	1056	20	531			12	361
KEDAH	43	911	9	172	12	358	13	341
KELANTAN	23	509	7	183	9	256	19	512
MELAKA	25	456	9	228			11	291
NEGERI SEMBILAN	31	771	26	696	5	145	15	1689
PAHANG	6	75	11	207			15	281
PERAK	41	748	40	794			33	801
PERLIS	7	192	12	241	3	79	11	545
PULAU PINANG	29	603	22	477	11	304	27	1473
SABAH	263	5321	156	3529			156	6294
SARAWAK	12	266	8	235	15	452	14	1002
SELANGOR	62	971	23	559			44	994
TERENGGANU	13	266	21	353			9	184
WP KUALA LUMPUR	36	545	25	532	9	241	58	1113
WP LABUAN							8	48
WP PUTRAJAYA	14	314	9	223	5	140	4	104
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>663</b>	<b>13004</b>	<b>398</b>	<b>8960</b>	<b>69</b>	<b>1975</b>	<b>449</b>	<b>16033</b>

**Ekshibit 2-32: Bahasa Antarabangsa di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang menawarkan Tahfiz Model Ulul Albab, 2017-2018**

Bil	Nama Sekolah	Bahasa	Bilangan Murid (2018)	Bilangan Murid (2017)	Tahun Mula Ditawarkan
1	SMKA Kuala Lumpur, Bandar Manjalara, Kuala Lumpur	Perancis & Cina	684	689	2014
2	SMKA Kedah, Alor Star, Kedah	Perancis & Cina	725	728	2014
3	SMKA Maahad Muar, Johor	Perancis & Cina	834	320	2015
4	SMKA Kerian, Taiping, Perak	Perancis & Jerman	640	523	2015
5	SMKA Tok Bachok, Kota Bharu, Kelantan	Perancis & Cina	779	475	2015
6	SMKA Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah	Cina	417	344	2016
7	SMKA Sheikh Abdullah Fahim, Nibong Tebal, Pulau Pinang	Cina & Jerman	582	431	2016
8	SMKA Hj. Abu Hasan Sail, Pedas, Negeri Sembilan	Cina & Jerman	570	424	2016
9	SMKA Putrajaya	Cina & Jerman	343	315	2017
10	SMKA Arau, Perlis	Cina & Jerman	267	225	2017
11	SMKA Sheikh Hj Othman Abdul Wahab, Kuching, Sarawak	Cina	454	166	2017
	Jumlah		6,295	4,640	

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam (BPI)

**Program Bahasa Antarabangsa Di Sekolah Agama**

Selain daripada Bahasa Arab, bahasa antarabangsa seperti Bahasa Cina, Perancis dan Jerman juga ditawarkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Pada tahun 2018, sejumlah 11 buah SMKA telah menawarkan Bahasa Perancis, Cina dan Jerman. Terdapat peningkatan dalam bilangan murid yang mengambil bahasa antarabangsa terutamanya Bahasa Perancis dan Cina berbanding tahun 2017 seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-32.

**Program Bahasa Antarabangsa Di Sekolah Berasrama Penuh (SBP)**

Pada tahun 2018, Sekolah Berasrama Penuh (SBP) telah menawarkan enam Bahasa Antarabangsa seperti pada tahun sebelumnya iaitu bahasa Arab, Cina, Jepun, Jerman, Perancis dan Korea dengan peningkatan yang paling ketara untuk bilangan murid mengambil Bahasa Korea iaitu seramai 613 orang berbanding 250 pada tahun 2017 (Ekshibit 2-33).

Pengukuhan Bahasa Antarabangsa yang dipelajari oleh murid SBP dilakukan melalui pelibatan murid dalam program yang dianjurkan oleh pihak sekolah mahupun NGO yang menaja pelaksanaan program sokongan tersebut. Pada tahun 2018, Bahasa Jepun yang mempunyai bilangan murid yang paling ramai

**Ekshibit 2-33 Program Bahasa Antarabangsa yang Ditawarkan di Sekolah Berasrama Penuh, 2018**

Bil.	Bahasa Antarabangsa	Bilangan SBP menawarkan Bahasa Antarabangsa	Bilangan Guru	Bilangan Murid
1.	Arab (Komunikasi)	53	53	6800
2.	Cina (Komunikasi)	64	64	5554
3.	Jepun	53	57	8895
4.	Jerman	23	24	3542
5.	Perancis	45	50	6997
6.	Korea	8	8	613

di kalangan Bahasa antarabangsa yang lain telah menganjurkan pelbagai program sokongan Bahasa Jepun seperti dalam Ekshibit 2-34.

**Ekshibit 2-34: Penyertaan Sekolah Berasrama Penuh dalam Program Bahasa Antarabangsa, 2018**

Penyertaan Murid SBP dalam Program Bahasa Antarabangsa 2018	
Program Murid	Japanese Speakers Forum (My Forum Workshop) Januari - Februari 2018 Bahasa Jepun
	Penang Yosakoi Parade Mac 2018 Bahasa Jepun
	Sakura Exchange Programme in Science April 2018 Bahasa Jepun
	Karnival Antarabangsa MCKK ke-3 Ogos 2018 Bahasa Jepun Bahasa Arab Bahasa Perancis Bahasa Mandarin
	Asia Kakehashi Project 2018/2019 Ogos 2018 - Februari 2019 Bahasa Jepun

**MEMPERTINGKATKAN KUALITI GURU**

Kualiti guru merupakan salah satu faktor utama dalam memastikan sistem pendidikan negara bertaraf antarabangsa. Usaha yang telah dilaksanakan bermula daripada pengambilan guru pelatih di IPG sehingga kepada peningkatan kompetensi pemimpin sekolah dan juga pensyarah di IPG. Antara usaha Kementerian adalah seperti berikut:

- Pengambilan calon guru pelatih daripada 30% murid terbaik lepasan SPM
- Pemantapan pelaksanaan praktikum di Institut Pendidikan Guru (IPG)
- Program Pembangunan Bakat Pensyarah IPG
- Pemeraksanaan Operasi Research Management and Innovation Centre (RMIC) IPGM
- Pembangunan Perpustakaan Maya IPG untuk kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Penyelidikan

**Pengambilan Guru Pelatih Yang Berkualiti**

Kementerian berhasrat untuk menjadikan guru sebagai profession pilihan dalam kalangan pelajar lepasan SPM. Justeru, kriteria pencapaian SPM sekurang-kurangnya 5A bagi calon untuk memohon ke IPG telah ditetapkan, bermula pada tahun 2014 (Ekshibit 2-35). Penetapan ini adalah usaha menjamin bahawa guru pelatih yang bakal menjalani latihan praperkhidmatan guru adalah dari kalangan mereka yang terbaik di negara ini. Mekanisme pemilihan calon guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang ditawarkan oleh IPG telah ditambah baik dengan penerapan elemen Penyataan Hasrat bagi pengambilan calon guru baharu mulai tahun 2018.



**GURU MALAYSIA MENERIMA ANUGERAH OUTSTANDING GERMAN TEACHERS AWARD DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

Pertandingan ini dianjurkan oleh Goethe Institut Malaysia dan terbuka kepada semua guru yang mengajar Bahasa Jerman. Guru dikehendaki menyediakan video PdPc berdurasi 10 minit dan video aktiviti kokurikulum berdurasi 5 minit.

Saya telah mengambil bahagian dan memenangi pertandingan tersebut di Malaysia. Pada bulan Oktober 2018, saya mewakili Malaysia ke Bali, Indonesia. Di sana saya telah bertanding dengan peserta dari negara Asia Tenggara, New Zealand dan Australia.

Video tersebut boleh ditonton melalui pautan berikut: [Deutsch in unserer Schule mit Frau Narmawarni xvid.avi](#) [Mein 10 Minuten Deutschunterricht mit Frau Narmawarni xvid.avi](#)

Saya telah memenangi pertandingan pada peringkat antarabangsa bersama seorang guru lagi dari Indonesia. Sebagai hadiah, saya telah diberikan biasiswa penuh dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Jerman untuk menghadiri kursus selama sebulan di Jerman pada bulan April 2019.

NARMAWARNI BINTI ABDUL KADIR  
SMK AHMAD BOESTAMAM, 32000 SITI AWAN, PERAK

**Exhibit 2-35: Pencapaian SPM bagi Calon Guru Pelatih IPG**  
Sumber: IPGM



**Nota:** \*Calon laluan khas – Orang Asli dan Penan, Sekolah Seni Malaysia dan Murid Berkeperluan Khas

**MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DALAM KALANGAN KEPIMPINAN AKADEMIK DAN PENSYARAH IPG**

Fokus utama bagi tahun 2018 adalah untuk mengupayakan penyelidikan dalam kalangan kepimpinan akademik dan pensyarah IPG. Langkah ini diambil selari dengan hasrat transformasi IPG bagi mempertingkatkan kompetensi pensyarah dan melonjakkan profil IPG sebagai pusat kecemerlangan latihan guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Sebanyak 44 kertas kajian bertemakan 'Pendidikan, Sains Sosial & Kemanusiaan, Kepimpinan dan Bahasa' telah dibentangkan oleh barisan kepimpinan IPG di Kolokium Kepimpinan Pendidikan Guru (KKPG) pada 7-9 November 2018.

Operasi Research Management and Innovation Centre (RMIC) IPG turut diperkasakan melalui aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2018:

- Pemerolehan dana penyelidikan sebanyak RM100,000 daripada Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO).
- Pelaksanaan *4th International Conference on Teacher Learning and Development* (ICTLD) dengan kerjasama YGTHO.
- Pelaksanaan Persidangan Penyelidikan Inovasi Pendidikan Kebangsaan (PPIP) dengan kerjasama YGTHO dan Kerajaan Negeri Johor.
- Pengagihan dana penyelidikan kepada semua IPG.
- Penghasilan Modul Induksi Penyelidikan IPG.

Bagi menyemarakkan budaya penyelidikan dalam kalangan warga IPG, beberapa aktiviti telah dikenal pasti untuk dilaksanakan melalui RMIC IPGM, iaitu:

- Perolehan dan pengagihan dana penyelidikan kepada kluster IPG mengikut zon untuk menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi.

- Semua jurnal IPG diindeks ke pangkalan data *My Jurnal*.
- Sekurang-kurangnya satu jurnal IPG diindeks ke pangkalan data *My Cite*.
- Artikel berkualiti dihasilkan dan diterbitkan dalam jurnal berimpak (Scopus ke atas).
- Pasukan penilai artikel jurnal berimpak diwujudkan dalam kalangan pensyarah.
- Direktori kepakaran pensyarah dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan inovasi dibangunkan.

**PEMANTAPAN PELAKSANAAN PRAKTIKUM**

Praktikum adalah komponen wajib dalam program pendidikan guru. Ia bertujuan untuk menyediakan ruang kepada pelajar untuk mempraktikkan teori pengajaran dan pembelajaran yang dipelajari di IPG. Melalui inisiatif ini, pelaksanaan praktikum di IPG telah dimantapkan melalui pementoran pelajar secara berstruktur dengan penekanan terhadap bimbingan bertema dan pembangunan sistem e-Praktikum. Buku Konsep Transformasi Praktikum dan Modul Latihan Transformasi Praktikum telah dihasilkan sebagai rujukan.

**MEMBANGUNKAN PERPUSTAKAAN MAYA IPG UNTUK KEMUDAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DAN PENYELIDIKAN**

Perpustakaan Maya IPG menyokong usaha menghasilkan pensyarah dan pelajar IPG yang menguasai pelbagai ilmu, memiliki kepakaran terkini serta menjadi pakar rujuk dalam bidang pendidikan, sejajar dengan keperluan pengakreditasi MQA. Mulai bulan Disember 2018, warga IPG boleh mengakses pangkalan data digital yang mengandungi pelbagai artikel, jurnal dan e-book dalam Bidang Pendidikan (Umum), Sains Sosial dan Pendidikan Islam melalui Perpustakaan Maya IPG.

**Program Scholarly Teachers**

Program Scholarly Teachers adalah satu program pensarjanaan yang berhasrat untuk melahirkan guru sekolah rendah yang berkelulusan Ijazah Sarjana. Program ini juga bertujuan untuk memperkasakan guru pelatih, guru dalam perkhidmatan dan pemimpin sekolah selari dengan PPPM (2013-2025) ke arah mempertingkatkan kualiti guru di seluruh negara. Menerusi program ini, disasarkan seramai 18,000 orang guru akan mengikuti pengajian pada peringkat program ijazah sarjana menjelang 2025.

**Pembangunan Profesionalisme Berterusan Pensyarah IPG**

Latihan komprehensif ini memperkasakan pensyarah IPG dengan mempertingkatkan kualiti kepimpinan dalam kalangan pemimpin IPG, mengiktiraf kepakaran pensyarah IPG dan memupuk budaya kecemerlangan profesionalisme melalui program kesarjanaan. Kerjasama bersama IAB akan memperkasakan pasukan kepimpinan dan pensyarah bagi menghasilkan guru lepasan IPG yang memenuhi aspirasi Pendidikan negara.

**Pembangunan Fasa Kedua Perpustakaan Maya IPG**

Sejajar dengan usaha untuk memupuk budaya membaca dan menyelidik dalam kalangan warga IPG, pembangunan Fasa Kedua Perpustakaan Maya IPG akan diteruskan dengan pembangunan G-Repository dan perisian anti plagiat. Fasa 2 bertujuan memenuhi keperluan pengakreditasi MQA, mengutamakan etika penulisan berhemah, memupuk budaya berfikir dan mempertingkatkan kualiti graduan IPG. Perpustakaan ini boleh diakses melalui portal elib. ipg.edu.my.

**PELAKSANAAN PIAGAM GURU**

Piagam Guru merupakan satu inisiatif Kementerian di bawah Anjakan Empat PPPM 2013-2025 iaitu "Mentransformasi Profesion Keguruan Menjadi Profesion Pilihan". Inisiatif ini bertujuan mengekalkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkualiti untuk terus kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatannya kerana 60% PPP pada masa sekarang akan terus berkhidmat dalam tempoh 15 tahun akan datang. Pada tahun 2018, inisiatif Piagam Guru memfokuskan kepada sub-inisiatif Menjadi Guru Malaysia (MGM) dan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB).

**Menjadi Guru Malaysia**

Inisiatif Menjadi Guru Malaysia (MGM) merupakan suatu usaha penjenamaan semula pensijilan guru untuk memastikan tahap profesionalisme guru dapat dipertingkatkan dalam usaha memartabatkan profesion keguruan setaraf dengan profesion yang lain. MGM juga dilaksanakan untuk memastikan guru yang berdaftar dengan Kementerian adalah dalam kalangan mereka yang memenuhi syarat dan kelayakan sejajar dengan hasrat Kementerian untuk mencapai "Guru Berkualiti, Kekal Berkualiti Sepanjang Tempoh Perkhidmatan". Pelaksanaan MGM merangkumi peringkat kelayakan, pendaftaran dan pensijilan guru serta pengekalan kualiti guru.

Bagi memastikan proses pendaftaran dan pensijilan dilaksanakan dengan sistematik, Kementerian telah membangunkan Sistem Guru Malaysia (SGMy) untuk mengintegrasikan data dan maklumat PPP serta guru swasta yang berdaftar dengan Kementerian.

Sehingga Disember 2018, seramai 365,051 daripada 436,748 PPP (83.58%) yang berkhidmat di pelbagai institusi di bawah Kementerian, telah mengesahkan data dalam SGMy. Sementara itu, 4,214 data guru Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan 40,269 guru Tadika Swasta telah didaftar masuk dalam SGMy. Jumlah PPP di institusi bawah Kementerian dan guru swasta yang didaftar masuk dalam SGMy dipaparkan dalam Ekshibit 2-36.

Bermula tahun 2019, SGMy akan diperluaskan dengan penambahan modul Sistem Terbuka. Menerusi modul ini, Kementerian akan bekerjasama dengan JobsMalaysia untuk mendapatkan data dan maklumat individu yang mempunyai ikhtisas kejuruan untuk didaftar masuk dalam SGMy.

**Ekshibit 2-36: Jumlah Rekod Daftar PPP Kementerian dan Daftar Masuk Rekod Guru Swasta dalam SGMy, 2018**

Bil.	Institusi	Jumlah		Peratus
		Keseluruhan	Daftar	
1.	Bahagian/JPN/PPD	10,212	9,598	93.98%
2.	Institut Pendidikan Guru	3,450	3,286	95.24%
3.	Kolej Matrikulasi	2,651	2,620	98.88%
4.	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri	876	875	99.88%
5.	Institut Aminuddin Baki	353	352	99.72%
6.	Sekolah Kementerian	419,206	348,320	83.10%
<b>JUMLAH PPP KEMENTERIAN</b>		<b>436,748</b>	<b>365,051</b>	<b>83.58%</b>
7.	Sekolah Swasta			

Sumber: BPG- Analisis data dalam SGMy sehingga 31 Disember 2018

**Pembangunan Profesionalisme Berterusan**

Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) merupakan satu proses untuk memperoleh pengalaman pembelajaran melalui pelibatan PPP secara formal dan tidak formal sepanjang kerjaya. Ini supaya pengetahuan, kemahiran, kepakaran dan amalan nilai profesional dapat dipertingkatkan secara berterusan agar mereka kekal relevan dan efektif dalam ekosistem pendidikan dinamik, mencabar menepati kualiti global. Pada tahun 2018, Kementerian telah melaksana dengan jayanya dua program PPB iaitu Program Pembangunan Kompetensi PPP dan Program Pelengkap Profesional Keguruan Super Teachers.

**Program Pembangunan Kompetensi PPP**

Program Pembangunan Kompetensi PPP merupakan program peningkatan kompetensi berimpak tinggi kepada guru Akademik dan Guru Bimbingan Kaunseling gred DG 44 dan DG48 baharu. Program ini bertujuan meningkatkan amalan profesional, nilai profesional, pengetahuan dan kemahiran guru berkaitan kaedah dan teknik terkini dalam pedagogi atau perkhidmatan kaunseling. Peserta program yang terpilih untuk mengikuti program ini adalah dalam kalangan PPP berprestasi tinggi dalam Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan pendidikan (PBPPP) iaitu berdasarkan markah PBPPP antara 85% hingga 89.99%. Seramai 1231 orang guru dipilih dan telah menamatkan kursus ini dengan jayanya. Mereka dilatih dan dibimbing oleh Guru Akademik dan Guru Bimbingan dan Kaunseling Cemerlang. Jumlah peserta yang mengikuti program berdasarkan kategori dan gred adalah seperti dalam Ekshibit 2-37 di bawah.

**Ekshibit 2-37: Jumlah Peserta Program Pembangunan Kompetensi PPP**

PESERTA	BILANGAN PESERTA		JUMLAH
	DG 44	DG 48	
Guru Akademik	438	430	868
Guru Bimbingan Dan Kaunseling	308	55	363
Jumlah Keseluruhan	746	485	1231

Kandungan kursus bagi guru akademik serta guru bimbingan dan kaunseling di bawah Program Pembangunan Kompetensi PPP adalah seperti berikut (Ekshibit 2-38):

**Ekshibit 2-38: Kandungan Kursus Program Pembangunan Kompetensi PPP**

Guru Akademik	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
Aplikasi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)	Pengendalian Sesi Kaunseling	Motivasi dan self-care
Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	Teori, Teknik dan Kemahiran Kaunseling	Nilai, Etika dan Kemahiran Insaniah Guru Bimbingan dan Kaunseling
Problem Based Learning (PBL)	Pengukuran dan Penilaian Perkhidmatan	Penulisan Pelaporan Kaunseling
Pedagogi Digital	Interpretasi dan Intervensi Psikometrik	Amalan Terbaik, Kajian Tindakan, Inovasi dan Penerbitan
Nilai Profesional	Program Intervensi 4 Fokus Perkhidmatan Kaunseling	Jalinan dan Jaringan Kerjasama
	Maklumat dan Prospek kerjaya masa kini	Isu-isu Perundangan Melibatkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

**Program Pelengkap Profesional Keguruan Super Teachers**

Program Pelengkap Profesional Keguruan Super Teachers merupakan program pembangunan profesionalisme untuk meningkatkan keupayaan guru dan pensyarah yang cemerlang agar mampu menghasilkan idea-idea baharu dalam bidang pendidikan, berupaya menerajui perubahan serta menjadi pemikir strategik selaras dengan revolusi industri 4.0. Program ini bertujuan memastikan PPP yang mengikuti program ini mencapai tahap cemerlang sebagai golongan yang profesional dan sentiasa berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan. Peserta program yang terpilih untuk mengikuti program ini adalah dalam kalangan PPP berprestasi cemerlang dalam Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP). PPP yang terpilih adalah berdasarkan markah PBPPP 90% hingga 100% dan pemilihan peserta dibuat melalui proses saringan dan temu duga yang dijalankan oleh Ketua Jabatan. Program ini menggunakan modul, konsultasi dan khidmat kepakaran daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seramai seratus orang peserta berjaya mengikuti program ini terdiri daripada PPP berprestasi cemerlang gred DG52 dan DG54 daripada Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Aminuddin Baki (IAB), Kolej Matrikulasi dan sekolah. Jumlah PPP yang mengikuti program ini berdasarkan institusi dan gred adalah seperti Ekshibit 2-39 .

**Ekshibit 2-39: Jumlah Peserta Program Pelengkap Profesional Keguruan Super Teachers 2018**

Peserta	Bilangan Peserta				Jumlah
	DG52		DG54		
	L	P	L	P	
Pensyarah Institut Pendidikan Guru	7	9	4	13	33
Pensyarah Institut Aminuddin Baki	3	6	2	1	12
Pensyarah Kolej Matrikulasi	1	0	1	4	6
Guru Sekolah	11	17	6	15	49
<b>JUMLAH</b>	<b>54</b>		<b>46</b>		<b>100</b>

Pihak UPSI telah membuat penilaian secara keseluruhan terhadap kesemua peserta yang terlibat dalam program. Hasil penilaian tersebut, tiga orang telah dipilih menjadi peserta terbaik iaitu :

- Dr. A'azmi bin Shahrilfitri - Institut Aminuddin Baki
- Puan Rohaizad binti Abas - SMKA Naim Libanat
- Puan Norasiah binti Ambia - Kolej Islam Sultan Alam Shah

**Kandungan Program Pelengkap Profesional Keguruan Super Teachers**

Kandungan program adalah berdasarkan Training Need Analysis (TNA) dan keperluan persekitaran terkini dalam bidang pendidikan. KPM ini mendapatkan khidmat konsultasi dan kepakaran daripada pihak UPSI. Empat modul utama yang telah dibangunkan dan diterapkan dalam program ini adalah:

- Technology Pedagogical Content Knowledge
- Technology Based Learning (TBL)
- Intergrated and Multi-Dimensional Assessment
- Coaching and Mentoring



**MEMPERKASAKAN KUALITI PEMIMPIN SEKOLAH**

Pemimpin sekolah yang berkualiti adalah tunggak kejayaan sistem pendidikan, lebih-lebih lagi apabila negara mengaspirasikan kualiti sistem pendidikan yang bertaraf antarabangsa. Oleh itu, Kementerian terus mengambil langkah memperkasakan kualiti pemimpin sekolah dengan memberi perhatian serius kepada kelancaran pentadbiran dan pengurusan sekolah, menganjurkan program yang menyediakan dan memantapkan pelbagai kompetensi kepimpinan dan pengurusan bagi pemimpin sekolah, program yang menyediakan barisan pelapis pemimpin pendidikan yang berupaya menerajui sekolah ke arah kecemerlangan, dan program bimbingan bagi sekolah cemerlang dalam misi melonjakkan pencapaian sekolah berprestasi rendah. Selain usaha tersebut, Kementerian turut memberi perhatian serius kepada pembangunan kompetensi pemimpin pertengahan di sekolah, dan menganjurkan program bagi pemimpin berprestasi tinggi yang diberi pendedahan kepada kaedah pengurusan dan kepimpinan di luar konteks pendidikan.

**Penempatan Pengetua Dan Guru Besar (PGB) Berprestasi Tinggi Secara Back-To-Back**

Penempatan PGB berprestasi tinggi secara back-to-back merujuk kepada pengisian PGB secara back-to-back dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kekosongan.

Kekosongan yang diambil kira bagi tujuan KPI adalah dari bulan Januari hingga September 2018.

Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan jawatan pemimpin sekolah PGB dapat diisi dalam tempoh yang segera supaya pentadbiran dan pengurusan sekolah sentiasa lancar dan teratur. Pada tahun 2018, hampir 99% kekosongan PGB berjaya diisi dalam tempoh masa tiga bulan (Ekshibit 2-40).

**Ekshibit 2-40: Peratus Pencapaian KPI Back-to-Back**

	Pengetua	Guru Besar	Jumlah
Maklumat kekosongan	237	543	780
Maklumat pengisian mencapai KPI	232	539	771
% Pencapaian KPI	97.89	99.26	98.85

Pihak JPN akan mengadakan sesi engagement dengan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) lebih awal, iaitu sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum berlakunya kekosongan jawatan PGB. JPN juga akan memastikan bilangan calon dalam talent pool yang cukup supaya pelan penggantian akan lebih berkesan setiap kali adanya kekosongan tersebut.

**Program Immersion 2.0**

Program Immersion 2.0 adalah program transisi PGB dalam menyediakan dan memantapkan pelbagai kompetensi kepimpinan dan pengurusan yang diperlukan sejajar dengan peranan mereka sebagai pemimpin sekolah.

Tujuan program adalah memberi bimbingan kepada pengetua dan guru besar lantikan baharu dalam proses mereka menjawat jawatan sebagai pemimpin sekolah buat kali pertama. PGB yang dilantik memerlukan bimbingan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan di sekolah secara hands-on dan perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan hal ehwal dalaman sekolah, seperti iklim dan budaya, dalam menjalankan tugas mereka. PGB yang dilantik menjalani kursus empat hari kelolaan IAB.

Pada tahun 2018, sebanyak 17 kursus dilaksanakan di seluruh negara; jumlah PGB yang terlibat adalah seramai 828 orang (Ekshibit 2-41 dan 2-42).

**Ekshibit 2-41: Pelaksanaan PRIme/Immersion 2.0, 2014 - 2018**

Tahun	Pengetua	Guru Besar	Jumlah
2014	81	109	190
2015	317	376	693
2016	218	944	1162
2017	266	1074	1440
2018	149	679	828
<b>Jumlah</b>	<b>1031</b>	<b>3182</b>	<b>4313</b>


PGB yang mengikuti program ini telah menunjukkan pencapaian pengurusan dan kepimpinan yang cemerlang melalui perkongsian amalan terbaik dalam Kolokium Amalan Terbaik PGB.

Immersion 2018 Peringkat Kebangsaan di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor pada 30 Oktober - 1 November 2018.



GELOMBANG 2 MEMACU PENINGKATAN SISTEM

**Ekshibit 2-42: Bilangan PGB Baharu yang Menghadiri Kursus Mengikut Negeri, 2018**



**Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) 2.0**

**Pelaksanaan**

Program NPQEL 2.0 dilaksanakan bagi menyediakan barisan pelapis pemimpin pendidikan yang berupaya menerajui sekolah ke arah kecemerlangan. Pembinaan NPQEL 2.0 merujuk standard pendidikan yang sedang berkuat kuasa seperti Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) dan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai kompetensi teras. Selain itu, kerangka NPQEL 2.0 mengambil kira beberapa perkara dasar baharu dalam sistem pendidikan negara, iaitu PPPM Gelombang 2, SKPMg2, Transfomasi Sekolah 25 (TS25), laporan pemeriksaan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dan minit mesyuarat pengurusan berkala Kementerian.

Program ini dilaksanakan dalam tiga fasa bagi setiap ambilan, iaitu fasa sebelum latihan, semasa latihan dan selepas latihan. Fasa sebelum latihan adalah aktiviti pembelajaran sendiri dalam tempoh tiga minggu berbentuk mod e-NPQEL yang menguji pemahaman peserta dalam empat modul melalui penilaian formatif dan sumatif. Peserta perlu menyempurnakan semua aktiviti dan lulus 100% untuk memperolehi empat lencana. Fasa semasa latihan terdiri daripada mod bersemuka (Fasa 1, 2 & 3) untuk tempoh lima minggu dan latihan amali (Perantisan 1 & 2) bagi tempoh tujuh minggu.

**Laporan profiling peserta NPQEL 2018**

Kesemua 1,402 orang peserta NPQEL 2018 telah lulus dengan mencapai sekurang-kurangnya tahap 4 bagi 10 kompetensi yang ditaksir (Ekshibit 2-43).

**Ekshibit 2-43: Profil dan Pencapaian Peserta NPQEL 2018**

BIL.	DATA PESERTA NPQEL 2018	AMBILAN 1	AMBILAN 2
1.	Peserta Sekolah Rendah	585	426
2.	Peserta Sekolah Menengah	183	208
	<b>JUMLAH PESERTA NPQEL 2018</b>	<b>768</b>	<b>634</b>
3.	Lulus NPQEL dengan mencapai sekurang-kurangnya Tahap 4 bagi 10 kompetensi yang ditaksir	768 (100 %)	634 (100%)
4.	Mencapai Tahap 5 bagi semua 10 kompetensi yang ditaksir	119 (15.5%)	105 (16.7%)

IAB akan terus memastikan kualiti program NPQEL dipertingkatkan. Pada tahun 2019, pindaan Kerangka Pentaksiran Kompetensi NPQEL 2.0 akan dilaksanakan manakala modul program akan ditambah baik serta diadakan dalam dwibahasa. Selain itu, bagi memantapkan program Kepimpinan Melalui Buku, bilangan judul buku kepimpinan dan pengurusan akan ditambah. Peningkatan Budaya membaca dalam kalangan peserta juga akan diberi penekanan pada tahun hadapan. IAB berhasrat untuk memperluaskan jarak pemilihan sekolah dan syarikat korporat bagi program JPK dan LPIS dari 25km ke 50km. Sebagai langkah untuk memastikan kecergasan peserta berada pada tahap tinggi, aktiviti kecergasan sendiri akan dimasukkan dalam Jadual Perdana program.



**PROGRAM PELONJAKAN KEPIMPINAN SEKOLAH (ProPeKS)**

Program ini dilaksanakan untuk membimbing sekolah yang cemerlang dalam misi untuk melonjakkan pencapaian sekolah berprestasi rendah. Peserta program dibahagikan kepada tiga kategori seperti Ekshibit 2-44.

**Sasaran Pemimpin Pendidikan**

- Pengetua dan guru besar berprestasi cemerlang yang ditempatkan di Sekolah Harapan (band 6 dan 7)
- Pengetua dan guru besar yang dikekalkan di Sekolah Harapan (band 6 dan 7)
- Pengetua dan guru besar yang dipindahkan dari Sekolah Harapan (band 6 dan 7)

**Ekshibit 2-44: Pembahagian Peserta Program Kepada Tiga Kategori**



Pada tahun 2018, Kementerian telah melaksanakan lawatan auditan rintis ProPeKS 2017 pada 30 Mei 2018 - 24 September 2018. Wakil IAB, BPPDP, BPSH, PADU dan BPSM telah menjayakan lawatan auditan yang bertujuan untuk menilai dan memberi sokongan kepada pelaksanaan ProPeKS. Hasil dapatan auditan merupakan input tambahan bagi BPSM sebelum memuktamadkan dan mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan ProPeKS.



**Tinjauan kawasan sekolah semasa pemantauan di SBR**

Selain itu, pihak JPN telah menyenaraikan seramai 42 orang calon Pengetua ProPeKS 2018 dan calon School Improvement Partners+ (SIP+) untuk pelaksanaan ProPeKS 2018. Mereka terdiri daripada:

- 16 orang pengetua berprestasi cemerlang (PBC) ke Sekolah Harapan,
- 25 orang pengetua sedia ada yang dikekalkan di Sekolah Harapan, dan
- 1 orang pengetua Sekolah Harapan yang dipindahkan daripada Sekolah Harapan.

Komitmen jitu Kementerian dalam menjayakan ProPeKS terlihat dalam Majlis Penyampaian Watak Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (ProPeKS) Kohort 2018 pada 17 Oktober 2018 di Resort World Awana, Genting Highlands. Majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Malaysia yang telah menyampaikan amanat dan menyerahkan watak kepada seramai 41 orang Pengetua dan 37 orang Pegawai Pembimbing (Pensyarah IAB) yang terlibat dalam ProPeKS Kohort 2018. Menteri Pendidikan Malaysia juga telah menyarankan penggunaan istilah Sekolah Harapan yang menggantikan Sekolah Berprestasi Rendah.



Ekshibit 2-45 menunjukkan bilangan peserta ProPeKSambilan 2017/2018 dan 2018/2019. Sejumlah 68 orang pengetua bersama 28 orang pensyarah pembimbing IAB telah terlibat.

**Ekshibit 2-45: Bilangan dan Pencapaian Peserta ProPeKS, 2017/2018 – 2018/2019**

Ambilan	Masuk	Kekal	Pindah	Jumlah
2017/2018	9	14	4	27
2018/2019	16	24	1	41
JUMLAH	25	38	5	68



**Program Follow Up Follow Through**

Seramai 26 orang peserta InPeKS Kohort 2017/2018 telah berjaya membentangkan hasil projek mereka dalam Kolokium Pemimpin Cemerlang institusi Pendidikan (PCIP) yang telah diadakan pada 29 Oktober - 1 November 2018 di IAB Bandar Enstek. Kolokium bertemakan 'Pemimpin Cemerlang Peneraju Aspirasi Pendidikan Negara' dan dihadiri oleh 196 orang pegawai daripada Bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah.



**Kolokium Pemimpin Cemerlang institusi Pendidikan (PCIP)**

**KURSUS KEPIMPINAN PEMIMPIN PERTENGAHAN**

Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (Leadership Course for Middle Leaders, LCML) membangunkan kompetensi pemimpin pertengahan di sekolah. Matlamatnya adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin pertengahan sekolah agar dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. Peserta sasaran ialah Guru Kanan Mata Pelajaran sekolah menengah, Ketua Panitia Mata Pelajaran sekolah rendah, setiausaha pengurusan sekolah, dan pemimpin pertengahan di Bahagian Kementerian, JPN dan PPD.

LCML tahun 2018 dihadiri oleh sejumlah 693 orang peserta, iaitu 150 orang Ketua Panitia sekolah rendah, 148 orang Guru Kanan Mata Pelajaran, 146 orang setiausaha sekolah rendah, 150 setiausaha sekolah menengah dan 83 orang pemimpin pertengahan daripada Bahagian Kementerian, JPN dan PPD.

Kolokium Pemimpin Pertengahan kali kedua telah diadakan di IAB cawangan Sarawak pada 23-25 Oktober 2018. Diikuti seramai 120 orang peserta, kolokium ini menyaksikan Pengarah JPN Sarawak menyampaikan ucapan utama 2, IAB membentangkan laporan penyelidikan keberkesanan LCML 2017, dan 12 orang bekas peserta LCML membentangkan perkongsian amalan terbaik. Kursus ini telah berjaya melepasi sasaran KPI yang ditetapkan, iaitu lebih 99.7% peserta LCML telah mencapai tahap lulus.



**KURSUS PEMBITARAAN PEMIMPIN PENDIDIKAN**

Program Pembinaan Pemimpin Pendidikan (From Great to Excellent Education Leaders Course, GrEEL) adalah kursus aras tinggi yang menggunakan pendekatan bukan konvensional. Peserta diberikan pendedahan kepada kaedah pengurusan dan kepimpinan di luar konteks pendidikan secara berfasa, dengan mengadaptasikan amalan terbaik syarikat dan organisasi luar yang telah terbukti tersohor di persada dunia.

Dilaksanakan sejak antara tahun 2014 dan 2015 lagi, kursus ini disasarkan kepada pemimpin pendidikan yang berprestasi tinggi. Ia selaras dengan tanggungjawab IAB iaitu membangunkan inisiatif pendidikan menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 seperti yang terkandung dalam PPPM 2013-2025.



Pada tahun 2018, seramai 90 orang PGB berprestasi tinggi yang dipilih dari seluruh negara menyertai kursus ini yang dikendalikan dalam lima fasa.

**Fasa 1: Kursus pengenalan dan induksi program**



**IAB Bandar Enstek – Guru Besar**



**IAB Cawangan Sarawak – Pengetua Sabah Dan Sarawak**



**IAB Cawangan Utara - Pengetua Semenanjung**

**Fasa 2: Program Sandaran Industri**

Dalam fasa 30 jam ini, peserta membuat sintesis amalan Educational Leadership and Management (ELM) melalui job shadowing di organisasi korporat di samping merencanakan perubahan terancang di organisasi sendiri berdasarkan pengalaman semasa sandaran industri.

**Fasa 2: Sandaran Industri**



**Fasa 3: Penilaian berdasarkan pengurusan projek**

Dalam fasa ini peserta dinilai oleh pensyarah pelatih IAB berdasarkan pengurusan projek yang perlu mereka laksanakan dalam tempoh empat hingga enam bulan.

Laporan bergambar semasa FUFT GrEEL 2018 dijalankan di seluruh negara.



**Fasa 4 - Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)**

**Fasa 5 - Kolokium dan perkongsian amalan terbaik pemimpin cemerlang dengan mengadaptasikan amalan yang dipelajari dalam industri.**

Gambar sekitar Kokokium Pemimpin Cemerlang Institut Pendidikan 2018



**Pencapaian Dan Impak**

Secara ringkasnya, 73% peserta mendapat markah antara 76 dan 100, dan 17% lagi mendapat markah antara 51 dan 75 (Ekshibit 2-46).

**Ekshibit 2-46: Tahap Pencapaian Peserta GrEEL, 2018**

SKALA	PRESTASI	TAHAP CAPAIAN	BILANGAN PESERTA
76 - 100	Cemerlang	Lulus	73
51 - 75	Baik	Lulus	16
26 - 50	Sederhana	Tidak Lulus	1
00 - 25	Lemah	Tidak Lulus	0

Walaupun demikian, antara syarat lulus bagi peserta GrEEL ialah melalui kesemua Fasa 1 hingga Fasa 5. Seorang peserta (1.1%) tidak dapat melengkapkan pusingan berkenaan yang menyebabkan beliau tidak dapat mencapai tahap lulus bagi kursus ini pada tahun 2018 (Ekshibit 2-47).

**Ekshibit 2-47: Peratus Peserta yang Melempi Pusingan Kursus**

Fasa 1 – Fasa 5	
Melempi pusingan	98.89%
Tidak melempi pusingan	1.1%

**Program Certified Coach**

Program Certified Coach menyediakan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan coaching sebelum mereka ditaksir. Peserta terdiri daripada pensyarah IAB, pegawai School Improvement Partners+ (SIP+), pegawai School Improvement Specialist Coach (SISC+) dan FasiLINUS. Selepas mengikuti kursus ini, peserta akan dibimbing dan ditaksir bagi menentukan sama ada mereka layak untuk ditauliahkan sebagai Certified Coach.

**Ekshibit 2-48: Bilangan dan Pencapaian Peserta Kursus**

Bilangan Peserta	Pensyarah	PPD	SIP+	SISC+	LINUS	Jumlah
Berkursus	148	2	218	206	108	682
Ditaksir	88	1	202	189	86	566
% Pencapaian KPI	59.46	50.00	92.66	91.74	79.63	<b>82.99</b>

Pada tahun 2018, seramai 682 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah IAB, SIP+, SISC+, FasiLINUS dan beberapa orang pegawai PPD telah mengikuti program ini dan ditaksir (Ekshibit 2-48).

**KURSUS PEMANTAPAN PEGAWAI PENILAI PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)**

Penilaian Bersepadu Pegawai Pkhidmatan Pendidikan (PBPPP) adalah penilaian baharu yang berfokuskan elemen pembangunan kompetensi, potensi dan keberhasilan berasaskan gred dan jawatan, serta mengambil kira kepelbagaian bidang tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.



**Gambar-gambar pelaksanaan kursus PBPPP sepanjang tahun 2018**

**Penambahbaikan Kursus PBPPP 2018**

- Penghasilan Tool Kit Peserta dan Jurulatih
- Mewujudkan Portal e-PBPPP atau kursus PBPPP dalam talian

Kursus e-PBPPP akan terus dilaksanakan pada tahun 2019. Kertas makluman berkenaan pelaksanaan ini telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Profesional Kementerian pada Oktober 2018. Pelaksanaan kursus ePBPPP ini akan memberi peluang kepada lebih ramai PPP mengikuti kursus tanpa perlu meninggalkan pejabat.

**MENINGKATKAN PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI UNTUK MENYOKONG EKOSISTEM PEMBELAJARAN**

PPPM 2013-2025 berpaksikan tiga objektif - memahami prestasi dan cabaran semasa pendidikan Malaysia, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas untuk setiap murid dan sistem pendidikan serta menggaris transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam Kementerian. Anjakan ke-9, iaitu 'berkerjasama dengan ibu bapa dan komuniti secara meluas' merupakan anjakan yang membawa perubahan besar dalam usaha mempertingkatkan kecemerlangan modal insan murid.

**Garis Panduan Sukarelawan di dalam Kelas (SdK)**

Sistem pendidikan yang mantap merangkumi guru yang berkelayakan, profesional dan bermotivasi serta mendapat kerjasama padu daripada barisan pentadbiran sekolah, ibu bapa dan komuniti. Justeru, kolaboratif dengan PIBG, ibu bapa, komuniti dan sektor swasta adalah amat penting.

Pada tahun 2018, Garis Panduan Pelibatan Ibu Bapa/ Penjaga dan Komuniti sebagai Sukarelawan di dalam Kelas (SdK) diumumkan dan bertujuan memberi panduan tentang pelaksanaan program kerjasama antara ibu bapa/penjaga dan komuniti bersama pihak sekolah, selaras dengan hasrat PPPM 2013-2025.

Garis Panduan SdK menjelaskan pelaksanaan pelibatan ibu bapa/penjaga dan komuniti sebagai sukarelawan yang membantu guru semasa proses PdP mengikut kesesuaian dan keperluan sekolah, iaitu dari peringkat prasekolah hingga sekolah menengah termasuk pendidikan khas dan program inklusif.

Kementerian berhasrat menjadikan ibu bapa/penjaga dan komuniti sebagai rakan strategik sekolah yang memberi sokongan berterusan terhadap aktiviti pembelajaran anak mereka. SdK melibatkan pengintegrasian kepakaran bidang ibu bapa/ penjaga atau komuniti, namun tertakluk kepada etika profesionalisme keguruan semasa proses PdP.



**Pelibatan Ibu Bapa Secara Sukarela Dalam Aktiviti PIBG Dan Sekolah**

Bagi membudayakan program SdK dalam kalangan ibu bapa dan komuniti, Kementerian menetapkan sasaran 50% ibu bapa hadir dan menyumbang dalam sebarang aktiviti di sekolah. Sasaran ini telah dipertingkatkan daripada 25% pada tahun 2017. Pada tahun 2018, pelibatan ibu bapa menunjukkan pencapaian yang sangat menggalakkan apabila sebanyak 77.54% sekolah di Malaysia mencapai sasaran 50% kehadiran ibu bapa sebagai sukarelawan dalam aktiviti sekolah. Di samping itu, sebanyak 90.73% sekolah mencatatkan purata sekurang-kurangnya 65% kehadiran ibu bapa dalam lima aktiviti di sekolah, iaitu Hari Pendaftaran, Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Hari Pelaporan, Hari Sukan dan Hari Anugerah Kecemerlangan (Ekshibit 2-49).

**MEMPERLUASKAN PELIBATAN SEKTOR SWASTA SEBAGAI RAKAN STRATEGIK DALAM PENDIDIKAN**

Inisiatif Peluasan Pelibatan Sektor Swasta memberi ruang kepada sektor swasta dan agensi luar untuk terlibat sebagai rakan kongsi dalam pendidikan. Tujuannya adalah untuk memanfaatkan kelebihan

pelbagai pihak berbeza dalam menyokong usaha Kementerian mempertingkatkan kualiti pendidikan menerusi pelbagai pendekatan.

Pelibatan Sektor Swasta diharapkan dapat mempertingkatkan keberhasilan pembelajaran melalui suntikan kepakaran, pendekatan PdP yang baharu, dan juga sebagai sumber dalam sistem pendidikan awam di Malaysia ke arah penyediaan pendidikan berkualiti bagi anak Malaysia. Oleh itu, Kementerian menggalakkan pelibatan meluas pihak swasta sebagai rakan strategik dalam pendidikan sebagai salah satu usaha melonjakkan kualiti pendidikan negara.

Sehingga 2018, pihak swasta semakin memberi sokongan dalam peningkatan kualiti pendidikan. Pelibatan mereka merentasi pelbagai kategori program yang ditawarkan di bawah inisiatif Pelibatan Sektor Swasta (Ekshibit 2-50).

**Ekshibit 2-49: Peratus Sekolah Mencapai Sasaran Kehadiran Ibu Bapa di sekolah mengikut Negeri, 2018**

Bil.	Jabatan Pendidikan Negeri	Jumlah Sekolah	Peratus Sekolah yang Mencapai Sasaran 50% Ibu Bapa Sebagai Sukarelawan di Sekolah	Peratus Sekolah yang Mencapai Purata 65% Kehadiran Ibu Bapa dalam 5 aktiviti di Sekolah
1	Johor	1173	74.99%	95.44%
2	Kedah	741	76.60%	93.77%
3	Kelantan	578	96.58%	98.58%
4	Melaka	312	59.76%	80.47%
5	Negeri Sembilan	469	82.63%	94.76%
6	Pulau Pinang	392	100.00%	89.08%
7	Pahang	728	65.15%	96.01%
8	Perak	1089	82.24%	100.00%
9	Perlis	102	96.08%	100.00%
10	Sabah	1284	63.57%	91.49%
11	Sarawak	1454	78.77%	95.56%
12	Selangor	923	53.89%	73.73%
13	Terengganu	494	95.39%	98.72%
14	WP Labuan	27	80.77%	96.01%
15	WP Kuala Lumpur	296	98.15%	100.00%
16	WP Putrajaya	25	36.00%	48.00%
<b>JUMLAH</b>		<b>10,089</b>	<b>Peratus Purata 77.54%</b>	<b>Peratus Purata 90.73%</b>

# MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT

Sekolah Kebangsaan Taman Kota Kulai 2 yang terletak di Jalan Sri Putri 4/9, Taman Putri, 81000 Kulai, Johor merupakan sekolah kategori luar bandar. Sekolah ini dibina pada bulan Julai 2000 dan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2002. Ia mula beroperasi pada 6 Januari 2003 dengan 23 orang guru dan 538 orang murid. Kini, jumlah murid telah meningkat kepada 1,080 orang termasuk dua kelas prasekolah dan tiga kelas pendidikan khas, dengan bilangan guru seramai 70 orang.

**Resipi Kejayaan SdK Sekolah**

- Keterbukaan pihak sekolah dan pentadbir dalam menerima kehadiran ibu bapa dan sukarelawan memberi peluang kepada mereka untuk mengikuti perkembangan anak serta sistem persekolahan. Dengan pengetahuan ini, ibu bapa akan sentiasa memberi sokongan kepada pihak sekolah.
- Pelibatan serta komitmen ibu bapa dan komuniti setempat yang tinggi dan pelbagai, tidak hanya terhad kepada sumber kewangan tetapi juga tenaga serta kemahiran. Sumbangan ini membantu meringankan beban guru dan sekolah.
- Pelibatan KSIB dan SdK dalam pembangunan sekolah dalam pelbagai bidang iaitu kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum dan infrastruktur sekolah telah menyumbang ke arah kemenjadian murid serta menjadikan sekolah lebih kondusif bagi proses pembelajaran.

**Pencapaian PIBK:**

- Team UMMI yang ditubuhkan pada 2017 merupakan sebahagian daripada Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) yang terdiri daripada sukarelawan aktif yang membantu guru dalam proses PdP serta menjadikan persekitaran sekolah lebih kondusif.
- Pada Julai 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memilih SK Taman Kota Kulai 2 melalui Projek Rakaman video Insentif KPM untuk dijadikan rujukan bagi pelaksanaan aktiviti melibatkan SdK dalam proses PdP. Video ini boleh ditonton di laman sesawang <https://www.youtube.com/watch?v=Z3f5kbG8prw>.
- SK Taman Kota Kulai 2 juga telah menerima Penghargaan 5 Bintang bagi kategori Pelibatan Ibu Bapa di Sekolah pada Konvensyen Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 yang bertempat di IAB, Kompleks Pendidikan Nilai Bandar Enstek, Negeri Sembilan pada bulan Oktober 2018.
- SK Taman Kota Kulai 2 menjadi penanda aras pelaksanaan aktiviti SdK dan PIBK bagi sekolah dari dalam dan luar negeri Johor.
- Antara pencapaian lain yang turut diperolehi ialah Sarana VLE Terbaik 2018 di Majlis Anugerah Pembestarian Sekolah Negeri Johor, Pengurusan Musolla Terbaik Peringkat Daerah bagi Sekolah Rendah dan, Anugerah Pelibatan KSIB Cemerlang Sekolah Rendah.
- Guru dan ahli sukarelawan yang aktif dijemput sebagai Panel Bicara PIBK bagi berkongsi maklumat berkaitan PIBK, di samping bersama-sama membantu aktiviti sekolah yang lain seperti Bahas Ala Parlimen, Suara Emas Merdeka, Anugerah 3K dan Bola Baling.



# MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT

JPN Wilayah Persekutuan Labuan telah membuktikan permuafakatan, kerjasama, sikap kebersamaan dan kesepunyaan antara pihak JPN, sekolah di Labuan, PIBG dan komuniti menggerakkan kecemerlangan pendidikan. Usaha sama gigih ini telah berjaya menghasilkan jalinan hubungan yang baik antara ibu bapa dan komuniti. Malahan ibu bapa sudah mengiktiraf PIBG sebagai elemen perhubungan dalam membina sekolah yang cemerlang.

Sekolah Menengah Kebangsaan Ranche-Ranche di WP Labuan telah ditubuhkan pada 2 Januari 2014 dan dipimpin oleh Encik Omar Baki bin Matusin, selaku Pengetua pertama sekolah tersebut. Walaupun usia sekolah ini masih muda, namun kini SMK Ranche-Ranche berjaya membuktikan keunggulannya dan mampu bersaing dengan sekolah premier di WP Labuan dan juga sekolah lain.

## Pencapaian PIBK:

- Pelibatan ibu bapa dalam pelbagai aktiviti sekolah sudah menjadi rutin sejak sekolah ini ditubuhkan. Ibu bapa sering membantu menceriakan bilik darjah anak masing-masing serta berkongsi pengalaman dengan cara "badudun" (menziarahi) ke rumah ibu bapa yang lain. Hasil permuafakatan ini, sekolah ini telah diberi Anugerah Pelibatan Ibu Bapa Dan Komuniti Terbaik Keseluruhan bagi 2018 peringkat negeri WP Labuan.
- JPN WP Labuan mula memperkenalkan 'Program Badudun Kitani' pada 2017, iaitu program turun pandang dan menziarahi kampung untuk berjumpa dengan ibu bapa di setiap zon kampung bagi mengalakkan pelibatan ibu bapa di sekolah. Program ini juga mendapat sokongan ahli Parlimen yang turut serta berjumpa ibu bapa dan murid, tanpa mengira bangsa, kedudukan dan latar belakang mereka. Hasil kejayaan program ini, SMK Ranche-Ranche sekali lagi menerima Anugerah Pengurusan PIBK Cemerlang Sekolah Menengah 2018 Peringkat Negeri WP Labuan.
- Bagi tahun 2018, JPN WP Labuan telah memilih sekolah ini sebagai salah sebuah Sekolah Menengah Contoh bagi aspek pelibatan ibu bapa. Sekolah ini telah memuat naik beberapa buah filem pendek dalam Youtube bertajuk 'Rapuh Sekeping' dan 'Mun' yang memberi kesedaran terutamanya kepada ibu bapa betapa pentingnya sikap cakna terhadap pendidikan anak-anak.
- Hubungan yang baik antara ibu bapa dan sekolah menjadikan sekolah ini terpilih sebagai penerima Penghargaan 5 Bintang Terbaik PIBK Peringkat Kebangsaan (Pembangunan Akademik 2018 Kebangsaan) dan, Penghargaan 5 Bintang Terbaik PIBK Peringkat Kebangsaan (Sekolah Menengah) Tahun 2018. Pelibatan Ibu Bapa telah membantu sekolah dari segi pembangunan murid dalam pelbagai bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah yang mana segala kelengkapan bilik Pusat Sumber, Konti Radio dan Studio TV dapat direalisasikan untuk kegunaan sekolah, murid dan ibu bapa.

*\*Nota: 'Badudun Kitani' adalah bahasa tempatan suku kaum Kedayan Brunei yang bermaksud 'marilah kita menziarahi bersama'.*

## Resipi Kejayaan PIBK Sekolah


- Segala pembangunan dan kemenjadian murid SMK Ranche-Ranche adalah hasil daripada sikap profesional pentadbiran sekolah yang sentiasa mengalu-alukan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembangunan sekolah, di samping sokongan dan bimbingan padu JPN WP Labuan.
- Pelibatan ibu bapa sebagai ahli jawatan kuasa (AJK) dalam semua aktiviti yang dijalankan juga merupakan kunci kejayaan inisiatif Pelibatan Ibu Bapa di sekolah ini. Inisiatif pihak sekolah dan AJK Pelibatan Ibu Bapa sering berkunjung ke rumah murid dan berkongsi pengalaman, justeru memberi impak kepada kemenjadian murid di sekolah ini.
- Konsep Senyum 360 Darjah merupakan budaya yang diperkenalkan di SMK Ranche-Ranche berdasarkan keperluan dan kehendak sekolah. Antara amalan dan budaya yang dilaksanakan adalah:
  - senyum dan bermuka manis kepada ibu bapa,
  - ramah dan mesra dengan ibu bapa, dan
  - melayan semua ibu bapa yang berurusan dengan pihak sekolah.

## IMPAK:

- Kehadiran murid melebihi 90% setahun (rujukan: JKM 2016, 2017 dan 2018).
- Murid yang terlibat kes rokok sebanyak 0.08% daripada keseluruhan murid.
- Kehadiran murid 100% bagi yang ditaja oleh komuniti.
- Pelibatan ibu bapa 100% dalam kejohanan sukan.



Exhibit 2-50: Program di bawah Perkongsian Awam Swasta dalam Pendidikan, 2018




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

## Program One-off

Program ini merupakan penajaan daripada individu atau syarikat bagi pelaksanaan program atau aktiviti pendidikan yang memerlukan pembiayaan, pembangunan infastruktur, pembekalan bahan dan/ atau kepakaran dalam tempoh satu tahun atau kurang. Pada tahun 2018, pihak Kementerian menerima banyak sumbangan dalam pelbagai bentuk yang dikategorikan sebagai material, bukan material dan infrastruktur/pembangunan/hartanah/wakaf. Ekshibit 2-51 menunjukkan peratus sumbangan mengikut kategori.

Ekshibit 2-51: Analisis Sumbangan dalam Program One-off mengikut Kategori, 2018



- Kepakaran/Khidmat sosial
- Kewangan
- Material
- Makanan/Minuman
- Bantuan asas persekolahan
- Hartanah/Wakaf
- Pembangunan/Infrastruktur/Fizikal/Penyelenggaraan


55% bukan material (kepakaran/khidmat sosial & kewangan)  
 39% berbentuk material (termasuk makanan/minuman & bantuan asas persekolahan)  
 6% infrastruktur/pembangunan/hartanah/wakaf

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

## Program Sekolah Angkat

Program ini merupakan kerjasama antara pihak Kementerian dengan sektor swasta. Syarikat penyumbang menjadi rakan strategik kepada sekolah, terutamanya di sekolah yang terletak dalam kelompok masyarakat yang terpinggir. Program yang dilaksanakan berunsur akademik dan bukan akademik, relevan dengan objektif tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat swasta berkenaan. Tempoh sumbangan adalah jangka pendek, iaitu dari satu hingga tiga tahun. Kebanyakan syarikat mendapatkan sekolah angkat dan menyalurkan sumbangan mereka melalui PINTAR Foundation. Pada tahun 2018, bilangan sekolah angkat terus meningkat kepada 741 daripada 323 pada tahun 2013 (Ekshibit 2-52).

**Ekshibit 2-52: Bilangan Sekolah di bawah Program Sekolah Angkat, 2013-2018**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Pada tahun 2018, dua program terjalin atas kerjasama dengan sektor swasta iaitu Program DTP–Aman tajaan Yayasan Hasanah yang menyokong usaha Kementerian dalam Program Transformasi Daerah di negeri Kedah dan, Program Teacher Empowerment For School Transformation (TEST) di 14 buah sekolah di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. TEST bertujuan mempertingkatkan potensi murid secara holistik dengan fokus intervensi terhadap tiga bidang utama - pentadbir dan pemimpin, guru dan pengajaran, serta murid dan pembelajaran. Program tiga tahun ini ditaja oleh ECM Libra Foundation dan dilaksanakan oleh Syarikat Edvolution Enterprise.

**Program Sekolah Amanah**


Program jangka panjang ini mentransformasi sekolah awam bagi mempertingkatkan prestasi sekolah secara menyeluruh melalui peningkatan kualiti pengurusan sekolah dan PdP. Pihak swasta menyumbangkan kepakaran dan insentif kepada sekolah yang terlibat untuk menggalakkan peningkatan pencapaian akademik dan prestasi sekolah secara komprehensif.

Sehingga tahun 2018, program ini telah dilaksanakan di 10 negeri iaitu Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak (Ekshibit 2-53).

**Program Model Baharu**

Program transformasi ini ditaja oleh sektor swasta dan tidak dikategorikan dalam Program Sekolah Amanah, Program Sekolah Angkat atau Program One-Off. Tempoh perjanjian yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya dua tahun dan tidak tertumpu hanya kepada sekolah harian tetapi juga program pendidikan aliran kemahiran, berkeperluan khas, sukan serta seni. Pelaksanaan model ini tertumpu kepada pelaksanaan program secara terus di sekolah, di Bahagian Kementerian, JPN, atau PPD yang bertujuan untuk menyokong dan menambah baik kualiti pendidikan.

**Ekshibit 2-53: Sekolah di bawah Program Sekolah Amanah Mengikut Negeri, 2011-2018**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

**Pengukuhan Pelibatan Sektor Swasta**

Kementerian beriltizam untuk memperkukuhkan perkongsian pintar dengan pelbagai pihak dalam dan luar negara. Salah satu inisiatifnya adalah melantik dan mengupayakan Pegawai Meja Pelibatan Sektor Swasta (PSS) di setiap negeri dan bahagian di bawah Sektor Operasi Pendidikan (SOP). Sebagai agen yang paling hampir dengan komuniti dan sektor swasta, mereka mampu untuk sama-sama menggalakkan pelibatan sektor swasta secara lebih

berfokus pada peringkat bahagian terlibat, negeri dan daerah mengikut keadaan dan keperluan.

Pada tahun 2018, Bengkel Pengupayaan Pegawai Meja PSS diadakan mengikut zon di seluruh negara. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua pegawai meja PSS dan pegawai PPD. Mereka didedahkan kepada beberapa garis panduan berkaitan teknik strategic engagement untuk mengupayakan mereka melaksanakan inisiatif ini pada peringkat bahagian, negeri dan daerah (Ekshibit 2-54).

**Ekshibit 2-54: Pengisian Bengkel Pengupayaan Pegawai Meja PSS, 2018**

**Pengupayaan Pegawai Meja PSS**

- Pendedahan Kepada **Strategic Engagement**
- Garis Panduan **Perwakilan Kuasa Bagi Kelulusan Permohonan** oleh Pihak Luar
- Garis Panduan **Pelibatan Ibu Bapa** sebagai sukarelawan didalam kelas
- Garis Panduan **Pelaksanaan Sekolah Milik Masyarakat**
- Garis Panduan **Pelibatan Sektor Swasta di Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan**
- Garis Panduan **Penjanaan Dana Masyarakat (Crowdfunding)**



**Gambar Sepanjang Pelaksanaan Bengkel Pengupayaan Pegawai Meja Pelibatan Sektor Swasta 2018**

**PERSIDANGAN SEKOLAH AMANAH TAHUN 2018:  
TRANSFORMASI MELANGKAUI SEMPADAN**

Persidangan Sekolah Amanah merupakan platform untuk berkongsi idea dan pengalaman antara komuniti dengan pihak berkepentingan dalam rangkaian Sekolah Amanah. Bermula pada tahun 2012, Persidangan Sekolah Amanah tahun 2018 merupakan persidangan kali ke-enam dengan matlamat untuk melangkaui pembelajaran dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan komuniti program Sekolah Amanah.

Bagi tahun 2018, matlamat utama persidangan ini adalah untuk menambah baik sistem penyampaian pendidikan dan pengupayaan kapasiti dalam kalangan 83 buah Sekolah Amanah, JPN dan PPD; mewujudkan peluang dan platform pembelajaran bagi komuniti Sekolah Amanah berdasarkan amalan terbaik daripada Finland dalam bidang inovatif; dan membina rangkaian yang lebih baik dalam kalangan Sekolah Amanah, komuniti dan pihak berkepentingan yang lain.

Persidangan kali ini yang bertemakan 'Transformasi Melangkaui Sempadan' (Transformation Beyond Borders) telah mengundang 12 orang pakar pendidikan daripada EduCluster Finland, iaitu pembekal perkhidmatan pendidikan yang berpangkalan di Finland. Mereka berkongsi kepakaran dan ilmu kemahiran tentang penyampaian pendidikan dalam enam sesi bengkel berikut:

- Experiential Learning Methods in Classroom (primary)
- Innovative Practices in Formative Assessment (primary)
- Individualisation of Learning (primary)
- Student-Centred Approach to Teaching and Learning (secondary)
- Collaborative Learning (secondary)
- Phenomenon-Based Approach to Teaching and Learning (secondary)

Social Business Challenge dibuka kepada 32 buah sekolah menengah dalam kalangan Sekolah Amanah. Pertandingan ini, yang merupakan hasil

kerjasama antara Yayasan AMIR dan myHarapan, menggalakkan pelibatan murid dalam projek sosial yang memberi impak positif kepada komuniti setempat. Tiga buah sekolah/projek telah terpilih ke peringkat akhir:

- Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Indah – pemenang tempat pertama yang menerima hadiah wang tunai RM3,000 menerusi projek X-Collamunity – Program Pendidikan Khas Integrasi.
- Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Berangan - pemenang tempat kedua yang menerima hadiah RM2,000 menerusi projek Penyebaran Pembelajaran Abad 21 (PA21) dan Program Sekolah Amanah kepada Pelajar dan Komuniti melalui Student Young Leader (SYLead).
- Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi - pemenang tempat ketiga yang menerima RM1,000 menerusi projek Believe Foundation.

Persidangan ini memperkukuhkan jaringan Sekolah Amanah merentasi kluster dan negeri, termasuk memberi peluang kepada murid Sekolah Amanah berinteraksi antara satu sama lain.

Sebanyak 10 buah tapak pameran yang dikendalikan oleh murid dari 10 buah Sekolah Amanah dari 10 buah negeri telah memberi mereka ruang dan peluang untuk menunjukkan kebolehan mereka memberi penerangan kepada peserta persidangan mengenai sekolah mereka dan budaya negeri yang mereka wakili.

Setiap murid juga berpeluang menyertai aktiviti kepimpinan dan drama yang dapat membina keyakinan diri dan disiplin. Program ini telah diadakan bersama-sama pelakon popular tanah air, iaitu Puan Fauziah Nawati, Puan Vanidah Imran dan Puan Farah Ahmad.

Pegawai JPN dan PPD telah melawat dua buah Sekolah Amanah, iaitu SK Tabuan dan SMK Seri Setia, berkongsi pengalaman dan perancangan plan tindakan untuk kelestarian sekolah tersebut.



**NESTLÉ FOR HEALTHIER KIDS (N4HK) 2018**  
Inisiatif Nestlé Didik 20,000 Murid Sekolah

Sebagai sebahagian daripada komitmen Nestlé Malaysia untuk menggalakkan gaya hidup sihat, hampir 20,000 orang murid sekolah di seluruh Malaysia telah mendapat manfaat daripada inisiatif Nestlé for Healthier Kids (N4HK) tahun ini. Program N4HK telah diperkenalkan di sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia, termasuk di Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perak, Kedah, Perlis dan Terengganu pada tahun 2018.

Dilancarkan pada tahun 2010, N4HK ialah program pendidikan yang dirangka khas dengan kerjasama Kementerian dan Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) dengan tujuan mempertingkatkan ilmu pemakanan dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan murid sekolah berusia 7 hingga 12 tahun. Dalam sesi N4HK, murid diajar kemahiran hidup penting menerusi modul seperti Amalan Tabiat Sihat, Piramid Makanan, Makan Mengikut Masa, Pilih Makanan Berkhasiat, Kebersihan Diri dan Jom Aktif. Setiap sesi N4HK juga membabitkan aktiviti senamrobik yang penuh bertenaga dan menyeronokkan.

Sejak dilancarkan, N4HK telah membawa manfaat kepada hampir 36,700 pelajar di seluruh negara menerusi pendekatan holistik untuk

mempertingkatkan kesedaran tentang pemakanan lebih sihat. Selain daripada mencapai lebih banyak sekolah di seluruh Malaysia pada tahun 2019, program ini juga bercadang untuk melibatkan ibu bapa agar mereka boleh menggalakkan dan membimbing anak-anak untuk hidup dan makan secara lebih sihat. Murid sekolah yang mendapat manfaat daripada N4HK merupakan sebahagian daripada cita-cita global Nestlé untuk mencapai 50 juta orang kanak-kanak menjelang tahun 2030.

"Kami amatlah berbangga dengan pencapaian N4HK setakat ini. Sejalan dengan matlamat Syarikat kami untuk mempertingkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat, program ini mendidik golongan muda kita tentang betapa pentingnya amalan pemakanan yang baik. N4HK mampu memupuk amalan sihat dan menekankan cara hidup yang sihat dan cergas. Meninjau ke hadapan pada tahun 2019, kami merancang untuk memperkukuhkan lagi usaha kami dengan melibatkan ibu bapa dalam program ini. Kami berharap agar dapat terus menyokong usaha Kerajaan dalam memperkasakan lebih ramai rakyat muda Malaysia untuk mengamalkan gaya hidup lebih sihat."

**PUAN NIRMALAH THURAI**  
Pegawai Eksekutif, Hal Ehwal Korporat Kumpulan, Nestlé (Malaysia) Berhad



Gambar Sepanjang Pelaksanaan Program Nestlé For Healthier Kids

GELOMBANG 2 MEMACU PENINGKATAN SISTEM

## RUMUSAN

Tahun 2018 telah menyaksikan Kementerian meneruskan usaha gigihnya dalam mempertingkatkan pendidikan berkualiti bagi murid sekolah di negara ini. Usaha ke arah penerapan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) ditumpukan kepada melatih Jurulatih Utama bagi menguasai proses PdP dan kemenjadian murid. Pihak pentadbir sekolah, termasuk Pemimpin Pertengahan turut dibimbing untuk menjadi agen perubahan bagi pembelajaran berpusatkan murid. Kem Ekplorasi KBATSMB dan KBATSM telah melatih Jurulatih Utama Kebangsaan dan Negeri tentang penggunaan konsep stesen yang menggalakkan KBAT dan kaedah penyampaian konsep yang kompleks. Universiti tempatan turut dilibatkan dalam program yang membantu pihak sekolah mempertingkatkan kesiapsiagaan murid dalam menghadapi kajian utama TIMSS dan PISA.

Pendidikan STEM diperkukuhkan dan strategi mempertingkatkan minat murid terhadap bidang ini diteruskan dengan penganjuran Karnival STEM, Pertandingan Aplikasi Stem – MySTEMapps Challenge 2018, dan Komik STEM. Bahan sumber penerapan elemen STEM juga dibangunkan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam. Kesedaran dalam kalangan pemimpin sekolah, guru, murid, ibu bapa dan pihak awam mengenai pendidikan STEM pula dilaksanakan menerusi pelbagai program, iaitu Pembudayaan Pentaksiran Kemahiran Sainifik, Kolokium Pendidikan STEM, Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM, pembangunan Modul Multimedia PdP STEM dan kursus STEM dalam talian, Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) Pegawai Perkhidmatan Bidang STEM, dan Kursus Kepimpinan STEM oleh IAB untuk PGB.

Program Outreach LINUS2.0 dilaksanakan dengan fokus terhadap pembangunan intervensi bagi mengesan dan mengesahkan status murid yang masih belum menguasai kemahiran 3M. Modul LINUS2.0 LBM, LBI dan Numerasi juga telah dibina bagi kegunaan murid sekolah rendah. PGB telah menjalani Kursus Pengurusan LINUS2.0 dan Program Jerayawara Intervensi LINUS (JIL2.0).

Penguasaan Bahasa Melayu murid dipertingkatkan menerusi usaha memperbaiki seta menilai kompetensi berbahasa Melayu dalam kalangan guru dengan menggunakan instrumen UPBMG. Program MPAKM telah diadakan untuk memberi pendedahan agar setiap sekolah yang menawarkan subjek Kesusasteraan Melayu. Bagi peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris, pelbagai aktiviti telah diadakan di bawah PPKBIS. Hasilnya adalah kenaikan peratus lulus bagi sekolah hotspot iaitu 70.9 bagi tahun 2018 berbanding 69.0 pada 2017. Kementerian dan Cambridge English pula



bekerjasama bagi mempertingkatkan pendidikan Bahasa Inggeris, memfokus kepada penggubalan kurikulum dan latihan guru. Program Bahasa Antarabangsa di sekolah harian berjaya melibatkan sebanyak 186 buah sekolah yang menawarkan Bahasa Jepun, Bahasa Perancis, Bahasa Jerman dan Bahasa Korea.

Sistem pendidikan negara bertaraf antarabangsa memerlukan guru yang berkualiti. Usaha berkaitan yang dijalankan adalah pengambilan calon guru pelatih daripada 30% murid terbaik lepasan SPM, pembudayaan penyelidikan dalam kalangan kepimpinan akademik dan pensyarah IPG, pemantapan praktikum di IPG melalui pementoran pelajar secara berstruktur, penganjuran Program Pembangunan Bakat Pensyarah IPG, pemerksaan Operasi Research Management and Innovation Centre (RMIC) IPGM, dan Pembangunan Perpustakaan Maya IPG bagi kemudahan PdP dan Penyelidikan.

Kelancaran pentadbiran dan pengurusan sekolah turut diberi perhatian. Hampir 99% kekosongan PGB telah berjaya diisi dalam tempoh tiga bulan. Program Immersion 2.0 menyedia dan memantapkan pelbagai kompetensi kepimpinan dan pengurusan yang diperlukan pemimpin sekolah, Program NPQEL 2.0 menyediakan barisan pelapis pemimpin pendidikan yang berupaya menerajui sekolah ke arah kecemerlangan, Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (ProPeKS) membimbing sekolah yang cemerlang dalam misi untuk melonjakkan pencapaian sekolah berprestasi rendah, manakala Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (LCML) membangunkan kompetensi pemimpin pertengahan di sekolah. Program Pembitaran Pemimpin Pendidikan turut dianjurkan bagi pemimpin pendidikan berprestasi tinggi yang diberi pendedahan kepada kaedah pengurusan dan kepimpinan di luar konteks pendidikan.

Pelibatan sektor swasta telah memperkukuhkan sokongan dalam peningkatan kualiti pendidikan. Pelbagai program dianjurkan iaitu Program One-off, Program Sekolah Angkat, Program Model Baharu, dan Program Sekolah Amanah. Bengkel Pengupayaan Pegawai Meja PSS juga diadakan di seluruh negara untuk pegawai meja PSS dan pegawai PPD memahami garis panduan teknik strategic engagement dalam pelaksanaan inisiatif ini pada peringkat bahagian, negeri dan daerah.



# BAB 3

## MEMASTIKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

# KEJAYAAN & PENCAPAIAN 2018

Di bawah PPPM, Kementerian telah merancang pelbagai inisiatif bagi memastikan pendidikan yang terbaik diberikan kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira:



Keupayaan



Jantina



Latar Belakang Sosioekonomi




Lokasi



Etnik

## PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)


Pencapaian PPD yang melebihi standard minima penarafan PKPPD




Penarafan Bintang PPD Tahun 2018




Jurang Pencapaian Gred Purata SPM Murid antara Bandar dan Luar Bandar



Jurang Pencapaian Layak Sijil SPM Murid antara Jantina




Jurang Pencapaian Layak Sijil SPM Murid antara Status Sosioekonomi




## TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN MASYARAKAT PERIBUMI


Peratus Kehadiran Murid Orang Asli ke Sekolah




Kadar Transisi Murid Orang Asli Peringkat Rendah ke Menengah (dari Tahun 6 ke Tingkatan 1)



Peratus Kehadiran Murid Peribumi ke Sekolah




Pencapaian Murid Orang Asli Menguasai Tahap Minima (MTM) dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)



## PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS

Peratusan Penyertaan Murid Berkeperluan Khas (MBK)



12,715 Pihak berkepentingan yang dilibatkan di dalam MBK



**PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH**

3-4

Program Transformasi Daerah (*District Transformation Programme*, DTP) telah diperkenalkan sejak PPPM 2013-2025 mula dilaksanakan bagi memastikan kesaksamaan Pendidikan di seluruh negara terutamanya dari segi kualiti, ekuiti dan akses. Anjakan 6 PPPM 2013-2025 menyatakan antara hasrat utama pihak Kementerian adalah mengupaya Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan, mempercepat penambahbaikan prestasi sekolah melalui program yang sistematik dan dipimpin oleh PPD di semua negeri dan memberi lebih kuasa melalui pengurusan berasaskan sekolah dan autonomi kepada sekolah yang memenuhi kriteria prestasi minimum.

Sepanjang tahun 2018, pihak Kementerian telah meneruskan segala usaha mencapai matlamat DTP bagi mengupayakan pemimpin pendidikan di setiap negeri, daerah dan sekolah demi menambah baik prestasi sekolah untuk meningkatkan pencapaian serta keberhasilan murid.

Untuk mencapai matlamat DTP, fokus aktiviti yang dijalankan adalah pada 3 kuadran utama:

- **Pengurusan Prestasi:** Dialog Prestasi Kebangsaan & Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PKPPD)
- **Pengupayaan Pegawai PPD:** PPD Retreat dan Konvensyen SISC+ dan SIPartner+ Peringkat Kebangsaan 2018
- **Intervensi Terbeza di Sekolah:** PPD Aspirasi dan PPD Prioriti

**PENGURUSAN PRESTASI**

**Dialog Prestasi Kebangsaan**

Dialog Prestasi Kebangsaan merupakan platform untuk Pengarah dan Timbalan Pengarah dari semua JPN membincangkan prestasi setiap JPN dan langkah seterusnya mengikut empat kluster utama berikut (Ekshibit 3-1):

- Enrolmen Murid : Kehadiran dan transisi murid,
- Kemenjadian Murid : UPSR dan SPM,
- Penarafan Kecemerlangan PPD (PKPPD), dan
- Hal Ehwal Murid : salah laku berat dan penyalahgunaan dadah.

Diadakan sebanyak dua kali bagi tahun 2018, sesi ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM), Datuk Dr. Amin bin Senin, dan membincangkan pencapaian dan intervensi mengikut kluster terutamanya kepada JPN yang mempunyai

banyak sekolah yang berkeperluan tinggi. Dialog Prestasi Kebangsaan yang pertama diadakan pada 9 April 2018, manakala sesi yang kedua diadakan pada 18 September 2018 .



**Ekshibit 3-1: Empat Kluster Utama yang Memandu Isu Perbincangan dalam Dialog Prestasi Kebangsaan 2018**




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PKPPD)**

Pada tahun 2018, PKPPD dijalankan untuk mengenal pasti tahap setiap PPD di seluruh Malaysia. Sebanyak 140 daripada 143 PPD (98%) mencapai standard minima PKPPD, dengan 73 PPD (51.05%) berprestasi melebihi standard minima. Verifikasi penarafan dijalankan oleh Ketua Audit yang berkelayakan MS ISO 9001:2015. Hasil penarafan dijadikan rujukan untuk PPD memperbaiki prestasi berdasarkan kelemahan dalam komponen yang ditaraf (Ekshibit 3-2):

**Ekshibit 3-2: Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah, 2018**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH


**PENGUPAYAAN PEGAWAI PPD**

**PPD Retreat**

Bengkel ini diadakan untuk menekankan peranan kepimpinan JPN dan PPD dalam mentransformasikan daerah dan mengukuhkan pemahaman JPN/PPD terhadap DTP, PPPM dan Melangkah Ke Hadapan, selain meningkatkan keupayaan JPN/PPD dalam perancangan strategik berasaskan data dan penyelesaian masalah melalui strategi yang kreatif.

PPD Retreat 2018 yang diadakan pada bulan Oktober melibatkan hampir 200 orang peserta yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Negeri (JPN) dan PPD. Peserta diberi pendedahan secara menyeluruh berkaitan kepentingan penggunaan data, menganalisis data bagi tujuan menghasilkan pelan strategik dan pelan taktikal bagi organisasi masing-masing. Penjelasan tentang kamus Profil JPN/PPD dalam membuat Perancangan Strategik juga diperkenalkan bagi tujuan analisis situasi untuk mendapat gambaran menyeluruh mengenai isu kritikal semasa, punca masalah dan korelasi antara mereka sebelum membuat perancangan (Ekshibit 3-3).

**Ekshibit 3-3: Profil PPD**



**Konvensyen SIPartner+ dan SISC+ Peringkat Kebangsaan 2018**

Konvensyen ini diadakan untuk mengiktiraf SIPartner+ dan SISC+ seluruh negara, memantapkan jaringan dan jalinan kolaboratif penyelidikan kajian tindakan dan amalan terbaik. Berlangsung pada bulan Oktober 2018 di Hotel Lexis, Port Dickson Negeri Sembilan, ia melibatkan 91 orang SIPartner+ dan 153 orang SISC+.

Tema konvensyen tahun 2018 adalah "Pemeriksaan Pembimbing Pendidikan Berkualiti". Sesi perkongsian yang diadakan bertujuan mempertingkatkan pengetahuan peserta dan memastikan SIPartner+ dan SISC+ sentiasa mempraktikkan Amalan Terbaik dalam bimbingan mereka. Tajuk amalan terbaik yang dikongsikan termasuk:

- SIPartner+**
  - Pembangunan Pendidikan melalui Pendekatan *Headcount*
  - Modul JUS Mengupayakan Guru Besar Kepemimpinan Membudayakan SKPMg2 di Sekolah
  - Memperkasakan dan Mengupayakan Kepimpinan Ke Arah Transformasi Sekolah (MASIN)
- SISC+**
  - Klinik Pedagogi: Satu Mekanisme Sokongan Peningkatan Kualiti Pedagogi Guru dalam PdP

3-5



## PPD Aspirasi Daerah Kota Marudu

Encik Khairuddin bin Jamal@Jasley bin Jamar  
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Kota Marudu  
Pejabat Pendidikan Daerah Kota Marudu, Sabah



"Syukur alhamdulillah, DTP melalui program PPD Aspirasi telah membantu pencapaian daerah dengan perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran. Impaknya jelas terlihat apabila PPD Kota Marudu berjaya mencapai lima bintang bagi penarafan PKPPD 2018 (bagi tahun 2017) berbanding empat bintang sahaja pada tahun sebelumnya, mendapat pengiktirafan Pengurusan

Kewangan antara yang terbaik di Sabah dan, beberapa pencapaian serta pengiktirafan yang lain. Bagi PILL 2018 pula, berikut pencapaiannya:

### Prospek-Treat V3.0 Sekolah Rendah

1. KPI: 117 (32.14%) daripada 364 orang murid Tahun 5 yang berpencapaian Gred E subjek Bahasa Inggeris PAT 2017 mencapai tahap penguasaan minima sekurang-kurangnya Gred D dalam UPSR 2018.

Pencapaian PILL: 135 (37.09%)

2. KPI: 92 (32.06%) daripada 287 orang murid Tahun 5 yang berpencapaian Gred E subjek Matematik PAT 2017 mencapai tahap penguasaan minima sekurang-kurangnya Gred D dalam UPSR 2018.

Pencapaian PILL: 122 (42.51%)

### Prospek-Treat V3.0 Sekolah Menengah

1. KPI: 171 (25%) daripada 683 orang pelajar dengan pencapaian Gred G PAT Tingkatan 4 2017 mencapai tahap penguasaan minima sekurang-kurangnya Gred D subjek Bahasa Inggeris dalam peperiksaan percubaan SPM 2018.

Pencapaian PILL: 328 (38.18%)

2. KPI: 215 (25%) daripada 859 orang pelajar dengan pencapaian Gred G PAT Tingkatan 4 2017 mencapai tahap penguasaan minima sekurang-kurangnya Gred D subjek Matematik dalam peperiksaan percubaan SPM 2018.

Pencapaian PILL: 233 / (34.11%)

Sebagai Pengurus Projek (Project Manager, PM), terutamanya, saya berasa sangat bertuah kerana terpilih menjadi ahli keluarga PPD Aspirasi sebaik sahaja memegang jawatan PM DTP/Timbalan PPD Kota Marudu. Saya mengalami transformasi diri daripada Zero to Hero dalam banyak aspek pengurusan dan kemahiran – antaranya, perancangan strategik, pengurusan PILL DTP (memantau pelaksanaan PILL), pengurusan program DTP dan mengetuai pasukan DTP peringkat daerah, iaitu memastikan pengurusan Program Transformasi Daerah dilaksanakan dengan lancar, terurus, cekap dan berkesan. Bertambah manis dan bertuah lagi apabila saya terlibat sebagai Fasilitator dalam PPD Retreat bersama rakan mentor yang berpengalaman dan hebat."

- di Sekolah Band 5 di Daerah Kulai
- Meningkatkan Tahap Professionalisme Guru Dibimbing Melalui Kajian Tindakan dengan menggunakan Borang '12 Langkah'
- *Inspiring Students to Write: A Draw The Story Approach - A Coach Experience*

Keberhasilan yang didapati oleh bimbingan SISC+ dan SIPartner+ pada 2018 amat memberangsangkan. 98.04% pemimpin sekolah dibimbing oleh SIPartner+ mencapai tahap baik minima SKPMg2 Standard 1 & 2, manakala 98.74% kualiti PdP guru dibimbing oleh SISC+ mencapai tahap baik minima SKPMg2 Standard 4.

## INTERVENSI TERBEZA DI SEKOLAH

### PPD Aspirasi

Mula dianjurkan pada tahun 2017, program ini bertujuan untuk mengupayakan kepimpinan tempatan ke arah peningkatan prestasi sekolah. Seramai 16 orang pegawai PPD telah dipilih pada 2017 untuk mengikuti aktiviti PPD Aspirasi berdasarkan keperluan sokongan dari segi pengurusan intervensi, kewangan dan pengupayaan kompetensi. Pada tahun 2018, bilangan PPD Aspirasi meningkat sebanyak dua kali ganda kepada 32 PPD dengan PPD terdahulu dijadikan mentor kepada 16 PPD Aspirasi baharu.

Program ini dijalankan untuk menerapkan pengurusan perubahan dalam memastikan peningkatan tahap keupayaan PPD, selain memantapkan pelaksanaan dan keberkesanan intervensi kepada sekolah berprestasi rendah dan memantapkan kompetensi SIPartner+ dan SISC+ dalam memberi sokongan kepada sekolah. Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2018 adalah seperti Ekshibit 3-4.

### Ekshibit 3-4: Aktiviti PPD Aspirasi, 2018



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

Hasil daripada intervensi yang dijalankan melalui PPD Aspirasi, 100% PPD Aspirasi 2018 menunjukkan purata peningkatan pencapaian layak sijil SPM sebanyak 2.7% dan 63% PPD Aspirasi melebihi 60% pencapaian sasaran PILL 2018, dengan 6 PPD mencapai 100% sasaran semua KPI. Pencapaian PKPPD juga dijangka meningkat selepas verifikasi pada bulan Julai 2019.

### PPD Prioriti

PPD Prioriti diwujudkan untuk memberi sokongan, bimbingan dan intervensi tambahan kepada PPD. BPSH dan PADU memfokuskan program ini ke arah mempercepatkan peningkatan sekolah dari pelbagai aspek, khususnya mengikut empat kluster Dialog Prestasi dan Profil JPN dan PPD.

PPD Prioriti bermula sejak tahun 2017 dengan kerjasama BPG dan IAB. Pada tahun 2018, sebanyak lima PPD baharu terlibat dalam program ini dan *Follow Up Follow Through* (FUFT) dengan dua PPD Prioriti tahun 2017. Hasilnya, 80% PPD Prioriti 2018 menunjukkan peningkatan purata pencapaian layak sijil sebanyak 3.1% dan 60% PPD Prioriti 2018 mencapai 100% sasaran PILL 2018. Pencapaian PKPPD juga dijangka meningkat selepas verifikasi pada bulan Julai 2019.

Setiap PPD diberi peruntukan untuk menjalankan Pelan Intervensi Lima Langkah (PILL) bagi menangani isu kritikal di sekolah berkeperluan tinggi. Isu yang ditangani adalah selaras dengan empat kluster utama yang dibincangkan dalam Dialog Prestasi. Pada tahun 2018, sasaran PILL sebanyak 54% berjaya dicapai oleh 143 PPD.

Intervensi bagi mengurangkan jurang akademik antara sosioekonomi (SES) dan jantina turut dijalankan oleh semua negeri bersama PPD dan sekolah prioriti. Pihak swasta dan komuniti dilibatkan bagi mencapai objektif tersebut.

## MERAPATKAN JURANG PENCAPAIAN ANTARA SEKOLAH BANDAR DENGAN LUAR BANDAR, STATUS SOSIOEKONOMI DAN JANTINA

Salah satu aspirasi utama PPPM 2013-2025 adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya separuh jurang antara bandar dan luar bandar, sosioekonomi dan jantina dapat dirapatkan menjelang tahun 2025. Hal ini bagi memastikan bahawa sistem pendidikan Malaysia adalah lebih adil dan saksama bagi seluruh rakyat negara ini.

## PPD Aspirasi Daerah Padawan

Puan Chong Choi Ling

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Padawan  
Pejabat Pendidikan Daerah Padawan, Sarawak



"Saya mengikuti program PPD Aspirasi sejak 16 Jun 2017 lagi dan telah mempelajari banyak perkara dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai kerja yang tidak berkesempatan untuk didedahkan dan dialami oleh Timbalan PPD sebelum ini. Ilmu pengetahuan dan kemahiran analisis big data, kenal pasti dan verifikasi punca masalah, penetapan sasaran dan cadangan penyelesaian dalam Pembinaan dan Pengurusan PILL, Pengurusan Kewangan PILL, Pengurusan SIPartner+ dan SISC+ dan Pengurusan Dialog Prestasi mengikut proses Plan, Do, Check and Action (PDCA) telah disampaikan dengan jelas dan teliti oleh pasukan DTP BPSH. Hal ini telah memberi keyakinan dan memantapkan kefahaman saya untuk menyampaikan dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran tersebut kepada pegawai lain di peringkat PPD.


Sesi bimbingan telah dikendalikan di pelbagai lokasi di Semenanjung Malaysia dalam suasana yang mesra, humorous, selamat (secure and non-judgemental), saling menghormati dan penuh keprihatinan, khususnya untuk PPD dari Borneo. Saya berasa gembira dan amat selesa dengan galakkan, sokongan, perkongsian dan pembelajaran bersama-sama daripada pihak urus setia dan rakan PPD Aspirasi.

### IMPAK

Tahap prestasi pencapaian PKPPD Padawan meningkat setiap tahun iaitu daripada satu bintang pada tahun 2015: 39.2% kepada dua bintang pada tahun 2016: 61.5% dan, seterusnya tiga bintang pada tahun 2017: 79.85%. Pencapaian tersebut sememangnya cukup membanggakan, namun yang berharga dan penuh bermakna itu adalah proses dan perjalanan meningkatkan PKPPD, terutamanya bagi PPD Padawan yang menghadapi isu kekurangan pegawai dan staf yang serius (32 orang di PPD) dengan 101 buah sekolah penyeliaan (86 buah SR dan 15 buah SM) yang bertaburan purata 34 km dari PPD (sekolah yang paling jauh 68 km). Pada tahun 2018, kami PPD Aspirasi kohort pertama dilantik sebagai mentor untuk memberi perkongsian kepada Timbalan/Penolong PPD Mentee. Saya berpeluang untuk menjadi mentor kepada PPD Lundu, berkongsi pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi daripada PPD Aspirasi.

Merenung kembali, saya berpendapat bahawa pemilihan PPD Padawan sebagai PPD Aspirasi adalah suatu rahmat yang tersembunyi yang membawa begitu banyak kelebihan dan kekuatan kepada saya dan pegawai saya. Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada BPSH atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan sepanjang proses membimbing PPD Aspirasi 2017-2018."

**Ekshibit 3-5: Jurang Pencapaian Gred Purata SPM Murid antara Bandar Luar Bandar**




Sumber: Lembaga Peperiksaan, LP

**Jurang Pencapaian SPM 2018**


Setiap tahun, JPN dan PPD akan mengenalpasti sekolah-prioriti yang memerlukan intervensi berfokus dalam pengurangan jurang bandar-luar bandar, jantina dan sosioekonomi. Jurang pencapaian akademik SPM antara bandar dan luar bandar telah mengecil sebanyak 29.5% daripada 0.61 GP pada tahun 2012, kepada 0.43 pada tahun 2018 (Ekshibit 3-5). Jurang pencapaian akademik SPM antara jantina telah menurun daripada 12.8% pada 2016 ke 12% pada 2018 (Ekshibit 3-6). Jurang pencapaian akademik SPM antara status sosioekonomi (SES) telah menurun daripada 4.5% pada 2017 ke 3.5% pada 2018. Data 2016 tidak disertakan kerana kekurangan data SES daripada murid yang menduduki SPM pada tahun tersebut. \*Sebanyak 11,225 murid tidak dimasukkan dalam analisis 2018 disebabkan ketiadaan data SES (Ekshibit 3-7).

**Ekshibit 3-6: Jurang Pencapaian Layak Sijil SPM Murid antara Jantina**



Sumber: Lembaga Peperiksaan, LP

**Ekshibit 3-7: Jurang Pencapaian Layak Sijil SPM Murid antara Status Sosioekonomi**



Sumber: Lembaga Peperiksaan, LP

**Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR)**

Kementerian telah melaksanakan sistem baharu dalam dunia pendidikan negara iaitu Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR), hasil daripada pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Pelbagai perubahan, inovasi dan anjakan paradigma telah dilakukannya bagi memastikan pendidikan di Malaysia setanding dengan negara maju.

Pencapaian murid akan ditaksir secara holistik pada peringkat pendidikan rendah bagi menggantikan istilah pentaksiran Tahun 6, iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Ia selaras dengan usaha Kementerian membawa tahap pendidikan negara ke arah lebih tinggi melalui Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).

Mulai tahun 2018, analisis pencapaian murid bagi tahun 6 memfokus kepada pencapaian tahap penguasaan minimum dalam UPSR iaitu mencapai sekurang-kurangnya gred D dalam semua mata pelajaran. Fokus Kementerian adalah untuk melihat kemajadian murid secara holistik berbandukan pembelajaran berorientasikan pertumbuhan dan pentaksiran secara menyeluruh, dan tidak lagi hanya kepada peperiksaan semata-mata.

**Pencapaian UPSR 2018**


Purata Kebangsaan Menguasai Tahap Minima (MTM) UPSR 2018 adalah pada 65.9% iaitu 70.3% untuk sekolah di bandar dan 64.3% untuk sekolah di luar bandar. Antara mata pelajaran yang mempunyai purata MTM yang melebihi 90% adalah Bahasa Melayu Pemahaman, Bahasa Melayu Penulisan dan Sains (Ekshibit 3-8).

**Ekshibit 3-8: Purata Menguasai Tahap Minima (MTM) UPSR mengikut Mata Pelajaran tahun 2018**

Mata Pelajaran	Purata MTM UPSR 2018	Bil. Calon Menduduki
011 - Bahasa Melayu-Pemahaman	95.9%	328,939
012 - Bahasa Melayu-Penulisan	94.6%	328,990
013 - Bahasa Inggeris-Pemahaman	83.1%	329,021
014 - Bahasa Inggeris-Penulisan	74.6%	329,024
015+025+035 - Matematik	80.5%	427,126
018+028+038 - Sains	96.1%	427,151

Sumber: Lembaga Peperiksaan

**Ekshibit 3-9: Analisis Penguasaan Tahap Pencapaian Minimum Mengikut Negeri bagi tahun 2017 & 2018**




Sumber: Lembaga Peperiksaan





Sumber: Lembaga Peperiksaan

Berikut merupakan analisis pencapaian UPSR MTM 3-9) dan analisis pencapaian UPSR MTM mata pelajaran keseluruhan tahun 2018 berbanding tahun 2017 (Ekshibit tahun 2018 mengikut negeri (Ekshibit 3-10).

**Ekshibit 3-10: Analisis Penguasaan Tahap Pencapaian Minimum Mengikut Negeri dan Mata Pelajaran bagi tahun 2017 & 2018**



Sumber: Lembaga Peperiksaan



GELOMBANG 2 MEMACU PENINGKATAN SISTEM

**TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN MASYARAKAT PERIBUMI**

Demi melahirkan generasi murid Orang Asli dan masyarakat Peribumi yang cemerlang dan terdidik, Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi dilaksanakan bagi memastikan semua murid termasuk Orang Asli dan masyarakat Peribumi menerima pendidikan berkualiti yang relevan dengan


keperluan mereka. Bagi menjayakan inisiatif ini, beberapa program untuk merangsang prestasi akademik kumpulan ini telah dilancarkan di enam buah negeri - Selangor, Terengganu, Perak, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

**ENROLMEN, KADAR KEHADIRAN DAN KADAR TRANSISI MURID ORANG ASLI DAN PERIBUMI**

**Kehadiran Murid Orang Asli**

Prestasi petunjuk utama pertama adalah peningkatan peratus kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Pencapaian pada tahun 2018 adalah 87.4%. Walaupun tidak mencapai prestasi petunjuk utama 90%, namun terdapat peningkatan berbanding tahun 2017 (87.3%) seperti dalam Ekshibit 3-11.

Ekshibit 3-11: Peningkatan Peratus Kehadiran Murid Orang Asli ke Sekolah, 2016-2018




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**Kadar Transisi Peringkat Rendah ke Menengah**

Prestasi petunjuk utama kedua adalah peningkatan peratus transisi murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1. Terdapat peningkatan pada tahun 2018 (76.7%) berbanding tahun 2017 (73.1%) seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 3-12.

Ekshibit 3-12: Peningkatan Peratus Tansisi Murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1, 2017-2018




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**Peratus Kehadiran dan Peralihan Murid Peribumi Sabah dan Sarawak**

Peningkatan peratus kehadiran murid peribumi kaum Dusun Bonggi (Sabah) & kaum Penan (Sarawak) ke sekolah merupakan prestasi petunjuk utama ketiga yang dipantau dalam inisiatif ini. Pada tahun 2018, terdapat peningkatan peratus kehadiran murid Peribumi iaitu 83.5% berbanding 82% pada tahun 2017 seperti tertera dalam Ekshibit 3-13.

Ekshibit 3-13: Peningkatan Peratus Kehadiran Murid Peribumi ke Sekolah, 2017-2018




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH

**Pencapaian Akademik di Sekolah Orang Asli dan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (KP)**

Prestasi petunjuk yang keempat pula adalah peningkatan keberhasilan kualiti pencapaian pendidikan Murid Orang Asli dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Kadar lulus murid di sekolah Orang Asli dan sekolah Model Khas K9 menunjukkan kadar peningkatan murid mencapai tahap minimum yang baik berbanding tahun 2017. Peningkatan daripada 20.2% bagi tahun 2017 kepada 26.1% murid mencapai sekurang-kurangnya D bagi semua mata pelajaran dalam UPSR 2018 (Ekshibit 3-14). Ini membuktikan bahawa intervensi yang telah dijalankan membantu murid dalam meningkatkan tahap pemahaman dalam PdPc yang dijalankan seterusnya dapat dilihat dari segi peningkatan tahap pencapaian akademik khusus bagi murid sekolah rendah.

Ekshibit 3-14: Pencapaian MTM SOA berbanding purata kebangsaan, tahun 2013-2018




Sumber: Lembaga Peperiksaan, LP

Taburan gred pencapaian UPSR 2018 menunjukkan murid di sekolah Orang Asli dan sekolah Model Khas K9 masih belum dapat menguasai mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matemaik dan peratus murid belum mencapai tahap minimum (sekurang-kurangnya D) melebihi 50%. Namun begitu, peningkatan peratus murid yang mencapai gred A menunjukkan peningkatan iaitu bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris Penulisan sebanyak 6% berbanding 4% pada tahun 2017 dan juga bagi mata pelajaran Matematik meningkat daripada 2% pada tahun 2017 kepada 8% pada tahun 2018 (Ekshibit 3-15).

Penumpuan yang lebih berfokus akan diberikan kepada meningkatkan kompetensi guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik di sekolah Orang Asli dan Model Khas K9 bagi memastikan hasrat inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik murid ini tercapai.

**Ekshibit 3-15: Taburan Gred di sekolah Orang Asli dan Sekolah K-9 Mengikut Mata Pelajaran UPSR 2018**



Sumber: Lembaga Peperiksaan, LP

**Program Pemerksaan Kehadiran**

Program ini merupakan usaha bagi mencapai petunjuk utama pertama inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi. Ia dilaksanakan untuk meningkatkan kehadiran pelajar Orang Asli dengan mewujudkan keseronokan melalui pelbagai aktiviti permainan, sukan, muzik dan adat sebagai daya tarikan. Sepanjang tahun 2018, program ini melibatkan sebanyak 5,281 pelajar di 26 buah sekolah di enam negeri.

**Program Kemenjadian Murid Orang Asli**

Program ini dilaksanakan untuk membantu mempertingkatkan prestasi murid Orang Asli dari segi kehadiran, disiplin, pelibatan ibu bapa dan perubahan sahsiah agar mereka berjaya di bilik darjah. Pelajar yang bermasalah dikenal pasti dan diberikan intervensi yang sesuai. Pada tahun 2018, sebanyak 3,516 pelajar dan 348 guru terlibat dalam program ini.

Pelaksanaan Program Kemenjadian Murid di Sekolah Orang Asli pula akan melihat penambahbaikan yang mana fokus akan diberikan kepada pembelajaran yang lebih efisien. Kerjasama dengan JKKK dan Tok Batin akan diperkasakan lagi bagi menambah bilangan sekolah yang terlibat, selain mengoptimalkan peranan mereka dengan pihak sekolah dalam usaha mengurangkan isu keciciran pembelajaran dalam kalangan murid Orang Asli.

Inisiatif ini diperluaskan lagi dengan pelaksanaan Program Kesedaran Kerjaya untuk murid Orang Asli agar mereka terus berusaha bagi mendapatkan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi memastikan ekuiti dan akses kepada pendidikan pula, Program Karnival Kesedaran Pendidikan Masyarakat Peribumi akan dilaksanakan dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain di Sabah dan Sarawak. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan hak kesamarataan akses pendidikan murid Orang Asli dan Peribumi seiring dengan pendidikan arus

perdana agar keberhasilan serta kemenjadian murid dapat dicapai.

**Program Permuafakatan Ibu Bapa**

Tidak dapat dinafikan bahawa pelibatan ibu bapa dalam pendidikan amat penting bagi melahirkan generasi pelajar yang cemerlang dalam akademik. Justeru, program ini telah dilancarkan dalam komuniti kaum Penan untuk mempertingkatkan kesedaran ibu bapa tentang betapa pentingnya pendidikan bagi masa depan anak mereka. Bertemakan “Jom Tuai Rami #57”, program ini diadakan di SK Long Kevok, Baram daripada 7 hingga 10 Oktober 2018 dan melibatkan lima buah sekolah.

**Program Karnival Komuniti Pendidikan Orang Asli**

Sebagai usaha untuk melonjakkan pencapaian akademik murid Orang Asli, program ini telah dilancarkan untuk membantu mempertingkatkan kesedaran ibu bapa dan komuniti akan pentingnya pendidikan kepada anak mereka, selain mempertingkatkan peratus kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Pada tahun 2018, sebanyak 436 pelajar Orang Asli dan 54 orang guru terlibat dalam program ini.

Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi beriltizam untuk terus merencanakan perancangan dan pelaksanaan program sebagai usaha ke arah kemenjadian murid Orang Asli dan Peribumi.

**PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS**

Inisiatif Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) bertepatan dengan iltizam pihak Kementerian untuk melahirkan murid yang cemerlang menerusi pendidikan dengan tidak mendiskriminasikan murid atas kekurangan mereka. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dan diteruskan pihak Kementerian sepanjang tahun 2018 untuk mempertingkatkan potensi MBK ke tahap optimum. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran pihak lain terhadap MBK juga penting bagi memastikan usaha yang dijalankan mendapat sokongan semua pihak dalam memastikan peluang juga tersedia bagi golongan inklusif. Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian telah melaksanakan dua pendekatan utama iaitu i) Peningkatan Akses MBK dengan menambahbaik Program Pendidikan Inklusif, dan ii) pengenalan kepada program transisi bagi meningkatkan kebolehpasaran MBK.


**PENINGKATAN AKSES MBK DENGAN MENAMBAHBAIK PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF**

Program Pendidikan Inklusif telah bermula pada tahun 80an di mana MBK yang berkemampuan dan berkebolehan ditempatkan dalam kelas biasa secara separa atau sepenuh masa bagi mengikuti pelajaran di sekolah rendah dan menengah. Mulai tahun 2016, Program Pendidikan Inklusif telah diberi penambahbaikan dan dikenali sebagai Program Pendidikan Inklusif Model Holistik telah dirintis di 44 buah sekolah rendah di seluruh negara dan sehingga kini telah berjaya meningkatkan enrolmen MBK sebanyak 185% di sekolah rintis tersebut pada tahun 2018 berbanding tahun 2016. Model Holistik ini memberi penekanan kepada kerjasama dan kesediaan warga sekolah termasuk PGB, guru, murid arus perdana, murid berkeperluan khas dan ibu bapa dalam membantu dan menyokong keperluan MBK di sekolah dan luar sekolah. PPI Model Holistik ini akan diperluaskan di seluruh negara secara berfasa dan selaras dengan peluasan tersebut pelbagai program telah dijalankan yang melibatkan warga sekolah, ibu bapa, komuniti dan semua pihak berkepentingan.

**Program Bersepadu Meningkatkan Kesedaran Tentang MBK**

Program Bersepadu Meningkatkan Kesedaran Tentang MBK dan Program Kesedaran Tentang Pendidikan Khas telah melibatkan guru arus perdana dan guru pendidikan khas, ibu bapa dan penjaga, murid arus perdana, murid berkeperluan khas dan orang awam (Ekshibit 3-16). Melalui tinjauan soal selidik didapati program ini berjaya meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan dan keperluan untuk semua kanak-kanak berkeperluan khas mengikuti pendidikan yang berkualiti selaras dengan kanak-kanak normal yang lain, demi kepentingan mereka di masa hadapan.

**Ekshibit 3-16: Pihak Berkepentingan yang terlibat dalam Kempen Kesedaran 2018**



**Program Pembangunan Keupayaan Pendidik MBK**


Kesediaan dan kompetensi guru arus perdana dan guru pendidikan khas sentiasa dipertingkatkan supaya semua guru dapat mengajar dan menyokong MBK yang berada dalam kelas arus perdana dan semua program pendidikan khas. Pada tahun 2018, satu kursus dan dua aktiviti kunjung bantu telah dijalankan bagi meningkatkan kompetensi guru sedia ada.

**Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Coaching and Mentoring**

Pihak berkepentingan yang terlibat dalam Pendidikan Inklusif, terutamanya pendidik, harus diberikan sokongan untuk membangunkan kompetensi diri supaya mereka dapat membantu MBK secara berterusan.

Latihan guru dimantapkan lagi melalui Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Coaching and Mentoring untuk Jurulatih Utama Pusat (JUP) dan Program Pendidikan Inklusif untuk Jurulatih Utama Negeri (JUN) (Ekshibit 3-17).

**Ekshibit 3-17: Bilangan Pihak Berkepentingan, JUP, JUN, & Sekolah yang terlibat dalam Latihan Pembangunan Keupayaan**




**Program Sokongan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK)**

Selain daripada aktiviti biasa, sokongan bersasar dan menjurus juga penting diberikan kepada sekolah tertentu dalam membantu usaha mereka melaksanakan Pendidikan Inklusif.

Bulan Mac hingga Oktober 2018 menyaksikan Program Sokongan Kepada MBK di Prasekolah, PPKI dan PPI diadakan di 243 buah sekolah di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini, seramai 489 orang MBK dari 44 buah sekolah peluasan rintis mendapat khidmat sokongan dari Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK). Ekshibit 3-18 dan 3-19 di bawah menunjukkan perbandingan penyertaan MBK sejak mula diperkenalkan pada tahun 2013 serta penyertaan mengikut negeri.

**Ekshibit 3-18: Perbandingan Peratusan Penyertaan MBK tahun 2013 hingga 2018**



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, BPKhas

**Ekshibit 3-19: Perbandingan Peratusan Peserta MBK mengikut Negeri bagi tahun 2018**

NEGERI	PERATUS MBK DI PPI (%)	NEGERI	PERATUS MBK DI PPI (%)
TERENGGANU	75	SABAH	50
NEGERI SEMBILAN	66	PERLIS	49
PULAU PINANG	57	PERAK	48
W.P PUTRAJAYA	54	PAHANG	46
JOHOR	53	KEDAH	46
SELANGOR	51	WP LABUAN	45
W.P KUALA LUMPUR	51	SARAWAK	39
MELAKA	50	KELANTAN	37

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, BPKhas

**Program Kunjung Bantu PPKI 2018**

Pemantauan Program Kunjung Bantu PPKI 2018 dilaksanakan pada bulan Oktober hingga November 2018 oleh pegawai Kementerian, JPN dan PPD dengan pelibatan 201 buah PPKI rendah dan 96 buah PPKI menengah di seluruh negara. Ekshibit 3-20 merumuskan bilangan sekolah yang dipantau dan disokong serta bilangan MBK yang mendapat manfaat daripada program yang dianjurkan.

**Ekshibit 3-20: Bilangan Sekolah dan MBK di bawah Program Kunjung-Bantu PPKI dan Program Sokongan 3PK, 2018**



**PENGENALAN KEPADA PROGRAM TRANSISI BAGI MENINGKATKAN KEMAMPUAN MBK**

Matlamat utama membekalkan ilmu dan kemahiran kepada MBK adalah untuk memastikan mereka layak ditawarkan pekerjaan atau mampu bekerja sendiri, dan sekurang-kurangnya dapat menyara diri sendiri bagi meneruskan kelangsungan hidup. Justeru pihak Kementerian memainkan peranan utama dalam menyediakan peluang pendidikan yang berkualiti untuk semua MBK mempelajari dan menguasai segala ilmu serta kemahiran yang diperlukan mereka.

**Karnival Transisi ke Kerjaya MBK**

Usaha baharu ini diterajui oleh Kementerian bagi memastikan MBK dapat menikmati standard kehidupan yang lebih berkualiti. Sebahagian daripada usaha ini adalah penganjuran Karnival Transisi ke Kerjaya MBK di bawah anjuran BPKhas. Julung kalinya diadakan pada tahun 2018, karnival ini melibatkan empat buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV). Tujuan karnival ini dianjurkan diterangkan pada Ekshibit 3-21:

**Ekshibit 3-21: Tujuan dan Pelibatan IPT dalam Karnival Transisi ke Kerjaya MBK 2018**

**Kebolehpasaran MBK**

**4** Karnival Transisi ke Kerjaya MBK

**Berjaya melibatkan:**

Sektor Pengajian Tinggi, KPM seperti Universiti Teknologi Mara (UTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), IPPhas, JPN, PPD, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), NGO dan pelbagai pihak industri.

- Mempromosikan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
- Mempromosi kebolehan MBK dalam bidang kemahiran
- Mempromosi peranan perkhidmatan Job Coach
- Mempertingkatkan peluang/potensi kebolehpasaran MBK selepas tamat pendidikan

**RUMUSAN**

Kementerian sentiasa memberikan keutamaan dalam usahanya menyediakan pendidikan berkualiti yang saksama kepada murid walau di mana jua lokasi sekolah mereka. Program Transformasi Daerah terus diperkukuhkan untuk memastikan PPD di setiap negeri berjaya dalam menguruskan prestasi dan keupayaan pegawainya menerusi pelibatan mereka dalam sesi dialog, bimbingan, latihan dan perkongsian ilmu dan amalan terbaik, serta melaksanakan intervensi terbeza mengikut keperluan sekolah. Bagi mengatasi isu keciciran murid Orang Asli dan masyarakat Peribumi, program permuafakatan ibu bapa, karnival komuniti pendidikan, pemerkasaan kehadiran, dan kemenjadian Orang Asli telah dilaksanakan. Usaha ini menjurus ke arah melahirkan generasi murid

Orang Asli dan Peribumi yang cemerlang dan terdidik, serta memastikan mereka menerima pendidikan berkualiti yang relevan dengan keperluan mereka. Bagi Murid Berkeperluan Khas pula, usaha ke arah peningkatan akses dan kualiti pendidikan murid ini terus dilaksanakan menerusi Program Pendidikan Inklusif yang menekankan kesedaran tujuan dan kepentingan pendidikan inklusif dalam kalangan pihak berkepentingan agar sokongan padu dan komprehensif dapat terus diberikan kepada mereka. Usaha kebolehpasaran turut diterajui agar murid ini dapat menikmati standard kualiti kehidupan yang bermaruah. Ekuiti dalam pendidikan boleh dicapai apabila semua pihak berkepentingan berkerjasama erat dengan Kementerian menyokong dan membantu anak-anak Malaysia yang memerlukan di seluruh negara.



## BAB 4

# MEMBANGUNKAN NILAI DAN SAHSIAH MURID DAN MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN



## KEJAYAAN & PENCAPAIAN 2018

PGB YANG MELAKSANA, MENGURUS  
DAN MENTADBIR PERPADUAN DI SEKOLAH

97%

PGB mengamalkan  
amalan perpaduan  
dengan **cemerlang**

## PENGISIAN SISTEM SAHSIAH DIRI MURID (SSDM)

Peratus pengisian sistem



70 - 75%

90%

2017

2018


Sistem Sahsiah Diri Murid ini berupaya  
membantu guru merekod dan melaporkan  
amalan baik dan salah laku murid di sekolah

Baseline Sekolah  
Bermasalah Disiplin Tinggi

hanya **0.6%**



Sekolah telah dikategorikan  
sebagai Sekolah Bermasalah  
Disiplin Tinggi



## MEMBANGUNKAN NILAI DAN SAHSIAH MURID DAN MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN


4-4

Keunikan Malaysia yang melambangkan keharmonian dan kemakmuran antara kaum serta budaya menjadi asas kepada pandangan positif rakyat antarabangsa terhadap negara. Dalam anjakan 3, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menyatakan hasrat bagi melahirkan rakyat yang menghayati nilai, mengukuhkan Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral dengan lebih tumpuan kepada perpaduan dan memupuk persefahaman yang erat antara murid serta membangunkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan penyertaan murid dalam 1Sukan, 1Kelab, dan 1Badan Beruniform sebagai antara agenda utama dalam transformasi pendidikan.

Bermula pada tahun 2016 apabila PPPM 2013-2025 memasuki Gelombang 2, Kementerian telah memacu peningkatan sistem melalui perpaduan dalam Pendidikan. PPPM 2013-2025 bermatlamat menjayakan sistem pendidikan negara dengan memberi tumpuan kepada lima keberhasilan teras sistem pendidikan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Segala usaha yang dijalankan bagi mengukuh perpaduan kini dilaksanakan dengan lebih berfokus dan intensif dengan memastikan bahawa sistem pendidikan memberi peluang yang lebih luas kepada murid untuk mempertingkatkan interaksi dalam kalangan mereka, dengan matlamat akhirnya perpaduan rakyat yang berkongsi aspirasi masa depan negara yang sama.

Falsafah Pendidikan Negara menegaskan tentang betapa perlunya murid memiliki sahsiah dan keperibadian yang tinggi. Penerapan dan pengukuhan nilai dalam kalangan murid terus diberi keutamaan dalam sistem pendidikan negara. Tahun 2018 menyaksikan inisiatif berikut dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi perpaduan melalui pendidikan:

- Pengukuhan Perpaduan
- Pembangunan Nilai dan Sahsiah



### PENGUKUHAN PERPADUAN

#### PELAN HALA TUJU PERPADUAN DALAM PENDIDIKAN

Matlamat perpaduan yang digariskan dalam PPPM 2013-2025 adalah supaya semua warga sekolah dapat menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian. Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, budaya dan bahasa memerlukan kerjasama dan sokongan padu semua pihak demi menjayakan kemajuan dan pembangunan negara. Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian menjangkakan bahawa menjelang penghujung 2025, semua sekolah di Malaysia mencapai suasana positif melalui pelbagai program perpaduan hasil kerjasama antara sekolah dan komuniti.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian membangunkan Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan yang telah diluluskan oleh Kementerian seperti dalam Laporan Tahunan 2017. Pelan ini merupakan satu pelan tindakan yang komprehensif bagi memastikan hasrat perpaduan negara dapat dicapai pada peringkat sekolah dan seterusnya dapat melahirkan warga Malaysia yang bangga dengan identiti nasional Malaysia. Walaupun, pelan ini masih

belum dilancarkan untuk kegunaan warga pendidikan dengan sepenuhnya, namun beberapa pelan tindakan yang dirancang telahpun dilaksanakan. Antara tindakan yang dilaksanakan pada tahun 2018:

- Peluasan pelaksanaan Kursus Penerapan Nilai untuk Pengetua dan Guru Besar (PGB)
- Pemeriksaan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) atas PGB dalam melaksanakan mengurus dan mentabdir perpaduan di sekolah
- Penyediaan Garis Panduan Amalan Perpaduan
- Kajian Pelaksanaan Dasar Perpaduan Pendidikan

Pada tahun 2018, Kementerian telah melaksanakan Kajian Tahap Perpaduan dalam kalangan murid dan guru untuk kali ketiga. Seperti yang telah dipersetujui pada tahun 2014, pelaksanaan kajian ini perlu dijalankan dalam tempoh dua tahun sekali bagi mengetahui indeks perpaduan dalam pendidikan. Program perpaduan sedia ada seperti Kem RIMUP juga terus dilaksanakan, sementara program dengan kerjasama kementerian dan agensi luar Kementerian diperkukuhkan lagi seperti Kelab Rukun Negara, Kelab Malaysia serta program pada peringkat antarabangsa.

#### PELUASAN PELAKSANAAN KURSUS PENERAPAN NILAI PERPADUAN UNTUK PENGETUA DAN GURU BESAR

Kejayaan program rintis Kursus Penerapan Nilai Perpaduan untuk PGB oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) yang telah dijalankan pada tahun 2017 kepada 127 PGB, menyebabkan Kementerian mengambil keputusan untuk memperluaskan kursus ini kepada kesemua PGB di seluruh negara. Tujuan utama kursus ini dilaksanakan adalah untuk mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman PGB mengenai kepentingan perpaduan di sekolah. Hal ini memandangkan masih ramai PGB mempunyai persepsi bahawa perpaduan hanya terhad kepada perpaduan kaum semata-mata, serta kurangnya kefahaman mereka mengenai prinsip menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian seperti definisi yang ditegaskan dalam PPPM 2013 – 2025. Hasil rintis pada tahun 2017, modul latihan yang digunakan ini telah dimantapkan serta memberi fokus kepada peningkatan kemahiran dan pengetahuan bagi melaksanakan program perpaduan di sekolah. Walau bagaimanapun, modul ini masih mengekalkan topik sedia ada iaitu:





*Pelan Hala Tuju Perpaduan Dalam Pendidikan yang telah diluluskan pada 2017 akan dimantapkan dan dimurnikan dalam memastikan hasrat perpaduan negara dapat dicapai.*

- Perancangan Minda,
- Konsep Perpaduan,
- Peranan Pemimpin Sekolah untuk Meningkatkan Perpaduan di Sekolah,
- Isu dan Cabaran berkaitan Perpaduan,
- Pelaksanaan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP),
- Penilaian Kendiri,
- Perancangan Pelan Tindakan dan Pengendalian Bengkel,
- Penganjuran Forum Perpaduan, dan
- Pemahaman mengenai Dasar dan Perlembagaan.

Pada tahun 2018, sebanyak 440 PGB dari semua negeri kecuali Johor telah berjaya mengikuti kursus berbanding pada tahun 2017 yang mana hanya 127 PGB mengikuti program ini secara rintis. Tempoh masa kursus adalah selama empat hari secara bersemuka dan diikuti dengan program *Follow Up Follow Through* (FUFT). Hasil pemantauan dan pemerhatian yang dijalankan oleh pensyarah IAB, secara keseluruhannya mendapati hampir kesemua PGB yang mengikuti kursus berjaya mengamalkan pengetahuan di sekolah masing-masing. Mereka menyatakan kursus yang diterima akan membantu mereka melaksanakan program ke arah perpaduan. Kursus ini akan terus dilaksanakan kepada semua PGB yang sedang berkhidmat bagi memastikan perpaduan dapat diperkukuhkan pada semua peringkat pendidikan.

#### **PEMERIKSAAN JNJK ATAS PGB DALAM MELAKSANA, MENGURUS DAN MENTABDIR PERPADUAN DI SEKOLAH**

Pemeriksaan keberkesanan kursus yang diikuti oleh PGB amat penting bagi memastikan ilmu dan kemahiran yang diperolehi dilaksanakan di sekolah masing-masing. Pemeriksaan telah dijalankan oleh JNJK atas 97 PGB sahaja daripada 127 yang mengikuti program rintis Kursus Penerapan Nilai Perpaduan pada 2018. Hal ini kerana terdapat PGB yang telah berpindah atau bersara.

Hasil pemeriksaan tersebut menunjukkan bahawa hampir 97 peratus PGB atau wakil PGB dapat mengamalkan amalan perpaduan dengan cemerlang pada peringkat sekolah, tetapi hanya 28 peratus menunjukkan pencapaian baik dalam pengurusan dan pentadbiran program perpaduan. Pemeriksaan pada tahun 2018 telah menggunakan instrumen khas yang dibangunkan oleh JNJK. Walau bagaimanapun pada tahun 2019 dan seterusnya, semua sekolah akan melakukan penarafan sendiri amalan perpaduan di sekolah menggunakan Standard Kualiti Pendidikan Gelombang 2 (SKPMg2). Pemeriksaan ini juga mendapati bahawa kefahaman PGB mengenai

perpaduan semakin meluas dan tidak terhad kepada perpaduan antara kaum sahaja. Selain itu, PGB turut menyatakan keperluan satu garis panduan yang jelas dalam pelaksanaan amalan perpaduan di sekolah. IAB juga akan memantapkan modul kursus Penerapan Nilai Perpaduan dalam Pendidikan, susulan dapatan yang diperolehi daripada pemeriksaan untuk digunakan pada tahun 2019.

#### **PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN HARIAN BAGI PERPADUAN DI SEKOLAH**

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) telah membangunkan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan terhadap pemupukan perpaduan dalam kalangan warga sekolah selaras dengan prinsip Rukunegara dan juga definisi perpaduan yang digunapakai dalam pendidikan. Pemupukan perpaduan ini tidak hanya terhad kepada warga sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum tetapi juga pelbagai latar belakang kaum, etnik, sosioekonomi, bahasa, jantina dan agama, memberi mereka peluang untuk belajar memahami, menerima, menghormati serta menghargai kepelbagaian dan perbezaan. Garis panduan ini dapat dijadikan rujukan kepada Pengetua dan Guru Besar dalam melaksanakan amalan perpaduan melalui program dan aktiviti yang berkonsepkan elemen perpaduan. Garis Panduan ini telah diedarkan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 tahun 2018 bertarikh 9 November 2018 kepada semua sekolah rendah dan menengah supaya garis panduan ini dapat digunakan oleh setiap sekolah mulai Januari 2019.

#### **KAJIAN PELAKSANAAN DASAR PERPADUAN PENDIDIKAN**

Kajian Pelaksanaan Dasar Perpaduan telah dijalankan bermula pada Mac sehingga September 2018. Laporan kajian ini telah dibentangkan Oktober 2018 dan Pengurusan tertinggi KPM bersetuju supaya cadangan utama daripada laporan ini dimasukkan dalam Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui keberkesanan dasar berkaitan perpaduan dan jurang dalam pelaksanaan program perpaduan dengan dasar perpaduan pada peringkat sekolah. Kajian ini melibatkan sebanyak 239 buah sekolah rendah dan menengah, 3,277 guru dan 3,557 murid di seluruh negara.

Kajian ini mendapati bahawa empat faktor utama bagi meningkatkan keberkesanan dasar berkaitan perpaduan adalah i) komunikasi yang berkesan



### Program Perpaduan, Kebudayaan dan Pertukaran Pelajar Muda Jepun-Malaysia 2018

Program ini berjaya memperluaskan konsep perpaduan yang bukan sahaja penting dalam kalangan masyarakat Malaysia, tetapi juga antara masyarakat Malaysia dengan masyarakat antarabangsa. Pembentukan identiti nasional jelas terlihat dalam program ini apabila pelbagai lapisan masyarakat Malaysia mempamerkan identiti mereka yang berbilang kaum kepada delegasi pelajar Jepun.

Selain itu, program ini juga memaparkan kerjasama yang erat antara pihak sekolah, ibu bapa dan komuniti dalam melaksanakan sebuah program perpaduan. Ia

merupakan platform yang terbaik bagi membuktikan bahawa program sedemikian bukan sahaja penting bagi masyarakat antara kaum, tetapi juga bagi warga sekolah yang homogenus (perpaduan intra kaum).

Pelibatan dan sokongan agensi kerajaan dan swasta seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Pejabat Ketua Menteri Melaka, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, pengusaha homestay, persatuan penduduk dan masyarakat setempat yang banyak menyumbangkan idea dan kemahiran mereka, telah memudahkan pelaksanaan program ini serta menyumbang kepada kejayaannya.

Puan Normah  
Guru Besar SK Ramuan Cina Besar, Melaka

### Sunburst Youth Camp 2018, Singapore

Sekumpulan pelajar Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum bersatu hati mewakili negara dalam program antarabangsa yang disertai oleh negara ASEAN, India, Jepun, Korea, China, Australia dan New Zealand. Tidak melabelkan diri mereka mengikut etnik, peserta negara berbangga membawa identiti Bangsa Malaysia.

Sebagai persiapan program, para peserta telah mengambil inisiatif untuk membuat kajian dan berkolaborasi dengan pihak berkaitan. Walaupun berasal dari Semenanjung, mereka ingin turut mempamerkan adat dan kebudayaan kumpulan etnik Sabah dan Sarawak. Ibu bapa mereka juga terlibat dalam menyumbangkan idea, menyiapkan bahan pameran, menyediakan makanan dan minuman sewaktu latihan, tanpa mengira bangsa, keturunan, mahupun agama.

Pameran dan persembahan tarian mereka yang menonjolkan kemeriahan budaya, tradisi dan adat resam rakyat Malaysia berbilang kaum telah menjadi tarikan utama dalam program tersebut.

Puan Adibah Omar  
Guru Kanan Mata Pelajaran  
SMK TTDI Jaya, Selangor



### Kem RIMUP Kebangsaan 2018

Kem RIMUP Kebangsaan 2018 merupakan showcase dan kemuncak aktiviti RIMUP bagi tahun 2018 yang diadakan di Terengganu. Kem ini disertai oleh murid sekolah rendah (SK, SJKC dan SJKT) dan sekolah menengah yang berpopulasi homogenus. Dengan 95% penduduk Melayu, sekolah di negeri ini berjaya menjalankan aktiviti yang mempamerkan kebudayaan dan integrasi pelbagai kaum. Kerjasama yang erat juga terjalin antara Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Orang Asli semasa mereka melaksanakan aktiviti kebudayaan kumpulan etnik tersebut.

Inovasi aktiviti RIMUP berjaya dipamerkan sepanjang program ini berlangsung. Para peserta kem berpleuung berinteraksi secara terus atau bersemuka dengan

masyarakat setempat semasa mereka melawat perkampungan Melayu, Cina, dan Orang Asli. Dalam usaha menjalankan aktiviti kebudayaan dan kesenian pula, ibu bapa peserta dan masyarakat setempat dari kampung berhampiran turut sama terlibat dan berkerjasama dengan baik.

En. Fazli  
Pegawai JPN Terengganu  
Kuala Terengganu



dan pengurusan perubahan yang lebih berstruktur dari peringkat Kementerian hingga ke sekolah, ii) pengetahuan dan kompetensi pemimpin sekolah khususnya PGB dalam mentadbir dan mengurus arahan pelaksanaan dasar serta menterjemahkan kepada program dan aktiviti peringkat sekolah, iii) peningkatan pelibatan ibu bapa dan komuniti termasuk pihak swasta dan NGOs dalam aktiviti sekolah, dan iv) pemeriksaan dan pemantauan berkala dan pengiktirafan kepada sekolah yang mengutamakan perpaduan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sehingga kini, pengiktirafan sekolah lebih memberi keutamaan kepada pencapaian akademik sekolah menyebabkan terdapat segelintir PGB lebih memberatkan program dan aktiviti berdasarkan akademik. Pelan Hala Tuju Perpaduan Dalam Pendidikan yang telah diluluskan pada tahun 2017 akan dimantapkan dan dimurnikan dengan memasukkan cadangan pelan tindakan daripada kajian ini dan, seterusnya akan digunakan sebagai perancangan strategik dalam memastikan hasrat perpaduan negara dapat dicapai.

**KAJIAN TAHAP PERPADUAN DALAM KALANGAN MURID DAN GURU DI MALAYSIA**

Kajian ini bermula pada tahun 2014 dengan tujuan untuk mengetahui indeks perpaduan pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Indeks Perpaduan pada tahun 2014 ialah 6.9 dan pada tahun 2016 ialah 6.6. Walaupun terdapat penurunan, indeks ini menunjukkan perpaduan masih dalam kategori sederhana erat.

Kajian pada tahun 2018 yang dijalankan daripada Februari sehingga Oktober 2018 melibatkan 400 sekolah rendah dan 400 sekolah menengah, 11,147 guru dan 11,187 murid. Empat instrumen yang digunakan pada tahun-tahun sebelumnya kekal digunakan dan mengandungi tiga konstruk utama dan 10 sub-kontrak tentang perpaduan. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap perpaduan guru dan murid adalah sederhana tinggi dengan indeks antara 5.2 hingga 5.6. Manakala indeks bagi konstruk utama adalah antara 4.8 hingga 6.0, dan indeks bagi 10 nilai yang diperlukan untuk perpaduan seperti bersikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, berhemah tinggi, menghargai, prihatin, adil, amanah dan rasional antara 4.7 hingga 6.4. Kajian ini juga mendapati beberapa amalan didapati sukar untuk dilaksanakan khususnya keupayaan menerima perbezaan. Kajian ini merumuskan bahawa tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid masih belum mencapai sasaran yang dihasratkan dan memberi kesan terhadap keupayaan menerima perbezaan.

**MEMBANGUNKAN NILAI DAN SAHSIAH MURID**

Usaha pemupukan dan penerapan nilai murni bermula dari rumah, namun usaha ini diperkukuhkan apabila seseorang kanak-kanak melangkah ke alam persekolahan bermula dari peringkat prasekolah hinggalah peringkat pengajian tinggi. Sistem pendidikan berkualiti perlu mampu melahirkan insan yang berilmu dan beketrampilan serta memiliki sahsiah dan keperibadian yang tinggi seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pada masa kini, penerapan nilai dilaksanakan secara merentas kurikulum dan kokurikulum bagi semua mata pelajaran dengan keutamaan diberikan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan pada Tingkatan 4 dan 5.

Pada tahun 2017, pelaksanaan tumpuan pembangunan sahsiah murid lebih berfokuskan dalam aktiviti kokurikulum. Namun, pada tahun 2018 Kementerian telah memutuskan pembangunan nilai dan sahsiah murid perlu diperluaskan secara menyeluruh dengan keutamaan kepada pengukuhan program pembangunan sahsiah sedia ada di dalam dan di luar bilik darjah, serta penyediaan perancangan strategik jangka panjang bagi pembangunan nilai dan sahsiah.

**MAKMAL PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN NILAI DAN SAHSIAH**

Kementerian telah mengadakan makmal pada bulan Ogos 2018 bagi menyediakan pelan strategik secara jangka pendek dan panjang bagi penerapan dan pengukuhan nilai serta pembangunan sahsiah murid secara holistik yang melibatkan semua pihak. Makmal ini melibatkan pegawai dari bahagian Kementerian, guru, pensyarah universiti dan ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Seminari Theologi Malaysia, Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Global Peace Foundation Malaysia, Pertubuhan IKRAM Malaysia, Persatuan Belia Buddhist Malaysia dan The Baha'i Community of Malaysia.

Empat nilai universal iaitu, i) Kasih Sayang, ii) Hormat Menghormati, iii) Kegembiraan dan iv) Bertanggungjawab yang diperakukan oleh YB Menteri Pendidikan telah dijadikan teras dalam pemupukan nilai dan sahsiah murid. Konsep pembangunan nilai dan sahsiah murid berpaksikan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang termaktub dalam FPK serta konsep Sejahtera yang dibangunkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM). Dapatan makmal menunjukkan bahawa pendekatan yang diambil untuk

memastikan pembangunan nilai dan sahsiah yang berkesan perlulah secara berstruktur, berterusan dan menyeluruh.

Perincian pelan tindakan untuk tujuh strategi yang dihasilkan daripada makmal tersebut akan dijalankan pada tahun 2019 (Ekshibit 4-1).

**Ekshibit 4-1: Strategi Pembangunan Nilai dan Sahsia**




**PENGUKUHAN PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI MURID (PPSDM) BAGI MENANGANI MURID TERLIBAT DALAM KES SALAH LAKU BERAT**

Pada tahun 2012, Kementerian telah membangunkan Sistem Salah Laku Disiplin Murid bagi mengetahui kes salah laku berat dan ringan yang berlaku di sekolah, namun didapati pengisian data dalam sistem agak kurang memberansangkan. Pada tahun 2016, Kementerian telah menambah baik sistem tersebut dan menjenamakannya semula sebagai Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM) yang bertujuan mewujudkan satu sistem yang berupaya membantu guru dalam merekod dan melaporkan amalan baik dan salah laku disiplin murid di sekolahnya. Atas usaha Kementerian untuk mengadakan penerangan keperluan pengisian SSDM, hampir 90 peratus sekolah telah mengisi SSDM pada tahun 2018, berbanding hanya lingkungan 70 - 75 peratus sekolah yang mengisi pada tahun sebelumnya. Kementerian juga telah menyemak semula takrifan mengenai sekolah yang mempunyai masalah disiplin untuk memastikan intervensi berfokus dapat diberikan kepada sekolah ini.

Hasil pengisian yang lebih sistematik ini dan takrifan sekolah bermasalah disiplin, didapati hanya 0.6 peratus sekolah telah dikategorikan sebagai Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi dan peratus ini akan dijadikan baseline untuk tahun-tahun yang akan datang. Namun, pada masa yang sama didapati bahawa kes disiplin murid yang terlibat dalam salah

laku berat dan ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 2.25 peratus daripada tahun sebelumnya, dan didapati keutamaan kes salah laku melibatkan ponteng sekolah (Ekshibit 4-2).


**Ekshibit 4-2: Peratus Murid Terlibat Dalam Kes Salah Laku Utama**



PPSDM yang telah ditambahbaik telah dirintis kepada 91 buah sekolah melibatkan seramai 3,640 murid dari Tingkatan 1 hingga 5, khususnya kepada murid yang pernah terlibat dalam salah laku. Antara objektif program ini adalah untuk membantu murid sasaran mengenali diri, menghargai diri, membina matlamat dan, membangunkan potensi diri dalam membuat keputusan, mengubah tingkah laku dan mendisiplinkan diri untuk membina hala tuju kehidupan.

Modul PPSDM (Ekshibit 4-3) dilaksanakan secara berfokus dalam empat fasa yang mana kemahiran insaniah merupakan elemen penting yang dipraktikkan untuk menguruskan murid.

**Ekshibit 4-3: Modul PPSDM 2018**



## KATEGORI KES DISIPLIN SALAH LAKU BERAT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- Salah laku berunsur jenayah
  - » Mengancam/memukul/mencederakan guru
  - » Bergaduh
  - » Mengancam/memukul/mencederakan murid
  - » Peras ugut
  - » Berjudi
  - » Mencuri
  - » Gengsterisme
  - » Mengancam/memukul/mencederakan kakitangan
  - » Pelibatan dalam politik
- Salah laku berunsur kelucahan
  - » Menggunakan kata/perbuatan lucah
  - » Mengedar bahan lucah
  - » Memeluk murid lain jantina
  - » Berdua-duaan yang menimbulkan syak
  - » Melukis dan menulis kata-kata dan gambar lucah
  - » Menonton VCD/filem lucah
  - » Bawa bahan lucah
  - » Mengintai
  - » Bercumbuan
  - » Berkhalwat
- Salah laku musnah
  - » Merosakkan peralatan bilik-bilik khas
  - » Menconteng dinding bangunan asrama
  - » Merosakkan harta benda sekolah
- » Merosakkan peralatan sukan
- » Merosakkan kenderaan guru besar/pengetua/guru/kakitangan
- » Merosakkan harta benda asrama
- » Merosakkan harta/kenderaan murid
- » Merosakkan harta benda kantin
- » Merosak/mengoyak buku SPBT
- » Menconteng dinding bangunan sekolah
- » Merosakkan tanaman tumbuhan/tanaman hiasan

- Ponteng sekolah
  - » Ponteng perhimpunan
  - » Ponteng aktiviti kokurikulum
  - » Ponteng prep
  - » Ponteng ujian/peperiksaan
  - » Ponteng asrama
  - » Ponteng kelas
  - » Ponteng acara rasmi sekolah
  - » Ponteng sekolah

- Buli
  - » Buli fizikal
  - » Buli bahasa
  - » Buli isyarat
  - » Buli perhubungan

## Definisi

- Sekolah Bermasalah Disiplin (SBD) ditakrifkan sebagai mana-mana sekolah rendah atau menengah yang mempunyai murid melakukan salah laku kategori berat.
- Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT) ditakrifkan sebagai:
  - » sekolah rendah atau menengah yang mempunyai 50% atau lebih murid melakukan salah laku kategori berat daripada enrolmen tahun yang dinilai, atau
  - » sekolah rendah atau menengah yang mempunyai 50% atau lebih murid daripada enrolmen tahun yang dinilai melakukan salah laku kategori berat dan murid yang disahkan positif dadah oleh AADK, atau
  - » mana-mana sekolah rendah atau menengah yang mempunyai murid yang disahkan positif dadah oleh AADK.

## PELAKSANAAN KAJIAN PENILAIAN IMPAK PROGRAM INTERVENSI SALAH LAKU DISIPLIN MURID DI SEKOLAH

Kementerian telah mengadakan pelbagai program pembangunan sahsiah. Selain daripada PPSDM terdapat banyak lagi program ke arah pembangunan nilai dan sahsiah murid seperti SUMUR, Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru Penyayang, Kelab Pencegahan Jenayah, Program Ops Ponteng, Pegawai Perhubungan Sekolah dengan PDRM, Program Pencegahan dan Menangani Gejala Sosial dan Program Pencegahan Dadah. Program ini dianjurkan oleh Kementerian / Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) / Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah sendiri dengan kerjasama ibu bapa, komuniti seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Anti Dadah Kerajaan (AADK), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia, universiti serta pihak NGO. Inisiatif yang dijalankan pada tahun 2018 adalah untuk memperkukuhkan PPSDM supaya lebih berfokus untuk menangani murid yang terlibat dalam kes salah laku berat secara khusus.

Bagi menilai keberkesanan program-program ini satu kajian telah dijalankan oleh Kementerian ke atas 80 buah sekolah rendah dan menengah yang melibatkan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM), guru, murid dan ibubapa, termasuk juga Pegawai Pendidikan Daerah. Berdasarkan respon guru, ibu bapa dan GPK HEM, program yang memberi impak paling tinggi adalah Program Pegawai Perhubungan Sekolah dan Program Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru Penyayang. Dapatan murid pula menunjukkan hanya Program Perhubungan Sekolah yang memberi impak yang tinggi, manakala program-program intervensi salah laku disiplin murid yang lain seperti Program Sekolah Penyayang, Program Ops Ponteng dan sebagainya memberikan impak yang sederhana sahaja. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid akan lebih berminat untuk menyertai program yang dianggap memberi faedah kepada mereka, dan program sebegini akan memberi kesan kepada mereka. Pihak Kementerian dan sekolah dicadangkan merancang program intervensi salah laku yang lebih menarik minat murid serta berfaedah kepada murid khususnya untuk menangani salah laku yang sering dilakukan oleh murid seperti tidak mementingkan masa, ponteng dan buli.

### Kajian Indeks Kemenjadian Murid

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menghasilkan Indeks Kemenjadian Murid (IKM)

yang dapat menggambarkan keberkesanan sistem pendidikan negara. Kerangka konsep IKM telah diluluskan pada tahun 2015 dan mengandungi domain intelek, rohani, emosi dan jasmani yang dibentuk bagi memberi indikator yang lebih tepat kepada keberkesanan sistem pendidikan negara dalam menghasilkan murid yang berprestasi holistik. IKM melibatkan pengukuran pencapaian murid Tahun Enam dan Tingkatan Lima yang merupakan proksi kepada keberhasilan pendidikan rendah dan menengah.

Pada tahun 2018, kajian ini telah dijalankan ke atas semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara bagi mendapatkan baseline untuk IKM murid Tahun 6 dan Tingkatan 5. Namun, memandangkan keputusan SPM hanya dimaklumkan pada bulan Mac 2019, keputusan keseluruhan IKM ini masih belum dapat dimuktamadkan menyebabkan keputusan tersebut tidak dapat dimaklumkan dalam laporan Tahunan ini.

### KERANGKA KONSEP PEMBANGUNAN NILAI & SAHSIAH



### PENGOPERASIAN NILAI



## CABARAN KEPADA INISIATIF

Kementerian sentiasa berusaha dalam melahirkan insan seimbang yang mempunyai keperibadian dan akhlak mulia serta berpengetahuan tinggi dalam bidang akademik dan kemahiran. Namun, usaha pemupukan nilai murni dan perpaduan sekarang ini menjadi semakin mencabar dengan pengaruh negatif daripada persekitaran setempat mahupun pengaruh media sosial tanpa sempadan.

Peranan guru dan sekolah dalam mendidik murid menjadi insan yang cemerlang bukan satu perkara mudah tanpa sokongan dan kerjasama ibu bapa serta masyarakat. Guru perlu berdepan dengan pelbagai karekter murid setiap hari di samping sentiasa cekal serta tabah mendidik murid-murid agar menjadi insan yang berguna. Bak kata pepatah Inggeris, it takes a whole village to educate a child, maka PGB, guru, ibubapa, pemimpin masyarakat dan semua pihak perlu mengembleng usaha dalam memastikan pembangunan sahsiah murid dapat dimantapkan demi melahirkan warga Malaysia yang berkeperibadian tinggi dan berilmu. Usaha ini akan diteruskan dan diperkukuhkan seperti yang dirancang untuk tahun 2019.

## TESTIMONI

### Berani Berubah

"Alhamdulillah, selesai sudah pelaksanaan program PPSDM di PPD Pasir Puteh. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak BPSH yang telah menghasilkan modul yang menyeluruh dan lengkap dalam membantu pelajar yang mempunyai masalah disiplin. Hasil program ini dapat dilihat dari sudut perubahan ketara dalam tingkah laku murid. Antaranya, sikap mereka lebih baik - ada yang lebih menghormati orang lain berbanding dahulu. Mungkin mereka berasa lebih disayangi kerana pihak sekolah mengambil berat tentang diri dan masalah mereka.

Melalui program ini pihak sekolah dapat mendekati mereka dari semasa ke semasa. Sebelum ini, ada yang berasa kurang bersemangat untuk ke sekolah, mungkin berasa ketinggalan dan tidak dipedulikan. Saya sangat berharap supaya program ini diteruskan lagi. Untuk melahirkan murid yang berakhlak dan mempunyai sahsiah

bukanlah mudah, tetapi manusia boleh berubah. Cuma strateginya mestilah berkesan. Saya melihat PPSDM sebagai sebuah program yang berkesan."

*En. Afifi bin Abdullah*

*Penolong Pegawai Pendidikan Daerah  
Bimbingan Kaunseling dan Kerjaya Murid  
PPD Pasir Puteh, Kelantan*

"SMK Pandan Mewah merupakan salah sebuah sekolah dalam kohort pertama PPSDM Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilaksanakan pada 2018. Seramai 40 orang murid telah dipilih daripada pelbagai kategori masalah disiplin melalui SSDM untuk menghadiri PPSDM. Peserta telah memberi kerjasama yang sangat positif hingga ke akhir program.

Satu petunjuk kepada kejayaan program ini yang saya dapat perhatikan adalah penurunan peratus kes disiplin dan peningkatan peratus kehadiran ke sekolah dalam kalangan peserta. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan. Pelajar juga tiada yang positif ujian urin. Mereka juga lebih seronok ke sekolah, sikap juga lebih positif sekarang terutama dengan rakan dan guru. Saya katakan ini perkembangan yang menarik. Kini, mereka lebih mempercayai guru kaunseling dan guru disiplin. Guru ini menyayangi mereka dan ingin melihat mereka berjaya dalam hidup."

*En. Zaifulnizam bin Md Ismail*

*Guru Bimbingan dan Kaunseling  
SMK Pandan Mewah*

"Secara keseluruhannya peserta dari SMK Pandan Indah telah menunjukkan kesan yang positif selepas tamatnya PPSDM. Hubungan antara pelajar dan guru semakin rapat. Perubahan ketara yang saya perhatikan adalah jika diminta bantuan, mereka antara yang pertama ke hadapan untuk membantu. Bukan macam dahulu. Mereka juga tidak lagi kerap ponteng kelas dan lebih menghormati guru. Saya boleh katakan mereka sudah berubah. Mereka juga sudah mula rapat dengan guru disiplin dan guru kaunseling serta sering bertanya jika ada sebarang masalah. Tidak lagi seperti dahulu."

*Pn. Norsahizawana bt. Zamri  
Guru Bimbingan dan Kaunseling  
SMK Pandan Indah*



## RUMUSAN

Dalam usaha melahirkan insan yang seimbang dan menyeluruh, beberapa program pemupukan nilai serta pembangunan sahsiah murid terus kekal dilaksanakan Kementerian. Program Pembangunan Profesional Berterusan untuk PGB khususnya dalam penerapan nilai dan perpaduan akan diperluaskan kepada semua PGB di seluruh negara kerana kursus ini didapati memberi lebih kesedaran kepada PGB mengenai perpaduan serta pembangunan sahsiah murid. Selain itu, SKPMg2 juga memberi penekanan mengenai pengurusan pelaksanaan program yang berkaitan dengan perpaduan. Bagi meningkatkan pelaksanaan perpaduan di sekolah, Pelan Hala Tuju Perpaduan juga telah ditambahbaik dengan memasukkan dapatan Kajian Pelaksanaan Dasar Perpaduan di sekolah.

Pada masa yang sama, Kementerian juga memastikan masalah disiplin pada peringkat sekolah ditangani dengan lebih berfokus dan berstruktur dengan wujudnya Pelan Strategik Pembangunan Nilai dan Sahsiah murid. Kajian Penilaian Impak Program Intervensi Salah Laku Murid di sekolah juga telah dilaksanakan bertujuan mengetahui sejauh mana program sedia ada telah membantu murid menangani masalah disiplin supaya penambahbaikan dapat dijalankan. Harapan Kementerian adalah agar semua pihak berkepentingan dalam pendidikan akan menyokong usahanya menerusi kolaborasi berkaitan peningkatan nilai perpaduan antara kaum yang mampu diperteguhkan melalui amalan kehidupan seharian rakyat Malaysia



**BAB 5**  
**MENINGKATKAN KECEKAPAN**  
**PENYAMPAIAN PENDIDIKAN**

# KEJAYAAN & PENCAPAIAN 2018

**MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN UNTUK MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID**



RM  
**11.85**  
Juta  
(0.15%)

Penjajaran Semula  
Bajet Mengurus  
(bukan emolumen)  
pada tahun 2018

**PENGGABUNGAN SEBANYAK 8 BUAH SEKOLAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

## Penggabungan

SK Pudu 1  
+  
SK Pudu 2



## Penggabungan

SK La Salle Sentul 1  
+  
SK La Salle Sentul 2



## Penggabungan

SK La Salle Brickfields 1  
+  
SK La Salle Brickfields 2



## Penggabungan

SK St Teresa Brickfields 1  
+  
SK St Teresa Brickfields 2



**394**

sekolah daif  
dinaiktaraf



**1,216**

Makmal sains dinaiktaraf  
di 560 buah sekolah



**324**

Orang

PPP gred DG54 telah  
diprofilkan pada tahun 2018

**56%**



Penambahan penggunaan  
VLE oleh murid berbanding  
pada tahun 2016

## MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN UNTUK MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID

Perancangan rapi, dengan memberi keutamaan kepada perbelanjaan berhemah dan mengikut keutamaan bagi memastikan keberhasilan murid tercapai, adalah faktor penting dalam usaha merealisasikan transformasi pendidikan negara. Setiap tahun Kementerian menerima peruntukan terbesar dalam bajet tahunan Kerajaan, bersesuaian dengan dasar Kerajaan yang bermatlamat untuk menyediakan peluang dan suasana PdP yang lebih berkualiti dan kondusif pada semua peringkat.

Justeru, Kementerian terus mengambil langkah proaktif untuk mengawal perbelanjaan seiring dengan usahanya dalam memastikan agenda pendidikan negara tidak terjejas. Memandangkan kedudukan kewangan yang terhad, semua bahagian dan jabatan perlu membuat perancangan yang teliti serta mengurus kewangan dengan berhemah pada peringkat Pusat Tanggung Jawab (PTJ) masing-masing.

Sektor Pendidikan Kementerian (SP) telah menerima peruntukan mengurus (bukan emolumen) sebanyak RM7.9 bilion pada tahun 2018, berbanding RM6.9 bilion pada tahun 2017. Angka ini menunjukkan terdapatnya kadar peningkatan peruntukan sebanyak 13.05% (Ekshibit 5-1).

**Ekshibit 5-1: Peruntukan Belanja Mengurus Kementerian Pendidikan Malaysia 2017-2018 (Sektor Pendidikan)**

TAHUN	Peruntukan Emolumen	Peruntukan Bukan Emolumen	Jumlah Peruntukan Mengurus KEMENTERIAN
	(RM)	(RM)	(RM)
2017	35,906,553,000	6,985,387,000	42,891,940,000
2018	36,616,817,700	7,897,054,200	44,513,871,900

Sumber: Bahagian Kewangan (BKew)

Walau bagaimanapun, penajajaran terhadap aktiviti yang mengalami kekurangan peruntukan dan melibatkan program utama di Kementerian masih perlu dilaksanakan. Tahun 2018 menyaksikan sasaran kadar peratus peruntukan yang telah ditetapkan untuk dijayakan sebanyak 0.15% (RM11.85 juta) daripada keseluruhan peruntukan bukan emolumen tahun itu. Ini bermakna, Kementerian telah berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu bagi penajajaran semula bajet mengurus (bukan emolumen) dalam

melaksanakan Program Berasaskan Keberhasilan Murid oleh Bahagian dan Jabatan di Kementerian. Berikut adalah antara aktiviti keberhasilan murid yang mendapat faedah daripada penajajaran tersebut:

- Aktiviti di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), dan
- Penyelenggaraan sekolah di seluruh Malaysia.

### Penjimatan Kos

Kedudukan kewangan yang terhad telah membuatkan pihak Kementerian menilai semula keperluan perbelanjaan bagi tujuan penjimatan. Pada tahun 2018, kos perkhidmatan merupakan salah satu daripada kategori kos yang dinilai semula dalam Bengkel Penambahbaikan Skop Kontrak (termasuk spesifikasi, syarat dan terma) serta penetapan norma bilangan pekerja untuk perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK).

Bengkel anjuran Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA) ini turut membincangkan kaedah penetapan kos kontrak perkhidmatan KBK berasaskan keluasan. Norma baharu ini akan berkuatkuasa mulai bulan Januari 2019.

Pada Ogos 2018 Bengkel Kerja Garis Panduan Mesin Fotostat diadakan dan melibatkan Bahagian, JPN, PPD dan Institusi Pendidikan terpilih. Ujian rintis turut dilaksanakan bagi perolehan mesin fotostat sebagai contoh di Lembaga Peperiksaan (LP), JPN Johor dan JPN Perak. Garis panduan yang lengkap berserta Jadual Spesifikasi, Jadual Harga dan Manual Pengguna yang telah dimurnikan akan dikeluarkan untuk diaplikasikan pada tahun 2019.

## MEMBANGUNKAN PRINSIP PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN KEMENTERIAN

Kemenjadian murid dipengaruhi pelbagai faktor seperti latar belakang keluarga yang merangkumi aspek sosio-ekonomi keluarga, kebolehan, minat dan peluang pendidikan yang diberi. Semua faktor perlu diambil kira dalam PdP di sekolah supaya ia tidak mempengaruhi pencapaian mereka. Pendidikan yang diterima seharusnya dapat merapatkan jurang antara semua murid. Justeru, peruntukan yang diterima untuk membiayai PdP di sekolah hendaklah mencukupi bagi menampung keperluan setempat yang berbeza.

Kementerian memperuntukkan bantuan bagi semua murid di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan

Kerajaan yang dikira berdasarkan per kapita atau enrolmen murid. Kaedah ini dilihat sebagai adil kerana ianya diberi pada kadar sama rata untuk setiap murid. Namun, pembiayaan yang sama tidak semestinya satu pembiayaan yang saksama kerana setiap sekolah mempunyai keperluan dan ciri yang berbeza. Kaedah pembiayaan sedia ada ini masih mempunyai ruang untuk ditambah baik sekiranya ekuiti dan keberkesanan perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan ingin dicapai.

Kaedah pembiayaan sedia ada yang diguna pakai oleh Kementerian dalam menyalurkan peruntukan kepada sekolah mempunyai pelbagai blok untuk setiap jenis bantuan, yang mana bantuan ini juga mempunyai pelbagai jenis program atau mata pelajaran. Semua perbelanjaan mestilah mengikut maksud belanja yang ditetapkan dan ini menyebabkan baki peruntukan tahun semasa tidak dapat dibelanjakan untuk program di bawah bantuan lain yang lebih memerlukan. Ketidacukupan peruntukan dalam satu jenis bantuan tidak dapat ditampung oleh lebih peruntukan dalam bantuan lain tanpa kelulusan pindah peruntukan di peringkat JPN dan Kementerian. Proses permohonan kelulusan pindah peruntukan ini memakan masa disebabkan kuir dan ketiadaan pegawai pelulus. Kelewatan ini menyebabkan program atau aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual perancangan yang ditetapkan.

### Program Rintis Intervensi Satu Blok

Program Rintis Intervensi Satu Blok memberi kelonggaran atau fleksibiliti kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) dalam merancang dan mengagihkan peruntukan yang diterima mengikut keperluan dengan tujuan meningkatkan keberhasilan murid dalam akademik, sukan, kokurikulum dan pembangunan diri. Intervensi ini melibatkan lapan blok bantuan persekolahan iaitu Bantuan Geran Per Kapita (PCG), PCG Prasekolah, Yuran Khas Sekolah, Kokurikulum Sekolah, Kokurikulum Prasekolah, Makanan Prasekolah, Bantuan Sukan Sekolah dan Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan. Program ini dirintis pada tahun 2016 dan 2017 di 232 buah sekolah di Negeri Sembilan. Perjalanan intervensi ini berpandukan garis panduan dan dipantau oleh *Task Force* Inisiatif Pembiayaan Saksama dengan bantuan PPD dan JPN.

Program ini bertujuan menilai kecekapan pentadbir sekolah merancang dan menguruskan perbelanjaan berdasarkan keperluan sekolah dalam meningkatkan pelibatan serta pencapaian murid dalam bidang akademik dan bukan akademik. Bagi jangka masa panjang, intervensi ini diharap dapat meningkatkan enrolmen, mengurangkan kecaciran dan meningkatkan

kualiti sekolah secara berterusan. Intervensi ini adalah satu usaha Kementerian dalam memberi sedikit autonomi kepada sekolah dari segi kewangan bagi membuat keputusan atas perbelanjaan berdasarkan keperluan dan keutamaan. Selain itu, ia diharap dapat memberi input dalam mengenal pasti peruntukan yang mencukupi untuk membiayai aktiviti di sekolah. Intervensi Satu Blok dirintis bersama dengan penilaian impak untuk mengukur sejauh mana intervensi yang dijalankan dapat meningkatkan kualiti sekolah dari segi kepuasan PGB serta guru sekolah dalam peruntukan yang diterima dan dibelanjakan dan pelibatan serta pencapaian murid dalam akademik, sukan, kokurikulum dan pembangunan diri.

Dapatan daripada Program Intervensi Satu Blok ini telah menunjukkan bahawa:

- PGB berupaya merancang dan melaksanakan program serta mengurus kewangan sekolah dengan cekap. Selain kelonggaran atau fleksibiliti yang diberikan, kreativiti dan keyakinan PGB mengurus kewangan sekolah juga memainkan peranan penting. Walaupun berkesan kepada pengurusan kewangan, autonomi tersebut masih tidak digunakan sepenuhnya disebabkan oleh peruntukan yang tidak mencukupi. Secara keseluruhan, sekolah memerlukan peruntukan yang lebih tinggi;
- kadar bantuan persekolahan sedia ada sudah tidak relevan pada keadaan semasa. Namun begitu, ketidacukupan peruntukan tidak dilaporkan kerana kebanyakan aktiviti yang dirancang masih dapat dilaksanakan dengan dibiayai oleh sumber kewangan luar selain Kementerian. Perkara ini tidak memberi kelebihan kepada sekolah yang kurang sumber kewangan luar seperti sekolah yang muridnya datang dari latar belakang ekonomi atau *Social Economic Status* (SES) yang rendah. Kadar bantuan persekolahan sedia ada juga tidak mengambil kira faktor seperti SES murid dan lokasi sekolah dalam pengiraan bantuan yang layak diterima.
- kurang keyakinan dalam kalangan PGB untuk menjalankan prosedur pindah peruntukan kerana khuatir akan menerima teguran audit walaupun sudah dijelaskan bahawa program rintis ini adalah dalam pengetahuan Bahagian Audit Sekolah (BAS). PGB dan pembantu tadbir yang baharu di sekolah rintis turut tidak memahami dengan jelas objektif pelaksanaan program ini. Sesetengah PGB terlalu bergantung kepada pembantu tadbir kewangan, dan
- sekolah rintis menunjukkan peningkatan dalam skor komposit sekolah dan band sekolah.



Kepuasan PGB dan guru sekolah rintis juga menunjukkan tahap yang tinggi dalam penggunaan kaedah pembiayaan yang dirintis dalam Intervensi Satu Blok bagi meningkatkan kualiti pengurusan sekolah dan kualiti PdP sekolah.

**Penilaian Pengurusan Kewangan Sekolah Pedalaman dan Kajian Penandaarasan**

Selain daripada program rintis tersebut, tinjauan di 30 buah sekolah pedalaman di negeri Perak, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkaitan masalah bantuan persekolahan dan pengurusan kewangan. Secara keseluruhan, semua PGB di sekolah ini menyatakan bantuan persekolahan yang diterima tidak mencukupi untuk menampung kos bagi PdP di sekolah mereka yang semakin meningkat disebabkan oleh lokasi sekolah dan enrolmen yang rendah.

Perbandingan juga dibuat atas kaedah pembiayaan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) kepada Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Kaedah pembiayaan di MRSM memberi autonomi kepada Pegawai Mengawal Pusat (Pengetua) dalam menguruskan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima untuk maktab mereka. Kuasa bayaran oleh Pengetua yang dibenarkan adalah selaras dengan kuasa yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan MARA yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Hasil perbandingan dengan negara lain seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, China, Australia dan negara Eropah mendapati dua sistem yang membezakan kaedah pembiayaan adalah sama ada peruntukan yang diterima adalah disalurkan secara berpusat atau tidak berpusat. Sumber kewangan sekolah di negara ini disalurkan daripada kerajaan peringkat pusat, wilayah dan juga tempatan atau daerah. Oleh itu, terdapat perbezaan dalam jumlah peruntukan yang diterima oleh sekolah dalam satu daerah berbanding dengan daerah lain. Secara keseluruhan, sekolah menerima peruntukan yang besar daripada kerajaan peringkat wilayah atau tempatan dan jumlah yang kecil daripada kerajaan pusat. Kerajaan pusat hanya akan memberi peruntukan yang lebih kepada sekolah jika kerajaan tempatannya kurang berkemampuan. Kebanyakan negara juga mengambil kira pelbagai faktor dalam pengiraan jumlah pembiayaan yang diberi kepada sekolah seperti jumlah murid dari SES rendah, jumlah murid berkeperluan khas dan saiz fizikal sekolah yang memerlukan penyelenggaraan. Selain itu, kebanyakan negara juga mengambil kira gaji guru dalam pembiayaan yang diberi kepada sekolah yang mana sekolah mempunyai autonomi dalam pengambilan dan pemecatan guru mengikut prestasi mereka.

**KISAH INSPIRASI**

**Pengalaman Pengetua Sekolah Rintis Intervensi Satu Blok**

Tn. Haji Roslin bin Balia adalah seorang Pengetua Cemerlang yang kini berkhidmat di SMK King George V (KGV), Seremban, Negeri Sembilan. Beliau telah berkhidmat di SMK Za'ba, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang merupakan Sekolah Sukan Negeri sebelum ini. Kedua-dua sekolah ini adalah sekolah rintis Intervensi Satu Blok. Beliau telah mengikuti program rintis ini daripada peringkat awal semasa di SMK Za'ba dan menyambunginya di SMK KGV.

*"Program rintis Intervensi Satu Blok memudahkan urusan pindah peruntukan terutamanya bagi PCG mata pelajaran yang tidak habis digunakan kepada mata pelajaran yang memerlukan. Pindah peruntukan yang dijalankan juga mudah kerana hanya perlu kelulusan pengurusan sekolah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Intervensi Satu Blok (JISB). Melalui kelonggaran atau autonomi pindah peruntukan yang dimudahkan dalam intervensi ini, program yang tidak mempunyai peruntukan yang cukup dapat dijalankan dengan lancar. Seterusnya, kita dapat melahirkan murid yang cemerlang dalam setiap matapelajaran kerana PdP dapat dijalankan dengan lancar. Ia juga memupuk semangat guru-guru untuk meneruskan PdP atau sebarang aktiviti yang dirancang tanpa halangan kewangan. Guru-guru juga perlu membuat perancangan dan bajet lebih awal supaya program dapat dijalankan dengan lancar dan pengurusan kewangan juga cekap."*

**MEMPERTINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEUPAYAAN KEPIMPINAN DALAM KEMENTERIAN**

Organisasi yang mampan mampu menghadapi cabaran dan pelbagai perubahan mendatang. Bagi menjadikan Kementerian sebuah organisasi yang kukuh perubahan perlu dilakukan bagi menambahbaik sistem dan struktur sedia ada. Hasrat Kementerian dalam inisiatif ini ialah meningkatkan kecekapan dalam pengurusan, pembuatan keputusan dan mengurangkan pertindihan tugas. Inisiatif ini mengambilkira keputusan Kerajaan untuk menggabungkan Kementerian dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Dalam Fasa 1, Kementerian telah mencadangkan Struktur Baharu KPM yang melibatkan unit-unit pelaporan supaya terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian serta bahagian-bahagian di bawah Sektor Strategik, Sektor Pembangunan dan Sektor Pengurusan. Fasa 2 pula, menyaksikan cadangan struktur baharu yang melibatkan Sektor dan Bahagian di bawah kawalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM), Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) dan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti. Cadangan ini dibuat berdasarkan keputusan Agensi Pusat semasa Mesyuarat Penggabungan KPM dan KPT pada Mei 2018. Pada September 2018, Struktur Baharu Penggabungan KPM-KPT telah diluluskan melalui Waran Perjawatan Struktur Baharu KPM menerusi WP Bil. S183 Tahun 2018 dan telah berkuat kuasa waran pada 1 September 2018.

Beberapa sesi taklimat diadakan dengan JPN, PPD, Kesatuan Perkhidmatan Pengurusan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Kesatuan Pembantu Tabir (Pendidikan), dan Semenanjung Malaysia (KEPTAN). Hasil dapatan analisis cadangan balas daripada pelaksanaan taklimat tersebut telah disesuaikan ke dalam Cadangan Pindaan Struktur Baharu KPM yang akan diangkat untuk kelulusan Agensi Pusat pada Januari 2019 setelah diperakukan oleh Pengurusan Tertinggi KPM.

**Aktiviti Pengukuhan Fungsi Teras Organisasi**

Aktiviti yang telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan fungsi teras organisasi dipaparkan dalam Ekshibit 5-2:

**Ekshibit 5-2: Aktiviti Pengukuhan Fungsi Teras Organisasi**



**PELAN UTAMA PELAN PENGGANTIAN (PUPP)**

Satu garis panduan yang merangkumi maklumat seperti jawatan strategik, kriteria pegawai yang layak, kredibiliti dan sebagainya telah disediakan dalam Pekeliling Pelan Utama Pelan Penggantian (PUPP) KPM yang mempunyai objektif utama berikut:

- Mengenal pasti dan menilai bakat bakal-bakal pemimpin di Sektor Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia,
- Merapatkan jurang kompetensi bakal-bakal pemimpin di Kementerian; dan
- Memastikan kesinambungan pemimpin cemerlang di Kementerian.



**PROGRAM PROFILING**

Bagi tujuan mengenal pasti dan menyediakan bakat terbaik untuk mengisi jawatan strategik kepimpinan di peringkat JPN, PPD dan juga di Bahagian/Institusi di Kementerian, Kementerian telah menggunakan instrumen penilaian kepimpinan baharu. Instrumen ini melibatkan tiga (3) komponen iaitu Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP), e2Pk & Borang Potensi Diri (BPD) dan Ujian *Situational Judgement* (USJ) & Temu Duga Berstruktur (TDB).

Seramai 324 orang PPP Gred DG54 telah diprofilkan pada tahun 2018.



**LEADERSHIP DEVELOPMENT PROGRAMME (LDP)**

Pada tahun 2018, *Leadership Development Programme* (LDP) telah diadakan kepada 123 pegawai-pegawai JPN dan PPD pelbagai gred. Program ini merangkumi sesi *coaching* secara bersemuka yang dikendalikan oleh 20 orang juru latih Kementerian yang ditauliahkan daripada Malaysian Institute of Management (MIM) dan lapan (8) siri Forum Eksekutif dengan kerjasama Razak School of Government (RSOG). Seramai tujuh (7) orang pensyarah dari pelbagai latar belakang telah terlibat termasuk Duta, pengarah, CEO, ADUN, dan dekan.



**Program Profiling Zon Tengah/Selatan Siri I & II**



**Program Profiling Zon Utara/Timur**

**Langkah Ke Hadapan**

Tahun 2019 akan menyaksikan Program Profiling diteruskan kepada PPP Gred DG52 di Bahagian, Institusi dan Jabatan. Satu Mesyuarat Urus Tadbir dan Bengkel Pemantapan Panel Pentaksir akan diadakan bagi merangka gerak kerja profiling. Sama seperti tahun 2018, kaedah pelaksanaannya akan membuat beberapa penambahbaikan hasil maklum balas yang diperolehi bagi memantapkan program ini.

Program Profiling akan dilaksanakan di tiga buah zon iaitu Zon Tengah/Selatan (Melaka), Zon Timur/Utara (Terengganu) dan Zon Borneo (Sabah) mulai Julai 2019. Maklumat dan data yang diperolehi akan disalurkan kepada pihak berkaitan, terutamanya Pengurusan Tertinggi dan Sektor Pembangunan Profesionalisme, bagi tujuan pembangunan modal insan dan merapatkan jurang.

**MENAMBAH BAIK INFRASTRUKTUR DAN PENYELENGGARAAN SEKOLAH**

Melengkapkan infrastruktur dan fasiliti di sekolah bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang kondusif untuk pembelajaran adalah fokus Gelombang 2 (2016-2020);, seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025.

**Menaik Taraf Sekolah Daif**

*Ekshibit 5-3: Definisi Sekolah Daif*



*Sumber: Bahagian Pembangunan Pelajaran, BPP*

Bagi menyeragamkan kaedah penilaian sekolah daif, definisi ini (Ekshibit 5-3) diwujudkan oleh Kementerian berdasarkan analisis skor keseluruhan bangunan yang dijana daripada Sistem Pengurusan Sekolah atau Education Management Information System (EMIS). Skor ini selari dengan Garis Panduan Infrastruktur Standard dan merujuk kepada gred impak yang mencorakkan keadaan fizikal infrastruktur bangunan seperti berikut (Ekshibit 5-4):

*Ekshibit 5-4: Skala Keadaan Fizikal Infrastruktur*

- Merah (Keselamatan – Safety) SKALA 7**  
Keadaan fizikal komponen/ fasiliti/ bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan tidak selamat digunakan yang boleh mendatangkan ancaman/ bahaya berbentuk kecederaan/ kecelakaan atau kehilangan nyawa manusia atau kehidupan yang telah mendapat pengesahan tidak selamat dan mengancam nyawa daripada JKR.
- Merah (Keselamatan – Safety) SKALA 6**  
Keadaan fizikal komponen/ fasiliti/ bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan tidak selamat digunakan yang boleh mendatangkan ancaman/ bahaya berbentuk kecederaan/ kecelakaan atau kehilangan nyawa manusia atau kehidupan yang telah mendapat pengesahan daripada teknikal yang berada di JPN/ PPD.

**Merah (Keselamatan – Safety) SKALA 5**  
Keadaan fizikal komponen/ fasiliti/ bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan tidak selamat digunakan yang boleh mendatangkan ancaman/ bahaya berbentuk kecederaan/ kecelakaan atau kehilangan nyawa manusia atau kehidupan berdasarkan persepsi pengguna semasa.

**Jingga (Sekuriti – Security) SKALA 4**  
Keadaan fizikal komponen/ fasiliti/ bangunan yang tidak sempurna, masih selamat, tidak berfungsi serta boleh mendatangkan gangguan/ ancaman/ bahaya terhadap sekuriti manusia, hidupan, harta benda dan alam sekitar berdasarkan persepsi pengguna semasa.

**Kuning (Kefungsian – Functional) SKALA 3**  
Keadaan fizikal komponen/ fasiliti/ bangunan yang kurang sempurna, masih selamat tetapi tidak berfungsi mengikut tujuan penggunaan berdasarkan persepsi pengguna semasa.

**Biru (Tidak Selesa) – SKALA 2**  
Keadaan fizikal komponen/ fasiliti/ bangunan yang berfungsi dengan kurang sempurna, masih selamat tetapi tidak selesa berdasarkan persepsi pengguna semasa.

**Hijau (Selesa) – SKALA 1**  
Keadaan fizikal komponen/ fasiliti/ bangunan yang berfungsi dengan sempurna, selamat dan selesa digunakan berdasarkan persepsi pengguna semasa.

**Sekolah Daif yang Dinaik Taraf**

Sebanyak 514 buah sekolah daif yang telah dirancang untuk dinaik taraf dari tahun 2017 hingga 2018. Kementerian telah memperuntukan sejumlah RM1.48 billion bagi tujuan ini. Daripada jumlah ini, RM273.84 juta diperuntukkan bagi 120 buah sekolah daif pada tahun 2017 dan RM1.07 billion bagi 394 buah sekolah daif pada 2018.

Sehingga Disember 2018, 405 buah sekolah telah siap sepenuhnya, 109 buah sekolah masih dalam pelaksanaan. Peruntukan yang dibelanjakan bagi usaha ini mengikut negeri dan tahun pelaksanaannya adalah seperti dalam Ekshibit 5-5:



*Ekshibit 5-5: Bilangan Projek Naik Taraf Sekolah Daif mengikut Negeri dan Tahun Pelaksanaan*

TAHUN	2017	2018	JUMLAH
SARAWAK	30	116	146
SABAH	30	120	150
KEDAH	9	34	43
KELANTAN	6	34	40
SELANGOR	8	16	24
JOHOR	5	17	22
TERENGGANU	6	15	21
NEGERI SEMBILAN	5	12	17
PERAK	9	8	17
MELAKA	4	10	14
PAHANG	6	7	13
PULAU PINANG	1	3	4
PERLIS	1	1	2
LABUAN	0	1	1
KUALA LUMPUR	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>120</b>	<b>394</b>	<b>514</b>
<b>PERUNTUKAN (RM)/NEGERI</b>	<b>273.84 juta</b>	<b>1.07 billion</b>	<b>1.34 billion</b>

*Sumber: Bahagian Pembangunan Pelajaran, BPP*

**Menaik Taraf Makmal Sains**

Projek ini memberi perhatian kepada makmal sains, fizik, kimia dan biologi yang dikenal pasti sebagai rosak teruk dan sederhana oleh pihak sekolah, dan disahkan oleh JPN masing-masing. Sebanyak 1,216 buah makmal di 560 buah sekolah di seluruh negara akan dinaik taraf, dengan menelan belanja sejumlah RM240 juta. Kesemua projek makmal ini dijangka siap fizikal 100% pada April 2019. Setelah selesai, pihak Kementerian dan JPN akan melaksanakan pra-penyerasan dan seterusnya pengeluaran perakuan siap kerja kepada kontraktor.

Ekshibit 5-6 yang berikut merupakan senarai bilangan makmal mengikut negeri dan skop makmal bagi pelaksanaan ubah suai dan naik taraf (USNT) makmal sekolah menengah di seluruh Malaysia.

**MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI SEKOLAH BERENROLMEN RENDAH**

Sekolah yang berenrolmen rendah atau Sekolah Kurang Murid (SKM) adalah sekolah rendah iaitu

dari Tahun 1 hingga Tahun 6, dengan bilangan murid seramai 150 orang atau kurang. Pelan Hala Tuju SKM berhasrat untuk memberikan fokus kepada dua strategi iaitu pelaksanaan pengajaran pelbagai gred dan aktiviti penggabungan sekolah. Tujuan strategi ini adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian pendidikan di SKM.

**Pelan Hala Tuju SKM: Strategi Jangka Pendek**

**Pengajaran Pelbagai Gred**

Pengajaran Pelbagai Gred merupakan satu strategi jangka pendek yang mula dilaksanakan pada hari pertama sesi persekolahan tahun 2018. Pelaksanaannya melibatkan penggabungan tahun persekolahan iaitu:

- Tahap 1: Tahun 2 dengan Tahun 3
- Tahap 2: Tahun 4 dengan Tahun 5.

Walau bagaimanapun strategi ini dikecualikan daripada murid Tahun 1 yang menjalani proses pendidikan awal kanak-kanak, murid Tahun 6 yang menduduki UPSR, SK Orang Asli, SK Pendidikan Khas, dan Kelas Pendidikan Khas Integrasi.

Ekshibit 5-6: Bilangan Makmal mengikut Negeri dan Skop Makmal bagi Pelaksanaan USNT di Sekolah Menengah di Malaysia

Bil.	Zon	Negeri	Bil. Sekolah	Bil. Makmal	Jenis Makmal							
					Sains		Kimia		Biologi		Fizik	
					RT	RS	RT	RS	RT	RS	RT	RS
1		Selangor	39	57	15	11	5	8	3	4	2	9
2	Tengah A	W.P Putrajaya	4	8	0	0	1	1	0	2	1	3
3		Melaka	17	33	1	0	5	10	3	4	3	7
4	Tengah B	W.P Kuala Lumpur	29	51	12	8	4	9	3	1	4	10
5		N. Sembilan	27	40	0	0	7	10	6	12	5	0
6	Selatan A	Johor A	36	92	23	4	13	17	10	4	8	13
7	Selatan B	Johor B	36	85	20	2	18	12	15	4	10	4
8	Utara A	Perak	54	119	33	10	28	18	9	5	10	6
9		Pulau Pinang	26	72	0	0	3	20	6	20	3	20
10	Utara B	Kedah	18	37	6	0	8	4	10	2	5	2
11		Perlis	7	17	6	3	1	5	0	1	0	1
12		Kelantan	76	124	9	5	19	33	8	10	17	23
13	Timur A	Terengganu	27	70	10	8	10	8	7	5	14	8
14	Timur B	Pahang	50	116	29	7	12	20	12	11	9	16
15	Sabah A	Sabah A	42	89	18	5	24	7	16	4	12	3
16	Sabah B	Sabah B	31	86	14	11	8	17	6	16	7	7
17	Sarawak A	Sarawak A	21	67	10	2	14	8	14	6	10	3
18	Sarawak B	Sarawak B	20	53	7	2	15	0	16	0	13	0
<b>Jumlah</b>			<b>560</b>	<b>1216</b>	<b>213</b>	<b>78</b>	<b>195</b>	<b>207</b>	<b>144</b>	<b>111</b>	<b>133</b>	<b>135</b>

Sumber: Bahagian Pembangunan Pelajaran, BPP

Pada tahun 2018, untuk memastikan pelaksanaan pengajaran pelbagai gred berjalan lancar, Kementerian menganjurkan 12 siri latihan yang melibatkan 887 pemimpin sekolah dan guru, menyediakan pemetaan kurikulum untuk Tahun 2 dan Tahun 3, serta Tahun 4 dan Tahun 5 yang bersesuaian dengan pedagogi pengajaran pelbagai gred, menyediakan bahan sokongan seperti garis panduan dan Modul Pengajaran Pelbagai Gred termasuk Rancangan Pengajaran Harian (RPH). JPN dan PPD turut melaksanakan pemantauan berterusan bagi mengenal pasti sebarang isu yang timbul dan memastikan pelaksanaan pengajaran pelbagai gred berjaya dilaksanakan di sekolah yang terlibat.

**Pelan Hala Tuju SKM: Strategi Jangka Panjang**

**Penggabungan Sekolah**

Sekolah yang diberi keutamaan untuk penggabungan ialah sekolah yang menumpang dan berkongsi kemudahan bangunan dan lain-lain kemudahan.

Kriteria utama penggabungan sekolah termasuk sekolah sama aliran yang terletak berhampiran dalam lingkungan radius lima kilometer. Namun, usaha ini adalah mengikut keperluan kes dan berdasarkan hasil perbincangan serta persetujuan sepenuhnya oleh ibu bapa murid di sekolah tersebut.

Pada Januari 2018, penggabungan sekolah telah berjaya dilaksanakan dan melibatkan lapan buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Ekshibit 5-7), iaitu:

Ekshibit 5-7: Penggabungan Sekolah Tahun 2018



**Cabaran Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM**

Meskipun pelaksanaan pelan ini kini memasuki tahun ketiga, namun Kementerian masih lagi berhadapan dengan beberapa cabaran dalam melaksanakannya (Ekshibit 5-8). Bagi kelas bercantum, fokus pelaksanaan usaha ini adalah penekanan terhadap peranan para pentadbir sekolah bagi memastikan kelancarannya dan usaha ini juga adalah faktor kepada kemenjadian murid.

Antara cabaran bagi pelaksanaan penggabungan sekolah adalah meyakinkan ibu bapa serta komuniti setempat tentang kelebihan usaha ini dan mendapatkan persetujuan mereka. Kementerian memandang berat akan kebimbangan komuniti mengenai kehilangan identiti kampung setempat serta kemudahan pengangkutan ke sekolah baharu setelah penggabungan sekolah dilaksanakan. Namun, isu tersebut akan dapat diatasi dengan menyediakan kemudahan asrama bagi kawasan tertentu terutama bagi murid yang tinggal jauh dari kawasan sekolah.

Selain itu, keperluan kepada peruntukan kewangan yang besar untuk menaik taraf dan menyelenggara kemudahan infrastruktur sekolah juga merupakan satu lagi cabaran. Kebanyakan SKM, khususnya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, merupakan sekolah daif yang memerlukan peruntukan baik pulih dan penyelenggaraan yang tinggi. Kemudahan infrastruktur yang kondusif di sekolah merupakan antara faktor penting bagi membolehkan sekolah terlibat menjalankan aktiviti pembelajaran dengan lebih selesa supaya murid dapat melalui proses PdP dengan lancar. Perkara ini adalah penyumbang kepada kemenjadian murid. Bagi mengatasi masalah ini, selain memastikan wang diperuntukkan bagi usaha membaik pulih dan menyelenggara sekolah yang memerlukan setiap tahun, Kementerian juga sedang giat berusaha bagi memupuk pelibatan komuniti dan pihak swasta bagi menjayakan hasrat ini.

Ekshibit 5-8: Tiga Cabaran Bagi Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM



**PENINGKATAN PERKONGSIAN DATA DAN PELUASAN PENGGUNAAN DASHBOARD KEMENTERIAN**

Dalam mencapai hasrat Kementerian agar Repositori Data Pendidikan (RDP) menjadi sumber data pendidikan utama Kerajaan bagi tujuan perancangan, penggubalan dasar serta pelaporan dalam dan luar negara, Kementerian telah melaksanakan perkongsian data Pendidikan melalui platform *Malaysian Government Data Exchange* (MyGDx) MAMPU bagi memaksimumkan keberhasilan pembangunan RDP pada tahun 2018 (Ekshibit 5-9). Selain itu, RDP juga menerima data daripada agensi kerajaan lain contohnya seperti data personel Kementerian yang tidak berkhidmat di sekolah daripada *Human Resource Management Information System* (HRMIS), data kelahiran dan kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan penentuan lokasi bandar dan luar bandar sekolah daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (PLANMalaysia).

Ekshibit 5-9: Repositori Data Pendidikan Kementerian



**Peluasan Penggunaan Dashboard Kementerian**

Pada tahun 2018 Kementerian juga berjaya menerapkan elemen analitik kepada Dashboard Kementerian. Data daripada RDP digunakan untuk meramal murid yang berisiko cicir daripada sistem persekolahan. Setiap murid daripada Tahun 1 hingga Tingkatan 5 dikategorikan kepada risiko cicir rendah, sederhana dan tinggi. Kemudahan muat turun data senarai murid berisiko cicir diberikan kepada setiap Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk edaran bulanan kepada semua sekolah bagi pelaksanaan intervensi terhadap murid yang berisiko cicir tinggi. Kementerian juga telah menganjurkan buat julung kalinya Konvensyen Pengurusan Maklumat Pendidikan 2018 yang bertujuan untuk membina upaya pegawai Kementerian yang terlibat dalam pengurusan data, terutamanya dalam bidang analitik dan teknikal data. Konvensyen ini adalah satu wadah perkongsian maklumat dan pengalaman

yang melibatkan komuniti pengurusan data dalam kalangan agensi kerajaan dan swasta di Malaysia.

Kementerian akan terus memperkayakan lagi data RDP dengan mencakup lebih banyak data daripada aplikasi dalaman Kementerian dan agensi luar Kementerian yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan Pendidikan. Hal ini membolehkan lebih banyak analitik yang bermakna dan, seterusnya membantu pengurusan Kementerian memastikan setiap perancangan memberi manfaat kepada golongan sasar.



**MENINGKATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**


Kementerian sentiasa berusaha menambahkan kecekapan dalam penyampaian PdP di sekolah dan salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah dengan menambahkan infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) supaya dimanfaatkan oleh sekolah. Bagi memastikan setiap murid mendapat akses kepada kemudahan ICT, setiap sekolah dilengkapi dengan talian internet 1BestariNet yang dihubungkan secara sambungan fiber, sambungan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G dan sambungan *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) atau *Very Small Aperture Terminal* (VSAT), serta dilengkapi dengan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE). Memandangkan pembekalan talian internet fiber di sekolah bermula pada tahun 2018, maka bilangan sekolah dengan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G/ADSL/VSAT semakin berkurangan berbanding dengan tahun 2017 (Ekshibit 5-10).

**Ekshibit 5-10: Pembekalan Perkhidmatan Capaian Internet 1BestariNet 2017 dan 2018**

Elemen	2017	2018
Sekolah yang dihubungkan dengan 1BestariNet	9,459	9,822
Sekolah dengan talian internet fiber	N/A	964
Sekolah dengan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G	7,696	7,300
Sekolah dengan sambungan <i>Asymmetric Digital Subscriber Line</i> (ADSL) atau <i>Very Small Aperture Terminal</i> (VSAT)	1,763	1,558

KPI yang ditetapkan pada tahun 2018 telah dicapai melebihi sasaran yang ditetapkan kerana lebih ramai guru dan murid menggunakan VLE. Secara purata, sebanyak 1,055,622 orang murid menggunakan VLE setiap bulan. Pencapaian ini menunjukkan pertambahan 56% penggunaan VLE oleh murid berbanding pada tahun 2016. Pencapaian tinggi ini telah mendorong semua pihak yang terlibat untuk meningkatkan usaha mereka ke arah mencapai matlamat bagi memupuk penggunaan VLE yang lebih baik pada tahun 2019 (Ekshibit 5-11).

**Ekshibit 5-11: Analisa Trend Penggunaan VLE Tahun 2016-2018**



Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan, BTP

Pada tahun 2018, program berikut dilaksanakan untuk membudayakan VLE dalam sekolah harian biasa, khususnya sekolah Orang Asli:

- Program Gegar VLE 2018 mengoptimumkan penggunaan VLE dalam kalangan guru dan murid, serta melengkapkan kepakaran guru melalui kemahiran membangun laman pembelajaran

VLE yang berkualiti. Bengkel tiga hari bertempat di Pusat Kegiatan Guru (PKG) menghimpunkan 60 orang guru.

- Program TransformAsli VLE 2018 meneraju transformasi platform pendidikan di sekolah Orang Asli di samping merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar, jurang digital dari segi akses kepada kemudahan ICT dan penguasaan kemahiran ICT dalam kalangan guru dan murid. Program ini telah dilaksanakan di 10 buah sekolah:
  1. SK Sungai Berua, Terengganu
  2. SK Menson, Pahang
  3. SK Chenderong Kelubi, Perak
  4. SK Bukit Rok, Pahang
  5. SK Seri Sedohok, Johor
  6. SK Putra, Negeri Sembilan
  7. SK Tun Abdul Razak, Selangor
  8. SK Sungai Rual, Kelantan
  9. SK Chenien, Perak
  10. SK Segamat Kecil, Johor

- **Bengkel Perkongsian Amalan Terbaik Sekolah-Sekolah TransformAsli VLE 2018** adalah platform perkongsian amalan terbaik bagi penggunaan VLE dan memberi penghargaan kepada sekolah Orang Asli yang telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam penggunaan VLE.



**MELAKSANAKAN TRANSFORMASI ICT KEMENTERIAN**

Pada tahun 2018, Kementerian telah berjaya menghasilkan Pelan Transformasi ICT KPM (ITP) yang menggariskan hala tuju landskap ICT baharu Kementerian bagi tempoh lima tahun (2019 hingga 2023). Dokumen ITP ini juga disediakan bagi merealisasikan Agenda Kerajaan Digital dalam RMK-11, Pelan Strategik ICT Sektor Awam, dan Visi Kementerian serta PPPM.

**Fasa Pelaksanaan Projek Kajian**

Projek Kajian Transformasi ICT KPM telah diteruskan dengan fasa pembangunan dan reka bentuk, setelah fasa penilaian dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2017.

Dalam tahun 2018, cadangan persekitaran ICT Kementerian pada masa depan dirangka dan cadangan inisiatif ICT dalam menjayakan landskap ICT yang moden dan lestari juga telah dikenalpasti. 3 pendekatan dan strategi utama yang digunakan adalah (Ekshibit 5-12):

- memahami penajajaran bisnes, kedudukan ICT di Kementerian, aspirasi Kementerian dan hala tuju strategik Kerajaan,
- mentaksir dan menilai landskap arkitektur ICT yang sesuai, dan
- menetapkan inisiatif ICT dan hala tuju yang optimum bagi menyokong Kementerian untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

**Ekshibit 5-12: Komponen Utama yang menjadi Asas kepada Persekitaran ICT yang Menyeluruh dan Praktikal bagi Menyokong Operasi**



Pada Februari 2018, Bengkel Kerja Transformasi ICT KPM telah diadakan bersama pemegang taruh melibatkan semua bahagian Kementerian, JPN dan MAMPU. Bengkel ini membuat pengesahan kepada rangka kerja dan reka bentuk yang dicadangkan, serta cadangan inisiatif ICT bagi tempoh lima tahun. Hasil perbincangan bengkel ini digunakan untuk melengkapkan hala tuju landskap ICT Kementerian yang baharu, sejajar dengan keperluan bisnes dalam menyokong PPPM 2013-2025.



Gambar: Bengkel Kerja Transformasi ICT KPM pada Februari 2018

Setelah penggabungan KPM dan KPT pada bulan Mei 2018, skop tambahan kajian Transformasi ICT telah diperluaskan untuk memenuhi keperluan tambahan Kementerian yang melibatkan Sektor Pendidikan Tinggi (SPT). Skop ini dilaksanakan dalam tempoh empat bulan bermula dari bulan Julai 2018 sehingga November 2018. Dokumen ITP yang dihasilkan sebelum ini adalah satu dokumen utama dan tiga dokumen sokongan untuk digunakan dalam transformasi ICT yang perlu dikemaskini mengikut keperluan bisnes semasa Kementerian, iaitu:

**Dokumen utama**

- Pelan Transformasi ICT KPM untuk tempoh lima tahun

**Dokumen sokongan**

- Pelan Pengurusan Perubahan
- Garis Panduan Pengoperasian Perkhidmatan Sokongan Berpusat
- Garis Panduan Pengurusan Portfolio



Gambar: Mesyuarat Kick off and Engagement oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas (KSU) pada Ogos 2018

Seterusnya fasa penilaian, pembangunan dan reka bentuk bersama dengan pemegang taruh SPT diadakan sepanjang tempoh empat bulan pelaksanaan. Pada September 2018, Bengkel Kerja Transformasi ICT KPM peringkat SPT dibuat untuk pengesahan hasil kajian.



Gambar: Bengkel Kerja Transformasi ICT KPM peringkat SPT pada September 2018

Berdasarkan kombinasi input dan dapatan bengkel yang diadakan diperingkat SP dan SPT, tujuh matlamat telah dikenalpasti dalam menjayakan Transformasi ICT Kementerian (Ekshibit 5-13):

**Ekshibit 5-13: Tujuh Matlamat untuk Menjayakan Transformasi ICT Kementerian**



Berdasarkan matlamat tersebut, Pelan Transformasi ICT KPM 2019-2023 dihasilkan (Ekshibit 5-14) dan telah diterima dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek Pelaksanaan Kajian Transformasi ICT KPM pada November 2018.

**Ekshibit 5-14: Pelan Transformasi ICT KPM (2019-2023)**



Dalam pelan ini, 27 inisiatif dikenalpasti bagi pelaksanaan sepanjang tempoh lima tahun. Inisiatif ini terbahagi kepada dua kategori:


- Kategori A - Memperbaiki Isu Asas iaitu inisiatif untuk menangani isu semasa dan menambah baik operasi
- Kategori B - Mencipta Inovasi iaitu kemampuan digital berinovatif baharu yang perlu dicapai untuk memastikan pertumbuhan dan kecekapan operasi yang berterusan.

Kesemua 27 inisiatif ini melibatkan tiga persekitaran ICT yang menjadi tunjang utama operasi iaitu Persekitaran

Aplikasi, Persekitaran Infrastruktur dan Model Operasi ICT. Setiap dari persekitaran ini mempunyai tema strategik masing-masing (Ekshibit 5-15):

Dari segi persekitaran aplikasi pula, landskap aplikasi Kementerian dijangkakan seperti berikut (Ekshibit 5-16):

**Ekshibit 5-16: Persekitaran Aplikasi Pada Masa Depan**



**Ekshibit 5-15: Tema strategik Persekitaran Aplikasi, Persekitaran Infrastruktur dan Model Operasi ICT**



## RUMUSAN

Kementerian terus komited dalam meneruskan usaha mempertingkatkan kecekapan sistem Pendidikan Malaysia di semua sekolah seluruh negara ke arah merealisasikan transformasi pendidikan negara. Perbelanjaan berhemah dan mengikut keutamaan murid telah dioptimumkan demi memaksimumkan keberhasilan murid di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), dan penyelenggaraan sekolah. Kementerian membangunkan dan mempraktikkan pembiayaan yang saksama dalam pengagihan bantuan persekolahan melalui Program Rintis Intervensi Satu Blok yang memberi autonomi kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) dalam merancang dan mengagihkan peruntukan yang diterima mengikut keperluan demi mempertingkatkan keberhasilan murid dalam akademik, sukan, kokurikulum dan pembangunan diri. Bagi mempertingkatkan kecekapan kepimpinan dalam Kementerian, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan untuk menggilap kemahiran dan keupayaan mereka. Kecekapan pengurusan aset kerajaan turut diberi perhatian menerusi usaha pembaikan infrastruktur dan penyelenggaraan sekolah bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kecekapan dan keberkesanan penyampaian pendidikan di sekolah berenrolmen rendah dipertingkatkan dengan fokus terhadap pelaksanaan pengajaran pelbagai gred dan aktiviti penggabungan sekolah. Bagi memastikan kecekapan pembelajaran murid, perkongsian data dan penggunaan dashboard Kementerian telah diperluaskan dengan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Setiap sekolah dilengkapi dengan talian internet fiber 1BestariNet, sambungan jalur lebar 4G dan sambungan *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) atau *Very Small Aperture Terminal* (VSAT), serta Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE). Usaha Transformasi ICT KPM juga diteruskan yang melengkapkan hala tuju landskap ICT Kementerian yang baharu, sejajar dengan keperluan bisnes dalam menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.





**BAB 6**  
**UNIT PELAKSANAAN**  
**DAN PRESTASI**  
**PENDIDIKAN**

Sebagai sebuah unit bebas di Kementerian, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (Education Performance and Delivery Unit, PADU) memainkan peranan penting dalam memacu pelaksanaan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, memudah cara, memantau, menyokong dan melaporkan status kemajuan pelaksanaan inisiatif di bawah PPPM. PADU sebagai rakan kongsi Kementerian, berkerjasama rapat dengan Bahagian terlibat bagi memastikan matlamat inisiatif PPPM 2013-2025 tercapai. PADU menerapkan kerangka kerja Kitaran Pengurusan Inisiatif dalam pelaksanaan inisiatif PPPM bagi memastikan keberhasilan yang dihasratkan dan pencapaian yang berkualiti. Bakat dalam Kementerian dibangunkan menerusi metodologi yang berstruktur bagi memastikan pertumbuhan yang mampan, sementara hubungan dengan pihak berkepentingan dan rakan swasta diselaraskan bagi memupuk kerjasama yang lebih mantap. Dalam menyokong usaha keberhasilan murid, PADU telah melaksanakan projek di luar skop inisiatif PPPM dengan menjalankan kajian literasi dan numerasi. Dalam usaha ke arah pembangunan sistem pendidikan negara, PADU amat percaya dan menggalakkan perkongsian amalan terbaik dan pertukaran pandangan antara satu sama lain, iaitu dalam kalangan pengamal pendidikan Asia Tenggara dan negara antarabangsa yang lain.

**MENGEKALKAN HASIL KUALITI MELALUI KITARAN PENGURUSAN PROGRAM INISIATIF**

PADU mempraktikkan amalan transformasi terbaik bagi memastikan matlamat inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tercapai, selain membangunkan Kitaran Pengurusan Program Inisiatif PPPM yang berdasarkan metodologi diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu *Managing Successful Programme (MSP)*. Melalui pendekatan ini, tugas pegawai Bahagian di Kementerian yang bertanggungjawab menerajui inisiatif serta yang menggerakkan milestone bagi menyokong keberhasilan sesuatu inisiatif, yang dikenali sebagai Pengurus Program (Programme Manager, PM) dan Ketua Alur Kerja (Work Stream Leader, WSL) dilantik oleh Pengarah atau Setiausaha Bahagian masing-masing di bawah bidang kuasa Kementerian, telah diperkembangkan bagi memastikan matlamat setiap inisiatif dicapai secara berstruktur.

**Kitaran Pengurusan Program Inisiatif**

Kitaran Pengurusan Program Inisiatif terdiri daripada empat fasa yang merangkumi:

- **Fasa 1 - Merancang:** menentu dan membangunkan skop projek dalam pelan tindakan untuk membolehkan pelaksanaan program dan memastikan hasil,
- **Fasa 2 - Melaksana:** melaksanakan pelan tindakan menggunakan sumber yang diperuntukkan,
- **Fasa 3 - Memantau:** memantau kemajuan program untuk memastikan sasaran dicapai dan mengenal pasti kemungkinan halangan yang boleh memberi kesan kepada kemajuan, dan
- **Fasa 4 - Menilai:** menilai kemajuan program dan hasilnya, dan membuat pindaan yang perlu kepada sasaran (jika perlu).

Proses kitaran ini ditunjukkan dalam Ekshibit 6.1 yang berikut:

*Ekshibit 6-1: Kitaran Pengurusan Program Inisiatif*



**Fasa 1 - Merancang:** melibatkan proses mengenalpasti inisiatif yang berimpak dan berkompleksiti tinggi, menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berkualiti untuk setiap inisiatif dan merancang pelan terperinci tiga kaki yang memperincikan aktiviti utama yang perlu dilaksanakan dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan.

**Fasa 2 – Melaksanakan dan Fasa 3 – Memantau** melibatkan pelaksanaan dan pemantauan kegiatan yang dirancang dan laporan kemajuan berkala (mingguan atau bulanan) setiap inisiatif. Semasa fasa ini, sebarang isu kritikal yang timbul dibincangkan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Penyelesaian Masalah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

Daripada tahap merancang sehingga pelaksanaan, semua inisiatif dipantau dan dikaji semula oleh pengurusan tertinggi Kementerian dalam **Fasa 4 - Menilai**. PADU turut menekankan keperluan penjarangan berkala hasil inisiatif, dan ini dapat dilihat melalui fasa tinjauan penilaian prestasi inisiatif PPPM 2013-2025 yang diadakan dua kali setahun, dalam Kajian Pertengahan Tahun dan Kajian Akhir Tahun dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan.

**Perumusan Program dan Aktiviti PPPM 2013-2025**

Bengkel Perancangan Inisiatif PPPM 2013-2025 dilaksanakan setiap tahun bagi merancang pelan kegiatan dan intervensi pada tahun berikutnya. Bengkel yang diadakan pada penghujung tahun 2017 dihadiri oleh PM dan WSL dari Bahagian yang berkaitan adalah bagi merancang aktiviti utama dan menguruskan penggubalan KPI dan aktiviti inisiatif utama bagi tahun 2018.

Bengkel perancangan terperinci telah direka bagi mencari pendekatan baharu untuk melaksanakan inisiatif dalam mempercepatkan proses transformasi pendidikan, memberikan petunjuk yang jelas, dan menunjukkan cara melaksanakan setiap inisiatif bagi mencapai aspirasi pendidikan dan objektif PPPM 2013-2025. Aktiviti pembinaan pasukan juga diintegrasikan dalam bengkel sebagai persediaan pelan tiga kaki untuk memotivasi dan memupuk kerjasama yang erat antara PM dan *Officer in-Charge* (OIC).

Semasa bengkel tersebut, PM membentangkan perancangan terperinci inisiatif mereka kepada panel Pengarah Eksekutif PADU dalam Sesi Cabaran (Challenge Session). Tujuannya untuk menilai dan mencabar idea, penyelesaian yang dikemukakan, risiko dan kebimbangan dalam merancang dan melaksanakan inisiatif, demi memastikan perancangan mereka adalah menyeluruh dan berkualiti tinggi.

Luar Sesi Cabaran, inisiatif saling bekerjasama bagi memastikan aktiviti diselaraskan sewajarnya. Ruang kolaborasi diwujudkan bagi perbincangan antara inisiatif yang melibatkan pegawai PADU bagi membantu memberikan penyelesaian yang bersesuaian dengan cabaran yang dihadapi.

**KEMAMPANAN MELALUI PEMBANGUNAN BAKAT**

Bagi memastikan kelestarian transformasi sistem pendidikan, PADU menggunakan dua metodologi untuk membangunkan bakat dalam Kementerian. Pertama, melalui penciptaan bersama (co-creation) semasa projek, makmal, atau inisiatif yang mana pegawai Kementerian dilatih secara langsung oleh pegawai PADU. Kedua, melalui modul keupayaan yang disesuaikan dengan tujuan menaikkan kecekapan fungsian dan teras tertentu.

**Membina Keupayaan Melalui Ciptaan Bersama**

PADU terlibat dalam memudahkan perumusan kerangka kerja. Rangka Kerja Makmal Pembangunan Nilai, Rangka Kerja Makmal Pelan Strategik Keperluan Pendidikan Khas, dan Elemen Nilai dalam kerangka instrumen Profil Murid adalah antara contoh kerangka yang dibangunkan bersama dengan pegawai Kementerian. Ciptaan bersama mewujudkan persekitaran yang ideal untuk pegawai Kementerian belajar secara langsung untuk memudahkan, menghasilkan idea dan membangunkan penyelesaian semasa sesi makmal.

Selain peningkatan kemahiran, PADU juga membantu proses sindikasi Makmal Pembangunan Nilai Bersama Timbalan Menteri Pendidikan. Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), peneraju Pelaksanaan Pelan Strategik Pendidikan Khas, telah berjaya memenuhi garis masa bagi kelulusan pada bulan Disember 2018. Akhirnya, rangka kerja Elemen Nilai dimasukkan dalam Profil Murid dan akan dirintis pada tahun 2019.

**“PADU bekerjasama secara langsung dengan IPGK melalui pembangunan keupayaan tentang bagaimana mencipta burning platform untuk perubahan berdasarkan penyelidikan.”**



PADU turut mengadakan sesi pembinaan keupayaan formal dan bekerjasama dengan IAB bagi membina Modul Pembangunan Keupayaan untuk Pegawai Daerah dan Timbalan Pengarah yang baharu. Modul ini dibina untuk memastikan kepimpinan asas dan kecekapan fungsi dipenuhi apabila mereka memainkan peranan mereka di Pejabat Pendidikan Daerah. Seramai 22 orang pegawai baharu dilatih dalam latihan rintis pada tahun 2018 dan akan terus dilatih oleh pensyarah IAB sehingga bulan Mac 2019.

PADU juga bekerjasama secara langsung dengan Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) bagi membangunkan burning platform bagi perubahan berasaskan penyelidikan. Sesi pembinaan keupayaan ini menghasilkan lapan topik penyelidikan yang dikemukakan oleh IPGK kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

PADU juga melatih pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk menjadi Duta PPP. Latihan ini mempertingkatkan kecekapan para pegawai dengan kemahiran teknikal dan fungsi bagi memperkasakan Kerjasama Awam Swasta (PPP) di negeri masing-masing.

**MENYELARASKAN PIHAK BERKEPENTINGAN BAGI MEMPERCEPATKAN PENINGKATAN SISTEM**

Impak inovasi bilik darjah berdasarkan pembuktian mungkin terhalang jika faktor teknikal dan politik mengalih tumpuan kepada pembelajaran di peringkat sistem. Pada tahun 2018, PADU melancarkan usaha Penjajaran, Penyelarasan, dan Keutamaan. Usaha tersebut menjajarkan dasar dari Kementerian ke sekolah, memastikan pelibatan di peringkat daerah tidak bertindih dan diselaraskan, sambil mengutamakan sumber terhadap kumpulan keutamaan yang tinggi.

*World Bank Education Report 2018*

“Ketidakselarasan dalam sistem pendidikan berlaku apabila kepentingan peribadi oleh pihak berkepentingan mengalihkan sistem daripada pembelajaran. Perkara ini boleh berlaku pada pelbagai peringkat, daripada menetapkan matlamat dasar bagi merancang, melaksana, menilai, dan mengekalkan pembaharuan. Walaupun ramai individu komited untuk belajar, satu sistem boleh kekal terperangkap pada tahap pembelajaran yang rendah.”

Oleh itu, tumpuan dan usaha telah dilakukan untuk memastikan dasar yang dibuat pada peringkat Kementerian dilaksanakan dengan berkesan pada peringkat sekolah.

**Menyelaraskan Dasar Keperluan Demografi: Menyelaraskan Usaha dan Mengutamakan Lokasi Berkeperluan Tinggi**


Sepanjang tahun 2018, PADU mengumpulkan data bagi memprofilkan 16 JPN dan 142 PPD. Profil ini berfungsi sebagai alat Kepintaran Perniagaan (Business Intelligence Tool) yang memberikan gambaran keseluruhan tentang demografi JPN/PPD, input (aktiviti), dan hasil (seperti keputusan dan kehadiran). Melalui profil ini, JPN dan PPD diperkasakan dengan ilmu dan kemahiran membuat hipotesis awal bagi menyelesaikan masalah (Ekshibit 6-2).

Pada peringkat Kementerian, pasukan inisiatif menerima semua profil sebagai data untuk membangunkan intervensi dan menetapkan pengukuran prestasi yang sesuai melalui KPI negeri masing-masing. Melangkah ke hadapan, semua KPI negeri telah ditetapkan secara adil dan saksama, bukan secara sama rata di semua negeri mengikut intervensi yang diperlukan. Inisiatif juga mengutamakan zon strategik yang mana sumber harus difokuskan.


Di samping itu, JPN dan PPD diberi alat Peningkatan Matriks yang mengkategorikan sekolah JPN/PPD berdasarkan prestasi dan status sosioekonomi (Ekshibit 6-3). Alat ini membolehkan mereka membuat intervensi yang disasarkan untuk kumpulan tertentu mengikut keutamaan.

Usaha untuk Menyusun, Menyelaras, dan Mengutamakan telah diformalkan menerusi Inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP). Pengarah JPN dan PPD dilatih menggunakan alat penyelesaian masalah, perancangan strategik, dan ditugaskan untuk membuat strategi berdasarkan data langsung yang diberikan kepada setiap daerah masing-masing. Hasilnya, JPN dan PPD dapat membuat perancangan strategik yang didorong data, berfokus dan inovatif dengan menggunakan alat yang tepat dan kemahiran dapat dipertingkatkan.

Ekshibit 6-2: Contoh Profil PPD yang Memberikan Gambaran Umum tentang Input Demografi, Situasi, dan Hasil dalam Dua Halaman.



Ekshibit 6-3: Contoh Alat Peningkatan Matriks yang Mengkategorikan Sekolah di PPD berdasarkan Prestasi dan Status Sosioekonomi



Memasuki Gelombang 2 (2016-2020), PADU bertekad untuk memperkasakan perkongsian dengan semua pihak berkepentingan dalam Kementerian bagi memastikan kemajuan berlaku seperti yang disasarkan, penyampaian berkesan dan kejayaan inisiatif PPPM 2013-2025. Selain Kementerian, PADU akan terus menjangkau pihak berkepentingan luar bagi memupuk kerjasama yang lebih kukuh. Sehubungan itu, PADU melancarkan pelan peningkatan bagi pelbagai aktiviti dan program, dan akan terus memberi sokongan kepada semua pihak berkepentingan melalui pelbagai platform dan menggunakan pelbagai metodologi bagi memastikan sasaran tercapai dan perancangan yang lebih baik pada tahun akan datang. Analisis KPI dan sasaran sebenar berbanding yang diperolehi daripada aktiviti ini akan memberikan input bagi mempertingkatkan rancangan dalam Gelombang 2 dan mempercepatkan peningkatan sistem. Sebagaimana PPPM 2013-2025 yang kekal sebagai cetakan biru dalam mentransformasi sistem pendidikan, PADU akan merangkum dan menyesuaikan keperluan atau penemuan baharu kerana perjalanan transformasi pendidikan adalah dinamik, yang memerlukan penyesuaian dibuat sekiranya perlu.



**MEMPERTINGKATKAN HASIL MELALUI PENJAJARAN STRATEGIK**

Bagi memastikan kelestarian program, PADU meleveraj PPP yang memberikan manfaat kepada Kementerian dengan peningkatan Program Vokasional, di samping menjanjikan firma swasta tenaga kerja mahir dan produktif yang layak menyertai firma itu setelah tamat pengajian. Sebagai tambahan kepada penajaan swasta, PADU juga bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Key Opinion Leaders (KOL) untuk berkomunikasi secara efektif berkaitan pencapaian PPPM 2013-2025.

**Mempertingkatkan Kerjasama dan Hasil**

Penubuhan Ops Sifar Cicir dan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Menengah (JPEM) membolehkan penyelarasan koordinasi yang lebih baik dengan agensi luar seperti Exco Pendidikan Negara, Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kumpulan Agama, Ketua Komuniti, dan NGO di kawasan itu. Oleh kerana mereka mempunyai matlamat yang sama dan menyediakan platform bagi agensi berkolaborasi dan mengembangkan kepentingan bersama dalam pendidikan, bilangan keciciran murid di sekolah di negeri ini telah berjaya dikurangkan. Program ini telah dirintis pada tahun 2018.

**Mencapai kata sepakat dua Kementerian: Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) sebagai Pelaksana Infrastruktur Tunggal**

PADU memimpin penyelesaian yang dicadangkan mengenai isu yang semakin meningkat berkaitan menaik taraf projek sekolah yang telah tertangguh melalui Makmal Kaji Semula Pertengahan Penggal yang intensif.

Satu penyelesaian cemerlang yang berjaya dibangunkan antara Kementerian dan JKR, iaitu semua projek menaik taraf sekolah akan diketuai oleh JKR yang mempunyai kepakaran dan sumber yang lebih teknikal. Kementerian, dalam kapasiti dan keupayaannya, akan memberi tumpuan kepada kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah.

**Menyelaraskan Pemain Utama Dalam Sistem**

Pasukan petugas yang ditubuhkan terdiri daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), IAB, Pusat Latihan Bahasa Inggeris (ELTC) dan IPGM. Mereka menyelaraskan rangka kerja operasi untuk membina Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) di sekolah. Latihan berkaitan Peranan Kepimpinan dalam PLC telah dilaksanakan untuk semua pemimpin di peringkat JPN dan PPD bagi menggerakkan dan mengetuai pembudayaan PLC di semua sekolah. Hasilnya, rangka kerja operasi telah dipersetujui oleh semua pihak dan penyeragaman pelaporan melalui Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPLKPM) yang sedang dijalankan bagi mempertingkatkan kadar pembudayaan PLC pada tahun 2019.

**Mempertingkatkan Kesedaran dan Menyelaras Sentimen Umum Ke Arah Transformasi Pendidikan**

Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran orang ramai dan menyelaraskan sentimen umum yang positif terhadap PPPM 2013-2025, PADU telah tampil dalam media arus utama.

Iklan pawagam dilancarkan pada tahun 2018 untuk memberi fokus kepada sasaran khalayak yang tertentu dan telah berjaya mendapat sebanyak 15 juta tontonan Iklan PPPM 2013-2025 merupakan kisah perjalanan transformasi berterusan yang dipersembahkan melalui konsep seperti origami dan seorang kanak-kanak menceritakan proses tersebut. Idea ini adalah untuk menarik perhatian penonton kepada unsur kejujuran dan keindahan seni origami, mengaitkannya dengan enam Aspirasi Pelajar dalam PPPM 2013-2025, iaitu menonjolkan bahawa setiap kanak-kanak adalah umpama kertas kosong yang berpotensi untuk dibentuk menjadi sesuatu yang menakjubkan dengan bantuan pendidikan. Dalam video kesedaran lain, PADU mencipta parodi yang menggambarkan pelajar sekolah daripada pelbagai jurusan menyamar sebagai adiwira Marvel's Avengers yang terkenal, bersatu untuk memenuhi aspirasi transformasi pendidikan.

Iklan menerusi medium tersebut adalah paling ketara dan berbeza daripada iklan lain, dan dianggap mempunyai daya tarikan yang lebih tinggi. Pada akhir kedua-dua iklan tersebut, terdapat pesanan untuk penonton melawat laman web PADU bagi mengetahui lebih lanjut tentang PPPM 2013-2025. Pelancaran iklan ini disempurnakan oleh KOL Kavita Sidhu, Vanidah Imran, Bront Palarae, Marina Chin, Welson Sim, dan Khairul Hafiz Jantan.



Video: Iklan PPPM

**Pengiklanan Digital**

Pada tahun 2018, PADU meneroka ruang digital untuk menyokong inisiatif termasuk inisiatif Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK).

Pengiklanan digital berjaya mempertingkatkan kesedaran dan penyertaan dalam kalangan pihak berkepentingan utama. Sebagai contoh, pengumuman perkhidmatan awam STEM PADU mempunyai kadar klik (click through rate, CTR) sebanyak 11.75%, iaitu 8% lebih tinggi daripada penanda aras global sebanyak 3.78%. Ruang digital juga menyaksikan penyertaan aktif termasuklah dalam kalangan ibu bapa. Di samping itu, halaman Facebook PADU PIBK juga mempunyai komuniti aktif seramai lebih daripada 4,000 orang ibu bapa.

**Laman web STEM PADU:**  
<https://stem.padu.edu.my/>

**Kumpulan Facebook PADU PIBK:**  
<https://www.facebook.com/PIBKM/>



<https://twitter.com/PaduEducation/status/970656059508408325>  
 Atlet renang Malaysia menunjukkan sokongan mereka kepada sesi perkongsian semasa salah satu pelancaran iklan pawagam.

**Hope In Action - Peningkatan Kesedaran PPPM dalam kalangan Belia**

**ALIRAN PERISTIWA**



**KERJASAMA DENGAN RAKAN SWASTA**



**STEMforAll**

PADU bekerjasama dengan entiti luar seperti Microsoft, Petrosains, dan Persatuan Kreativiti & Inovasi Malaysia (MACRI) bersama-sama 52 buah organisasi yang telah menandatangani perjanjian untuk menjadi sebahagian daripada agen komunikasi #STEMforAll bagi program kempen.

**PPP Ambassadors**



PADU membangun dan menyampaikan program latihan untuk PPP. Kini, Kementerian melalui PADU telah melatih PPP Ambassadors di lima zon di seluruh negara untuk memperkukuhkan perkongsian antara sektor Kementerian dan swasta.

**Kolaborasi PPP untuk Murid Orang Asli**



PADU meluaskan kerjasamanya dengan NGO bagi melaksanakan program intervensi bagi inisiatif Orang Asli. Antara pihak NGO yang terlibat ialah Yayasan Pintar dan MyKasih. MyKasih membiayai barangan asas sekolah untuk 60 orang pelajar dari kawasan Gunung Tahan setiap bulan bagi tiga hingga lima tahun yang akan datang.

**Kerjasama Awam Swasta (PPP) dengan Industri bagi Menyokong Pentadbiran Kolej Vokasional (KV) Baharu**

PADU mempromosikan PPP dan menyelaraskan perbincangan dengan pemain industri. Memainkan peranan penting dalam inisiatif, PADU juga dilantik untuk menjadi sebahagian daripada Pasukan Petugas yang memastikan pemain industri mengendalikan kursus di KV baharu. Antara perkongsian yang berjaya diwujudkan ialah dengan Pusat Pembangunan Petroleum Johor yang bersetuju untuk bekerjasama dengan KV dalam program kimpalan bersepadu yang bakal dilancarkan pada tahun 2019.



**MENGUBAH PEMBELAJARAN BAGI MEMPERTINGKATKAN KEBERHASILAN PELAJAR**

Antara usaha yang dijalankan PADU untuk menyokong perjalanan transformasi pendidikan adalah melaksanakan projek di luar skop inisiatif PPPM. Pada asasnya, semua usaha berkaitan Dasar Pendidikan harus memfokus kepada peningkatan keberhasilan pelajar. Pada tahun 2018, salah satu projek PADU bagi menyokong keberhasilan pelajar adalah menjalankan kajian literasi dan numerasi.

**Program Literasi & Numerasi Baharu**

Objektif Program Literasi & Numerasi (LINUS) yang baharu ini adalah untuk menaikkan piawai literasi dan numerasi secara menyeluruh (berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah, KSSR) tanpa mengira titik permulaan pelajar dari Tahun 1 ke Tahun 6. Sebelum ini, inisiatif LINUS memberi tumpuan kepada asas literasi hanya dari Tahun 1 hingga Tahun 3. Program baharu ini juga akan disepadukan dengan inisiatif lain seperti Pendidikan Abad ke-21 (PAK21), Pengukuhan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidik (PPP) dan penilaian berasaskan sekolah.

PADU juga mendapati bahawa proses penetapan KPI untuk LINUS ditetapkan dengan cara top-down. Hasil rundingan antara sekolah dan PPD mengesyorkan agar program baharu ini membezakan KPI yang menyumbang kepada kedudukan permulaan sekolah (rujuk Menjajarkan, Menyelaraskan, Mengutamakan).

Program baharu ini juga akan merangkumi pelbagai sokongan seperti Penilaian Formatif Ditadbir Guru (Teacher-Run Formative Assessments), apabila diperlukan, menggunakan bank ujian sentral (central test bank). Pembezaan jenis intervensi, keamatan sumber dan tahap autonomi oleh prestasi dan segmen, contohnya yang berprestasi tinggi akan memilih, yang berprestasi rendah pula harus mengikuti alat yang diperlukan.

Ciri yang dipertingkatkan dalam program ini ialah PPD, pendidik dan ibu bapa mencipta bersama intervensi berdasarkan keperluan dan keupayaan. Hal ini berbeza daripada pendekatan top-down yang mencipta intervensi.

**Bengkel Pemikiran Reka Bentuk (Design Thinking) Untuk Mewujudkan Pengalaman yang Lebih Baik untuk Perjalanan Pelajar**

Memfokus kepada keperluan para pelajar dan pendidik, bengkel pemikiran reka bentuk diperkenalkan bagi mewujudkan idea yang pelbagai, menguji dan melancarkan idea tersebut. Reka bentuk adalah pendekatan kreatif yang menjadikan seseorang itu kembali fokus kepada penyelesaian masalah. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan penyelesaian yang berpusatkan manusia (human-centric) bagi menangani dengan lebih baik keperluan yang asas. Oleh itu, bagi menimbulkan perasaan empati terhadap pengalaman mereka, aktiviti penyelidikan etnografi telah dijalankan seperti menemuramah dan berinteraksi dengan murid, pendidik dan ibu bapa dari sekolah yang berbeza (Ekshibit 6-4).


Pada September 2018, penyelidikan dilakukan di empat negeri berlainan yang telah dipilih berdasarkan faktor demografi dan faktor prestasi pendidikan. Objektif penyelidikan adalah untuk memahami faktor yang meningkatkan atau menurunkan tahap literasi dan numerasi asas murid. Salah satu tindakan yang dihasilkan daripada penyelidikan ini adalah pelaksanaan bengkel design thinking. Bengkel ini bertujuan membina penyelesaian melalui proses empati demi mempertingkatkan pengalaman pelajar dan warga sistem pendidikan (persona). Proses empati difasilitasi dengan visualisasi perjalanan pelbagai persona itu (Ekshibit 6-5). Dengan itu, peserta bengkel dapat mewujudkan penyelesaian yang lebih berfokus dan sesuai kepada persona masing-masing. Penyelesaian daripada bengkel ini akan dilaksanakan dalam tahun 2019.

Usaha ini telah menghasilkan perkembangan versi Profil Murid yang disemak semula dengan pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang lebih mesra pengguna.

**MENGALAKKAN PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PENDIDIKAN DI ASIA TENGGARA DAN SEANTERO DUNIA**

PADU amat percaya akan perkongsian amalan terbaik dan pertukaran pandangan antara satu Sistem Pendidikan dengan yang lain dalam semangat pembangunan pendidikan. Kebelakangan ini, PADU menjalankan perkongsian pengetahuan berkenaan PPPM 2013-2025, Pelaksanaan Unit Amalan Terbaik, pencapaian dan cabaran inisiatif. Justeru, PPPM berjaya mendapat perhatian yang meluas.

**Ekshibit 6-5: Visualisasi Perjalanan Murid dalam Jangka Masa Setahun**



**Melibatkan Pihak Berkepentingan untuk Memahami Peluang yang lebih baik bagi Literasi dan Numerasi**

Setakat Oktober 2018, kami telah melibatkan

**Lawatan Sekolah**

- 17 Sekolah ~50 Guru
- 16 Guru Besar ~20 IbuBapa
- ~18 FasilINUS ~160 Murids

**Kaji Selidik**

- ~19K Guru ~500 FasilINUS
- ~1.6K Guru Besar

**Ekshibit 6-4: Aktiviti Peserta Penyelidikan Etnografi Menimbulkan Empati Melalui Persona daripada Lawatan Sekolah**

Pengalaman Jonathan Budak Bandar yang Lincih	Kehidupan dalam setahun						
	Dis	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun
<p><b>IDENTIFIKASI</b></p> <p>1. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p> <p>2. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p>	<p><b>DISKUSI</b></p> <p>1. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p> <p>2. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p>	<p><b>DISKUSI</b></p> <p>1. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p> <p>2. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p>	<p><b>DISKUSI</b></p> <p>1. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p> <p>2. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p>	<p><b>DISKUSI</b></p> <p>1. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p> <p>2. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p>	<p><b>DISKUSI</b></p> <p>1. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p> <p>2. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p>	<p><b>DISKUSI</b></p> <p>1. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p> <p>2. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p>	<p><b>DISKUSI</b></p> <p>1. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p> <p>2. Menentukan masalah dan memahami pengalaman Jonathan.</p>

**Membina Kes bagi Perubahan daripada Pengajaran Kelas secara Tradisional ke Pembelajaran Abad Ke-21**

PADU dan BPSH mengembangkan kit alat Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) dan video PAK21 untuk memastikan komunikasi kerangka kerja itu disampaikan dengan baik kepada semua pihak berkepentingan. Selain itu, pengurusan perubahan disasarkan bagi mewujudkan suasana mendesak untuk mengubah bilik darjah ke arah menghasilkan pelajar yang relevan dengan masa depan.

Setiap tahun PADU menjadi tuan rumah kepada pelbagai perwakilan dari seluruh dunia. Pada tahun 2018, perwakilan dari beberapa negara dan pemegang amanah antarabangsa melawat Malaysia untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai PPPM dan pencapaiannya. Antara perwakilan tersebut adalah Dr. Vanessa Ogden dari Sekolah Mulberry Trust, pegawai Kerajaan Vietnam dan Gabenor Yobe State, serta pegawai Jabatan Pendidikan dan Pelancongan Naga, Nigeria. Perbincangan yang bermanfaat dan pertukaran idea terhasil dalam sesi perkongsian pengetahuan.

Inisiatif ini mendapat markah tertinggi bagi kesedaran PAK21 dalam kalangan guru bagi soal selidik Audit Jenama 2018, dan makmal telah dijalankan untuk mengenal pasti punca guru berasa tidak mendapat sokongan dan enggan melaksanakan pedagogi abad ke-21.

Selain menjadi tuan rumah bagi lawatan kerja, pegawai PADU juga telah dijemput oleh Bank Dunia untuk berkongsi amalan terbaik program LINUS dengan Kementerian Pendidikan Ukraine.



6-10

**Pegajaran daripada Pendekatan Unit Pelaksanaan**


Laporan Pengetahuan dan Penyelidikan Bank Dunia (The World Bank Knowledge and Research Report) yang diterbitkan pada tahun 2018 dengan tajuk 'Meningkatkan Prestasi Sektor Pendidikan di Malaysia' menampilkan inisiatif yang disokong oleh PADU.



**Pengetahuan dan Penyelidikan Terbitan Bank Dunia**

Laporan ini merupakan sebahagian daripada siri pengalaman pembangunan Bank Dunia yang berusaha untuk mendokumentasikan pendekatan negara dalam meningkatkan prestasi sektor awam. Fokus laporan bersiri ini adalah pengalaman Malaysia dalam memacu prestasi daripada Kerajaan pusat menerusi Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Pembaikpulihan yang lebih drastik bagi mengubah prestasi sektor ini telah dipersepsikan menerusi pendekatan Unit Pelaksanaan. Laporan ini menerangkan bagaimana kaedah Unit Pelaksanaan berfungsi dalam kedua-dua peringkat rekabentuk

dan pelaksanaan penyaringan literasi dan numerasi (LINUS), termasuk antara Kementerian dan PEMANDU, serta PEMANDU dan PADU. Intipati dokumen itu memberi tumpuan kepada butiran pelaksanaan: institusi, kepimpinan, dan insentif yang menyumbang kepada kejayaan program. Ia juga menggambarkan bagaimana agensi pelaksanaan bekerjasama untuk melaksanakan LINUS.



**Perunding kepada Kementerian untuk Mempertingkatkan Kecekapan**

Secara amnya, apabila para pendidik tidak terlalu banyak menghabiskan masa bagi tugas pentadbiran, mereka dapat menumpukan usaha terhadap mempertingkatkan hasil pembelajaran pelajar.

PADU telah membangunkan Projek Pemantauan Dashboard - Sekolah Daif bagi Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP) yang mengautomasi pengesanan dan visualisasi kemajuan projek. PADU diminta untuk membangunkan dashboard untuk pengurusan tertinggi Kementerian melihat secara langsung dan membuat pemantauan. Hasilnya, sistem pemantauan yang dinamakan Sistem Pemantauan Projek II (SPP2), kini secara automatik boleh meringkaskan data kemajuan projek sekolah daif.

PADU juga telah membantu membangunkan satu lagi sistem yang membolehkan BPSH melihat analisis pelibatan pelajar dalam penyalahgunaan dadah. Kini, data dapat disusun dan diselaraskan merentasi semua JPN dan PPD.

Selain sistem, PADU turut menyumbang kepakarannya dalam pelbagai bahagian automasi portal bagi peningkatan kecekapan. Automasi Portal Pengumpulan Data HIP dapat mengurangkan waktu pemulihan bagi pengumpulan data yang menghasilkan peningkatan kadar penyerahan 90 peratus dalam sebulan, dan membolehkan JPN dan PPD mengurus sendiri data tanpa kos tambahan kepada Kementerian. Automasi Portal DTP juga membantu BPSH melaksanakan pemantauan dan pelan intervensi real-time bagi pemantauan projek harian dan mingguan mereka tanpa sumber tambahan.



6-11

**Memudah Cara Pelan Strategik bagi Kemudahan Pendidikan Tinggi Komanwel (CTEF)**

Memudahcara justifikasi kelestarian CTEF:

- Membentangkan manfaat CTEF sejak diwujudkan
- Membangunkan pelan strategik melangkah ke hadapan

Pada tahun 2018, PADU telah ditugaskan untuk memudah cara bengkel bagi membangunkan pelan strategik Kemudahan Pendidikan Tinggi Komanwel (Commonwealth Tertiary Education Facility, CTEF). PADU mendapat khidmat nasihat dan panduan daripada Lembaga Pemegang Amanah tentang cara memastikan hasil bengkel yang berkesan. Bengkel ini telah berjaya dan cadangan draf telah dimajukan kepada pengurusan tertinggi Kementerian untuk diselaraskan.

**Memudah Cara Wacana Strategik untuk Lembaga Ahli Teknologi Malaysia**

Pada tahun 2017, PADU menjalankan sesi makmal yang dihadiri seorang ahli pasukan pengurusan Lembaga Ahli Teknologi Malaysia (Malaysian Board of Technologists, MBOT). Beliau telah terkesan dengan pengalaman di makmal dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah MBOT agar PADU memikul tanggungjawab merancang dan menganjurkan wacana mereka.

Daripada sesi wacana yang diadakan pada tahun 2018, Lembaga Pengarah MBOT berjaya mengenal pasti isu utama, peluang dan pelan tindakan strategik utama untuk dibangunkan sebagai Pelan Strategik MBOT.



## RUMUSAN

PADU telah mengadakan bengkel perancangan terperinci yang bertujuan mencari pendekatan baharu untuk melaksanakan inisiatif dalam mempercepatkan proses transformasi pendidikan, selain memberikan petunjuk yang jelas untuk mencapai setiap inisiatif. Aktiviti pembinaan pasukan juga diintegrasikan dalam bengkel sebagai persediaan pelan tiga kaki. Dari segi pembangunan bakat, keupayaan dibina melalui metodologi penciptaan bersama semasa projek, makmal, atau inisiatif yang mewujudkan persekitaran ideal untuk pegawai Kementerian belajar secara langsung daripada pegawai PADU mengikut modul keupayaan yang disesuaikan. Dalam menajarkan dasar Kementerian ke sekolah, PADU telah menyelaraskan usaha dan mengutamakan lokasi berkeperluan tinggi bagi memastikan pelibatan di peringkat daerah tidak bertindih. JPN dan PPD diperkasakan dengan ilmu dan kemahiran membuat hipotesis awal bagi menyelesaikan masalah mengikut profil mereka yang dikumpulkan oleh PADU. Pada peringkat Kementerian, pasukan inisiatif menggunakan profil ini untuk membangunkan intervensi dan menetapkan pengukuran prestasi yang sesuai melalui KPI negeri masing-masing. PADU mempertingkatkan kerjasama dengan agensi luar bagi mengurangkan bilangan keciciran murid di sekolah menerusi Penubuhan Ops Sifar Cicir dan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Menengah. Selain itu, kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) sebagai Pelaksana Infrastruktur Tunggal terlibat dalam projek menaik taraf sekolah. Pemain Utama Dalam Sistem pula diselaraskan menerusi rangka kerja operasi bagi membina dan membudayakan Komuniti Pembelajaran Profesional di semua sekolah. PADU telah tampil dalam media arus utama bagi mempertingkatkan kesedaran dan menyelaras sentiment umum yang positif terhadap transformasi pendidikan. PADU juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila inisiatif yang disokongnya diterbitkan dalam Laporan Pengetahuan dan Penyelidikan Bank Dunia. Pembangunan Projek Pemantauan Dashboard yang dibangunkannya telah menghasilkan Sistem Pemantauan Projek II (SPP2) yang secara automatik boleh meringkaskan data kemajuan projek sekolah daif. Kepakaran PADU turut terlihat dalam pelibatannya memudah cara bengkel pembangunan pelan strategik bagi Kemudahan Pendidikan Tinggi Komanwel. PADU turut memudah cara Wacana Strategik untuk Lembaga Ahli Teknologi Malaysia yang menerusinya Lembaga Pengarah MBOT telah berjaya mengenal pasti isu utama, peluang dan pelan tindakan strategik utama untuk dibangunkan sebagai Pelan Strategik MBOT.



# GLOSARI

#  
1BestariNet Projek melengkapkan sekolah awam di Malaysia dengan internet berkelajuan tinggi 4G dan VLE  
ASEAN Association of Southeast Asian Nations

## B

BAS Bahagian Audit Sekolah  
BMKPM Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia  
BP SWASTA Bahagian Pendidikan Swasta  
BPG Bahagian Pendidikan Guru  
BPKhas Bahagian Pendidikan Khas  
BPM Bahagian Pengurusan Maklumat  
BPPA Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset  
BPPDP Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
BPSBPSK Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan  
BPSH Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
BPTV Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional

## C

CEFR Common European Framework of Reference  
CIAST Centre for Instructor and Advanced Skill Training  
CPD Pembangunan Profesionalisme Berterusan atau Continuous Professional Development

## D

DK Dimensi Kualiti  
DLP Program Dwi Bahasa atau Dual Language Programme  
DPAKK Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak  
DTP Program Transformasi Daerah atau District Transformation Programme

## E

ELTC English Language Teaching Centre  
EMIS Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan

## F

FC Flipped Classroom  
FPK Falsafah Pendidikan Kebangsaan  
FUFT Tindak Susul dan Penyelesaian atau Follow Up Follow Through

## G

GBK Guru Bimbingan Kaunseling  
GP Gred Purata  
GPK HEM Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid  
GPMBC Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir  
GPMP Gred Purata Mata Pelajaran

## H

HIP Program Imersif Tinggi atau Highly Immersive Programme  
HLP Hadiah Latihan Persekutuan

## I

IAB Institut Aminuddin Baki  
IBSE Inquiry Based Science Education  
ICOE Industrial Centre of Excellence  
ICSTEM International Conference on Science, Technology, Engineering and Mathematics  
ICT Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau Information and Communications Technology  
IIUM Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
IKM Indeks Kemenjadian Murid  
IKMITS Instrumen Kesiediaan Murid ke Tahun Satu  
IKTBN Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara  
IPGK Institut Pendidikan Guru Kampus  
IPGM Institut Pendidikan Guru Malaysia  
IPPM Ibu Pejabat Penjara Malaysia  
IPTA Institut Pengajian Tinggi Awam  
IR4.0 Revolusi Industri 4.0 atau Industrial Revolution 4.0  
ITP Pelan Transformasi ICT

## J

JKKN Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
JKM Jabatan Kebajikan Masyarakat  
JKR Jabatan Kerja Raya  
JNJK Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
JPA Jabatan Perkhidmatan Awam  
JPEM Jawatankuasa Enrolmen Menengah  
JPK Jabatan Pembangunan Kemahiran  
JPK Jabatan Peningkatan Kemahiran  
JPMC Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir  
JPN Jabatan Pendidikan Negeri  
JPNIN Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional  
JUN Jurulatih Utama Negeri  
JUP Jurulatih Utama Pusat

## K

KAKOM Karnival Kokurikulum Matrikulasi  
KBAT Kemahiran Berfikir Aras Tinggi  
KBATSM Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Sains, Matematik  
KBATSMB Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Sains, Matematik Dan Bacaan  
KBK Kebersihan Bangunan dan Kawasan  
KDN Kementerian Dalam Negeri  
KEMAS Kementerian, Jabatan Kemajuan Masyarakat  
KIK Kumpulan Inovatif & Kreatif  
KKM Kementerian Kesihatan Malaysia  
KM Kolej Matrikulasi  
KMS Kolej Matrikulasi Selangor  
KPI Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Index  
KPM Kementerian Pendidikan Malaysia  
KPPM Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
KPPT Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
KPT Kementerian Pendidikan Tinggi  
KSBM Kerangka Standard Bahasa Melayu  
KSBMMA Kit Sokongan Bahasa Melayu Menengah Atas  
KSPK Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan  
KSSM Kurikulum Standard Sekolah Menengah  
KSSMOA Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli  
KSU Ketua Setiausaha  
KV Kolej Vokasional

**L**

LBK	Latihan Berasaskan Komputer
LINUS	Literasi dan Numerasi
LP	Lembaga Peperiksaan
LPS	Lembaga Pengelola Sekolah

**M**

MBK	Murid Berkeperluan Khas
MBMMBI	Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris
MGM	Menjadi Guru Malaysia
MK	Maklumat Kursus
MoU	Memorandum Persefahaman atau Memorandum of Understanding
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Agency
MTM	Menguasai Tahap Minima
MYPIB	Middle Years Programme International Baccalaureate
MYREN	Malaysian Research and Education Network

**N**

NGI	Pihak Individu atau Non-Governmental Individual
NGO	Non-Government Organizations
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara atau National Key Result Area
NOSS	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau National Occupational Skills Standard
NPQEL	Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan

**P**

PADU	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
PAK21	Pembelajaran Abad ke 21
PAT	Peperiksaan Akhir Tahun
PAV	Pendidikan Asas Vokasional
PBC	Pusat Bertauliah Cawangan
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PCG	Geran Per Kapita atau Per Capita Grant
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PDSA	Pusat Data Sektor Awam
PERQAM	Persatuan Kebajikan Pelajar Qari & Qariah Malaysia
PG	Pembantu Guru
PGB	Pengetua dan Guru Besar
PIBK	Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti
PILL	Pelan Intervensi Lima Langkah
PIMA	Perantisan Industri Menengah Atas
PISA	Programme for International Students Assessment
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PKLSMB	Pentaksiran Kompetensi dan Literasi Sains, Matematik dan Bacaan
PKP	Program Khas Pendidikan
PKPPD	Prestasi Kebangsaan & Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah
PKS	Pentaksiran Kemahiran Sainifik
PK-SKPK	Penarafan Kendiri Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional atau Professional Learning Community
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PP	Pegawai Penilai
PPC Matrikulasi	Penghantaran Pelajar Cemerlang Matrikulasi
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPD	Pegawai Pengesah Dalam
PPKBIS	Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPM	Pembantu Pengurusan Murid
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPP	Kerjasama Awam -Swasta atau Public Private Partnership

PPPC	Program Pendidikan Pintar Cerdas
PPPKM	Program Penarafan dan Pengiktirafan Kelayakan Matrikulasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSDM	Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid
PPSR	Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah
ProELT	Program Peningkatan Kemahiran Profesional Guru Bahasa Inggeris atau Professional Up-skilling of English Language Teachers
ProPeKS	Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah
PSMC	Program Sifar Murid Cicir
PTJ	Pusat Tanggung Jawab
PVMA	Pendidikan Vokasional Menengah Atas

**R**

RDP	Repositori Data Pendidikan
-----	----------------------------

**S**

SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAM	Sekolah Agama Menengah
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SBD	Sekolah Bermasalah Disiplin
SBDT	Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi
SBJK	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
SDH	Sekolah Dalam Hospital
SdK	Sukarelawan di dalam Kelas
SEAB	Singapore Examinations and Assessment Board
SEAMEO RECSAM	Southeast Asian Ministers of Education Organisation, Regional Centre for Education in Science and Mathematics
SEM	Schoolwide Enrichment Model
SES	Status Sosioekonomi atau Social Economic Status
SGMy	Sistem Guru Malaysia
SIPartner+	Rakan Peningkatan Prestasi Sekolah atau School Improvement Partners+
SISC+	Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah atau School Improvement Specialist Coach+
SISHG	Sekolah Integriti Dan Sekolah Henry Gurney
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SKM	Sekolah Kurang Murid
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPK	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Gelombang 2
SLTPPM	Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi
SMA	Sekolah Menengah Agama
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMPKM	Standard Minimum Prasekolah Kebangsaan Malaysia
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
SOA	Sekolah Orang Asli
SP	Sektor Pendidikan
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPT	Sektor Pendidikan Tinggi
SRA	Sekolah Rendah Agama
SSBJ	Sekolah Sukan Bukit Jalil
SSDM	Sistem Sahsiah Diri Murid
SSeM	Sekolah Seni Malaysia
SSM	Sekolah Sukan Malaysia
SSN	Sekolah Sukan Negeri
SSP	Pelan Sokongan Sekolah atau School Support Plan
SSS	Sesi Serlahan Seni
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
SUDI	Modul Serlahkan Keunggulan Diri

SUMUR  
SVM

Program Sahsiah Unggul Murid  
Sijil Vokasional Malaysia

**T**

TIMSS  
TK  
TS25  
TVET

Trends in International Mathematics and Science Study  
Tahap Kompetensi  
Transformasi Sekolah 2025  
Teknik dan Vokasional

**U**

UKBI  
UKBIGP  
UM  
UPBMG  
UPSI  
UPSR  
USNT  
UTEM  
UTM

Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris  
Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris Guru Pelatih  
Universiti Malaya  
Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Ujian Penilaian Sekolah Rendah  
Ubah Suai dan Naik Taraf  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Universiti Teknologi Malaysia

**V**

VLE  
VSAT  
VTO

Persekitaran Pembelajaran Maya  
Very Small Aperture Terminal  
Vocational Training Officer or Operation

**W**

WISDEC

Wood Industry Skills Development Centre